

**Bil. 29**

**Rabu  
3 Mei 2006**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS  
PENGKAL KETIGA  
MESYUARAT PERTAMA**



# K A N D U N G A N

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang undang-undang Perbekalan Tambahan (2005) 2006	(Halaman 14)
<b><u>Jawatankuasa:-</u></b>	
<b><u>Jadual:-</u></b>	
Maksud B.1, B.3, B.7 dan B.40	(Halaman 31)
Maksud B.12	(Halaman 85)
Maksud B.13	(Halaman 91)
Maksud B.22	(Halaman 112)
<b>USUL-USUL:</b>	
Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil.2) 2005	(Halaman 14)
<b><u>Jawatankuasa:-</u></b>	
Maksud P.6	(Halaman 31)
Maksud P.10	(Halaman 85)
Maksud P.20	(Halaman 107)
Maksud P.23	(Halaman 119)
Maksud P.28	(Halaman 128)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 47)



### **AHI-AHLI DEWAN RAKYAT**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

### **MENTERI**

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Effendi bin Norwawi - Senator
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. “ Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO

15. Yang Berhormat Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) – UMNO
16. Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
18. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang) – MCA.
20. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - *Senator*
21. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) - UMNO
22. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

### **TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB

3. Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tapah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) – MCA

24. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman - *Senator*

#### **SETIAUSAHA PARLIMEN**

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA

6. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. ” Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato’ Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato’ Dr. S. Vijayarantnam - *Senator*
16. ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

#### **AHLI-AHLI**

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato’ Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato’ Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS

- 
6. Yang Berhormat Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
  7. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
  8. “ Dato’ Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
  9. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
  10. “ Dato’ Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
  11. “ Dato’ Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
  12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
  13. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
  14. “ Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
  15. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
  16. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRB
  17. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
  18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
  19. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
  20. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
  21. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
  22. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
  23. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
  24. “ Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
  25. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
  26. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
  27. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
  28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
  29. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
  30. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
  31. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
  32. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
  33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
  34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
  35. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
  36. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
  37. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
  38. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
  39. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
  40. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
  41. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB

42. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. " Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. " Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. " Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. " Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. " Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. " Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. " Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. " Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. " Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. " Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. " Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. " Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. " Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. " Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. " Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. " Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. " Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. " Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. " Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. " Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. " Datuk Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. " Dato' Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. " Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. " Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. " Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. " Dato' Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. " Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. " Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. " Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. " Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. " Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. " Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. " Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. " Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. " Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO

- 
78. Yang berhormat Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
90. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
91. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
92. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
93. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
94. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
95. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
96. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
97. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
98. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
99. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
100. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
101. “ Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S, S.S.A.,, K.M.N, S.S.A.P, (Kuala Langat) - UMNO
102. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
103. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
104. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
105. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
106. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
107. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
108. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
109. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
110. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
111. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
112. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA

- 
113. Yang Berhormat Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
114. “ Tengku Razaleigh bin Tangku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
115. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
116. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
117. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
118. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
119. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
120. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
121. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
122. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
123. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
124. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
125. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
126. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
127. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
128. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
129. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

**DEWAN RAKYAT**

**Setiausaha Dewan Rakyat**  
Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

**Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Dewan)**  
Roosme binti Hamzah

**PETUGAS-PETUGAS**  
**PENERBITAN PENYATA RASMI (*HANSARD*)**

Azhari bin Hamzah  
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Kamisah binti Sayuti  
Abd. Talip bin Hasim  
Hadzirah binti Ibrahim  
Saadiah binti Jamaludin  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Hairan bin Mohtar  
Nurziana binti Ismail  
Suriyani binti Mohd. Noh  
Marzila binti Muslim  
Habibunisah binti Mohd. Azir  
Aisyah binti Razki  
Yoogeswari a/p Muniandy  
Nor Liyana binti Ahmad  
Zatul Hijanah binti Yahya  
Nurul Asma binti Zulkepli

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**Rabu, 3 Mei 2006**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan, apakah kemudahan-kemudahan yang diberi kepada peladang kecil kelapa sawit yang dalam kategori lima ratus hektar ke bawah.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Dato' Dr. S. Vijayarantnam]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kementerian kepada peladang kecil kelapa sawit yang dalam kategori 500 hektar ke bawah meliputi pemberian khidmat nasihat dan biji benih yang baik kepada mereka.

Sehubung dengan itu, kementerian melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah menyediakan pusat tunas, iaitu tunjuk ajar dan nasihat sawit untuk memberikan khidmat nasihat termasuklah cara-cara amalan pertanian baik ataupun *good agronomic practice*, dengan izin. Menyebarkan maklumat dan membantu memindahkan teknologi moden kepada pekebun kecil untuk meningkatkan penghasilan buah tandan segar (BTS). Kemudahan kredit baja juga disediakan kepada pekebun kecil melalui Skim Kelompok Baja Terselia dari MPOB.

Pada masa ini, kementerian melalui MPOB juga telah menyalurkan biji benih percuma kepada pekebun kecil yang daif di Sarawak yang mempunyai lima hektar ke bawah untuk mengurangkan kos penanaman sawit. Di samping itu, satu kemudahan pinjaman mudah tanam semula kelapa sawit melalui Bank Pertanian Malaysia juga diberikan kepada pekebun-pekebun kecil yang berminat untuk menanam semula pokok kelapa sawit mereka yang tidak lagi ekonomik.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat juga, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, kementerian akan terus menyediakan kemudahan-kemudahan tersebut. Selain dari itu, kementerian akan menggalakkan pekebun kecil untuk menanam semula menggunakan sistem tanaman dua baris supaya kebun mereka boleh di integrasi dengan tanaman dan ternakan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada jawapan yang baru sudah diberi. Saya memang mengalu-alukan bantuan yang seperti ini tetapi di Sarawak kebanyakan pemilik tanah mereka tidak mempunyai apa-apa geran ataupun *title* dan saya telah difahamkan bahawa skim ini terbantut sedikit. Ini adalah kerana ada pihak-pihak ataupun *small Napoleons* ataupun *Napoleon* yang kecil, yang hendak melarang penanam kecil daripada menggunakan tanah hak bumiputera mereka oleh kerana tidak ada bukti yang tanah itu adalah tanah mereka.

Akan tetapi memang pengetahuan umum bumiputera minoriti di Sarawak mempunyai tanah yang begitu luas. Jadi, pertama, pertanyaan saya, apakah cara yang akan digunakan oleh kementerian supaya bumiputera minoriti di Sarawak dapat menanam dan dapat menikmati bantuan melalui skim ini. Dan, kalau tidak dapat bolehkah saya minta jasa baik kementerian untuk berunding dengan Kerajaan Negeri Sarawak dan juga *little Napoleon* yang menghalang kemaraan ataupun keinginan bumiputera minoriti di Sarawak yang hendak berkecimpung dalam penanaman kelapa sawit ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. S. Vijayarantnam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Sri Aman di atas soalan tadi. Saya percaya masalah-masalah tanah untuk menanam kelapa sawit di Sarawak adalah kerana tanah NCR atau *Native Customary Rights Land*, dan seperti mana kita tahu ini adalah di bawah kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, kementerian akan cuba sedaya upayanya berunding dengan pihak-pihak yang terlibat supaya pekebun-pekebun kecil dapat tanah yang dikehendaki oleh mereka untuk menanam kelapa sawit. Kita akan cuba berjumpa dengan pihak-pihak di kerajaan negeri supaya mereka dapat melaksanakan tanamannya. Sekian.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya meneliti jawapan daripada Setiausaha Parlimen mengenai tanaman semula kelapa sawit. Setahu saya untuk getah ada satu tabung iaitu Tabung Tanaman Semula. Tabung ini diambil daripada setiap kali jualan getah, ada cukai akses. Cukai akses ini dimasukkan dalam satu tabung dan tabung ini dinamakan Tabung Tanaman Semula Getah dan kemudian dipegang oleh RISDA.

Jadi, pekebun kecil getah apabila sudah menanam selama 20 tahun boleh mohon untuk tanam semula tetapi ini tidak berlaku kepada kelapa sawit sedangkan kelapa sawit adalah merupakan tanaman utama negara ini sekarang. Jadi, apakah rancangan kementerian untuk memastikan bahawa pemilik ladang kelapa sawit yang di bawah 500 ekar ini atau pekebun kecil ini mendapat tabung yang serupa di bawah institusi baru yang sama dengan RISDA tetapi ia adalah untuk kelapa sawit. Saya pohon jaminan kerajaan ataupun usaha kerajaan untuk memastikan pekebun kecil kelapa sawit juga boleh membuat tanaman semula tanpa membuat pinjaman daripada bank sebab pinjaman bank adalah susah. Terima kasih.

**Dato' Dr. S. Vijayarantnam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Nampaknya ini adalah satu cadangan yang baik, setakat ini kita tidak ada satu tabung untuk tanaman semula kelapa sawit untuk pekebun-pekebun kecil tetapi apa yang disebut tadi oleh Yang Berhormat akan diambil kira dengan serius dan tindakan yang sewajarnya akan diambil. Terima kasih.

**2. Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, jumlah kutipan daripada tawaran untuk nombor pendaftaran kenderaan serta tawaran nombor pendaftaran yang paling tinggi pernah tercatat.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Muar yang telah mengemukakan soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kutipan tender nombor pendaftaran tertinggi oleh JPJ setakat ini bagi tahun 2005 adalah sebanyak RM107,578,493.13. Jumlah kutipan ini merupakan penyumbang ketiga terbesar dalam hasil JPJ selepas kutipan lesen kenderaan motor dan lesen memandu kenderaan. Pertambahan jumlah kenderaan baru dan permintaan tinggi terhadap pemilikan kenderaan motor di negara ini adalah faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan kutipan hasil tempahan nombor pendaftaran ini.

Berdasarkan rekod terkini, tawaran nombor pendaftaran yang paling tinggi pernah tercatat adalah siri JJJ dan nombor pendaftaran JJJ1 yang ditawarkan kepada harga setinggi RM151 ribu. Terima kasih... [Disorak]

**Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]:** Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya nombor pendaftaran ini kita anggap sebagai kad pengenalan kepada kenderaan-kenderaan dan mungkin nombor *chassis* adalah surat beranak kepada kenderaan. Dan, kalau kita lihat kegilaan masyarakat kita untuk membuat tender yang tinggi telah memberi hasil yang banyak kepada kerajaan. Soalan tambahan saya,

- (i) di manakah perbelanjaan RM107 juta ini disalurkan, sama ada masuk ke tabung kumpulan yang disatukan ataupun untuk melihat kepada perkara-perkara yang boleh menambah baik sektor pengangkutan; dan

- (ii) adakah kerajaan menimbangkan untuk kita mengadakan satu nombor pendaftaran terbuka disebabkan permintaan yang menggalakkan ini, yang saya rasa boleh mendapat pendapatan tambahan kepada kerajaan seperti yang dilaksanakan di setengah-setengah tempat di luar negara, yang mana hari ini pun kita lihat “XXXAsian”, “Putrajaya”, “Proton”, “Waja”, “XOIC” telah pun ada di jalan-jalan raya.

Adakah kerajaan boleh menimbangkan di mana permintaan yang tinggi ini disalurkan kepada pembukaan tender nombor-nombor terbuka, dan kita akan lihat insya-Allah kalau ini dilakukan pendapatan yang berlipat kali ganda kepada kerajaan. Terima kasih.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Sudah tentunya dengan kutipan yang begitu tinggi yang kita dapat pada hari ini iaitu menerusi tender nombor pendaftaran ini, adalah sedikit sebanyak untuk menampung dari segi pengurusan dan penyeliaan bagi JPJ dan sistem ini telah berterusan, dan saya percaya juga apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi ataupun pandangan Yang Berhormat tadi tentang nombor-nombor yang boleh ditender secara terbuka, yang mana digunakan oleh negara-negara lain yang mana pemilik-pemilik kenderaan itu boleh menggunakan namanya sendiri.

Saya percaya kita memang ke arah itu hanya masa akan menentukan dan juga ini adalah sesuatu yang saya rasa dapat kita kaji, dan JPJ dapat mengkaji secara mendalam setelah menengok negara kita, negara yang membangun dan sudah boleh dikatakan kita ke arah menuju Wawasan 2020, iaitu yang mana masyarakat kita pada hari ini sudah orang kata bertambah dari segi status dan *conscious*, dengan izin, menggunakan nombor-nombor yang cantik ini sudah tentunya akan memberangsangkan di masa-masa depan, iaitu kegunaan nombor-nombor yang cantik ini. Pandangan Yang Berhormat itu saya rasa tepat pada masanya dan saya akan ketengahkan perkara ini.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya terpanggil untuk ingin tahu dan minta penjelasan...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Siapa memanggil itu..., siapa memanggil?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Apakah kecenderungan kepada mereka yang gila membeli nombor, sebagai contoh dia nombor 8 – 888 dijual di Hong Kong dengan harga DHK50 juta, di negara kita berapa pula jualan untuk nombor 888, 999 dan TPM kita minat dengan nombor 11, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri suka dengan nombor 13. Apakah nombor-nombor ini membawa tuah?

Ada juga saya lihat pada suatu ketika mereka yang kaya-raya dan mereka gila itu nombor, dapat itu nombor dia jatuh bankrap pula. Mungkin *feng shui* dia tidak serasi. Apakah Yang Berhormat ada pandangan dengan kesukaan nombor yang dipilih oleh masing-masing ini? Minta penjelasan.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Terima kasih Yang Berhormat. Apakah Yang Berhormat telah suarakan yang perkara ini bukan hanya berlaku di Malaysia bahkan di negara-negara lain? Ini adalah cita rasa dan persepsi masing-masing. Ada orang gila kepada nombor, ada orang gila kepada jam, ada orang gila kepada menggunakan berbagai-bagai *perfume* yang berbeza, yang canggih dan ini adalah lumrah hidup saya rasa.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Macam-macam gila ada.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Sekarang macam rakan saya mengatakan “macam-macam gila” sudah ada sekarang. Saya rasa ini adalah suatu perkara yang biasa Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, bukan “gila”, “minat”!... [Dewan riuh]

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** "Minat", minta maaf... [Ketawa] [Dewan riuh]

Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, rakan saya menggunakan perkataan "gila" minta maaf, bukanlah saya. Itulah dengan keadaan dunia yang begitu canggih pada hari ini, manusia pun sudah menjadi canggih dari segi cita rasanya. Terima kasih.

**3. Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan, setakat manakah pelatih Pusat Serenti yang telah keluar mendapat pekerjaan, dan apakah insentif kepada majikan atau syarikat yang mengambil bekas penagih dadah (pelatih) untuk bekerja dengan mereka.

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd Johari bin Baharum]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kajian yang dijalankan pada tahun 2005 oleh Agensi Dadah Kebangsaan ke atas bekas-bekas penagih dadah yang telah menjalani pemulihan dari tahun 2000 hingga 2004 didapati seramai 36,672 orang penagih yang telah bekerja di berbagai-bagai sektor pekerjaan. Di antara bidang-bidang pekerjaan yang diceburi termasuklah sektor perkhidmatan, perkilangan, pembinaan, penyediaan makanan, perhotelan, pertanian, perindustrian, perniagaan, pentadbiran dan bekerja sendiri.

Pada masa ini kerajaan tidak memberi sebarang insentif kepada majikan atau syarikat-syarikat yang mengambil bekas penghuni pusat serenti untuk bekerja. Walau bagaimanapun, syarikat dan majikan sentiasa digalakkan untuk membantu usaha-usaha kerajaan memulihkan penagih-penagih dadah dengan menyediakan peluang pekerjaan sebagai satu tanggungjawab sosial. Ini akan memudahkan mereka untuk diintegrasikan semula ke dalam masyarakat.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terbukti dengan jelas bahawa penagih ataupun bekas penagih ini boleh kembali kepada masyarakat apabila mereka ada pekerjaan dan ada sumber pendapatan. Oleh kerana itu Sabak Bernam sebenarnya ingin mencadangkan dua perkara, pertamanya supaya majikan ataupun mereka ini yang bertaraf majikan diberikan satu bentuk insentif kepada mereka supaya lebih ramai lagi bekas penagih ataupun pelatih daripada pusat serenti ini yang diberikan orientasi sampai dua tahun supaya diberikan pekerjaan dan kembali kepada masyarakat. Keduanya, ramai yang mempunyai persepsi yang agak negatif terhadap penagih ini ataupun bekas penagih, oleh kerana itu Sabak Bernam ingin mencadangkan supaya sebuah buku kisah benar menceritakan kejayaan bekas penagih ini, bekas pelatih ini supaya diedarkan kepada semua pihak, bahawa mereka ini adalah kumpulan yang boleh dikembalikan kepada masyarakat. Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri? Terima kasih.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana yang telah saya jawab tadi, setakat hari ini belum ada lagi cadangan untuk kita memberi insentif kepada mana-mana syarikat atau majikan yang menerima bekas-bekas penghuni di pusat serenti ini. Walau bagaimanapun, cadangan itu adalah baik. Mungkin kita akan ambil kira pada masa-masa yang akan datang. Berkenaan penulisan buku itu, kita amat-amat mengalu-alukan. Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Trengganu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita sering kali dan amat banyak berbicara tentang masalah penyalahgunaan dadah ini. Saya hendak tanya Yang Berhormat, sejauh manakah usaha-usaha kementerian ini berjaya untuk menggembleng kesedaran secara massa, secara menyeluruh kepada seluruh anggota masyarakat kita supaya kebencian kepada dadah ini menjadi begitu nyata sekali. Bagaimanakah tindakan-tindakan yang terdahulu misalnya kegiatan enam jahanam dan kegiatan-kegiatan massa serupa itu telah diteruskan sekarang ini dan apakah tindakan untuk memastikan pengawalan, menghentikan *supply* ataupun bekalan dadah ini telah tercapai. Sejauh manakah tangkapan-tangkapan telah berjaya dibuat?

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat. Setakat hari ini memanglah agensi dadah, kita ada berbagai-bagai aktiviti yang kita anjurkan, iaitu pertama sekali ialah pemulihan.

Dan selain daripada itu di pusat-pusat serenti, kita ada juga di peringkat daerah iaitu ADK di peringkat daerah mengadakan pengawasan dan juga mengadakan kaunseling, bimbingan dan juga program-program yang diadakan kepada bekas-bekas penagih dadah dan sebagainya.

Selain daripada itu, agensi-agensi yang terlibat di bawah agensi dadah ini adalah narkotik juga yang terlibat dalam penguatkuasaan. Walau bagaimanapun kerja membuat ini adalah memakan masa yang panjang kerana ia melibatkan semua masyarakat. Seperti mana yang telah saya jawab semasa penggulungan dahulu, kita memerlukan semua pihak untuk sama-sama memerangi dadah kerana setakat hari ini pemulihan dadah, kita hanya berjaya 20% hingga 25% sahaja.

Dadah ini adalah suatu penyakit yang kronik. Kalau kena ia susah diubati dan memerlukan terutama sekali ibu bapa mestilah mengambil berat tentang anak mereka, ke mana anak mereka pergi dan sebagainya. Kalau kita mengharapkan agensi dadah, kepada penguatkuasaan oleh agensi-agensi kerajaan, saya rasa perkara ini memanglah kita tidak terbuat. Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Boleh Tuan Yang di-Pertua satu..., pasal ini musuh utama negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sekejap.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ya.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Kalau Sri Gading boleh, saya pun minta juga.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ya, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Mambong dahulu. Kemudian saya bagi.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ya, Mambong dahulu.

4. **Dr. James Dawos Mamit [Mambong]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan bilangan hasil R&D oleh MARDI yang boleh dikomersialkan pada tahun 2004 dan tahun 2005. Apakah hasil-hasil R&D tersebut.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelapan, MARDI telah menghasilkan sebanyak 203 penemuan R&D yang boleh dikomersialkan. Bilangan hasil R&D yang sedang dikomersialkan pada tahun 2004 dan 2005 ialah sebanyak 39 penemuan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana senarai ini panjang, dengan izin saya tidak akan sebut kesemuanya. Jika diizinkan sebahagiannya akan saya beri jawapan dalam jawapan secara bertulis. Walau bagaimanapun, saya akan sebutkan satu ataupun beberapa contoh.

Pertamanya pengeluaran sayur-sayuran di bawah struktur lindungan hujan, aroma terapi, potpuri dan bunga kering, penanaman komersial betik exotica, penanaman komersial belimbing untuk pasaran segar, eksport bunga keratan kekwa melalui kapal laut, pengeluaran padi komersial, padi wangi MRQ 71 yang berkualiti tinggi, palet ruminan berasaskan pelepah kelapa sawit dan sebagainya yang akan saya berikan jawapan secara bertulis.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan syabas kepada MARDI yang telah dapat mengkaji, membuat R&D dan penemuan sampai 203 penemuan. Daripada *research* mereka 203, persoalan dia Tuan Yang di-Pertua ialah daripada 203 ini, berapa banyakkah yang telah direalisasikan, yang telah diusahakan, yang telah dimajukan dan yang telah dipasarkan dan tadi Yang Berhormat mengatakan penemuan padi MRQ 71. Padi ini adalah padi yang *special* dan tinggi mutunya, tetapi adakah Yang Berhormat ingin mengingatkan MARDI supaya mengkaji tentang padi yang hendak kita tanam benih dia supaya hasil pendapatan satu hektar sepuluh tan ini perlu dipertingkatkan.

Selain daripada keperluan asas, saya ingat jenis padi itu harus juga dipertingkatkan dan apakah pihak kementerian bekerjasama dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi untuk kita buat biotek dari segi pertanian. Adakah MARDI dengan MARDInya, Kementerian Sains dengan Kementerian Sainsnya, jadi duit rakyat pergi ke merata tempat, hasil dia tidak ada tengah mana. Cerita banyak. Apakah pandangan Yang Berhormat sebagai seorang Timbalan Menteri yang berpengalaman dalam pertanian? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak kepada sahabat saya, bekas Pengerusi FAMA. Banyak soalan tadi yang dikemukakan oleh Yang Berhormat.

Yang pertamanya saya hendak maklumkan proses pengkomersialan ini sedang berjalan dibuat bersama dengan syarikat-syarikat dengan para pengusaha. Ini sedang berjalan dalam tahun 2004 dan 2005. Proses pengkomersialan ini sedang berjalan. Sebagai menjawab soalan Yang Berhormat, projek-projek yang telah pun berjaya dan boleh kita eksport sehingga pasaran luar antarabangsa. Sebagai contoh seperti yang telah saya sebutkan tadi betik eksotika. Kita telah pun mengeksport betik ini kemudian termasuk belimbing yang kita juga menjadi pengeksport terbesar. Negara kita merupakan negara pengeksport yang terbesar.

Yang Berhormat juga menyentuh tentang penemuan MARDI dalam bidang penanaman padi. Sesungguhnya kita berterima kasih kepada MARDI kerana semua jenis padi yang kita tanam di Malaysia hari ini adalah hasil daripada penyelidikan dan pembangunan yang dibuat oleh MARDI. Yang saya sebut tadi, MRQ71 adalah padi berkualiti. MRQ itu maksudnya *Malaysian Rice Quality*.

Di samping kita membangunkan jenis padi yang boleh menghasilkan sehingga sepuluh metrik tan, umpamanya, pada masa sekarang jenis yang terbaru adalah MRQ MMR220 iaitu satu jenis padi yang boleh mengeluarkan hasil sehingga sepuluh metrik tan, rintang kepada penyakit dan tempoh matang yang pendek. Jadi kita akan terus menjalankan kegiatan pembangunan dan penyelidikan supaya dapat menghasilkan jenis-jenis padi yang boleh mengeluarkan hasil yang lebih banyak untuk faedah petani-petani, kita kerana kita tahu industri padi dan beras negara ini sangat penting dari segi keselamatan makanan dan juga dari segi peluang pekerjaan kepada petani-petani. Jadi, soal membangunkan sektor padi dan beras itu akan terus berjalan kerana ini merupakan sektor yang penting kepada negara kita.

Soalan yang lagi satu Yang Berhormat ada membangkitkan, apakah MARDI bersendirian dalam kita menjalankan R&D. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan, kita tidak mendapat sebarang peruntukan. Peruntukan yang kita gunakan adalah daripada peruntukan MARDI. Alhamdulillah, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kita telah mendapat peruntukan daripada MOSTI. Jadi MARDI sedang bekerjasama dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, bukan MARDI bersendirian. Jadi alhamdulillah kita mendapat peruntukan khusus yang diberikan kepada kita iaitu satunya dinamakan *technology fund* untuk tujuan pengkomersialan dan yang keduanya dinamakan *science fund* untuk tujuan research.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Mambong.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, memang banyak penemuan yang kita dengar tadi daripada jawapan Timbalan Menteri tetapi adakah paten ataupun hak intelek penemuan-penemuan ini difailkan. Yang kedua, adakah royalti juga dikenakan kepada petani-petani kita yang menanam baka-baka baru daripada hasil penemuan ini tadi..., adakah royalti dikenakan kepada mereka; dan yang ketiga, durian dulu dihantar ke Australia. Selepas MAS membaiki kabin untuk *cold storage* sekarang tidak dengar lagi apakah yang terjadi dengan durian yang dijual kepada Australia itu ataupun Australia sudah pun menanam durian di *northern territory*?

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Mambong. Berhubung dengan paten, bukan semua dapat kita patenkan.

Proses untuk mendapat paten ini memakan masa yang panjang, ada sebahagiannya hingga lapan tahun pun kita belum mendapatnya lagi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mesin itu kita sudah berjaya mendapatkan paten, manakala untuk benih dan tanaman ini kita belum berjaya mempatenkan. Oleh sebab kita tidak ada akta *breeder rights*, kita belum ada *breeder rights*. Sekarang ini kita dalam proses. Sebelum kita ada *breeder rights*, maka kita tidak dapat mempatenkan.

Berhubung dengan royalti, kita tidak mengenakan sebarang royalti. Berkaitan dengan soalan durian yang kita sejuk bekukan, 18: yang dihantar ke Australia, hasil daripada percubaan kita dapati adalah positif dan dengan kerjasama FAMA akan meneruskan usaha untuk mengeksport durian ke Australia dan ke lain-lain tempat lagi.

**5. Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan, apakah rasionalnya penarikan balik senapang RELA daripada ahli-ahli RELA dan arahan senapang itu diserahkan kepada balai polis yang berhampiran di seluruh negeri Pahang.

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kementerian dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) ingin membuat sedikit pembetulan fakta, yang mana PDRM Kontinjen Pahang tidak pernah menarik balik senjata api RELA. Menurut arahan Ketua Polis Pahang melalui surat bilangan (8219) bertarikh Januari 2006 kepada semua Ketua Polis Daerah agar semua senjata api RELA disimpan di stor senjata api balai polis berhampiran dan hanya boleh dikeluarkan apabila ada tugas rasmi yang memerlukan penggunaan senjata api.

Tuan Yang di-Pertua, arahan ini adalah bertujuan untuk menjaga keselamatan senjata api tersebut. Di samping itu juga arahan ini akan berupaya membendung penyalahgunaan senjata api anggota RELA.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mengakui bahawa kemungkinan memang tidak ada arahan untuk menarik balik senapang RELA ini tetapi dari segi rasionalnya, biasanya senapang RELA ini berada di tangan atau di rumah ahli-ahli RELA masing-masing. Saya percaya bahawa tindakan PDRM ini kemungkinan ada kes-kes tertentu yang menyebabkan bahawa senapang RELA ini mestilah diserahkan di balai polis yang berhampiran. Soalnya ialah apakah oleh kerana nila setitik habis gulai sebelanga?

Seperti kes-kes yang terdapat dalam anggota polis berpangkat rendah yang terlibat juga dengan kes-kes melibatkan senjata api, RELA mempunyai peranan sama juga dengan anggota polis. Anggota RELA diberikan kuasa untuk menjalankan operasi-operasi bagi menangkap pendatang tanpa izin dan sebagainya. Senapang RELA juga diserahkan kepada ahli-ahli RELA yang kebiasaannya untuk menjaga tanaman daripada musuh-musuh tanaman dan untuk mencegah kegiatan jenayah yang berlaku di kawasan perkampungan. Soalan saya, adakah negeri-negeri lain terlibat dengan arahan supaya senjata-senjata atau senapang RELA ini diserahkan kepada balai polis yang berhampiran dan adakah kementerian rela untuk menyerahkan balik senapang RELA ini kepada ahli-ahli RELA.

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat. Memanglah kita ambil serius semua perkara ini tetapi oleh sebab kejadian-kejadian yang berlaku seperti di Pahang ada kejadian menembak secara melulu di tempat awam, ada kejadian menembak kawan semasa memburu, ada juga menggunakan senjata untuk memburu dan pelbagai lagi, jadi di atas sebab-sebab itulah maka arahan itu dibuat demi untuk menjaga keselamatan orang awam dan juga anggota RELA sendiri. Buat masa ini kita belum ada lagi arahan daripada negeri-negeri lain. Ini hanya berlaku di negeri Pahang. Kes yang terakhir ialah yang berlaku di Jerantut apabila seorang pegawai RELA telah melepaskan tembakan di tempat awam tanpa kebenaran. Jadi, atas sebab-sebab inilah maka arahan itu dibuat.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, berkenaan dengan anggota polis, semua pegawai polis sendiri apabila selepas bertugas mereka mestilah menyerah senjata itu di balai-balai yang berkenaan.

Hanya mereka yang terlibat dengan kes-kes tertentu, yang bertugas 24 jam dan juga bertugas di cawangan-cawangan seperti narkotik dan UTK dibenarkan membawa balik senjata. Begitu pun mereka terpaksa menyerahkan senjata selepas tiap-tiap minggu untuk diperiksa oleh balai-balai yang berkenaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ipoh Barat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Bolehkah saya mendapat tahu apakah fungsi RELA berbanding dengan polis-polis sukarela yang ada. Baru-baru ini saya difahamkan RELA digunakan dan dibayar komisen oleh kerajaan untuk menangkap pendatang-pendatang asing, berapa banyakkah yang telah dibayar dan berapa jumlah orang yang telah ditangkap?

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya RELA adalah di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, saya di Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Saya hanya menjawab soal mengenai senjata api, jadi saya rasa soalan itu tidak kena mengena dengan saya.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun] [Bersorak]*

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ini betul bukan, ini benar bukan?... *[Dewan riuh]* Tuan Yang di-Pertua, itu betul, RELA digunakan. Ini pernah dikatakan dalam Dewan ini. Jawablah. Betul bukan?

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** RELA dibayar komisen, bukan?

*[Dewan riuh]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Menyampuk]*

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Kinabatangan mana tahu!

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk, Yang Berhormat.

**Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]:** Tak tahu jangan tanyalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat semua, sila duduk.

**6. Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, adakah kerajaan bercadang menaikkan had umur persaraan bagi pensyarah universiti, khasnya para profesor.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Ong Tee Keat]:** Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sesungguhnya kerajaan sedang mengkaji cadangan yang dimaksudkan buat ketika ini sebagaimana yang pernah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri dalam Dewan yang mulia ini pada 28 Mac baru-baru ini. Namun sebelum adanya keputusan, sukalah saya memaklumkan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa pada masa ini had umur persaraan bagi pensyarah adalah sebagaimana had umur persaraan pekerja perkhidmatan awam iaitu 56 tahun.

Walau bagaimanapun, ini tidak bermaksud bahawa seseorang pekerja perkhidmatan awam itu tidak boleh lagi disambung tempoh khidmatnya. Lebih-lebih lagi bagi seseorang pensyarah, khasnya profesor dalam bidang pengajian tinggi. Seseorang profesor itu jika perkhidmatannya masih lagi diperlukan berdasarkan beberapa kriteria seperti kekurangan profesor dalam bidang kritikal seperti perubatan, farmasi, pergigian dan kejuruteraan serta pengalamannya yang luas dalam bidang tersebut masih diperlukan, maka perkhidmatannya boleh dipertimbangkan untuk disambung secara kontrak sebagaimana perkhidmatan awam yang lain.

Pelantikannya secara kontrak ini adalah untuk tempoh dua tahun dan yang paling lama boleh diberikan adalah selama sepuluh tahun bergantung pada kriteria yang tersebut di atas. Pelantikannya adalah dinilai dengan sebaik mungkin tanpa menjejaskan peluang bagi perkhidmatan pensyarah yang lain.

**Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]:** Terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, untuk seseorang pensyarah itu layak menjadi profesor, seseorang pensyarah itu terpaksa melepasi beberapa syarat kelayakan dan selalunya mereka ini berjaya setelah mencapai umur yang hampir hendak pencen, walaupun ada segelintirnya menjadi profesor di awal 40-an. Di pihak kerajaan pula begitu banyak wang dilaburkan seperti membiayai *post graduate degrees*, dengan izin, pascaijazah dan geran penyelidikan. Memandangkan tempat begitu terhad untuk seseorang profesor itu disambung secara kontrak, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah Kementerian bercadang untuk menyerap mereka ini ke dalam satu skim khas di pusat-pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) sama ada di IPTA sendiri ataupun di mana-mana pusat R&D tajaan kerajaan.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat bagi Ampang tadi, sukalah saya memaklumkan Yang Berhormat serta Dewan yang mulia ini bahawa skim yang sedia ada ini sebenarnya ada kelebihan.

Umpamanya ia adalah fleksibel dan mempunyai laluan istimewa untuk seseorang pensyarah itu naik pangkat ke gred jawatan yang lebih tinggi berdasarkan kepada merit tanpa menunggu adanya kekosongan jawatan kenaikan pangkat, ini yang pertama. Yang keduanya, terdapat juga kemudahan naik pangkat secara berganda dengan syarat seseorang calon itu menunjukkan kecemerlangan akademik yang luar biasa mutunya. Itulah sebabnya setakat ini terdapat 21 orang profesor di bawah umur 40 tahun dan di samping itu terdapat juga 38 orang profesor madya yang telah pun diberi peluang naik pangkat sesudah mereka berkhidmat kurang daripada lima tahun. Sekian.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Memandangkan bahawa soalan ini ada dibincangkan lebih dari satu dekad, kenapa ambil masa begitu panjang. Adakah peringatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan *we have no time to loose* tidak boleh ambil sepuluh tahun untuk buat keputusan dan bolehkah Kementerian Pengajian Tinggi mengikut peringatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh ambil keputusan yang cepat dan di sini Yang Berhormat Menteri ada buat jaminan bahawa versi Inggeris laporan Zahid akan dikemukakan awal minggu dan sekarang lepas awal minggu. Bolehkah kita tahu oleh kerana ini pun bersangkut paut dengan sama ada kita boleh dapat tenaga mahir terus berkhidmat dalam universiti-universiti.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan Yang Berhormat Ipoh Timor tadi itu mengandungi dua bahagian. Bahagian yang menyentuh tentang laporan Zahid sebenarnya terkeluar daripada soalan asal. Walaupun demikian memandangkan bahawa ia pernah dibangkitkan oleh Yang Berhormat sendiri dalam perbahasan kelmarin, maka Kementerian ini akan jawab dengan sepenuhnya sedangkan bahagian yang pertama tadi Yang Berhormat membuat dakwaan ataupun tuduhan bahawa Kementerian ini mengambil masa sekian lama untuk menangani pelbagai isu. Sukalah saya maklumkan Yang Berhormat serta Dewan yang mulia ini, sesungguhnya sejak Yang Berhormat Datuk Menteri dan saya selaku timbalannya mengambil alih jawatan masing-masing dalam Kementerian ini pelbagai usaha yang baru telah pun diambil. Itu pun merupakan satu-satunya usaha kesinambungan pihak Kementerian dan saya berharap pihak pembangkang khususnya Yang Berhormat dapatlah bersabar dan juga dapat memberi cadangan yang bernas dan bukannya cuma semata-mata untuk mengkritik apa yang sedang kita usahakan. Itu saya rasa bukanlah sesuatu yang membina.

**7. Dato' Goh Siow Huat [Rasah]** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, bagaimana proses kerajaan memberi kelulusan kepada permohonan sebagai penduduk tetap (*permanent resident*) kepada rakyat asing umpamanya dari Singapura yang datang bekerja dan sudah berkahwin dengan rakyat Malaysia.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, pemberian taraf penduduk tetap ataupun *permanent resident*, dengan izin, kepada seseorang pemohon dari warga asing merupakan satu penganugerahan atau pengurniaan kerajaan dan bukanlah satu hak yang boleh dituntut.

Oleh yang demikian, dalam pemberian taraf penduduk tetap, kerajaan sangat berhati-hati agar ia dikurniakan kepada mereka-mereka yang betul-betul layak. Mengikut peraturan *Immigration (Prohibition of Entry) Order 1963*, dengan izin, yang berkuat kuasa selepas Hari Malaysia salah satu daripada syarat yang perlu dipenuhi oleh seseorang pemohon untuk mendapat status penduduk tetap adalah seperti berikut, isteri yang sah kepada warganegara Malaysia yang telah tinggal bersama suaminya di negara ini secara berterusan selama lima tahun atau lebih atas pas lawatan jangka panjang, sosial, kerja sementara atau pas pengajian.

Selepas tinggal selama lima tahun berterusan barulah seseorang warga asing seperti yang saya sebutkan tadi layak untuk memohon permit masuk dan seterusnya mendapat status penduduk tetap atau pemastautin tetap. Permohonan untuk mendapat permit masuk boleh dibuat dengan mengisi Borang IM4 (Pindaan) 1/93 yang boleh di dapati di Jabatan Imigresen. Permohonan permit masuk dibahagikan kepada dua kategori iaitu satu *within category* dan yang kedua *not within category* dengan izin. Permohonan yang termasuk dalam kategori pertama adalah terdiri dari:

- (i) isteri yang berkahwin dengan warganegara Malaysia; dan
- (ii) anak warganegara yang memohon di bawah umur enam tahun.

Kuasa menimbang untuk permohonan ini adalah di bawah kuasa Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia. Manakala permohonan selain daripada yang disebutkan di atas iaitu *not within category*, dengan izin, kuasa menimbang permohonan ini adalah di bawah bidang kuasa Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Permohonan di bawah pertimbangan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri adalah permohonan yang ditolak di peringkat Jabatan Imigresen Malaysia. Bagi kes-kes ini rayuan boleh dikemukakan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam tempoh 30 hari dari tarikh surat permohonan selaras dengan seksyen 10(3) Akta Imigresen 1959/63, Akta 155. Selain dari kelulusan seperti kategori yang saya sebutkan tadi, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri boleh meluluskan untuk kategori berikut:

- (i) kepada orang-orang yang mempunyai kepakaran dan kelulusan profesional yang diperlukan oleh negara;
- (ii) kemasukannya memberi faedah ekonomi kepada negara; dan
- (iii) mana-mana orang atas dasar belas kasihan.

Terima kasih.

**Dato' Goh Siow Huat [Rasah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya dapati masih ada begitu ramai orang profesional sudah lama duduk di Malaysia mohon sebagai warga negara tidak dapat diluluskan. Jawapan dari kementerian adalah dalam proses. Jawapan yang sama dalam proses ini pun ambil masa beberapa tahun. Saya bagi satu contoh, pemohon Dr. Yong Yee Huat dan suaminya Dr. Phang Cheng Teh. Kedua-dua doktor ini adalah doktor pakar. Anak sulung mereka Phang See Yen umurnya sudah 18 tahun. Dr. Yong kata beliau mahu beli harta benda di Malaysia atas namanya tidak dapat dibenarkan. Soalan tambahan saya, kenapa permohonan warga asing dari golongan profesional yang telah berkahwin rakyat Malaysia dan mempunyai keluarga di negara ini adalah begitu lambat mendapat kelulusan sebagai warganegara. Sekian, terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Rasah, seperti mana saya katakan tadi bahawa sesuatu permohonan warga asing untuk tujuan-tujuan tertentu akan diproses oleh Jabatan Imigresen. Dalam hal kes yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi kemungkinan permohonan beliau tidak lengkap.

Oleh itu, beliau boleh mengemukakan dari masa ke semasa, boleh membuat rayuan kepada Yang Berhormat Menteri dan saya bersedia menerima rayuan itu kalau sekiranya dapat dikemukakan dengan segera. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Santubong.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya soalan tambahan dengan Setiausaha Parlimen. Kalau kita lihat bahawa proses dan dasar Imigresen sekarang masih tidak menjurus kepada tenaga pembangunan tenaga insan negara yang memerlukan kepakaran saintis, teknikal orang daripada luar negara. Dan tidak menggalakkan kepada *inflow brain drain* negara Malaysia dan akhirnya akan menjejaskan perdagangan, pendidikan dan juga keilmuan di negara ini. Jadi persoalan saya secara menyeluruh adakah kerajaan telah membuat satu keputusan khusus untuk menangani dasar Imigresen yang begitu *restrictive*, yang begitu menghalang, yang mendatangkan kesukaran untuk pakar-pakar dan bijak pandai untuk masuk ke negara ini secara total dan menyeluruh.

**Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sebenarnya amat serius dalam soal ini dan sebagai buktinya di Jabatan Imigresen kita telah menubuhkan satu bahagian khas iaitu Bahagian Pas Penggajian di mana kita akan memproses sesuatu permohonan dalam tempoh yang singkat dan sekiranya pemohon-pemohon ini mempunyai kelayakan yang mencukupi dan memenuhi syarat ia akan diluluskan dengan kadar yang segera. Terima kasih.

**8. Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, apakah langkah-langkah untuk mengatasi masalah pembuangan sisa-sisa toksik yang semakin berleluasa dan adakah kementerian bersedia untuk menjalankan semula rancangan kempen Cintai Alam Sekitar di seluruh Malaysia khususnya di sekolah-sekolah dengan tujuan menyemaikan sikap tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]:** Tuan Yang di-Pertua, antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar ialah terus mempertingkatkan tindakan-tindakan penguatkuasaan dan juga perisikan. Di samping itu Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 sedang dipinda dengan memasukkan peruntukan tahanan reman ke atas mana-mana pihak yang disyaki terlibat dalam sesuatu kes pelupusan haram buangan terjadual dan memasukkan satu peruntukan khusus untuk menggalakkan orang ramai memberi maklumat mengenai kegiatan haram berkaitan alam sekitar kepada agensi-agensi penguatkuasaan. Pindaan yang sedang dibuat juga memasukkan hukuman penjara sebagai satu langkah untuk menangani masalah tersebut.

Kementerian ini melalui Jabatan Alam Sekitar akan terus meningkatkan pemantauan ke atas kemudahan-kemudahan pelupusan dan pengitaran semula buangan terjadual termasuk menjalankan audit ke atas kemudahan-kemudahan tersebut secara berkala dan dengan lebih kerap. Kempen-kempen pendidikan dan kesedaran alam sekitar melalui pameran-pameran, kem-kem dan ceramah-ceramah alam sekitar tidak pernah diberhentikan dan akan terus dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar bagi tujuan menyebarkan dan meningkatkan kesedaran orang awam termasuk sekolah-sekolah ataupun kumpulan tertentu mengenai betapa pentingnya menjaga dan memelihara alam sekitar. Tumpuan akan diberi kepada program-program yang melibatkan sekolah-sekolah di seluruh negara. Terima kasih.

**Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih Timbalan Menteri. Memandangkan tapak *landfill* telah pun diarah tutup kebelakangan ini adakah kerajaan bercadang menggunakan sistem *incinerator* sebagai cara pelupusan sistem toksik demi memelihara alam sekitar dan apakah halangan-halangan atau kekangan-kekangan yang menyebabkan kerajaan menggunakan *incinerator* selain daripada perbelanjaan yang besar diperlukan untuk mendirikan *incinerator*. Terima kasih.

**Tuan Sazmi bin Miah:** Terima kasih Yang Berhormat Gelang Patah. Berkenaan dengan *incinerator* sebenarnya pada mesyuarat peringkat Jawatankuasa Kabinet pada minggu lepas telah diputuskan bahawa satu sistem pelupusan sampah yang baru akan kita buat dalam jangka masa dua bulan melalui Jawatankuasa Teknikal yang akan mengambil kira kesemua jenis pelupusan sampah yang ada di Malaysia ini dan ini termasuk *incinerator*. Jadi kerajaan masih belum memutuskan sama ada untuk menggunakan *incinerator* ataupun tidak. Dan kekangan yang kita hadapi di dalam membuat sesuatu pelupusan sampah tersebut ialah berkenaan dengan pencemaran terhadap alam sekitar.

Jadi kita terpaksa mengkaji sistem yang terbaik untuk negara kita kerana sampah-sampah di negara kita amat berbeza kandungannya daripada sampah-sampah di negara-negara barat dan juga negara utara dan selatan hemisfera. Ini kerana sampah di negara kita mengandungi lebih 70% bahan cecair berbanding dengan 30% cecair di negara-negara luar. Jadi sistem yang diakui selamat dan diguna pakai di negara Barat tidak semestinya adalah yang terbaik untuk kita. Insya-Allah dalam masa dua bulan lagi, Jawatankuasa Kabinet akan bersidang semula untuk memilih sistem yang terbaik untuk negara kita. Terima kasih.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, minggu lalu saya balik ke kawasan saya sebagai contoh Yang Berhormat. Masalah pencemaran di mana bekalan air masyarakat, air bersih sebagai contoh telah tercemar. Sebilangan besar penduduk-penduduk, ini saya bagi contoh di kawasan saya, tidak boleh lagi, tidak ada bekalan air lagi. Oleh kerana air telah menjadi kotor tidak boleh langsung hendak digunakan untuk minum. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah langkah terdekat sekali untuk memberitahu pada mereka yang membalak telah menyebabkan berlaku tercemar sungai dan juga selain daripada pembuangan toksik ini tadi, serta penerokaan tanah secara haram. Jadi, mintalah supaya kementerian akan keluaran satu arahan baru tentang pencemaran, kerosakan yang boleh menyebabkan hilang punca air kepada penduduk-penduduk di luar bandar. Terima kasih.

**Tuan Sazmi bin Miah:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Memanglah air itu kalau banyak bahan-bahan larutan akan terus berlarut-larutlah..

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Ini serius Yang Berhormat, sebab orang sudah tidak ada air, kita tidak boleh bergurau lagi. Air yang jernih telah menjadi keruh Tuan Yang di-Pertua, jadi macam air milo yang tidak boleh diminum tapi, tidak boleh...

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik-baik.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Ini satu perkara yang tidak boleh dianggap remeh-temeh...

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Saya minta, nanti pergi ke tempat lain, tempat di Jerai, Kinabatangan, Serian akan timbul masalah. Ini cukup serius sebab kalau masyarakat sudah tidak ada air hendak minum ia akan menjadi masalah yang besar kepada kerajaan. Terima kasih.

**Tuan Sazmi bin Miah:** Saya juga serius berkenaan dengan bahan-bahan larut tadi... *[Ketawa]* Yang Berhormat bagi Larut. Ya, apabila pembalakan tidak terkawal dan apabila banyak mendapan yang berlaku di sungai-sungai dan sebagainya memang ianya membuatkan kualiti air kita menjadi amat teruk sekali dan ini berlaku kerana kawalan terhadap pencemaran itu tidak dilakukan dengan baik.

Jadi, sebenarnya dari segi pembalakan dan sebagainya kita mengusahakan pembalakan secara lestari tetapi kadang-kadang ada juga pihak berkuasa ataupun negeri-negeri yang menjalankan pemantauan dengan agak tidak berapa baik. Jadi, insya-Allah kerajaan akan terus menjalankan penguatkuasaan dan kami amat prihatin berkenaan dengan kualiti air dalam sungai ini termasuklah memantau dan juga mengambil tindakan kepada mana-mana pihak yang mencemarkan sungai kita termasuklah pihak kerajaan negeri itu sendiri. Terima kasih.

**9. Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Menteri Kesihatan menyatakan, apakah sepuluh jenis penyakit yang membawa maut dan mudah berjangkit, nyatakan bilangan kematian setiap penyakit sepanjang lima tahun lalu dan perancangan dan strategi Kementerian untuk menyekat kematian sedemikian.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini sepuluh penyakit berjangkit yang paling banyak menyebabkan kematian sepanjang lima tahun lepas adalah sebagaimana berikut:

- (i) penyakit TB dengan 6,229 bilangan kematian;
- (ii) HIV/Aids dengan 4,218 bilangan kematian; dan
- (iii) demam denggi berdarah dengan 367 bilangan kematian.

Penyakit lain, saya akan bekalkan kepada Yang Berhormat secara bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Lee Kah Choon:** Bagi menangani masalah tersebut, Kementerian Kesihatan telah melaksanakan beberapa langkah dan strategi termasuk yang berikut:

- (i) mempertingkatkan aktiviti pendidikan kesihatan kepada orang ramai melalui media massa, pendidikan berkumpulan dan projek khas bagi mengenal tanda-tanda awal penyakit dan mendapatkan rawatan awal;
- (ii) melakukan pemeriksaan saringan di klinik-klinik kesihatan dan hospital kerajaan bagi penyakit-penyakit tertentu;
- (iii) melakukan penyeliaan rawatan rapi atau *directly observe therapy* untuk penyakit TB dengan menggunakan sukarelawan yang dilatih melalui kerjasama majikan dan kakitangan kesihatan; dan
- (iv) mempertingkatkan aktiviti latihan kepada kakitangan kesihatan dan sukarelawan dan bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan lain, badan-badan bukan kerajaan, persatuan-persatuan pengamal-pengamal perubatan dan hospital swasta.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memandangkan penyakit kanser merupakan satu daripada penyakit-penyakit yang membawa maut yang paling tinggi sekali dan memandangkan kerajaan selama ini berdepan dengan masalah kekurangan kemudahan-kemudahan rawatan seperti radioterapi dan juga kekurangan doktor pakar. Maka akibat kekurangan-kekurangan ini giliran pesakit-pesakit untuk mendapatkan rawatan adalah begitu lama dan menyebabkan penyakit bertambah parah dan bagi penyakit kanser kadang kala penyakit itu merebak ke organ-organ lain ataupun pesakit tidak dapat menunggu giliran mereka dan mati sebelum sampai ke tarikh rawatan. Maka ini satu masalah yang besar.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki situasi ini seperti memendekkan masa giliran. Apakah masa menunggu giliran purata setiap pesakit kanser pada masa sekarang dan apakah langkah-langkah menambah doktor pakar kanser. Terima kasih.

**Dato' Lee Kah Choon:** Terima kasih Yang Berhormat, pertama adalah saya hendak menyatakan bahawa kanser bukanlah satu penyakit berjangkit seperti yang ditanya dalam soalan asal tetapi, untuk Kementerian Kesihatan kita memang mengambil berat tentang penyakit ini dan di antara cara-cara yang kita ambil adalah untuk memendekkan masa menunggu adalah supaya kita *outsourc*e kan kemudahan yang tidak ada atau tidak dapat diberi serta-merta seperti radioterapi dan juga kemoterapi. Yang kedua, adalah kerajaan akan mengambil langkah untuk mewujudkan satu Pusat Kanser Negara di Malaysia ini. Terima kasih.

**Dr. Mohd Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen.

Kalau kita lihat kepada trend TB sekarang ini yang menjadi punca kepada penyakit berjangkit dan kematian yang nombor satu dalam negara adalah disebabkan oleh pendatang asing atau pun pendatang tanpa izin. Soalan saya, adakah kerajaan sekarang telah mempunyai satu kaedah untuk menjamin bahawa pendatang yang datang ke negara kita ini sama ada izin ataupun tanpa izin bebas daripada TB untuk menjangkiti rakyat negara kita kerana dalam Kedutaan Indonesia tahun lepas semasa saya ada beberapa orang yang telah ditahan di situ didapati telah meninggal dunia disebabkan oleh jangkitan TB tersebut. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Setiausaha Parlimen.

**Dato' Lee Kah Choon:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk pendatang yang sah, pendatang asing yang sah kita memang ada kaedah yang ketat supaya sebelum mereka diberi permit untuk datang ke negara kita, mereka kena menjalani tiga pemeriksaan atau ujian kesihatan yang pertama di negara asal mereka. Yang kedua, dalam satu bulan apabila mereka mendarat di negara kita mereka mesti lulus satu ujian kesihatan dan dalam masa 12 bulan sebelum pas mereka diperbaharui, mereka akan menjalani satu lagi ujian kesihatan. Bermakna tiga ujian kesihatan terpaksa diluluskan sebelum mereka dapat tinggal di negara kita tetapi, bagi pendatang asing tanpa izin, ini adalah satu cabaran kepada kita semua bahawa kerana kita tidak dapat menguji mereka berkaitan dengan ujian ataupun pemeriksaan kesihatan ini dan ini adalah satu punca di mana penyakit berjangkit ini dapat merebak di negara kita ini. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat saya tamatkan sesi soal jawab lisan pada pagi ini.

*[Masa bagi Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah tamat]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2005) 2006

#### Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

#### ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.2) 2005

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2005) 2006 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah Majlis."

"Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, memberi ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak dua bilion sembilan ratus enam juta tujuh ratus dua puluh dua ribu dua ratus tiga puluh ringgit (RM2,906,722,230) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2005, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 2005 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3 Tahun 2006 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut, hendaklah disahkan." *[2 Mei 2006]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan untuk menyambung berucap.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua,

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau dapat dihabiskan dalam 11.30...

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Setengah jam, insya-Allah..

**Tuan Yang di-Pertua:** Setengah jam...

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Saya akan menjawab beberapa soalan pokok, saya kira dan perincian yang lebih spesifik itu saya akan uruskan supaya jawapan-jawapan ini dapat dihantar terus kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menimbulkannya. Saya ingin menyentuh tentang perbankan yang diminta oleh Yang Berhormat bagi Jerai kelmarin mengenai kadar faedah yang kelihatan tidak begitu membantu golongan rendah, golongan kecil...

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Sekejap Yang Berhormat bagi Kepong, ya. Nanti saya habiskan ini, saya akan bagi Yang Berhormat bagi Kepong. Sememangnya dasar kerajaan hari ini tidak mengawal kadar faedah. Dari segi bank-bank dibenarkan untuk menentukan kadar faedah sendiri bergantung kepada kadar faedah dasar yang ditentukan oleh Bank Negara. Bank Negara mengemukakan satu-satu kadar faedah dasar seperti mana yang ditambah baru-baru ini 12.25 basis *point* dan bank akan membuat perkiraan masing-masing dan akan menentukan.

Pertamanya, ia akan ada persaingan di antara bank-bank ini sendiri, bermakna bank yang mana lebih efisien, lebih mampu ia akan menetapkan kadar faedahnya lebih baik berbanding dengan bank-bank lain. Tujuannya ialah supaya bank-bank kita menjadi lebih berdaya saing, lebih bebas. Kita tidak mahu mengawal mereka ini sehingga mereka mengatakan mereka tidak dapat bergerak dengan bebas, tidak dapat bergerak mengikuti signal yang diperolehi daripada pasaran, dan inilah sebabnya. Jadi, kerajaan mempunyai sedikit pertimbangan sama ada mahu mengawal kadar faedah untuk mengurangkannya supaya pelabur-pelabur kecil atau peminjam-peminjam kecil dapat meminjam dengan lebih mudah ataupun mempunyai pandangan yang lebih luas supaya bank-bank kita ini lebih berdaya saing supaya mereka lebih besar, lebih berdaya maju, dapat mengembangkan perniagaan mereka di luar negara.

Jadi, saya rasa ini sebabnya, maka akhirnya kerajaan dengan dasar penggabungan bank dan sebagainya, dan hari ini kita lihat hampir seratus buah cawangan bank-bank kita berada di luar negara. Ini menunjukkan satu perkembangan yang agak baik. Bagi peminjam-peminjam kecil yang masih menghadapi masalah, mereka diberikan tabung-tabung khusus oleh kerajaan. Mereka juga diberikan, diminta bank-bank seperti SME Bank untuk membantu mereka, bukan setakat kadar faedah yang sederhana tetapi lebih penting lagi untuk memastikan mereka ini dapat meminjam kerana kadang kala kerana mereka tidak mempunyai kolateral dan sebagainya susah mereka untuk pinjam. Jadi, itu jawapan kepada soalan bank Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Sikit, sikit Yang Berhormat. Pasal apa sekarang Yang Berhormat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Yang Berhormat bagi Jerai, saya punya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Soalan saya, Yang Berhormat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang mana Yang Berhormat, yang mana dulu?

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Sebab ia bank, saya sudah hendak habis bank. Okey, Yang Berhormat bagi Jerai, sekejap pasal bank.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ini kes bank, kes bank ini. Jadi, Yang Berhormat, sekarang ini BIR naik, *interest* naik untuk peminjam perumahan, peminjam kereta, peminjam-peminjam inilah di mana banyak orang-orang sederhana ke bawah ini. Mereka akan merasai kesakitan disebabkan oleh kenaikan BIR dan *interest* kepada bank ini. Jadi, saya hendak balik kepada..., boleh kita menggalakkan mungkin banyak *finance* dan sebagainya menggunakan sistem perbankan Islam supaya ia tidak terlibat dalam kenaikan faedah-faedah di masa akan datang. Adakah cara itu?

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Memang perbankan Islam digalakkan dan memang ada pun banyak bank-bank Islam yang mengendalikan pinjaman sedemikian. Dan mereka boleh memilih, tidak ada masalah. Cuma kadang kala ada juga yang mengatakan bank Islam itu sendiri apabila ia menetapkan keuntungannya, kadang kala keuntungannya pun tidaklah semestinya rendah, ia pun kena mengambil kira juga terutama dalam keadaan ia menjangkakan bahawa kadar faedah ini akan meningkat dalam jangka masa sederhana dan panjang. Jadi, saya rasa cukuplah sebab saya pun diberi masa yang terhad ini. Saya bagi Yang Berhormat bagi Kepong sekejap, Yang Berhormat bagi Kepong.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** [Bangun].

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, semalam saya hendak susul kepada masalah *Islamic banking* kita itu. Sebab walaupun Yang Berhormat ada mengatakan yang betul, kita ada 20 tahun untuk menyiapkan instrumen dan institusi, latihan, sijil dan sebagainya, kita memang ada. *Singapore* pun baru sahaja, 2003 bermulanya tetapi dia dari Bachok sebab semalam pun dia membacok saya, menikam saya kerana itu latah mulut dan latah bilangan. Pasir Puteh pun Bachok juga, saya pun berasal dari sana, nenek moyang saya pun berasal dari Bachok juga, kita tahulah itu membacokkan orang... [Disorak]

Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar di dalam *Islamic banking* kita itu, 70% daripada bukan Islam, 70%. Dan, kerana itu *Singapore* mempunyai *banking conventional* yang cukup dengan prasarana dan perkhidmatan yang cukup baik. Macam mana kita dapat bersaing? Saya bimbang kerana sikap Bachok yang ada itu, yang suka membacokkan sahajalah. Kita jangan *complaisant* sangat. Bolehkah Yang Berhormat sebutkan macam mana kita dapat menyelesaikan kerana *Islamic banking* itu memanglah beribu bilion...

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, Menteri jawab, semalam sudah sentuh.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Disentuh tetapi tidak habiskan usul.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Cukup, cukup Yang Berhormat bagi Kepong, saya sudah bercadang semalam saya tidak akan membacokkan Yang Berhormat bagi Kepong hari ini, biarlah Yang Berhormat bagi Kepong hendak duduk Kepong, Keponglah, ya. Cukuplah itu Yang Berhormat, panjang. Perbankan Islam ini apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat ialah kebimbangan. Saya kata memang kebimbangan ini kita ambil kira, kita sendiri pun tidak mengatakan bahawa kita terbaik di dunia pada hari ini dan akan kekal terbaik. Kalau kita tidak mengambil langkah-langkah yang sewajarnya dan macam-macam langkah diambil. Masa lainlah Yang Berhormat bagi Kepong, kita boleh perincikan. Kalau Yang Berhormat bagi Kepong hendak ajak saya minum kopi, lagi bagus, boleh saya tanya Yang Berhormat bagi Kepong pasal penyakit kulit, Yang Berhormat bagi Kepong tanya saya pasal perbankan Islam...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan, penjelasan!

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Yang Berhormat, saya banyak *point* Yang Berhormat. Saya akan sentuh ini, masa itu nanti Yang Berhormat boleh mintalah, cukuplah dulu Yang Berhormat, ya.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Okey.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Yang Berhormat, saya akan bagi banyak *point* yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dan terus menjurus kepada pertamanya tentang minda kelas pertama universiti ini, yang nampaknya menjadi begitu satu kegemaran Yang Berhormat.

Pertamanya tentang laporan Zahid, saya ingin menyatakan bagi pihak rakan-rakan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi, mereka akan menyebarkan dengan lebih meluas lagi kajian Zahid ini seperti mana Yang Berhormat minta.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan, atas internet, *on the web*?

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Itu saya akan..., tetapi mereka kata mereka akan bagi dengan lebih luas. Itu janji mereka, kita boleh lagilah tanya mereka kalau satu hari mungkin Menteri ada datang nanti kalau tidak puas hati lagi, ya *but they have given their undertaking, they will ...*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *Softcopy, hardcopy available*, internet sangat senang bukan? Kalau ada masalah, kita boleh bantu, kita beri percuma, perkhidmatan percuma.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Okey, itu mereka akan..., Saya hendak jawab tentang pelantikan naib canselor ini, VC ini Yang Berhormat sebab Yang Berhormat mengata panjang lebar. Dan, saya terpanggil untuk memberi penjelasan yang agak terperinci juga kerana saya sebenarnya mengenali calon yang dipilih sebagai Naib Canselor baru Universiti Malaya ini. Beliau merupakan penolong gabenor di Bank Negara bersama saya lama sudah, beberapa tahun. Jadi, seolah-olah Yang Berhormat menyatakan pemilihannya tidak wajar, mungkin tidak mempunyai doktor.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan! Saya mahu betulkan. Saya tidak kata dia tidak wajar, tetapi ada kritik-kritiklah, kita perlu ambil kira.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Yang Berhormat, pertamanya pemilihan ini dibuat oleh Jawatankuasa Pemilihan, ini satu fakta, yang telah pun dibuat oleh Yang Berhormat Menteri, melantik. Dan, Jawatankuasa Pemilihan ini yang diduduki oleh ahli-ahli kenamaan akademik, bekas-bekas naib canselor termasuklah juga Profesor Khoo Kay Kim telah memilih Yang Berbahagia Datuk Rafiah ini. Saya menarik untuk menjelaskannya kerana Yang Berhormat ada menyebut orang-orang yang layak seperti Profesor Mokhtar Tamin, seorang dekan. Yang Berhormat mungkin tidak mengetahui bahawa Datuk Rafiah Salim ini menjadi dekan Fakulti Undang-undang di Universiti Malaya pada satu masa...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tahu, tahu!

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Bermakna kalau perbandingan di peringkat dekan, mungkin beliau sudah layak, ya. Keduanya, Yang Berhormat begitu gembira menyebut tentang Profesor Dr. Jomo, yang sekarang ini mendapat tempat yang tinggi di peringkat dunia Yang Berhormat kata sebagai ahli ekonomi ataupun *chief economies*, dengan izin, di *United Nations*, Bangsa-Bangsa Bersatu yang merangkap sebagai Penolong Setiausaha Agung kerana dia merupakan *chief economies*, dia adalah merupakan Penolong Setiausaha Agung. Dan inilah contoh orang-orang kita yang mendapat tempat di dunia. Saya tidak tahulah sama ada Yang Berhormat tahu atau tidak bahawa Yang Berbahagia Datuk Rafiah Salim ini pernah menjadi Penolong Setiausaha Agung...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tahu, tahu!

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Kalau tahu mengapa Yang Berhormat kata masih seolah-olah tidak sesuai kalau yang Jomo yang disebut-sebut, yang dibangga-banggakan...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan, saya tidak pernah kata bahawa Datuk Rafiah Salim ...

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Saya ada tanda Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Mana ada kata, saya tidak ada.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Yang Berhormat ada tanda, saya tanda Yang Berhormat...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ada tanda ada soalan tetapi tidak pernah kata bahawa dia tidak layak tidak patut dilantik.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Okeylah kalau macam itu....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Saya cakap wujud syabas tetapi ada soalan-soalan patut dijawab.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Okeylah kalau macam itu Yang Berhormat setuju bahawa Profesor Datuk Rafiah Salim ini layak?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *She is under test, only time will tell* dan ini berkenaan semua calon-calon untuk semua jawatan tinggi, *she is under test, a very great test* dan bukan *I don't envy her an enviable task, and invidious.. task. I wish her the best.*

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Okeylah maknanya okeylah itu, saya setuju Tuan Yang di-Pertua, saya setuju maknanya Yang Berhormat tidak ada masalah dengan dia. Jadi kita terima bahawa Datuk Rafiah Salim ini merupakan seorang calon yang wajar yang dipilih melalui jawatankuasa pemilihan dan kita bagi peluang kepada beliau seperti mana kita bagi peluang kepada mana-mana calon lain yang telah dipilih dalam jawatan-jawatan tinggi yang lain.

Tentang beberapa projek yang disebut oleh Yang Berhormat kenaikan kos yang begitu tinggi dan sebagainya. Pertamanya sebagai Timbalan Menteri Kewangan saya ingin menyatakan bahawa projek *double tracking* ini sebenarnya masih di peringkat perbincangan harga. Kementerian Kewangan belum lagi menerima permohonan daripada Kementerian Pengangkutan tentang pemilihan kontraktor dengan harganya.

Kementerian Kewangan memang akan menentukan sama ada harga yang diberikan ini adakah berpatutan. Jadi, maklumat yang diperolehi oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor itu..., saya tidak tahulah, tetapi setakat ini Kementerian Kewangan belum lagi menerimanya dan Kementerian Kewanganlah yang akan meneliti dan akan menentukan sama ada ianya wajar atau tidak...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Bolehkah kita tahu nama kontraktor yang pertama, yang kedua Yang Berhormat Menteri Pengangkutan ada kata bahawa perkara ini dalam Kementerian Kewangan dia tidak boleh jawab. Sekarang Yang Berhormat dari Kementerian Kewangan kata ini dalam Kementerian Pengangkutan tidak boleh jawab, siapa akan jawab di sini?

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Bukan, dia akan sampai kepada Kementerian Kewangan, mungkin Yang Berhormat Menteri Pengangkutan menyatakan bahawa penentuan harga ini akhir-akhirnya akan ditentukan oleh Kementerian Kewangan, betul. Kementerian Kewangan akan menentukan sama ada ianya boleh diterima atau tidak dan akan sampai kepada Kementerian Kewangan. Apa yang saya katakan hari ini belum lagi sampailah, insya-Allah dia akan sampai dan Kementerian Kewangan akan memainkan peranannya itu.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Nama kontrak dan adakah Kementerian Kewangan akan bersetuju kenaikan 55% daripada RM420 juta tiga tahun dahulu kepada RM650 juta...

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Macam mana kita hendak setuju kalau belum sampai kepada kita lagi, kontraknya pun kita tidak tahu siapa. Kementerian Pengangkutan akan menghantar nama.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Kenapa Yang Berhormat tidak tahu semua orang tahu, Yang Berhormat tidak tahu sahaja. Semua dalam bidang ini tahu.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Secara rasminya belum sampai dan saya tidak mahu ingin menyatakan sesuatu yang tidak rasmi. Kalaulah katanya ditukarkan kemudian dan dihantar nama yang lain, saya sudah membuat kenyataan di Parlimen ini. Apa Yang Berhormat kata? Jadi kita tunggu sahajalah, kita tunggu. Kita tunggu nanti kita...

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik tunggu keputusan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Okey satu lagi Yang Berhormat, Yang Berhormat ada baca surat khabar kelmarin *Borneo Post* apa kah, tentang diskriminasi ini? Cuma butir-butirnya Yang Berhormat tidak sebut, Yang Berhormat kata dia kononnya, kononnya tidak mendapat pinjaman RM5 juta kerana bukan bumiputera.

Jadi kita ingin mengetahui Yang Berhormat, perinci ataupun latar belakang dia, siapa, kerana saya tahu sangat semasa di Bank Negara, dulu banyak laporan-laporan ini merupakan laporan sebelah pihak. Dia boleh cakaplah kepada surat khabar dia tidak dapat ini kerana alasan itulah alasan ini tetapi bila kita kaji mungkin bukan status bumiputera. Apa yang sekarang ini pinjaman yang berdasarkan kepada bumiputera? Saya tidak yakin ada jenis pinjaman sekarang ini yang hanya bumiputera yang layak apa dia beritahu, pinjaman apa itu?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan, ini ada *Borneo Post* di sini, sebenarnya anak Dr. Patau Rubis, bekas Ahli Parlimen di sini, anak dia Bidayuh, namanya *Sont Poul Rubis, 24 was recently refuse* dengan izin, *RM5 million loan man for bumiputera entrepreneurs because at the agency he was told you are not recognize as a bumiputera...*

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Apa agensinya?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ha?

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Tak ada, carilah dulu Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Saya cari dulu, tetapi yang ini dalam tentu Yang Berhormat tahu ada.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Yang Berhormat cari dahulu kemudian bagi saya.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Akan tetapi ini saya percaya seorang bekas Ahli Parlimen Barisan Nasional, Barisan Nasional tentu bertanggungjawab.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Bekaskah atau anak dia?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Akan tetapi saya harap boleh siasatlah siasat, oleh sebab kita tidak mahu lban-lban di Sarawak di anggap sebagai *second class* bumiputera...

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Bukan!

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Sekarang mereka dianggap bahawa mereka *second class* bumiputera.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Bagilah dulu Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ini tidak adil.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Yang Berhormat, *don't jump the gun*.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Yang Berhormat, boleh saya tanya sedikit Yang Berhormat? Sikit.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Ya.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat. Soalan saya memang bank-bank banyak membantu. Kalau membantu orang Melayu, bumiputera apa salahnya? Negara ini negara kita, status bumiputera jangan sesiapa pertikaikan. Saya rasa Ipoh Timor ini ambil kesempatan sebab pilihan raya di Sarawak. Dia hendak masuk Sarawak tidak ada modal. Jadi guna modallah ini, seolah-olah dia membela bumiputera.

Jadi apakah Yang Berhormat setuju bahawa yang sebenarnya membela bumiputera ini, baik orang Melayu bumiputera keseluruhan di Sarawak di Sabah di mana-mana juga adalah Barisan Nasional. Apakah Yang Berhormat setuju sedangkan Ipoh Timor ini ambil kesempatan dia hendak bertanding di mana pun kalah sudah Yang Berhormat. Ketua Melaka pun tidak terima dia dah.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Betul saya setuju.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tidak apa mungkin ada Ahli-ahli Parlimen Sarawak di sini boleh menjelaskan mereka pun tahu Iban, Bidayuh boleh berdiri tanpa buat penjelasan.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Yang Berhormat, tidak apa cukup Yang Berhormat kalau hendak ini bagi *detail* dia, bagi agensi mana dan saya boleh membantu, menghubungi apakah status bumiputera pertamanya, sama ada bumiputera itu menjadi *relevant*. Keduanya kalau orang Bidayuh apakah dia tidak bumiputera? Jadi sebelum kita buat sesuatu *conclusion*, dengan izin, kita dapatkan maklumat yang lebih lanjut.

Okey, mengenai inflasi Yang Berhormat, ini satu tajuk yang agak penting Yang Berhormat kata CPI semakin meningkat, kena cari satu kaedah lain, Yang Berhormat kata untuk mengatasi masalah inflasi dalam jangka masa panjang. Saya ingin menjawab sedikit tentang ini kerana usaha untuk mengatasi inflasi ini semestinya meliputi pelbagai dasar atau *instrumen*. Dalam jangka masa pendek memanglah kawalan harga itu cukup berkesan tetapi dalam jangka masa panjang sesuatu yang lain juga perlu dicari. Buat hari ini kita lihat bahawa dasar kita selaras dengan dasar yang diikuti di dunia mengenai pengawalan inflasi ini, agak berkesanlah di samping kenaikan harga minyak yang begitu tinggi kadar inflasi kita walaupun meningkat tetapi tidaklah terlalu tinggi buat hari ini begitu jugalah di dunia.

Bahkan di peringkat dunia, saya lihat bahawa ramai ahli-ahli ekonomi juga tertanya-tanya mengapakah masih tidak dilihat kesan kenaikan harga minyak yang begitu tinggi kepada paras inflasi di seluruh dunia. Mungkin kerana keadaan permintaan di seluruh dunia tidaklah begitu tinggi seperti sebelum ini dan kadar faedah di seluruh dunia pun berada dalam keadaan yang secara puratanya agak rendah, 3% hingga ke 4% secara keseluruhan.

Jadi, kita lihat umpamanya kadar faedah kita juga di Malaysia ini sudah meningkat daripada 2.7% kepada 3.25% sejak beberapa tahun ini, satunya. Keduanya kalau kita lihat dari segi kadar pertukaran ringgit kita juga, ringgit kita sudah menjadi semakin kukuh. Hari ini dimasukkan dalam berita utama *The Star* ringgit berada pada paras yang tertinggi sejak lapan tahun, 3.61 berbanding dollar Amerika dan pengukuhan ringgit ini dengan sendirinya juga akan mengawal kos inflasi yang diimport.

Akan tetapi yang paling utama saya rasa dalam jangka masa panjang ialah produktiviti kerana dengan peningkatan produktiviti sahaja kita dapat menghasilkan pengeluaran yang secara purata kosnya dapat bertahan ataupun semakin kurang walaupun gaji dalam jangka masa panjang meningkat tetapi kalau produktiviti meningkat lebih tinggi maka purata kosnya akan dapat dikawal. Dan inilah saya rasa kalau dalam jangka masa panjang kita lihat penekanan kerajaan terhadap dasar-dasar pembangunan modal insan umpamanya, meningkatkan kemahiran, meningkatkan penggunaan teknologi-teknologi maklumat dan sebagainya. Ini adalah usaha-usaha yang agak bernas dan kalau kita lihat penekanan yang diberikan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini terhadap pembangun modal insan ini adalah cukup penting.

Dan dalam jangka masa panjang ia akan juga menjurus kepada membantu usaha membanteras inflasi...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Terima kasih. Saya mahu soal membantu Yang Berhormat Timbalan Menteri balik kepada itu kes. Inilah *Federal agency*. Sebuah *Federal agency* yang sebenarnya untuk satu permohonan dengan izin, "*To set up the five million ringgit factory to manufacture activated carbon as oil palm by products which enormous potential for the export market*".

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Dan saya berharap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri yang sebagai dijanjikan, boleh siasat *Federal agency* khasnya, dan bahawa dia ada satu kes lagi "*Involving a Malaysian bank which is approved a business loan to an Iban business man a few years ago, but could only release the loan subject to a Malay name being included in the application*". Inilah dalam Malaysia Kini semalam.

Dan ini semua bukan *speculation* atau khabar angin. Sangat serius dan tuduhan Yang Berhormat Larut kata ini bersangkut paut dengan *Sarawak Election, what is wrong?* Yang kerajaan, Ketua Menteri menggunakan *State Assembly* untuk *Sarawak Election, right or wrong?* Itu sahaja. Ini *wrong* harap boleh diperbetulkan.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Okey Yang Berhormat. Kita akan mengambil....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Yang Berhormat, saya rasa dia dah panas telinga Yang Berhormat. Tentang mereka dah nampak di Sarawak itu tak ada peluang Yang Berhormat. DAP ini. Tak ada peluang. Itu sebab dia bawa isu-isu bumiputera. Sedangkan masalah bumiputera ini tadi, saya kata, kita membela nasib bumiputera ini, termasuk di Sarawak. Jadi apa yang....

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Menggadaikan hak bumiputera Iban di Sarawak.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Tak. Yang menggadaikan DAP, bukan kami.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Pengkhianat!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Kita tak pengkhianat, DAP yang pengkhianat.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Tanyalah rakyat. Semua mengatakan bahawa DAPlah pengkhianat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup, cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Okey. Jadi saya minta Yang Berhormat kita akan ada *detail* itu dan saya akan kaji. Kita akan hubungi Bank Negara untuk mendapat penjelasan dan juga bank-bank yang berkenaan. Akhirnya itu, mengenai FDA, saya ingin sebut sedikit mengenai FDA ini Yang Berhormat. Sebenarnya FDA ini, kita sekarang ini hanya yang kita kuat kuasakan ialah FDA antara Malaysia dengan negara ASEAN sahaja. FDA dengan negara-negara lain belum dikuatkuasakan. FDA dengan *Japan*, Jepun ya? Walaupun kita sudah menandatangani tetapi kita masih belum menguatkuasakan kerana menunggu Jepun, dia punya pengesahan oleh Kerajaan Jepun, *ratification* kah apa? Jadi kita masih lagi menunggu sebelum melaksanakan. Mengenai FDA dengan US, Yang Berhormat ada memberi cadangan supaya kita jangan terlalu tunduk kepada kehendak US...

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** [Bangun]

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]** [Bangun]

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Yang Berhormat dengar dulu. Selepas itu..., supaya kita jangan tunduk dengan kehendak US ini supaya ia dapat ditamatkan dalam satu-satu jangka masa yang pendek. Saya rasa mana-mana FDA mestilah merupakan satu perjanjian yang *win-win*, ya? Yang menang-menang. Kita tidak boleh menandatangani mana-mana FDA yang berat sebelah, yang hanya menguntungkan satu parti. Jadi, kalau masa yang diperlukan itu tidak semesti tertakluk kepada mana-mana had yang ditentukan oleh mana-mana parti, maka saya rasa inilah satu prinsip yang akan kita ikuti nanti.

Minta Tangga Batu, Tangga Batu awal tadi.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Yang Berhormat, Tangga Batu, Tangga Batu dahulu. Saya berdiri awal tadi.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Selepas Tangga Batu saya bagi..

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Baik, baik, baik, baik..

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Mengenai dengan *Japan-Malaysia Economic* FDA ini. Saya nak tahu, oleh sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut tadi, yang kita tidak ada, Kementerian Kewangan tidak ada kawalan sebelum ia dikuatkuasakan.

Boleh tak Yang Berhormat berkongsi dengan saya atau Dewan yang mulia ini, tentang antara Japan dan Malaysia dalam FDA ini, nampak sangat yang perjanjian itu tidak menyebelahi kita. Umpamanya, *fisheries product*. Terpaksa kita tukarkan dengan *permit automobile*. Jadi ini dua keadaan yang berbeza. Macam mana pula dalam keadaan kita hari ini, bolehkah kita mampu untuk memenuhi kehendak dan kemahuan negara Jepun tentang produk-produk perikanan dan pertanian ini? Nampak tidak seimbanglah. Ada tak kementerian atau wakil Kementerian Kewangan semasa perbincangan awal ketika perjanjian ini diperhalusi dahulu. Itu soalan saya. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, segala perbincangan dan urusan FDA ini adalah di bawah kepimpinan Kementerian MITI. MITI yang *lead* ataupun mengetuai perbincangan. Begitulah juga dengan Amerika Syarikat ini. Jadi, Kementerian Kewangan memang ada wakil tetapi segala perkara berhubung dengan FDA ini dibawa ke Kabinet dan sebagainya oleh MITI. Jadi MITI merupakan kementerian utama. Jadi, saya tidak ingin membincangkan dengan lebih lanjut kalaulah ini sesuatu yang Yang Berhormat rasa perlu, peringkat Jawatankuasa bila ada Menteri yang jawabnya, bolehlah ditanyakan. Ya Ipoh Timor.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya. Mengenai FDA Jepun dan Malaysia, memandangkan bahawa ia sudah dimeterai. Sudah ditandatangani sungguhpun tanpa penglibatan dengan seluruh NGO, adakah kerajaan rela untuk membentangkan Parlimen atau mengumumkan dengan analisa *cost benefit* supaya boleh melibatkan semua sektor-sektor *civil society*.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Ya, FDA ini memangnya merupakan satu *exercise* yang melibatkan pengkajian *cost* dan *benefit*, ya. Kita memang dalam satu-satu perjanjian dua hala, seperti ini ada yang kita untung, ada yang kita tidak berapa untung, ya. Asalkan secara keseluruhannya, boleh dikatakan untung, untung dan secara keseluruhannya, untung kita itu lebih besar daripada rugi kita. Ini prinsip-prinsip. Tentang sama ada nak bentang kah tidak ini, ini soal dasarnya. Kita boleh ambil perhatian cadangan Yang Berhormat ini, dan saya boleh bawa kepada makluman pemimpin yang lebih atas lagi, Menteri Kewangan sendiri, supaya apabila dalam perbincangan Kabinet, mungkin boleh disuarakan kehendak Yang Berhormat...

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** [Bangun]

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Kubang Kerian.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di dalam Parlimen ini, semasa Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua menjawab soalan penggulangan tentang RMK-9. Dalam isu FDA kita dengan Amerika Syarikat, Amerika membawa 200 orang peguam yang sangat berpengalaman, dan kita hanya beberapa orang sahaja, kepakarannya. Di sini saya ingin mengatakan tentang *feasibility studies*. Adakah kita sudah cukup, pengalaman kita dengan FDA?

Sebagai contoh, Amerika Syarikat dalam FDA dengan mana-mana negara, Kongress Amerika Syarikat telah membuat suatu ketetapan. *Bottom line* nya adalah kepentingan petani mereka. Tak ada *compromise* tentang subsidi yang diberikan kepada petani mereka tetapi kita dalam FDA dengan Jepun dan dengan FDA yang bakal kita tandatangi dengan USA, adakah ini suatu ketetapan yang kita boleh ambil bersama?

Sebab itu, adakah jaminan Parlimen ini akan diberikan kuasa untuk memberikan kata akhir sama ada negara bersetuju ataupun tidak untuk *sign agreement* ini dengan USA? Dengan Jepun, apa yang kita rugi, apa yang kita untung? Ini persoalannya.

Kita nak jual buah-buahan. Eksport buah-buahan, apa buah-buahan yang boleh kita eksport setakat hari ini? Tak ada satu produk yang boleh kita eksport..., saya biasa ke Jepun. Jadi, ini pada saya, saya minta supaya Yang Berhormat Menteri yang menjaga Kementerian Kewangan ini, supaya mengambil kira *bottom line* nya mestilah menjaga kepentingan rakyat, petani...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat. Cukup.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Baik, okey Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Minta penjelasan.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya tentang Amerika yang membawa beratus-ratus lawyer berbanding dengan kita ini. Saya tak tahu bila dia berjumpa kita? Sebab perundingan FDA dengan Amerika ini akan bermula bulan enam. Jadi, saya tak tahu. Itu majlis lain kot? Dia bawa pergi *conference* kah, apa kah, tetapi FDA dengan Amerika, belum mula perundingannya. Ia akan bermula dalam bulan enam...

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Diberitahu oleh Menteri Kewangan II bahawa di Malaysia dalam pra-perundingan FDA, mereka bawa 200 orang *lawyers* dan kita diperakui, kita tidak ada kepakaran untuk berlawan dengan *lawyer-lawyer* mereka yang benar-benar berpengalaman.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Ya, saya akan tengoklah apa dalam konteks mana itu? Mereka datang melawatkah? Akan tetapi...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Yang Berhormat, mungkin kita lebih cerdik Yang Berhormat. Dua, tiga orang sahaja yang kita perlu. Tak perlu ramai-ramai macam PAS kata itu... *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukuplah.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Ya.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, setengah perkara ini telah pun dibangkitkan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Terakhir, terakhir.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Ya, cukuplah, banyak dah ini. Sebenarnya ini MITI. FDA ini nanti tanya Menteri MITI, ya? Lebih banyak *detail*.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Okey, sama satu negeri. Satu negeri, satu negeri...

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Okey terakhir, terakhir. Okey Ipoh Timor. Yang terakhir.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Saya baru dapat *contact* dengan Dr. Patau Rubis, ialah MIDF. Agensi ialah MIDF, empat minggu lalu menolak permohonan RM5 juta pinjaman anak Patau untuk khas *bumiputera entrepreneurship* dan saya harap bahawa Yang Berhormat boleh siasat. *Instant checking*.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Ya, ya okey. Maknanya lebih berkesan ya?

**Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat..

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Lagi satu sahaja...

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Ha, cukuplah Yang Berhormat Rantau Panjang...

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Satu negeri, satu negeri lagi..., *last-last...*

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Yang Berhormat Rantau Panjang bukan hendak minta maaf pun, kalau minta maaf saya beri..

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Nak minta maaf apa pula?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat..., cukup, cukup...!

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Tidak payah la, Yang Berhormat Rantau Panjang ini suka menggatal sahaja. Yang Berhormat Rantau panjang ini tidak payah lah...

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Ini baru ambil kira, ini baru ambil kira ini..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak payah..., cukup lah, cukup lah...!

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Satu sahaja, ini soalan..., ini soalan. Ini penting.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tentang apa, soalan?

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** FTA, FTA. Ini penting. Sebab itu hari saya berlawan dengan Menteri Kewangan II, persoalan FTA. Sekarang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Okey lah, okey..bagi.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Ya, ya terima kasih. Saya hendak minta penjelasan yang baik ini. Ini betul ini. Sebenarnya waktu saya mempersoalkan kebimbangan saya waktu kita akan berunding dengan Amerika, masalah FTA ini. Saya mengambil contoh kepada apa yang berlaku kepada negara Mexico. Di mana Mexico, waktu perundingan dibuat itu cukup cantik tetapi hasilnya, selepas itu sebanyak 1,700,000 rakyat Mexico terpaksa menganggur.

Hasil daripada perundingan dengan Amerika. Dan kita kena ingat siapa Amerika ini. Jangan kira Yang Berhormat Larut ini. Yang Berhormat Larut, dia rasa dia bijak sangat. Dia rasa dia bijak tetapi Amerika lebih-lebih baik lagi. Jadi saya harap...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Saya memang kata tidak bijak, tetapi tidak menggatal Yang Berhormat macam Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Ini barua betul ini..., Ini barua.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Janganlah, yang bimbang selalu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Okey Yang Berhormat, cukuplah...

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Soalnya sekarang ini...

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Sudah faham, sudah faham...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat..., sudah faham...!

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Penjelasan, penjelasan...

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Nanti sekejap, saya belum..., ini peluang saya.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** ...Timbalan Menteri, Yang Berhormat Rantau Panjang janganlah. Yang Berhormat Rantau Panjang, saya tahu Yang Berhormat Rantau Panjang besan kepada Menteri Besar Kelantan. Janganlah...! Ini..., janganlah menggatal di sini, tidak bagus.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Nantilah, nanti dulu, nanti dulu..., saya tidak habis lagi...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Tidak bagus. Tunjuk satu kejujuran sebagai seorang...

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Larut, Larut...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** *Order... Order...!*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Saya tiada di sini hari itu berlaku tetapi saya dengar perkataan 'gatal' digunakan. Boleh tarik *unparliamentary* dalam konteks ini bolehkah Perak membuat satu *order* bahawa Yang Berhormat bagi Larut tarik balik, tarik balik perkataan itu supaya benda itu menjadi satu...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Saya tidak cakap. Saya tidak kata..., saya tidak sebut..., saya tidak pernah sebut. Yang sebut Yang Berhormat Rantau Panjang...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tarik balik, tarik balik..., kita ada *high standard*, ada *high standard*...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Saya tidak pernah sebut. Saya minta Yang Berhormat Rantau Panjang tarik balik. Saya tidak pernah sebut. Yang Berhormat Ipoh Timur jangan salah faham...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Rantau Panjang sudah tarik balik...

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Cukup, cukup! Ini peluang saya, boleh saya teruskan? Cukup. Okay yang lain. Ini saya mahu terus kepada sahabat saya Yang Berhormat dari Jasin kerana Yang Berhormat bagi Jasin ini banyak menimbulkan soalan-soalan Kastam dan telah pun mendapat liputan yang begitu meluas hari ini saya nampak. Cuma saya hendak memperbetulkan sedikit fakta.

Pertamanya mengenai jumlah kutipan hasil bagi tempoh Januari 2006 hingga 30 April 2006 ialah sebanyak 8.02 bilion iaitu meningkat sebanyak 57.6 juta berbanding 7.96 bilion dalam tempoh yang sama pada tahun 2005. Ini fakta yang sudah kita *check* lah ya.

Keduanya mengenai penggunaan sistem manual. Memang betul kita masih lagi dalam proses untuk sistem baru ini, sistem maklumat Kastam baru ini diguna pakai di semuanya tetapi belum lagi 100 peratus *stable* lah. Di dalam peringkat pelaksanaan. Jadi ada kadang kala *glitches in there*, dengan izin. Maka ada setengah-setengah pintu masuk itu digunakan manual, buat masa ini akan tetapi tidak berapa lama lagi, saya rasa apabila sistem ini dapat dilaksanakan sepenuhnya. Dan juga tentang *reward* untuk pegawai Kastam yang memberi maklumat pencegahan ini, sebelum ini pegawai Kastam juga mendapat *reward* di samping orang awam, maka Jemaah Menteri sudah pun membuat keputusan pada 21 April 2004 memutuskan supaya *reward* ini tidak diberikan lagi kepada pegawai Kastam. Jadi pegawai Kastam tidak dapat. Hanya yang dapat ialah orang-orang awam. Sebuah pasukan telah ditubuhkan untuk mengkaji KPI jabatan ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Larut..

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Minta penjelasan sedikit. Tadi saya agak keliru, apakah Yang Berhormat mengatakan bahawa selain hadiah yang disediakan untuk orang awam untuk diberikan sekiranya mereka menyampaikan maklumat.

Apakah kalau ada di kalangan kakitangan Kastam itu juga turut memberikan maklumat pada ketika mereka mungkin bercuti dan sebagainya, mereka tidak akan mendapat sebarang ganjaran. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Mereka tidak akan mendapat *reward* seperti mana yang diberikan kepada orang awam tetapi mereka ada satu tatacara di mana segala sumbangan ini akan diambil kira sebagai sebahagian daripada kecemerlangan tugas yang akhirnya akan diambil kira dalam kenaikan pangkat dan segalanya. Dan KPI ini ada satu pasukan khas yang sedang mengkajinya. Saya ingin...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sungai Petani...

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Sungai Petani? Okey lah. Silakan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Saya berbalik mengenai *reward* tadi kepada pegawai Kastam. Kalau ditarik balik insentif ini, besar kemungkinan kes-kes besar tidak akan dapat diselesaikan. Jadi saya minta pihak Yang Berhormat pertimbangkan semula. Insentif inilah yang memberi ganjaran. Lebih-lebih lagi mereka mengambil risiko yang tinggi apabila menghadapi berbagai-bagai kes-kes penyeludupan dan sebagainya. Terima kasih.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sungai Petani. Pertamanya ini keputusan Kabinet, Kabinet sudah pun berbincang. Keduanya ini berhubung dengan maklumat yang diberikan bukan penyelesaian masalah. Maknanya apabila maklumat itu sudah ditahu atau pun diselidiki, risikan sudah pun dibuat mengenai maklumat yang sudah diterima, maka tidak ada ganjaran lagi dah, tiada *reward*. Kerana kita tidak...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Yang Berhormat...

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Sekejap, kerana kita tidak mahu seseorang yang menjalankan tugas itu dikaburi pula dengan kepentingan untuk mendapat ganjaran. Jadi kita kena menjalankan, saya rasa semua pegawai kerajaan ingin menjalankan tugas dengan baik. Kalau macam itu, semua yang lain pun mesti ada ganjaran juga, kena ada *reward* juga. Jadi...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Yang Berhormat, mungkin boleh saya cadangkan sedikit. Ini *upper case specific*, dengan izin. Mungkin tidak semua kakitangan kerajaan Kastam. Mungkin sewaktu dia menjalankan tugas, dia terpaksa membuat *ambush* di tempat lain. Katakan dia datang daripada Larut, *team* ini pergi ke Kota Belut. Dan dia berjaya menawan dan menangkap penyeludupan ini. Dan ini boleh ditimbang sebagai satu insentif. Kalau boleh minta Yang Berhormat mencadangkan balik kepada Kabinet, sebagai satu insentif untuk tidak melenturkan semangat mereka yang begitu jitu dan kuat bagi membanteras penyeludupan kerana masalah untuk membanteras penyeludupan merupakan satu risiko yang besar, yang mungkin terpaksa dihadapi oleh pihak kastam ini.

Jadi mungkin kalau dapat dipertimbangkan jasa baik Yang Berhormat sebagai Timbalan Menteri yang berkenaan, Yang Berhormat, mungkin perkara ini dapat dipertimbangkan balik. Ini akan memberi satu insentif yang baik kepada kakitangan Bahagian Penguat kuasa Kastam untuk terus membanteras penyeludupan.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Okay, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, *reward* dan insentif ini tidak perlu di campur adukkan. Kalau tidak ada *reward*, tidak semestinya tidak ada insentif. Insentif boleh dalam bentuk lain. Jadi saya rasa cukuplah mengenai ini sebab saya ada beberapa perkara lagi, Yang Berhormat bagi Keterah kalau..., apa Yang Berhormat bagi Keterah?

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Keterah]:** Dia begini, Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri. Kita dapati kalau yang Kastam, apabila Kastam pergi membuat anti penyeludupan tangkapan, saya dapati dalam sejarahnya biasanya dia berjaya merampas balik semua yang dikatakan penyeludup tetapi penyeludup semuanya lepas lari.

Persoalan yang timbul ialah apakah penyeludup lepas lari ini kerana masalah susah untuk mendakwa kerana ianya akan menyebabkan proses yang lama atau kerana sekarang ini sudah tiada *reward*. Dia berjaya rampas balik. Candulah, gulalah tetapi penyeludup, lepas lari. Terima kasih.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Penyeludup itu, kadang-kala penyeludup ini dia tangkas, sebab dia tidak mempunyai satu-satu kedai yang mana dia mempunyai kedai premis dia. Yang mana senang kita tangkap barang dalam itu bermakna orang yang dalam itu bertanggungjawab. Penyeludup ini, *on the move*. Jadi mungkin itu salah satu daripada sebab.

Saya tidak rasa ada sebab kurangnya insentif la, apalah. Saya rasa ini adalah satu, kita tidak mahu ada jangkaan yang tidak positiflah. Kita merasakan mereka cuba sedaya upaya untuk menjalankan satu tugas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Jasin.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Yang Berhormat bagi Jasin kerana dia bertanya soalan awal, soalan asal. Silakan, kita bagi.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Timbalan Menteri atas penjelasan diberi tetapi saya masih lagi tidak memuaskan hati saya kerana memang saya tahu hasil ada naik RM8 bilion lebih tetapi selepas pengumuman NAP, Pengumuman NAP. Kalau hendak dibandingkan lagi dengan tahun sudah, masih rendah lagi kerana kereta itu kereta yang lepas dilepas itu, barulah hasil naik. Dan yang nombor dua, yang saya mempertikaikan semalam.

Kita sudah ada, Kastam sudah membina sistem pengkomputeran yang menelan belanja jutaan ringgit. Mengapa balik ke manual? Dan manual ini, disebabkan oleh manual pada hari ini, banyak barangan-barangan di KLIA tidak dapat keluar dengan cepat dan lebih mendukacitakan, banyak di antara barangan-barangan ini melibatkan fesyen. Fesyen ini satu minggu atau dua minggu sudah tukar fesyen lain. Kalau yang pengimport ini tidak dapat mengeluarkan barangannya dengan cepat, maka dia akan rugi dan yang lebih merugikan adalah peniaga-peniaga dan juga *forwarding agents* yang kecil-kecil, milik orang Melayu, milik bumiputera. Yang ini jadi masalah.

Jadi oleh yang demikian kita berharap supaya Kastam mengambil tindakan yang ini. Bukan hendak jawab surat khabar, bukan hendak berpantun dalam surat khabar, tetapi hendak menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga kita, lebih-lebih lagi peniaga-peniaga kecil. Apa pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Terima kasih kerana nampaknya pendirian Yang Berhormat begitu *consistent* dan *persistent*, dengan izin. Kita akan pastikan suara-suara Yang Berhormat ini akan didengari sebaik mungkin oleh Jabatan Kastam dan insya-Allah kita akan perbaiki lagi pada masa-masa akan datang.

Yang Berhormat bagi Jerai ada menimbulkan soal *design and build* ini yang memakan belanja yang besar dan sebagainya. Sebagai satu dasar, kerajaan sudah pun berubah khususnya dalam pembinaan sekolah-sekolah ini daripada kaedah *design and build* kepada kaedah *standard design* oleh JKR... [Yang Berhormat Jerai masuk ke dalam Dewan] Kita jawab soalan Yang Berhormat bagi Jerai mengenai *design and build* ini, Yang Berhormat bagi Jerai baru masuk, saya kena sebut ini sebab nanti Yang Berhormat bagi Ipoh Timor kata dia masuk tegur, Yang Berhormat bagi Jerai baru masuk tidak tegur. Jadi, bukan tidak beritahu...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Pasal ada urusan di luar.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Beritahu, ya. Terima kasih... [Ketawa] Okey, saya ingin menyentuh tentang Yang Berhormat bagi Tanjong. Yang Berhormat bagi Tanjong ada? Yang Berhormat bagi Tanjong ini dia panjang lebar semalam menyentuh tentang integriti. Dia bagi satu hujah, satu ceramah bagaimana kita sebagai satu profesion orang-orang atau ahli politik ini melalui *survey* yang dibuat tidak begitu meyakinkan masyarakat.

Dalam *survey*, di antara orang-orang yang ditanya siapa yang lebih dipercayai berbanding dengan doktorlah, pegawai kerajaanlah, ahli politik ini yang tercorot di bawah dan dia gunakan ini sebagai menampakkan kekurangan integriti di Malaysia dan sebagainya.

Akan tetapi Yang Berhormat Tanjong tidak menceritakan sepenuhnya. Cerita yang tidak diceritakannya ialah keadaan yang sama juga ditemui dalam *survey* di England. Di England juga, *survey* yang sama meletakkan ahli politik ini di tempat yang paling corot. Jadi bermakna bukan orang politik di Malaysia sahajalah yang tidak meyakinkan masyarakat, di negara-negara lain juga. Kita tahu kalau banding orang-orang politik dengan doktor, siapa yang orang awam lebih mendengar kerana doktor ini sains dan perubatan, takkan dia hendak percaya orang yang bukan sains dan perubatan berbanding dengan orang perubatan.

Jadi saya hendak sebut ini supaya kadangkala kita buat cerita itu kita kena ceritalah sepenuhnya. Janganlah meninggalkan, *hanging*, seolah-olah perkara ini masalah di Malaysia. Jadi dia pun sebutlah Institut Integriti Nasional kita, PIN kita, malu kita. Ini merupakan *occupation on hazard*, dengan izin. Semua kita ini, orang-orang politik hari ini, di mana juga di dunia ini tidak mendapat keyakinan. Ini satu fakta. Kita lihat hari ini dalam surat khabar, Presiden Bush dalam *surveynya* gagal. Ini dibuat oleh profesor-profesor di Amerika Syarikat, gagal! Pada satu masa Presiden Bush ini yang tersohor, apakah hari ini Presiden Bush sebagai seorang *politician* menunjukkan teruk, bukan! Ini persepsi masyarakat dan mengikut isu semasa dan keadaan semasa memang ia berubah macam itu. Jadi ini, Yang Berhormat bagi Tanjong saya hendak buat penjelasan.

Yang Berhormat bagi Beluran, tentang *e-filing*. *E-filing* ini bukan sahaja Yang Berhormat bagi Beluran, nampaknya ramai yang bertanya-tanya macam manakah tahun depan diwajibkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri dan sebagainya. Apa maklumat lebih yang saya dapati bila berbincang dengan pegawai-pegawai, memang ia sebenarnya bukan *e-filing* dalam konteks *e-filing* sepenuhnya. Dia hanya tidak akan menghantar borang. Bermakna kalau orang hendak isi borang juga boleh. Dia kena *download* daripada *website* LHDN. Dia tidak hantar borang tetapi kalau hendak buat melalui *e-filing*, alhamdulillah, lagi senang dia tetapi kalau masih juga hendak kepada borang, dia boleh *download* daripada *websitenya*. Jadi dia masih boleh isi borang.

Saya tanya adakah ini tidak menyusahkan kepada orang-orang awam, pembayar cukai? Dia kata nasihat pegawainya kerana pembayar cukai ini biasanya orang-orang yang sudah menerima gaji yang tinggi. Kalau orang individu bujang, RM2500 sebulan pendapatannya. Kalau berfamily, RM3000 atau lebih. Jadi bermaknanya mereka ini biasanya sudah ada komputer, katanya tetapi namun begitu kalau dia masih juga hendak borang, kalau dia tidak ada komputer, dia masih lagi boleh mendapat daripada pejabat-pejabat LHDN di negeri masing-masing dan di daerah masing-masing. Ini sebenarnya penjelasan yang saya hendak buat supaya kita tidak rasa bahawa ini satu sistem yang baru diperkenalkan yang akan menyusahkan kepada rakyat jelata semua.

Sahabat saya, Yang Berhormat bagi Tanah Merah menimbulkan tentang Syarikat Prasarana Sdn. Bhd. Jadi dia bertanya seolah-olah Syarikat Prasarana Sdn. Bhd. ini memberi pinjaman dan bila hendak dapat balik pinjaman dan sebagainya. Sebenarnya ia tidak memberi pinjaman. Syarikat Prasarana ini mengambil alih aset-aset yang dikendalikan oleh syarikat-syarikat PUTRA dan STAR dahulu dan juga syarikat bas Intrakota dan sebagainya...

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Penjelasan!

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Jadi ini adalah hak milik sepenuhnya kerajaan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Bagan.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Sekejap, hendak habiskan yang Prasarana dahulu. Hak milik penuh kerajaan bersama dengan RapidKL. Jadi ini hak milik kerajaan. Jadi tidak timbul soal pembayaran balik. Okey, Yang Berhormat bagi Bagan.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Tadi saya dengar berkenaan dengan *e-filing*. Baiklah, kerana masih boleh mendapat borang dari pejabat-pejabat yang berada di tempat-tempat tertentu tetapi kelakuan manusia selalunya apabila peringatan tidak diberi, maka mereka akan lalai, mereka akan terlupa seperti *road tax* kereta, kalau tidak diberi peringatan, maka *road tax* kita akan terlupa untuk diperbaharui.

Jadi memandangkan LHDN memungut begitu banyak hasil, mengapa tidak boleh memberi peringatan kepada mereka yang tidak menyempurnakan borang, sebab sekiranya pada apa yang berlaku sekarang, kalau *end of April*, dua, tiga hari dahulu, kalau tidak menyampaikan borang itu, maka mereka boleh didenda dan denda itu bukan kecil. Jadi saya merayulah kepada kerajaan supaya memandangkan LHDN adalah satu pejabat yang begitu penting untuk mengutip hasil dan memberi peringatan kepada pembayar-pembayar cukai supaya mereka boleh mengingati tanggungjawab mereka.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bagan. Memang peringatan saya rasa tidak ada masalah. Cuma dia tidak hantar borang sahaja. Peringatan boleh dibuat melalui media massa, melalui surat khabar atau melalui TV. Saya yakin kalau Ketua Pengarah LHDN hendak masuk TV, *Selamat Pagi Malaysia* kah, bercerita tentang perlunya menghantar pulangan cukai ini, dia akan dapat. Jadi kita pada masa yang sama kita perlu tahu atau perlu ambil ingatan bahawa kita hendak sangat negara kita ini menjadi sebuah negara yang menggunakan sistem maklumat dengan baik, yang moden dan yang canggih.

Jadi kalau kita masih juga lari-lari kerana hendak bagi, hendak jaga setiap daripada kita supaya tidak ada orang *complaint* dan sebagainya, maka kita mungkin akan menanggung kos yang besar. Sistem maklumat pun kita pakai, sistem manual pun kita pakai, jadi akhir-akhirnya kita juga yang rugi. Saya tahu Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dia cukup berminat dengan ini, sebab itu dia memang setuju, kalau tidak bagi langsung pun tidak apa tetapi kita buat ingatan. Kita akan bagi ingatan yang akan dibuat.

Saya hendak menyentuh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian kerana Yang Berhormat bagi Kubang Kerian ini sahabat baik saya dari Kelantan. Dia panjang lebar menyuarakan keresahan dia tentang jambatan dan sebagainya dan saya rasa dia menimbulkan ini bukan untuk saya menjawabnya kerana dia pun sudah mendengar jawapan panjang lebar daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pun mengatakan bahawa kes ini kita anggap tutuplah. Soal perasaan peribadi masing-masing itu adalah hak masing-masing. Jadi itulah yang terbaiknya.

Yang Berhormat bagi Kepong ada bertanya tentang tabung wang Amanah Pengangkutan ya? Yang Berhormat bagi Kepong betul? Memang Yang Berhormat bagi Kepong kata sekarang harga minyak sudah naik mungkin sudah tidak ada lagi. Sebenarnya Kerajaan Barisan Nasional Yang Berhormat bagi Kepong, bila dia buat satu-satu janji dia tunai. Jadi soal tabung RM4 bilion itu akan ditunaikan. Soal harga minyak naik lagi itu, soal lainlah. Kerana kita tidak pernah mungkir janji kita kepada rakyat. Jadi itu jangan bimbang Yang Berhormat bagi Kepong, akan ada, akan diletakkan di bawah Kementerian Pengangkutan dan ianya akan digunakan sebaik mungkin untuk kemudahan perkhidmatan awam di seluruh Negara bukan sahaja di Lembah Klang. Okey, saya mengucapkan ribuan terima kasih...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Kepong bangun.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Yang Berhormat Kepong, ada lagi?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ada memang ada, sebab saya hendak penjelasan, sebab jawapan itu bukan jawapan, itu memang, itu buat seronok sahaja. Macam mana kerajaan akan bayar, RM4 bilion, macam mana hendak bayar? Bila saya dengar pihak swasta yang hendak bayar atau GLC yang bayar sebab dari segi kementerian saya nampak tidak wang untuk tabung ini sebab jawapan tadi tidak tetaplh Yang Berhormat

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Yang Berhormat bagi Kepong, saya bagi peluang pada Yang Berhormat bagi kepong, Yang Berhormat bagi Kepong bangkit saya bagi. Semalam pun saya sudah kecewa dengan Yang Berhormat bagi Kepong..., duduklah Yang Berhormat bagi Kepong..., sekarang ini saya tidak hendak panggil lagi, tidak perlu berdiri lagi. Sebab saya sudah serik dengan Yang Berhormat bagi Kepong ini, saya cuba buat baik hari ini sebab semalam saya hentam Yang Berhormat bagi Kepong kuat, orang semua..., sahabat-sahabat kata..., kesianlah Yang Berhormat bagi Kepong, dia pun, asal-usulnya dari Bachok. Okeylah saya hendak buat baik...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Ya..., dia pun lemah lembut.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** ...Ya lemah lembut, kadang-kadang lembut sangat, tapi tidak apa, tapi janganlah Yang Berhormat bagi Kepong mencurigai keikhlasan saya jawab ini. Yang Berhormat bagi Kepong ini semua tidak betul, yang pasal Perbankan Islam pun dia kata saya ini *complaisant* tidak pernah pun saya *complaisant* tapi inilah kadang-kadang dia cukup mencabar keimanan seseoranglah Yang Berhormat bagi Kepong ni.

Jadi sabar ini separuh daripada iman, tapi ia cukup mencabar kadang-kadang, tapi kalau Yang Berhormat bagi Kepong buat perangai macam ini, esok saya bercakap lagi, saya tidak bagi Yang Berhormat bagi Kepong.

Jadi Tuan Pengerusi saya berjanji yang mana soalan-soalan yang tidak saya jawab, kerana masa pun sudah lama, saya diberikan setengah jam tadi, sekarang sudah satu jam, kita akan hantar kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat berkenaan dan kalau Yang Berhormat berasakan bahawanya ianya penting ditimbulkan di peringkat jawatankuasa nanti, saya percaya Yang Berhormat masih lagi mempunyai peluang.

Jadi saya akhirnya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah menimbulkan, sebanyak 20 orang semuanya yang telah menimbulkan berbagai-bagai pandangan dan soalan dan yang mengambil bahagian, seterusnya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sesebuah Majlis hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

“Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, memberi ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak dua bilion sembilan ratus enam juta tujuh ratus dua puluh dua ribu dua ratus tiga puluh ringgit (RM2,906,722,230) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2005, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 2005 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3 Tahun 2006 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan duabelas penyata tersebut, hendaklah disahkan.”

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Pengerusi (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya mahu mencadangkan supaya wang berjumlah tidak lebih daripada RM10,152,874,593 yang diperuntukkan dalam anggaran perbelanjaan mengurus tambahan kedua 2005 bagi maksud-maksud bekalan B1, B3, B7, B12, B13, B22, B40, B41, B42, B47, B48, B60, dan B62, untuk kementerian-kementerian dan jabatan yang berkenaan dijadikan jadual dan wang sejumlah tidak lebih RM2,906,722,230 yang diperuntukkan dalam anggaran perbelanjaan pembangunan tambahan kedua 2005.

Bagi maksud-maksud pembangunan P6, P10, P20, P23, P28, P29, P41, dan P49 untuk kementerian-kementerian dan jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah Dua tahun 2006 dan Kertas Perintah Tiga tahun 2006, masing-masing dijadikan anggaran perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, keperluan bagi mengadakan peruntukkan-peruntukkan dalam anggaran perbelanjaan mengurus tambahan kedua 2005 dan juga anggaran perbelanjaan pembangunan tambahan kedua 2005 telah pun dibentangkan kelmarin. Di samping itu, penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan anggaran peruntukkan tambahan ini adalah juga diberi dalam memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai kertas perintah 2A tahun 2006 bagi anggaran perbelanjaan mengurus tambahan kedua 2005, dan kertas Perintah 3A tahun 2005 bagi anggaran perbelanjaan pembangunan tambahan kedua 2005. Oleh itu saya tidak perlu memberi apa-apa penerangan tambahan lagi. Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

**Maksud B.1, B.3, B.7 dan B.40 [Jadual] -  
Maksud P.6 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2005] –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.1, B.2, B.7 dan B.40 di bawah Jabatan perdana Menteri dibuka untuk dibahas. Ipoh Timor.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tuan Pengerusi, saya sebut tadi satu mengenai Parlimen yang mana saya berharap bahawa teguran-teguran saya semalam mengenai Parlimen boleh dijawab oleh Yang Berhormat Menteri, khasnya cadangan saya mengenai kita perlulah *first world* Parlimen ada sistem jawatankuasa pilihan yang sepenuhnya dan pandangan saya pada minggu ini kita ada enam secara komuniti yang ada telah pun disebut satu organisasi Parlimen.

Hari ini kita tengok surat khabar, semua Ahli-ahli Parlimen *front page*, *geng of 16*, geng 16 yang berjaya keluar dalam muka depan mengenai kontroversi *bow* dan *tie*. Saya rasa ini sangat memalukan. Oleh kerana mereka mahu *conspired* merancang satu minggu, *frolics* dan *funs*, apabila ada hal yang lebih penting yang patut jadi minat mereka, semua surat khabar inilah tajuk, ucapan ahli-ahli Parlimen mengenai isu yang mustahak, ucapan saya mengenai *first world Parliament*, *first world* universiti, *first world* negara, semua...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kota Bharu bangun.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** ...Tidak ada masa. Sepuluh minit sahaja tidak ada masa. Tidak mendapat liputan dan pandangan orang ramai bahawa Ahli Parlimen suka mengenai masalah *dress*, tengok satu surat khabar hari ini, *dress up your language* MP dengan izin, *dress up your language* MP... *Paragraph* yang terakhir, "*Bad language has a morale dimension and certainly a hygienic want to using bad language in Parliament is a evil deep*", Yang Berhormat Larut ingat, *using bad language is a evil deep, you're the evil man...* [Dewan riuh]

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Tuan Pengerusi, peraturan mesyuarat masa bila saya cakap, masa bila? Betul kah Tuan Pengerusi?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** ...*But MP give global hygiene top priority in Parliament but now onwards used same linguistics lackness is the essential part of the culture...* [Disampuk] Saya berharap Yang Berhormat Larut bacalah ini...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Peraturan mesyuarat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat mana mesyuarat, mana satu?... [Ketawa]

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Peraturan Mesyuarat, 36(6). Sangkaan jahat bila saya cakap tentang bahasa kasar.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Dia yang cakap kasar. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor ini sudah habis modal....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah, cukuplah.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Sangkaan buruk ini, ini sangkaan buruk.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah, cukup.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Tuan Pengerusi, kita buat *ruling*. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor tidak boleh buat rambang sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, baiklah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** [Menyampuk]

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Ini hilang akalkah ini?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudahlah, duduklah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Yang kedua Tuan Pengerusi, mengenai Parlimen. Saya bercadang patutlah ada *Parliamentary Select Committee* mengenai beberapa perkara yang penting supaya Parlimen boleh memainkan peranan yang penting mengenai *foreign affairs*. Baru-baru ini kita ada kontroversi mengenai bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir yang membuat tuduhan yang sangat serius bahawa kerajaan sudah menggadaikan maruah negara, kepentingan negara, bahawa negara ini *half-past-six*. Adakah Parlimen pun *half-past-six*? Adakah menteri pun *half-past-six*? Mungkin kita ada satu *half-past-six*, MP Larut tetapi adakah Parlimen sudah *half-past-six*? Dan, kita patutlah ada *Parliamentary Select Committee* yang patutlah memanggil Tun Dr. Mahathir untuk datang untuk memberi penerangan dan *subject to...*

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Kita pun ada Ketua Pembangkang *half-past-six*.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** ...*Subject to examination*. Kalau Tun Dr. Mahathir kata negara *half-past-six*, dia tidak bantah, kenapa dia disebut sebagai *half-past-six* MP dia bantah. Itulah tidak jaga kepentingan negara, dia jaga kepentingan sendiri sahaja, sangat *selfish*. Dan, saya harap bahawa kita patut *half-past-six* negara bukan isu-isu..., *half...*, *head bridge*, penting. Yang Berhormat Menteri Luar Negeri ada buat andaian yang jahat bahawa saya ada *evil motive*, *bad motive* apabila saya ada timbul perkara ini dalam Dewan. Nampaknya tidak sampai dua tiga hari dia sudah menelan ludah sendiri.

Dia sekarang kata bahawa mungkin Tun Dr. Mahathir guna perkataan yang boleh menjejaskan kestabilan politik negara. Apa yang mustahak ialah kita patut ada mekanisme-mekanisme di mana ahli-ahli Parlimen boleh menangani isu-isu semacam ini. Sama ada *Parliamentary Select Committee* mengenai hal ehwal negara, mengenai rasuah. Tengok baru-baru ini, bahawa apa yang berlaku dalam Korea Selatan. Pengerusi Hyundai, Chung Mong-koo ditangkap, didakwa, siapa dia? Orang yang membina Hyundai sebagai satu *global champion*, disamakan dengan ekonomi Korea Selatan sebagai *world class economy* pun boleh didakwa, boleh dituduh. Kenapa di negara kita? Nampaknya ada pemimpin-pemimpin sama ada politik atau korporat mereka ada *immunity* dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam *interview* selepas Rancangan Malaysia Kesembilan kata, orang mahu *blood* sahaja, mahu darah bukan begitu senang, mahu *prevention*.

Kita perlu darah, *we need blood*. Kalau kita mahu membasmi korapsi. Beberapa orang tertinggi perlu menjadi contoh, *we need their blood*, bukan untuk apa, tetapi perlu menunjukkan *we are serious*. Tanpa *blood*, tanpa tokoh-tokoh tertinggi di bawa ke mahkamah dan dipenjarakan, *the message* telah disampaikan bahawa kerajaan serius, *18 sharks* boleh *escape into the ocean*. Bagaimana? Mana itu serius dan itulah tugas *Parliamentary Select Committee* untuk menangani. Hari ini hari yang khas. Hari ini, hari apa? Hari Ini *World Press Freedom Day*. Adakah kita *celebrate*? Sama ada kerajaan atau Parlimen, mana? Kita patutlah *celebrate World Press Freedom Day*, tetapi tengok. *Reporters* sudah *borders*. *Index* baru yang keluar hari ini mengenai *World Press Freedom Index*, Malaysia tangga keberapa, 113 di dunia.

Lebih rendah daripada 2003 apabila Tun Dr. Mahathir jadi Perdana Menteri. Ia turun 2003, tangga kita 104, sekarang 2004 jatuh 122, tetapi 2005 113. Kita berbanding dengan zaman Tun Dr. Mahathir, lebih rendah. Tun Dr. Mahathir kata, *no press freedom* bahawa dia mangsa.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, mana satu butiran?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *Parliamentary Select Committee* mengenai press freedom, mengenai hal ehwal dalam negeri. Ini bukan ACA, mengenai Parlimen, *Parliamentary Select Committee*, *Press freedom* kita perlulah *premier* supaya kita ada *press freedom*, ada *freedom information*, supaya ada *inform Parliament and inform democracy*, ada *live telecast*, supaya bekas Perdana Menteri tidak kata *no press freedom*, *he is a victim of press censorship*. Bagaimana? Saya mahu *our defend Tun Dr. Mahathir if he is a victim of press freedom*. Sungguhpun dia bertanggungjawab 22 tahun untuk *ensor press*. *He was one of those he must bare the biggest responsibility for the lack of press freedom in Malaysia*. Sekarang dia menjadi mangsa *press freedom*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa sudah cukup. Cukup masa.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya, okay! Saya harap kita perlulah ambil pelajaran dalam semua ini dan yang terakhir audit. Oleh kerana ada satu peruntukan mengenai audit, kita perlu PAC yang lebih berkesan. Kita perlu satu PAC yang boleh memainkan tanggungjawab supaya kesemua penggunaan wang dan ketirisan tidak berlaku, saya buat contoh sahaja. Tengok dalam laporan Bintulu, Lembaga Pelabuhan Bintulu 2000, satu perenggan. *The payment for the service of panel lawyers, Bintulu Port Authority*.

*The authority had appointed one legal firm as their panel lawyer, since 1986 until 1997... [Disampuk]... July 1997, dengan izin, saya habiskan, ...the authority had appointed two more legal firms as the panel lawyers.*

*The authority also had a legal officer appointed on 1st February 1994 to carry out works among them, to give legal advice, prepare and verify agreements and contract documents of the authority. From 1996 to 1999, 20 sets of work have been given to one lawyer only. Up to the year 2000, a total of RM11.65 million have been paid out for legal consultation services to this one lawyer. It is observed that all legal works have been given to one legal firm only without going through tenders for services with value exceeding RM10 thousand a year. Works given to the state's lawyers dare not take into account the types, pattern and cost of services and the concentration whether the legal services required expertise or not.*

*The authority thought that the appointment of the state legal firm need not be made through a tender because the legal service was classified as the work of consultation services and appointed by the authority. The legal officer was not directed to do such work because the work required experience and skills. Empat hingga lima tahun RM511.4 juta untuk satu firma guaman undang-undang. Ini sangat...*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Cukuplah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Cukuplah, orang lain pun hendak cakap juga.

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Sudahlah...

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** [Bangun]

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Duduklah.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Orang lain hendak cakaplah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *You are jealous*, tidak dapat RM11 juta. *You are jealous is it?*

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat bagi Ipoh Timor *jealous* lah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *No sense of outrage, no sense of out rage.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukup.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *You are all part and parcel of this corrupt system, you are part and parcel of this corrupt system.* Oleh itu perlulah, PAC perlulah lebih tegas untuk membuat laporan kepada Dewan yang mulia ini. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Dungun.

**12.18 tgh.**

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Isu yang berkaitan dengan yang akan di jawab oleh Jabatan Perdana Menteri. Walaupun tidak mempunyai hubungan yang agak rapat, tetapi saya bukan hendak mengikut rentak Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Tuan Pengerusi, saya terpaksa bangun dan bertanya kepada Jabatan Perdana Menteri tentang satu isu yang agak dilihat lebih kurang sama dengan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor tetapi tidaklah nada seperti Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Iaitu berkenaan dengan satu nota yang dihantar kepada ahli-ahli Parlimen oleh Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir, matan Perdana Menteri negara kita, tetapi pendiriannya serta sedikit salinan-salinan surat yang berkaitan dengan pembatalan Jambatan Indah oleh Kerajaan Malaysia baru-baru ini.

Oleh kerana ianya bersentuhan dengan satu pandangan yang diberi oleh bekas Perdana Menteri dan juga tidak bersamaan dengan keputusan Kabinet dan kerajaan Malaysia.

Jadi saya berharap Jabatan Perdana Menteri dapat memberi klasifikasi ataupun sedikit maklumat kepada kita supaya apakah bentuk nota yang telah diluahkan oleh Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir itu sebenarnya sesuai dengan pendirian yang dibuat oleh kerajaan kita.

Saya selaku seorang Ahli Parlimen Barisan Nasional yang sebelum ini memang di bawah pemerintahan bekas Perdana Menteri, mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir sebagai seorang pemimpin kami, pemimpin kita dan beliau sendiri telah meminta supaya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi mengambil alih kepimpinannya yang mana dari segi kita dari segi pendirian kita sebagai seorang penyokong kerajaan. Dan kita telah diberi mandat oleh rakyat untuk menyokong sesuatu pemerintahan, saya berharap isu ini diberi penjelasan sejelas-jelasnya oleh Jabatan Perdana Menteri kerana isu ini akan memberi sedikit sebanyak gelombang atau *wave* tentang persepsi, pandangan bukan sahaja masyarakat dalam negara kita tetapi juga kerana ianya merupakan surat terbuka dan kerana juga ianya merupakan tanggungjawab kita bersama sebagai sebuah *authority* di dalam pemerintahan kerajaan kita.

Jadi dalam hal-hal seperti begini, apakah pendirian kerajaan? Kerana kita tahu bahawa pandangan kami ini adalah untuk memberi pandangan kepada Jabatan Perdana Menteri supaya ada suatu jaminan dan pendekatan. Supaya dalam kaedah-kaedah seperti ini, walaupun media menceritakan macam-macam sebagai kebebasan dalam negara kita tetapi sebagai Parlimen yang bertanggungjawab apatah lagi ada isu tentang tambahan perbelanjaan yang akan dikupas juga oleh Jabatan Perdana Menteri, saya berharap Jabatan Perdana Menteri akan memberi penjelasan sejelas-jelasnya di atas isu ataupun di manakah akhirnya *bottom-line* ataupun matlamat daripada pertelingkahan ataupun perselisihan pendapat tentang isu pembinaan jambatan indah ini. Sekian terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Larut.

12.22 tgh.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh tentang B.1 Jabatan Perdana Menteri (Parlimen) dalam keadaan yang tenang, yang waras. Saya akan bercakap tidak akan menyentuh sesiapa walaupun ada mereka yang hilang akal dalam berbahas di Parlimen ini. Kita mestilah waras kerana pemerhati kita yang datang daripada jauh menunjukkan bahawa inilah apa yang berlaku dalam Parlimen.

Tuan Pengerusi, kita bermesyuarat dalam Parlimen enam jam mungkin lebih dan baru-baru ini kita telah berbelanja pengurusan untuk membuat *renovation*, dengan izin, tempat duduk kita dan begitu selesa. Ada juga pandangan-pandangan lain tentang pentingnya Parlimen ini menjadi sebuah badan bebas. Saya hendak menjurus kepada keselesaan kita Tuan Pengerusi...

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Tangga Batu bangun.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Nanti sekejap biar saya ulas dahulu baru bertanya. Keselesaan kita. Tuan Pengerusi duduk di atas sana kami duduk di bawah kecuali ada mereka yang hilang akal. Belum lagi berlaku amuk dan sebagainya. Sedarkah kita Tuan Pengerusi bangunan kita ini telah didirikan pada tahun 19..., pada ketika itu menelan belanja RM18 juta dengan termasuk menara kita setinggi 17 tingkat. Apakah kita lupa tentang pemeriksaan ke atas bangunan kita ini? Manalah tahu tiba-tiba nanti berlaku keruntuhan, tumbang dan sebagainya.

Saya semalam teringat, apabila saya memikirkan kita ini asyik selesa berbahas termasuk mereka yang hilang akal, apakah kita ini selesa dari segi keselamatan?...

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ada Peraturan Mesyuarat?

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Nantilah dahulu saya belum habis lagi. Ha, okey.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Parlimen.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Saya faham. Saya masih waras, pengurusan. Pengurusan ini termasuklah kita hendak berbahas tentang elaun...

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sabar Yang Berhormat sebab dia, mungkin dia hendak cadangkan macam mana....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** ...Hendak menjadikan seorang Ahli Parlimen yang betul-betul boleh memberi perkhidmatan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada seorang arkitek, dia kata biasanya dalam tempoh hampir 50 tahun kita perlu mengadakan satu pemeriksaan ke atas bangunan kita. Saya bimbang Tuan Pengerusi asyik kita ini bercakap di pihak sini bagi pandangan yang bernas kecuali sebelah sana kadang-kadang faham-faham sahajalah. Jadi perlu dalam kita membuat penyemakan semula elaun kita, perjalanan kita, cara kita bermesyuarat tentang kedudukan kita ini perlu jugalah kita ambil berat. Dan saya minta pihak Menteri yang berkenaan apakah kita sudah ada satu pemeriksaan ke atas keselamatan bangunan kita ini terutamanya menara yang tinggi 17 tingkat itu yang telah melibatkan ramai Perdana Menteri kita yang berada di sini dalam mengadakan persidangan.

Soal *world class* Tuan Pengerusi bukan baru ditimbulkan. Bukanlah Ipoh Timor hendak tunjuk jaguh. Daripada Perdana Menteri kita dahulu lagi sudah telah menyebut bagaimana hendak menjadikan Parlimen ini *world class*. Masalahnya apabila jadi Pembangkang itulah menjadikan masalah kita tercatat sedikit tentang *world class* ini. Terima kasih Tuan Pengerusi, saya menyokong.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Johor Bahru.

**12.25 tgh.**

**Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin juga turut menyertai dalam perbahasan dalam urusan Parlimen di bawah maksud B.1. Dalam soal pengurusan Parlimen atau pengurusan Dewan ini suka saya mendapat tahu daripada pihak Menteri apakah pendirian kerajaan terhadap cadangan supaya Parlimen menguruskan dirinya sendiri. Sekurang-kurangnya dari segi soal kewangan dan juga dari segi sumber manusia kerana kita ini selalu asyik bertempik, berteriak, bercakap, mengkritik, menegur tentang soal urus tadbir pihak-pihak lain terutamanya pihak perkhidmatan awam, pihak kerajaan, agensi-agensi kerajaan tetapi saya rasa tidak adillah kalau kita sentiasa menegur dan bercakap tetapi kita tidak pula berpeluang untuk menunjuk contoh bagaimana urus tadbir yang baik itu boleh dilakukan.

Jadi saya berharap bahawa Menteri yang mempunyai keyakinan terhadap pentadbiran awam, mempunyai keyakinan tinggi terhadap kecekapan dan kemampuan pentadbiran awam dalam menguruskan hal-hal kewangan dan hal-hal lain dalam Parlimen ini. Bagaimana umpamanya, dibolehkan Parlimen ini bermula dengan menjadi sebuah badan yang menguruskan kewangannya sendiri.

Adakah Menteri mempunyai keyakinan bahawa kita mempunyai kemampuan untuk mengurus kewangan kita sendiri, mengurus soal sumber manusia kita sendiri, melihat, menemu duga, memilih pegawai-pegawai daripada pentadbiran awam yang akan berkhidmat dalam Parlimen.

Sama ada Menteri juga sambil mempunyai keyakinan terhadap pentadbiran awam juga mempunyai keyakinan terhadap Ahli-ahli Parlimen untuk menguruskan Dewan ini secara yang baik sebagai contoh dan teladan kepada semua pihak satu negara. Dan bukan sahaja kita ini satu kumpulan Ahli-ahli Parlimen yang menegur, sentiasa menegur, mengkritik pihak yang lain sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sungai Petani.

**12.28 tgh.**

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Akhirnya dapat juga ya berdiri banyak kali.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Semua samalah Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Berapa kali ramai pun berapa kali yang samalah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Tuan Pengerusi tidak nampak saya ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Nampak, nampak. Kalau tidak nampak takkan panggil Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Terima kasih, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rasa Tuan Pengerusi begitu adil kepada saya. Pertama sekali saya hendak buat teguran sedikit mengenai Yang Berhormat bagi Ipoh Timor ini. Cara dia bercakap, dia anggap Parlimen kita ini *third class, third world class*, macam-macam dia kata.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Butiran mana?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Dia kata macam-macam pada Parlimen. Saya sebagai Ahli Parlimen saya membantah segala cakap-cakap Yang Berhormat bagi Ipoh Timor sebagai Ketua Pembangkang... *'uncle for unparliamentarian'*. Itu yang saya cakapkan. Jadi cubalah beradab sedikit, biadab cara dia bercakap itu. Saya terus terang saya hendak bercakap sini menyentuh mengenai Kementerian Pertahanan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ha, Yang Berhormat Kementerian Pertahanan belum lagi.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Oh maaf saya. Mengenai dengan Parlimen juga.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]:** Saya anggap mengenai dengan Parlimen ini segala-galanya telah pun dapat disediakan dengan baik tetapi satu sahaja perkara saya sangat sokong pendapat Yang Berhormat bagi Johor Bahru bangkitkan tadi iaitu pengurusan kewangan oleh pihak kita Ahli-ahli Parlimen dan kita boleh tubuh jawatankuasa kita sendiri untuk menguruskan Parlimen. Sekian terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Tumpat.

**12.30 tgh.**

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya juga gembira dapat bangun untuk membahaskan perkara berkaitan dengan B.1, Parlimen ini.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Dungun, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Johor Bahru atas apa yang mereka bangkitkan itu.

Saya juga merasakan bahawa kita perlu memberikan kuasa dan kerja yang lebih dan kepercayaan yang lebih kepada Parlimen ini, iaitu dengan benar-benar mewujudkan semula Suruhanjaya Parlimen atau apa nama sekalipun supaya Parlimen diberi sekali lagi keadaannya sebagai badan yang berhak untuk menyelenggara dan menguruskan dirinya sendiri. Jadi, saya menyokong apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Johor Bahru dalam hal ini.

Saya juga menyokong apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor berkenaan dengan betapa perlunya Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen ini diwujudkan dan ditambahkan jumlahnya, dan sebagaimana saya sebut di dalam perbahasan yang awal, saya ingin mencadangkan supaya pengerusi jawatankuasa-jawatankuasa pilihan ini tidak daripada kalangan menteri. Tuan Pengerusi, tidak ada dalam dunia ini sistem Parlimen atau sistem Presiden yang ada Kongres dan sebagainya, yang mana jawatankuasa kongres atau jawatankuasa Parlimen dipengerusikan oleh menteri. Tidak ada dunia Komanwel atau luar Komanwel yang melakukan amalan tersebut.

Jadi, saya rasa kita pun, walaupun hendak dinamakan *first world* atau apa sekalipun tetapi amalan-amalan yang biasa, yang dilakukan oleh seluruh dunia tanpa kecuali ialah pengerusi jawatankuasa-jawatankuasa Parlimen dipengerusikan oleh orang-orang yang bukan daripada kalangan Jemaah Menteri ataupun pentadbiran. Maka, dengan sebab itu saya ingin menyarankan supaya bukan sahaja jawatankuasa pilihan ini diwujudkan dengan banyaknya, tetapi tugas mempengeruskannya diserahkan kepada ahli-ahli *backbenchers* ataupun di kalangan pembangkang.

Ketiganya, saya ingin juga bertanya kepada Yang Berhormat Menteri tentang ura-ura untuk meminda Peraturan Mesyuarat. Saya fikir itu sudah dibangkitkan secara rasmi dan tidak rasmi. Saya rasa dengan apa yang kita dengar perbahasan dan kelakuan termasuk pakaian-pakaian dan sebagainya, sudah sampai masanya untuk Peraturan Mesyuarat ini kita kemaskan sekali lagi. Salah satu perkara yang saya kerap perhatikan, yang mungkin merujuk kepada Peraturan Mesyuarat ialah di waktu soalan-soalan lisan yang mana menteri akan kadangkala memohon untuk menjawab soalan yang ditanya pada hari itu bersama dengan soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, dan biasanya Yang di-Pertua Dewan akan menyetujuinya tetapi apabila sampai kepada soalan tambahan, yang disebutkan sebagai soalan-soalan yang dijawab bersama itu tidak diberi peluang langsung untuk menanya soalan tambahan dan biasanya orang yang tidak pun dinamakan sebagai soalan-soalan yang hendak dijawab bersama itu diberikan hak ataupun keistimewaan untuk menonjolkan soalan tambahan.

Jadi, ini saya fikir amalan yang penting untuk kita hormati, sama ada Yang di-Pertua Dewan ketika itu benar-benar mengambil berat siapa yang disebutkan sebagai soalan-soalan yang ingin dijawab bersama itu dan mengingatkannya untuk memberi peluang untuk menanya tambahan ataupun...

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Bagan.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat juga akan membangkitkan berkenaan dengan jawapan bertulis dalam Dewan ini sebab kalau tidak *extension next week*, maka Dewan akan tamat esok, tetapi jawapan bertulis untuk lima soalan sampai sekarang belum ada lagi.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Bagan. Saya fikir itu pun perlu diletakkan dalam Peraturan Mesyuarat supaya tempoh yang tertentu dikenakan kepada pihak pentadbiran untuk menyerahkan jawapan bertulis itu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Mungkin perlu berkaitan dengan soalan lisan tadi disyaratkan supaya menteri ataupun pihak yang menjawab soalan itu memberi tempoh 24 jam dan sebagainya kepada Yang di-Pertua Dewan, memohon untuk menjawab soalan itu bersama-sama dengan soalan yang lain.

Seterusnya saya bersama dengan Yang Berhormat bagi Dungun berkaitan dengan pertelingkahan atau perselisihan pandangan di antara bekas Perdana Menteri dengan kerajaan ini. Saya fikir kerajaan hari ini tidak boleh hanya berhasrat untuk menutup isu itu.

Saya fikir saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Dungun bahawa isu tersebut walaupun tidak mahu lagi dibahaskan secara terbuka, perlu dibawa kepada suatu jawatankuasa khas Parlimen supaya perkara tersebut dapat difahami dan menjadi pengajaran untuk seluruh negara bahawa kita perlu menangani isu hubungan antarabangsa dengan cara yang lebih teratur, dengan cara yang lebih berkesan, dengan cara yang memastikan bahawa maruah negara kita ini terbela, walaupun siapa menjadi Perdana Menteri. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Jerai.

**12.35 tgh.**

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin bercakap tentang B.1, Parlimen.

Tuan Pengerusi, Parlimen ini adalah satu institusi yang tertinggi di Malaysia selain daripada Dewan Negara berjuta-juta rakyat di Malaysia ini pilih yang ada di Dewan ini. Memberi penghormatan, memberi kepercayaan kepada kami Ahli-ahli Parlimen ini untuk menjalankan tugas. Oleh yang demikian, sesuai supaya Parlimen ini *independent*, ia merdeka, ia bebas. Kita tidak mahu jabatan-jabatan lain menguasai Parlimen. Tidak boleh, Tuan Pengerusi kerana macam Tuan Pengerusi pun sebagai seorang Timbalan Speaker yang dilantik oleh Speaker yang menjalankan tugas.

Kita ini mengatasi kerana kita menggubal undang-undang. Yang menjalankan undang-undang itu ialah pegawai-pegawai tetapi kalau pegawai pula menguasai kita sebagai Ahli Parlimen, saya nampak tidak sesuai. Bukanlah kami, Ahli Parlimen hendak apa-apa. Bukanlah segala-galanya. Kalau hendak dibandingkan Ahli Dewan Rakyat, Dewan Negeri kebanyakannya marhaen belaka, susah tetapi apakan daya sebagai seorang pemimpin, sebagai penggubal dasar kita kena jaga juga keadaan kita.

Yang berhutang ini tidak usah kiralah tetapi takkan kita hendak cerita benda ini. Kita telan, dan kadang-kadang Tuan Pengerusi saya berasa terkilan sedikit sebanyak perbincangan kadang-kadang kita terlajak kerana kita manusia biasa. Manusia biasa kadang-kadang ada kesilapan dan di sini kita berbahas bukan untuk siapa, untuk rakyat. Kita perjuangkan untuk rakyat, kita melaung-laungkan kemudahan rakyat luar bandar, bandar dan sebagainya, tidak langsung hendak menyentuh perasaan sesiapa.

Kadang-kadang diceritakan sebagai wakil rakyat kita tidak berfikiran waras dan sebagainya, kami pun berasa kecil hati, Tuan Pengerusi. Kadang-kadang sudahlah tidur tidak cukup, jaga rakyat dan sebagainya. Mai duduk di sini kadang-kadang pukul 10 sampai pukul 11 malam baru balik. Kot begini ringan kalau masuk di sebelah malam sudah rasa macam sepikul duduk atas bahu. Balik-balik letih, tidak kira sudah, tidurnya mengeruh sampai siang. Kadang-kadang taklimat pula...

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Mohon penjelasan.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Kalau mahu rintih...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya tidak beri.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Mohon penjelasan, Yang Berhormat bagi Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya tidak beri.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Bolehlah, beri peluanglah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Okay, okay tetapi saya minta Yang Berhormat bersopan santunlah bertanya kepada saya.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Akan tetapi hormatilah wanita, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak payahlah, Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya amat menghormati wanita.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Jangan kata wanita dirogol kerana pakaiannya. Saya...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Akan tetapi Yang Berhormat juga kena hormati saya kalau tidak saya tidak beri jalan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cakap baik-baik samalah.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Akan tetapi dia perlu hormati wanita, janganlah beri kenyataan bahawa wanita dirogol kerana pakaiannya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya tidak pernah...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Jangan ceritalah sekarang.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya tidak pernah tidak menghormati wanita, Tuan Pengerusi.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Yang Berhormat bagi Jerai saya hendak tanya, sudah banyak kali Yang Berhormat merintih, mengeluh di dalam Dewan ini berkenaan tanggungjawab Yang Berhormat begitu berat, beban yang begitu berat dalam Dewan ini, kena duduk pukul 10 pagi hingga 11 malam. Kalau begitu sukar sekali, begitu berat sekali tanggungjawab mengapa Yang Berhormat memilih untuk menjadi wakil rakyat. Buatlah kerja yang lain. Kalau hendak mengeluh, hendak merintih di sini, pilihlah kerja yang lebih senang. Saya mohon penjelasan, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak dengar habis hujah dia.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Dia tidak dengar habis, ini baru sekerat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sungguhpun berat mungkin dia rasa seronok.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Kita seronok kerja ini, tanggungjawab kita tetapi kita mahu orang ini anggap kita ini sebagai pembela bangsa, agama dan tanah air. Kita memperjuangkan, jangan kita menghina, mengecil-kecilkan. Kami pun manusia. Yang Berhormat bagi Batu Gajah pun manusia. Tengok Yang Berhormat bagi Batu Gajah bercakap macam hendak perang tetapi tidak perang pun. Menyinga bukan main. Sungguhpun datang dari Batu Gajah tetapi menyinga bukan main, tidak kata macam singa pun... *[Disampuk]* Tidak macam gajah pun... *[Ketawa]* Jadi kita berjuang.

Jadi saya minta supaya dari segi protokol pun Tuan Pengerusi kadang-kadang kami ini terpinggir-pinggirah di tepi-tepi sini. Kadang-kadang terasa malu Tuan Pengerusi. Datang dalam satu majlis, tempat duduk pun kami tidak ada. Tercari-carilah kami ini sama ada di peringkat negeri ataupun peringkat persekutuan. Apa hina sangat kami ini.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *[Bangun]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ipoh Timor mahu balikkah?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tidak boleh berdiri?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Oh.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Hendak minta penjelasan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Berdiri pun mahu kacau? Apa kebebasan. Ada hak untuk berdiri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, memang tidak boleh Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *Busy body* lah ini orang... *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat berdiri, saya hanya diam-diam Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ada hak untuk berdiri, ada hak untuk duduk...  
*[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ini Ipoh Timor ini hari makan anak tebuankah, hah?... *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat saya hendak beritahu apabila seorang yang berucap, lain orang jangan berdiri.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat berdiri, saya ingat hendak minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya ingat Yang Berhormat hendak minta penjelasan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Haiya. Niat ikhlas.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Niat baik.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Minta penjelasan akan lihat Tuan Pengerusi sudah minta.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik. Baik.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Jadi, sesuai dengan Yang Berhormat bagi Batu Gajah, kalau Yang Berhormat bagi Ipoh Timor tidak mahu, boleh berhentilah jadi Wakil Rakyat buat apa kalau naik angin hari-hari.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Mohon penjelasan, penjelasan. Sekarang minta penjelasan, okay... *[Ketawa]* Mahu cakap baik-baik tadi ada sebut mengenai *clean your language* jangan menggunakan perkataan-perkataan yang tidak patut digunakan. Tadi Yang Berhormat sendiri baru berbuat begitu. Haraplah jangan ditegur dalam masa depan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik boleh terus.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Dalam hidup ini Yang Berhormat Ipoh Timor, kita kena hormat-menghormati. Kita manusia, jadi Yang Berhormat pun kadang-kadang terlajak juga dan kadang-kadang sungguhpun terlajak kadang-kadang kita maafkan kerana Yang Berhormat hendakkan Parlimen Malaysia ini *world class*. Kalau hendak dibandingkan dengan parlimen-parlimen lain ...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Kita tidak minta maaf. Kita berani tegur yang silap dan salah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Itu Ketua Pembangkang pun tidak tahu peraturan mesyuarat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sebenarnya Yang Berhormat Ipoh Timor ada salah sedikit. Dia cari surat khabar.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tidak boleh.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak boleh.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Dalam Parlimen, dalam Parlimen dia tidak tahu peraturan mesyuarat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Saya mahu keluar, saya mahu keluar, saya tanya surat khabar itulah... *[Ketawa]* *[Mengangkat senaskah surat khabar]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cepat-cepat keluar. Jangan baca surat khabar.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Peraturan Mesyuarat tidak kata tidak perlu cepat-cepat keluar, tidak boleh perlahan-lahan keluar. Saya mahu perlahan-lahan keluar.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak boleh untuk cari surat khabar.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Peraturan Mesyuarat tidak boleh baca surat khabar. Pegang pun tidak boleh... *[Mengangkat buku Peraturan Mesyuarat]*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Mahu baca surat khabar dengan kebenaran sebab itu saya bawa surat khabar supaya mendapat kebenaran dan kalau boleh begitu tentulah perlu sekarang untuk siapkan surat khabar. Mahu keluarlah, mahu keluar.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat hendak keluar sila duduk.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat, keluarlah, keluar. Keluar Yang Berhormat, aman sedikit Parlimen, keluar, keluar.. *[Ketawa]*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tepi situ.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, baiklah.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Bercakap sesama sendiri]*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Banyak dokumen perlu macam orang di sana sorok di bawah. Ada dokumen pun tidak pernah...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat. Cukuplah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat, dokumen saya bubuh bawahlah, saya tidak bubuh atas meja tunjuk sahaja sibuk. Dokumen saya di bawah kaki pun tidak boleh bubuh, bubuh atas meja buat apa?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Hah, tengok ini?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Okay Yang Berhormat, sila keluar Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi, kita mahu penghormatan diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen termasuk Menteri, Timbalan Menteri dan juga Tuan Pengerusi dan kita mahu kalau Ahli Parlimen kita berada di luar negara, bukanlah kita kata kita ini besar. Kita manusia. Kami ini serba serbi Tuan Pengerusi...

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Ketereh.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Sila.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Yang Berhormat, saya ingin minta penjelasan, saya dapati dalam banyak majlis terutama dalam majlis-majlis kerajaan, saya tidak tahu sama pegawai kerajaan tahu, protokol di Malaysia ini yang tertinggi ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri diikuti oleh Timbalan Perdana Menteri, kemudian Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, kemudian Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, kemudian baru Menteri-menteri.

Akan tetapi apa yang saya dapati, banyak kali apabila ada satu taklimat, ada suatu majlis, bila Menteri datang, pegawai pun susah, "Eh Menteri datang!", tetapi apabila Tuan Yang di-Pertua Dewan datang, dia tidak peduli pun sedangkan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat protokolnya adalah selepas Timbalan Perdana Menteri. Saya minta Yang Berhormat masukkan cadangan saya ini supaya pegawai kerajaan dan jabatan kerajaan tahu protokol ini dalam ucapan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Sila masuk dengan tulisan hitam, pandangan Yang Berhormat bagi Ketereh. Inilah rintihan kami Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, kalau hendak dibandingkan dengan Ahli-ahli Dewan Rakyat negara lain, kita ini cukup kecil tetapi kita tidak mahu bercakap pasal gaji. Tidak mahu bercakap pasal elaun. Tak usah hendak bercakap pasal itu. Tidak bagi pun tidak mengapa.

Kalau bagi kita ambil. Yang itu tidak kisah, tetapi penghormatan. Saya tengok kita bawa pemimpin-pemimpin datang daripada kampung, tengok macam mana kami bersidang, berjuang pasal luar bandar, berjuang pasal pendidikan, berjuang pasal pegawai kerajaan, siapa berjuang untuk kami Tuan Pengerusi. Siapa berjuang untuk kita, tidak mengapalah kita berkhidmat kerana Allah tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat kena ingat Ahli-ahli Parlimen ini dianggap sebagai unik, orang yang luar biasa. Orang yang biasa tidak boleh jadi orang politik macam kita Tuan Pengerusi. Kenduri sehari sepuluh kali, makan sehari sepuluh kali. Ini manusia macam mana, tetapi kita boleh buat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh gulunglah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Boleh gulung.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Boleh gulung. Hah, tidak mengapalah. Depa pun sudah hendak balik dah, saya boleh gulunglah. Kita hendak terangkan, saya minta penghormatan, agak-agak JPA dan sebagainya bagilah masa dekat kami. Dalam Dewan pun Tuan Pengerusi, bagi masalah untuk kita bercakap. Tidak mengapalah kalau saya bercakap sama dengan Yang Berhormat bagi Jasin bercakap tetapi apa yang kami bercakap ini adalah suara daripada rakyat...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** ...Bukan suara daripada kami. Pandangan daripada rakyat, SMS masuk kata "Dato' tolong cakap ini". Surat sampai kata "Dato' tolong cakap ini". Daripada rakyat kepada kami untuk kami suarakan dan saya tidak minta apa-apa Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi pun tidak minta apa-apa. Tidak minta apa-apa.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sekarang saya hendak minta Yang Berhormat duduk, sudah cukup masa.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Dalam berjaga-jaga pun kena marah lagi. Saya berharaplah pegawai-pegawai pun kadang-kadang..., sedikit lagi Tuan Pengerusi..., kita kena pakat sama-sama. Pegawai sebagai *civil servant* dan kami sebagai Wakil Rakyat pun juga *servant* kepada rakyat. Kita muafakat kerana kerja kita untuk membangunkan negara kita ini jangan kata orang kata, ini orang politik ini kacau. Tidak kacau hai, hendak kacau siapa? Saya hendak kacau untuk apa, saya hendak kacau untuk rakyat. Kadang-kadang saya pergi di mana-mana biasa Tuan Pengerusi kami ini Wakil Rakyat tunggu..., kadang-kadang Menteri pun buat perangai juga. Bila Ahli Parlimen pergi tunggu di luar berjam-jam.

Bukan kita hendak minta apa, kita hendak selesaikan masalah rakyat. Itu pun kadang-kadang Menteri kena fikir sama, jangan buat loyar buruk sangat. Cuma nasib mereka baik, jadi Menteri tetapi macam Menteri kita ini Yang Berhormat bagi Padang Rengas okaylah. Dia 24 jam tunggu di sini. Kadang-kadang orang sudah balik, dia masih tunggu lagi Parlimen. Saya pun hairan tunggu apa?...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Kemudian pukul 4.30 bila dia masuk, kita susah hati bawa kertas sehelai, sambung sampai pukul 11 atau 12 malam tetapi tidak mengapa, yang itu semua tidak mengapa. Cuma kita hendak suatu pengiktirafan dan penghormatan kepada jawatan bukan kepada kami.

"Badruddin" tidak ambil kisah Tuan Pengerusi tetapi, "Yang Berhormat Badruddin", itu adalah jawatan dan kami ini tidak Yang Berhormat, tukarlah daripada "Yang Berhormat" kepada "Yang Berkhidmat", kami sedia menerima. "Yang Berkhidmat Badruddin Amiruldin", tidak mengapa, tidak mengapa kita terima pasal kita berkhidmat.

Kami akan memperjuangkan perkhidmatan ini hinggalah di saat-saat nafas kami yang terakhir... [Disorak] Akan tetapi lihat dan teroponglah kami sama. Janganlah kami ini ibarat..., Ibarat apa hah...?... [Bertanya kepada Ahli Yang Berhormat]

**Beberapa Ahli:** Lilin, lilin!

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ibarat lilin Tuan Pengerusi, membakar diri akhirnya rumah yang kami duduk pun terbakar... [Disorak]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat, kerjasama.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya berharap hormat Tuan Yang di-Pertua kita, bagi penghormatan kepada mereka, protokol kepada mereka. Bila mereka pergi ke luar negeri, Kementerian Luar jaga mereka. Kami tidak jaga tidak mengapa, kami ikut mereka. Jaga, ini sampai Timbalan Tuan Yang di-Pertua pergi, sesat di negeri orang. Naik van bawa bag macam pelarian di negeri orang. Tanya jawatan apa? Timbalan Tuan Yang di-Pertua Malaysia. Tidakkah malu kita... [Dewan riuh]

**Seorang Ahli:** Pergi ke mana ini?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Entah, Tan Sri, Dato' pergi mana Yang Berhormat hantar... [Dewan riuh]

Pergi dengan Yang Berhormat bagi Arau, di mana entah, bawa *bag* merata, sana pintu *gate* hendak tutup. Tidak kasihankah, tanya dari mana? Malaysia. Jawatan, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Allah, malu kita! Duta-duta kita, tidak mahu, tidak boleh hantar duta, tidak mengapa, hantar pegawai, tidak boleh hantar pegawai, *office boy* pun mengapa. Kita bukan anak orang besar. Kita ini lilin tetapi janganlah sampai terbakar, kita pun naik *hot*... [Ketawa]

Tuan Pengerusi, saya hendak bela semua ini bukan untuk kesenangan, tetapi bagilah kami sedikit, satu penghormatan, ucapan terima kasih kepada kami. Itulah yang kami harap. Kami berjuang cukup ikhlas Tuan Pengerusi hoi! Bayangkanlah duduk....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, cukuplah Yang Berhormat. Kasihan Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Kalau saya bercakap lagi, saya menangis Tuan Pengerusi. Saya hendak berhenti. Saya hendak berhenti sudah ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya harap pihak kerajaan bagikan kami *independent*, bagikan parlimen ini di bawah pentadbiran dan pengurusan kami. Menteri jaga tidak mengapa. Biar dia jaga parlimen. Kita pun terima kasih dekat dia.

Kadang-kadang jelaga sedikit cerut itu ada. Hisap cerut itu pun hendak bagi hilang *problem*...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Kami ini pun risau tidak tahu hendak hisap apa dah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Mana satu butiran yang disebut.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Parlimen Tuan Pengerusi. Parlimen, pengurusan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini tidak boleh hisap sini. Cukuplah, cukup.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih. Saya haraplah pandangan saya diterimalah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Jasin.

12.50 tgh.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bersama-sama untuk membahaskan B.1, B.3, B.7, Parlimen dan juga Jabatan Perdana Menteri. Saya ingin mencadangkan kepada Parlimen supaya diwujudkan *award*, '*Mat Jujat of the year*' kepada Ketua Pembangkang yang pada hari ini beria-ia kerana zaman Tun Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri, tidak pernah saya dengar dia menyokong Tun Dr. Mahathir. Hari ini bukan main lagi tunjuk hero dengan surat khabar menyokong Tun Dr. Mahathir. Ingin menanggung air yang keruh. Oleh yang demikian, mintalah Parlimen adakan satu *award*, '*Mat Jujat of the year*' kepada Ketua Pembangkang.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Apa maksudnya itu, boleh minta penjelasan?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Mat Jujat dengan izin, hipokrit. Apa yang disuarakan oleh sahabat saya Yang Berhormat bagi Jerai, Tuan Pengerusi, memanglah kita kalau hendak bercerita bab Parlimen ini banyak. Tidak habis. Bersidang daripada pukul 10 sampai malam, *parking* untuk Ahli Parlimen pun, Tuan Pengerusi, saya tengok Yang Berhormat bagi Jerai kena cari bawah pokok di belakang sana, fasal kereta baru. Entah apa namanya, *wallahu'alam*. Kereta baru sampai bawah pokok! Ahli Parlimen, tempat *parking* pun tidak dikhaskan di Parlimen, apatah lagi di luar Parlimen.

Akan tetapi saya tengok, insya-Allah, apabila kita dapat Parlimen ditadbir sendiri oleh Parlimen dan apatah lagi dengan menteri dan pegawai-pegawainya, saya berdoa akan adanya perubahan pada masa akan datang untuk kebaikan kami, Ahli-ahli Parlimen yang bersidang sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai seolah-olah lilin yang membakar dirinya untuk menerangkan orang lain...

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]:** [*Bangun*]

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Silakan.

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]:** Minta penjelasan sedikit. Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Terima kasih Tuan Pengerusi. Berkait dengan *parking* kereta Ahli Parlimen ini satu hal. Kadang-kadang kalau kita bersidang sampai jam 11 malam, saya rasa sangat kasihan melihat pemandu-pemandu Ahli-ahli Parlimen ini, berterabur. Kalau hari hujan lagilah berteraburnya mereka ini. Apa cadangan Yang Berhormat bagi Jasin bagi menyelesaikannya?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Tuan Pengerusi, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Setiu. Ini pun satu masalah. Tidak ada kawasan teduh untuk *driver*, kepada rakan-rakan kita yang mempunyai *driver*. Macam saya..., bukan saya buang *driver*, Tuan Pengerusi, *driver* buang saya... [*Ketawa*] Tak larat nak ikut saya. Jadi dia buang saya kerja.

Tuan Pengerusi, saya hendak menjimatkan masa. Berkenaan dengan Jabatan Perdana Menteri, seperti yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Dungun dan sahabat saya Yang Berhormat bagi Tumpat, walaupun dulu sahabat saya, hari ini dia sudah parti lain tetapi masih lagi sejiwa nampaknya. Insya-Allah akan datang mungkin dia berbalik, *wallahu'alam*. Ini masalah yang mendapat perhatian surat khabar satu, dua hari ini. Saya hendak tahu apa pandangan Jabatan Perdana Menteri berkenaan dengan isu jambatan yang masih lagi dikaitkan dan pada hari ini ditimbulkan oleh Yang Berbahagia Tun Dr. Mahathir, yang mana rata-rata kita rakyat Malaysia bergantung ataupun terhutang budi kepada beliau...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya ingat perkara ini telah pun disentuh. Jadi...

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Walaupun sudah disentuh, Tuan Pengerusi, tetapi ia maha penting kerana penghormatan rakyat Malaysia kepada Tun Dr. Mahathir tidak boleh dijual beli.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudahlah, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Akan tetapi kalau masalah ini dia campur tangan lagi Tuan Pengerusi, kami agak sedih. Oleh yang demikian, kita hendakkan pendirian daripada Jabatan Perdana Menteri berkenaan dengan ini. Kerana saya kira pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membatalkan projek ini kerana mengambil kira pandangan daripada Perlis sampai ke Sabah...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Itu bukan kerana saya tidak benarkan. Sebab ia jauh sikit daripada butiran.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Ya, Tuan Pengerusi tetapi macam mana pun butiran Jabatan Perdana Menteri, Tuan Pengerusi. Kerana melibatkan orang ramai dan rakyat Malaysia keseluruhannya jadi kita hendak minta satu kenyataan rasmi daripada Jabatan Perdana Menteri berkenaan dengan perkara ini kerana kita sebagaimana yang saya cakapkan semalam, *enough is enough*. Cukuplah masalah ini.

Dan kita berharap daripada Jabatan Perdana Menteri juga, banyak perkara yang telah kita kemukakan di dalam Parlimen. Lebih-lebih lagi perbincangan Rancangan Malaysia Kesembilan, banyak teguran. Daripada pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan sehingga ke hari ini sudah lebih kurang dua minggu, tiga minggu, saya tengok tidak ada apa pun yang berlaku. Kalau kita lihat teguran daripada Ahli Parlimen mahupun *backbenchers* ataupun pembangkang tentang pengurusan dan juga *delivery system* yang selalu disebut, tetapi sehingga ke hari ini Jabatan Perdana Menteri tidak ada langsung sama ada hendak mengubah MAMPU yang tidak mampu hendak menyelesaikan masalah pelaksanaan projek-projek, bagaimana dengan kedudukan INTAN dalam segi untuk memberi kursus-kursus, kita belum mendengar lagi!

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** [Bangun]

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Silakan sahabat saya Yang Berhormat bagi Parit.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Terima kasih Tuan Pengerusi. Berkaitan dengan sistem penyampaian, apa pandangan Yang Berhormat tentang perubahan yang kononnya sedang berlaku di Kastam Diraja Malaysia. Adakah itu merupakan respons ketua pengarah itu terhadap desakan kita supaya agensi yang melaksanakan sistem penyampaian ini mengubah dan memperbaiki mutu perkhidmatan mereka sesuai dengan apa yang kita suarakan di Dewan yang mulia ini? Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Parit. Saya tidak berani sebut tentang Kastam. Saya sudah bercerita banyak tentang Kastam semalam tetapi bukan Kastam sahaja, kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan lain perlu ada perubahan yang besar dan INTAN kena mainkan peranan untuk...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukuplah.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Jabatan Perdana Menteri, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Hari ini, sungguhpun Jabatan Perdana Menteri tetapi yang penting sekali ialah elaun-elaun bagi Ahli-ahli Yang Berhormat. Tidak payahlah jauh terkeluar daripada...

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Tidak jauh, Tuan Pengerusi. Kita hendak minta supaya apa yang kita perkatakan selama ini diambil tindakan oleh Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya kerana ini penting dalam pelaksanaannya. Terima kasih, Tuan Pengerusi, kalau Tuan Pengerusi tidak benarkan saya berucap lagi. Terima kasih... [Ketawa]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik. Tanah Merah.

**12.57 tgh.**

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Kita banyak mendengar soal Parlimen iaitu Dewan yang mulia ini. Semua kita akui bahawa Dewan ini merupakan institusi yang tertinggi di dalam negara kita. Hari ini Dewan kita cantik, kerusinya empuk. Cuma keselesaiannya mungkin berbeza kerana ada yang berada di depan, ada yang berada di belakang macam saya ini.

Jadi, hari ini saya cukup berasa mungkin satu masalah bagi saya untuk bercakap, mungkin kerana saya berada di belakang. Di sini saya ingin menyarankan kepada Parlimen supaya mengambil kira orang belakang ini, orang baru, terutamanya barisan baru. Kami di antaranya Ahli Parlimen baru yang sedang belajar bercakap, sedang belajar untuk berhujah. Kalaulah kami ini bangun sehinggakan sepuluh kali bangun pun tidak dapat, ini rasanya satu kekecewaan jugalah kepada kami kerana kami juga ada hak untuk bercakap.

Kalaulah tengok pagi inilah sebagai contoh, saya bangun sehingga tujuh kali untuk memberi soalan tambahan kepada soalan pagi, tetapi ada di kalangan mereka ini yang bangun satu kali pun diberi untuk soalan tambahan. Saya rasa perlu dikaji semulalah, Yang Berhormat Menteri, supaya kami orang baru ini dapat memberi pandangan yang sama kepada Parlimen ini untuk diberi pertimbangan.

Bukan saya marah, saya tidak marah. Cuma saya menyuarakan apa yang berlaku dan bukan hari ini sahaja bahkan sebelum ini pun sama juga. Saya tidak menyangkal kepada sesiapa...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa sudah cukup. Kita sambung pada petang ini. Kita sambung nanti.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga pukul 2.30 petang.

*Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.*

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, ada satu usul daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Silakan.

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**2.33 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamad Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 8.30 malam ini. Dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi hari esok 4 Mei 2006”.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah dipersetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan dan disetujui.

Usul disetujui.

[Tuan Pengerusi *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Saya menjemput Yang Berhormat dari Tanah Merah untuk menyambung ucapan.

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya ingin mengalu-alukan kehadiran adik-adik daripada Institut Profesional Baitulmal ke Dewan Rakyat.

Saya menyambung perbahasan saya. Sebagai mana yang saya nyatakan tadi bahawa institusi Parlimen adalah institusi yang tertinggi dan di sini merupakan dasar kerajaan digubal dan kita perlu memperkasakan institusi ini untuk memastikan seluruh rakyat di dalam negara ini menghormati institusi Parlimen dan sekarang ini kita melalui RTM ditayangkan setiap slot-slot perbahasan tertentu untuk tontonan rakyat dan masyarakat di negara kita. Dan di sini saya menyarankan supaya isi-isi kandungan di dalam laporan Parlimen ini diperbaiki supaya lebih sesuai supaya rakyat dapat melihat bahawa apa yang sebenarnya berlaku dalam Parlimen merupakan perkara-perkara yang penting dan saya mencadangkan supaya isu-isu yang agak kurang mustahak tidaklah perlulah dimasukkan ke dalam laporan media kerana banyak lagi isu-isu penting yang dibangkitkan di dalam Parlimen.

Saya berpindah kepada P.6 Jabatan Perdana Menteri. Jabatan Perdana Menteri adalah merupakan tunggak kepada Jabatan di bawah Perdana Menteri yang banyak menjalankan tanggungjawab terhadap negara kita. Hari ini kita diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dengan satu badan iaitu Badan Bertindak Pelaksanaan Negara yang dipantau sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita iaitu di bawah direktori pelaksanaan negara.

Di sini saya mencadangkan kepada Jabatan Perdana Menteri supaya badan-badan ini diperkasakan juga ataupun disertai juga oleh Ahli-ahli Parlimen yang mungkin mempunyai kemahiran dalam bidang-bidang tertentu supaya kita sama-sama apabila berbangkit di Parlimen kita di kalangan Ahli Parlimen juga boleh memberi pendapat dan boleh memberi pandangan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat apabila dibangkitkan di dalam Parlimen. Cuma yang saya ingin cadangkan di sini apabila sesuatu projek hendak dilaksanakan hendaklah EPU mengambil satu pendekatan.

Saya yakin sekarang ini pun telah dibuat di mana keutamaan kepada projek-projek yang penting di dalam negara kita perlu diambil kira dari segi keperluan semasa dan di tempat saya contohnya apa yang kita dihebahkan hari ini kemalangan kereta api dengan kenderaan-kenderaan atau pun orang yang menggunakan landasan kereta api sebagai laluan di mana banyak berlaku pelanggaran kereta api ini mengakibatkan kehilangan nyawa bagi kes-kes yang telah dilaporkan.

Di Parlimen Tanah Merah kita ada satu laluan kereta api yang cukup rapat cukup *close* dengan izin dengan bandar Tanah Merah di mana setiap hari 10 kali *gate* kereta api ini ditutup. Kalaulah 10 minit kita kali dengan 10, maksudnya berapa? Ada 100 minit ini lebih kurang sejam lebih masa rugi, masa menunggu, rakyat khususnya pengguna jalan raya di Parlimen Tanah Merah. Saya mencadangkan projek Tanah Merah *bypass* kepada JKR dan JKR membawa perkara ini kepada EPU untuk diluluskan tetapi masalah ini yang timbul sejak sekian lama dan dicadangkan sejak Rancangan Malaysia Ketujuh lagi tetapi hari ini saya nampak tidak ada kelulusan walaupun tidak rasmi lagi kepada projek ini.

Jadi saya memohonlah kepada EPU ataupun Jabatan Perdana Menteri supaya mengambil berat isu yang saya bangkitkan ini kerana ini adalah mustahak malah saya nampak tidak ada satu pun projek yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini untuk pembinaan jalan raya di Tanah Merah.

Jadi, Tuan Pengerusi, bahawa ini merupakan kepentingan kepada masalah rakyat dan apabila perkara ini dikemukakan kepada saya selaku ahli Parlimen, saya mengatakan bahawa perkara ini telah diberi keutamaan kerana disenaraikan dalam senarai keutamaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan perkara ini telah keluar surat khabar, sudah keluar televisyen yang mengatakan bahawa masalah ini akan diselesaikan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Jadi, saya mohon, mohonlah kepada EPU supaya dapat meluluskan projek Tanah Merah *bypass* ini supaya pengguna jalan raya di Tanah Merah yang mana telah sekarang ini berkembang pesat dapat diselesaikan, tambah-tambah lagi kepada ambulans (kecemasan), bomba, polis yang menggunakan laluan tersebut untuk pergi ke tempat-tempat yang diperlukan.

Jadi, saya mencadangkan di sini juga supaya Badan Bertindak Perancangan Negara juga mungkin boleh mengkaji supaya dapat diwujudkan, supaya perancangan ini biar tepat, biar sesuai dengan keperluan, biar sesuai dengan kehendak semasa, supaya perancangan yang dibuat dalam tempoh masa lima tahun sekali ini menepati dengan apa yang diluluskan oleh kerajaan kerana sekiranya projek yang penting tidak dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan nanti, kita hendak tunggu Rancangan Malaysia Kesepuluh itu, pun belum tentu lagi.

Ini menimbulkan masalah kepada rakyat. Saya tidak, menafikan bahawa kajian-kajian tertentu telah dibuat tetapi dengan adanya Badan Bertindak Perancangan Negara yang juga boleh di bekerjasama dengan Badan Bertindak Pelaksanaan Negara mungkin ini dapat memberi kesan yang baik, dapat memberi satu ketepatan kepada perancangan-perancangan pembangunan strategik khususnya di dalam negara kita. Tuan Pengerusi, sekian. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Kubang Kerian.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya cuma nak menyentuh perkara B1, berkaitan dengan Parlimen dan juga tentang B3 - Jabatan Perdana Menteri. Terutama sekali Tuan Pengerusi, baru-baru ini Parlimen menjadi riuh rendah kerana isu pakaian. Bermula dengan pakaian Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan kemudian semalam tentang pemakaian *bow* dalam Dewan yang mulia ini.

Walaupun Tuan Pengerusi telah membuat peraturan yang seharusnya diikuti, saya mungkin sebagai mewakili Ahli-ahli Parlimen Malaysia menyatakan pada hari ini bahawa telah sampai masanya Dewan yang mulia ini memikirkan kembali tentang pakaian yang paling sesuai bagi Ahli-ahli Parlimen Malaysia. Mengapa tidak kita yang hidup di Malaysia dan Ahli Parlimen di Malaysia ini memikirkan suatu pakaian yang standard yang berasaskan kepada budaya, pengamalan bangsa masing-masing.

Jadi, saya mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini supaya kita mengkaji semula *lounge suit* yang kita pakai ini *bow* dan tali leher yang diizinkan ini, yang kita ketahui ialah warisan daripada *Westminster* yang kita adaptasikan, sesuaikan dalam Parlimen yang ada pada hari ini. Kenapa tidak, kita izinkan satu pemakaian yang standard, pemakaian yang lebih diterima dalam masyarakat Malaysia, pakaian yang lebih diterima oleh kita sendiri, sebagai bangsa Malaysia. Setidak-tidaknya negara Singapura telah menunjukkan contoh yang baik dalam pemakaian yang paling *simple*, paling selesa bila mereka berbahas dalam Parlimen, sebagai Parlimen kelas pertama dalam negara maju.

Pada saya Tuan Pengerusi, sama ada kita menjadi Ahli Parlimen "*world class*", kelas satu atau kelas dua bukan terletak pada pakaian kita tetapi terletak pada minda kita, *mindset* kita dan juga cara kita berbahas dengan hambur yang kita buat ataupun isi dan kandungan perbahasan kita yang melayakkan diri kita digelar atau dinilai sebagai Ahli Parlimen kelas pertama.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua ialah saya ingin menyentuh tentang berbagai institusi dalam Parlimen. Saya menyokong...

**Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]:** Tuan Pengerusi, satu soalan kepada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Yang Berhormat bagi Kubang Kerian mengakui bahawa kita mewarisi tamadun ataupun *Westminster* dan dalam masa yang sama cintakan kepada budaya, peribadi kita. Jadi, saya simpulkan bahawa masyarakat Malaysia moden hari ini adalah manusia dua kerat yang menimba yang memajukan aspek dua-dua tamadun itu. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat kalau kita terima kedua-duanya dengan bertali leher *lounge suit* tetapi dalam masa yang sama kita juga menerima pakaian alternatif yang diperagakan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Terima kasih.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Gerik dan sahabat saya yang memberi pandangan. Memang hampir 50 tahun kita merdeka, kita menerima kedua-duanya tetapi apakah yang lebih baik untuk masa depan. Tidakkah lebih baik kalau Parlimen Malaysia di antara Parlimen yang memberikan contoh, kita adakan pakaian kita sendiri yang pada saya lebih menampilkan tentang imej kita sebagai Ahli Parlimen Malaysia. Tuan Pengerusi, terima kasih atas pandangan itu.

Tuan Pengerusi, perkara kedua yang saya hendak sentuh ialah tentang berapa institusi yang wujud dalam Parlimen. Saya menyokong Yang Berhormat bagi Johor Bahru dan juga pandangan-pandangan yang lain tentang perlunya kebebasan dalam Parlimen. Satu hari esok, mungkin anak-anak cucu kita yang membaca *Hansard* pada hari ini memberikan sedikit tabik hormat kepada kita tentang bagaimana kita mahu menjadikan Malaysia dan Parlimen Malaysia sebagai satu Parlimen yang paling disegani, setidak-tidak pun dirantau Asia Tenggara untuk menjadi contoh negara-negara dunia ketiga.

Tuan Pengerusi, kebebasan Parlimen, hak Parlimen mestilah dihormati dan insya-Allah saya yakin dan percaya Parlimen kita esok satu hari nanti akan setanding dengan Jepun, dengan Korea yang dibanggakan oleh rakyat mereka pada hari ini.

Tuan Pengerusi, di samping saya menyokong tentang bagaimana jawatan Speaker, jawatan Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Dewan Negara dan Timbalan-timbalan yang diberikan kedudukan yang tinggi dalam Parlimen, diberikan satu status yang tinggi. Ini merupakan satu usaha proaktif yang mesti kita perjuangkan bersama, sama ada kita daripada pihak Kerajaan ataupun kami daripada pihak Pembangkang.

Kami mahu melihat Tuan Pengerusi, sebagai Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Yang di-Pertua Dewan Negara ialah satu institusi yang dibanggakan yang boleh membuat keputusan dan suara kita seharusnya didengari oleh pihak Kabinet supaya kita menjadi contoh kepada Parlimen kelas pertama yang saya beri contoh pada pagi tadi. Sekurang-kurangnya Kongres Amerika Syarikat tidak boleh bertolak ansur hatta pentadbiran Presiden Amerika Syarikat sendiri pun tidak boleh *override* terhadap keputusan mereka untuk membela rakyat tentang subsidi yang diberikan kepada golongan petani mereka.

Di sini Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil contoh supaya peranan di samping saya memperjuangkan tentang kedudukan Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua dan juga Pengerusi *Backbencher*, saya juga ingin mencadangkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa institusi Ketua Pembangkang juga mestilah diberikan satu pengiktirafan yang besar demi menyuburkan demokrasi dalam negara kita, tidak kira pada parti mana ia datang dan yang penting peranan yang dimainkan oleh Ketua Pembangkang pada hari ini sebagai *check and balance* dalam Parlimen kita.

Saya ingin merujuk kepada satu artikel yang ditulis oleh *Smith Darok*, yang menulis tentang satu artikel dalam Parlimen Canada yang bertajuk, "*The Opposition in The Parliamentary System*", yang menyebut bahawa semenjak tahun 1826 lagi *House of Commons* di United Kingdom telah memanggil Ketua Pembangkang sebagai *His Majesties Opposition*. Satu kedudukan yang begitu tinggi yang telah ditunjukkan oleh Parlimen kelas dunia yang ada pada hari ini.

Kemudian tentang gelaran-gelaran Tuan Pengerusi, saya tidak membantah dan tidak pernah iri hati tentang pengurniaan Tan Sri ataupun Datuk atau pun Datuk Seri kepada Ahli-ahli Parlimen dari pihak kerajaan tetapi, apa salahnya kalau kita mengiktiraf peranan-peranan Ketua Pembangkang.

Kita memberikan gelaran..., setidak-tidaknya Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong mengiktiraf peranan Ketua Pembangkang ini sebagai satu usaha bagaimana mereka menjalankan suatu aktiviti dan peranan di dalam menyuburkan demokrasi dalam tanah air kita...

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Masalah dia terima tak terima, birlah orang lain yang menilai, bukan kami yang menilai.

Tuan Pengerusi, sebagai contoh *The House of Commons* tahun 1834 hingga tahun 1835 yang menjadi Ketua Pembangkang adalah Lord John Russel, diberi gelaran *Lord* satu kedudukan yang tinggi dalam *House of Commons* di UK. 1830 hingga 1834, Sir Robert Peel, diberikan gelaran Sir oleh *House of Commons*. Ini menunjukkan bahawa suburnya demokrasi dan bagaimana institusi Ketua Pembangkang ini diberikan pengiktirafan bukan sekadar Parlimen tapi oleh rakyat yang sehati yang mengiktiraf.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Yang Berhormat, boleh minta penjelasan sikit? Sikit saja.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Sikit lagi. Supaya peranan yang diberikan oleh Ketua Pembangkang ini benar-benar menyuburkan demokrasi dalam tanah air kita.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Sebenarnya sudah menjadi amalan di mana Ketua Pembangkang ada juga menerima anugerah bersempena dengan sambutan keputeraan Raja-raja ataupun Sultan-sultan. Contoh, wakil Pendang Allahyarham Datuk Fadhil Nor mendapat "Datuk" daripada Kerajaan Negeri Kedah. Kemudian Menteri Besar Kelantan sendiri mendapat gelaran. Pemimpin PAS yang tertinggi Datuk Abdul Hadi pun dapat gelaran dan ramai lagi. Jadi saya tak nampak kalau mengatakan bahawa tentang penganugerahan ini timbul pilih kasih. Apa pandangan Yang Berhormat tentang ini?

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Tuan Pengerusi, saya tak pernah kata pilih kasih. Allahyarham Datuk Fadhil Nor menerima gelaran itu semasa beliau belum lagi menjadi Ketua Pembangkang. Dan Ketua Menteri, Menteri Besar Kelantan dan Terengganu menerima anugerah tersebut atas status beliau sebagai Menteri Besar, itu mungkin penghormatan yang diberikan oleh Sultan-sultan di negeri tersebut. Maksud saya Tuan Pengerusi adalah kita melihat dalam gambaran yang lebih besar dan berpandangan yang lebih jauh.

Jangan kita nilai apa yang berlaku mungkin pada hari ini, kita mahu melihat generasi akan datang melihat Parlimen, *backbenchers* nya, Speakernya dan anggota-anggota dalam pentadbirannya, Ketua Pembangkang ialah satu komponen yang menyelamatkan negara dari huru-hara.

Kita kena terima PAS, paling tidak pun boleh *moderate* kan pemikiran anak muda untuk memilih demokrasi jalan yang terbaik untuk mendapatkan kuasa. Demikian juga DAP, kita tak boleh nafikan ratusan pengundi yang mengundi kami, paling tidak mereka bersetuju dalam apa cara sekalipun kelemahan yang ada pada hari ini, kita memilih jalan ini sebagai jalan yang terbaik. Maka sebab itulah kita mahu melihat supaya Parlimen kita satu hari nanti boleh menjadi Parlimen kelas satu dan kita melihat peranan semua pihak dalam menyuburkan demokrasi. Apa salah bagi ya, saya menyatakan kalau Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong nak bagi, boleh bagi pada artis kita tak larang. Sumbangan mereka dalam dunia hiburan. Nak bagi pada Larut, atas sumbangan bola dia walaupun masih jauh lagi ketinggalan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih, saya dah dapat tiga dah Yang Berhormat, tiga negeri dah bagi dah.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Baik terima kasih. Jadi pada saya tidak timbul, tidak salah sebenarnya kalau pihak Parlimen sendiri ada satu kebebasan untuk menilai prestasi kita, kerana kitalah yang ada di sini yang akan menentukan masa depan generasi kita.

Bukan kita sahaja yang layak duduk di sini tapi kita mahu esok anak cucu kita melihat Parlimen ini sebagai satu yang kita perjuangkan pada hari ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Batu Gajah.

**2.53 ptg.**

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin membangkitkan isu berkenaan Parlimen. Tadi ramai Yang Berhormat tak kira parti mana di dalam Dewan ini telah membangkitkan berkenaan dengan keperluan institusi Parlimen ini bebas dan menerima penghormatan. Saya setuju pendapat itu, bukan sahaja kita mesti bebas, yang penting ialah kita mesti bebas dari genggaman eksekutif. Itulah yang paling penting, yang sejajar dengan *doctrine of the separation of powers*. Dan kalau kita nak institusi Parlimen ini dihormati orang ramai dan bukan sahaja seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai, dihormati juga oleh pegawai-pegawai. Yang penting adalah layanan, saya percaya yang paling penting adalah layanan. Layanan yang harus diberi sama di antara ahli-ahli dalam Dewan ini sendiri. Inilah yang paling asas.

Dan kedua, adalah berkenaan pandangan. Jangan memandang ahli-ahli dari pembangkang ini sebagai musuh. Inilah yang sering kali disebar-sebarkan oleh ahli-ahli Barisan Nasional kepada pegawai-pegawai melihat pembangkang, wakil rakyat pembangkang...

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Penjelasan.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Saya bagi laluan.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Batu Gajah. Tadi Yang Berhormat menyentuh tentang hormat kepada Ahli-ahli Parlimen, apa parti yang mereka wakili. Setujukah Yang Berhormat bahawa penghormatan ini sebenarnya bukan ditujukan kepada Ahli Parlimen tapi kepada rakyat jelata, pengundi yang memilih kami, kita di sini untuk menyuarakan aspirasi rakyat. Dan penghormatan yang terbesar saya rasa adalah keadilan kepada rakyat jelata untuk menerima layanan yang sama rata, iaitu misalnya dalam isu peruntukan pembangunan kawasan pilihan raya masing-masing, cuma dinikmati oleh wakil-wakil dari parti pembangkang tetapi hak untuk mendapat pembangunan dinafikan kepada pengundi-pengundi yang memilih wakil dari parti-parti pembangkang. Setujukah Yang Berhormat ini tidak adil dan tidak hormat hak pengundi untuk mendapat pembangunan yang sama rata dan adil?

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Tanjong yang membantu saya bagi menjelaskan. Sebab itu kita di dalam Dewan ini memanggil antara satu sama lain nama kawasan, yang perlu kita dapatkan daripada pihak kerajaan adalah menghormati wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat, penghormatan yang sama, peruntukan bagi kawasan. Saya ingin tahu berapakah peruntukan untuk kawasan, pembangunan kawasan yang diperolehi oleh Ahli-ahli Barisan Nasional sepanjang masa ini?

Dan sekurang-kurangnya beritahu kami dalam Dewan yang paling asas. Sebelum ini adalah lebih kurang RM500 ribu, tapi saya diberitahu kononnya ada sumber-sumber yang menyatakan bahawa Ahli-ahli Barisan Nasional juga mendapat peruntukan daripada setiap kementerian. Apakah ini benar? Dan berapakah jumlahnya?

Jadi saya haraplah kalau kita mahu institusi ini dihormati, yang paling asas penghormatan kepada rakyat yang memilih pembangkang. Dan hentikan menyebarkan kepada pegawai-pegawai tak kira peringkat mana, majlis kah, pejabat tanah kah, bahawa pembangkang dilihat seperti musuh...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan!

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Saya bagi laluan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Adakah benar bahawa, adakah Yang Berhormat Batu Gajah bersetuju bahawa peruntukan pembangunan untuk setiap kawasan Parlimen Barisan Nasional sudah dinaikkan daripada RM500 ribu setahun kepada RM2 juta tahun ini.

Dan akankah dia mahu tanya Yang Berhormat Menteri untuk memberi satu penjelasan kenapa ada pertambahan tanpa *accountability*, *transparency* dan pun ada berlaku penyelewengan termasuk korupsi.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Ya, saya harap pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang ini akan dijawab. Biar ada ketelusan, ke manakah penggunaan, di mana wang-wang peruntukan ini kalau benar RM2 juta ini digunakan oleh wakil rakyat? Tuan Pengerusi, saya maklumkan, ramai beritahu saya, dia kata, "Kalau orang muda nak libat dalam politik, masuk Barisan Nasional, masuk MCA, masuk UMNO, masuk GERAKAN sebab mereka boleh kaya dengan cepat"...

**Seorang Ahli:** Cepat kaya.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Cepat kaya. Jadi marilah kita sama-sama hiriskan pandangan ini kalau kita nak institusi Parlimen dihormati. Dan bukan dilihat sebagai satu tempat di mana untuk mencari glamor, kekayaan dan status yang telah disebar, yang sedang berlaku apabila mereka menyertai Barisan Nasional.

Dan sebelum ini, saya juga ingin membangkitkan berkenaan Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan. Sebelumnya telah timbul banyak kontroversi kerana kekurangan maklumat. Bukan sahaja dalam Dewan Rakyat, walaupun ahli-ahli banyak berulang kali membangkitkan kelemahan rang undang-undang pada masa itu, tapi tidak diendahkan, diluluskan juga tanpa pindaan. Selepas itu sampai ke Dewan Negara, perkara ini berulang lagi sehingga Yang Berhormat Menteri kena datang untuk menggunakan *Whip* meminta Ahli-ahli Dewan Negara untuk membenarkan rang undang-undang itu diluluskan.

Dan sekarang pula dikatakan bahawa ia akan dibentangkan untuk dipinda kerana wujudnya bukan kelemahan tapi memberi alasan teknikal. Saya membaca laporan bahawa ia akan dibentangkan untuk pindaan bulan Mac ini. Saya nak tahu ke mana rang undang-undang ini dan sebelum itu apakah pihak kementerian, jabatan akan memberi kami sekurang-kurangnya wakil dalam Dewan ini sekali lagi satu peluang untuk melihat, untuk mengelakkan berulang lagi insiden yang amat memalukan, yang telah berlaku ke atas rang undang-undang ini. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua yang ingin saya bangkitkan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Tangga Batu.

**3.00 ptg.**

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sesungguhnya Parlimen kita ini memerlukan Ahli-ahli Parlimen yang mempunyai keseimbangan dalam pembangunan jasmani dan juga rohani. Kita dapat lihat hari ini Parlimen kita ada menyediakan satu ruang rekreasi dan sukan. Kita ada tiga *court* badminton, satu ruang gimnasium dan juga satu bilik sauna lengkap dengan tempat mandi dan juga *locker* bilik persalinannya. Dan tempat-tempat ini telah mendapat tarikan sebahagian Ahli Parlimen. Dan harapan saya kita juga perlu melihat mungkin ada Ahli-ahli Parlimen yang tidak berminat bermain badminton, tidak ...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Boleh tanya sedikit Yang Berhormat?

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Ya.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Apabila Yang Berhormat sebut kemudahan sukan termasuk Tuan Pengerusi pun masih lagi aktif. Kalau main *single* dengan Tuan Pengerusi jangan main-main. Tuan Pengerusi oleh sebab dewan badminton ini yang didirikan di Parlimen ini adalah hasil tangan Allahyarham Yang Amat Berbahagia Tun Ghafar Baba.

Apakah Yang Berhormat setuju kalau kita cadangkan nama dewan ini atas nama Allahyarham Tun Ghafar Baba iaitu dewan badminton yang didirikan di Parlimen ini. Tuan Pengerusi kalau tidak silap saya adalah atas asas tangan Allahyarham ketika menjadi Timbalan Perdana Menteri. Terima kasih.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Yang Berhormat Larut. Saya kira itu adalah satu cadangan yang baik dan saya sebutkan sekali lagi walaupun tidak termasuk dalam saranan saya, saya menyarankan supaya dewan badminton ini diberi nama Dewan Tun Ghafar Baba. Terima kasih Yang Berhormat Larut.

Tuan Pengerusi saya ingin mencadangkan supaya sedikit pertanyaan diajukan kepada Ahli-Ahli Parlimen yang mungkin mempunyai minat di dalam bidang sukan yang lain. Umpamanya *marksmanship* kalau boleh disediakan ruang untuk berlatih menembak di sekitar Parlimen ini dan juga kalau boleh satu ruang *driving range* bagi peminat-peminat golf yang boleh menggunakan masa lapang di waktu petang untuk berada di Parlimen ini untuk berlatih bagaimana hendak menghayun kayu golf dan sebagainya. Jadi ini mungkin cadangan bagi meletakkan institusi Parlimen ini supaya sentiasa diminati oleh Ahli-Ahli Parlimen terutamanya.

Tuan Pengerusi saya ada menerima satu almanak yang mana di dalam almanak ini mengandungi senarai Ahli-ahli Parlimen dari pilihan raya 1955 hinggalah ke tahun 1999, yang 2004 punya belum ada di dalam senarai itu. Dan saya lihat di dalamnya adalah satu perkara terperinci berkenaan dengan latar belakang Ahli Parlimen dan sebagainya. Jadi saya mencadangkan Tuan Pengerusi supaya Dewan Parlimen kita ini menyediakan satu ruang *hall of fame*, dengan izinlah seperti ruang yang mana menuliskan setiap nama Ahli Parlimen daripada tahun 1955 hinggalah ke tahun 2004 supaya ia disemadikan di dinding tersebut untuk ditatapi oleh generasi akan datang.

Saya juga mencadangkan supaya gambar-gambar Timbalan Speaker kerana mereka ini juga merupakan institusi Parlimen, sebahagian daripada institusi Parlimen untuk dipamerkan di dinding-dinding selain daripada gambar Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Tuan Pengerusi saya ingin juga mencadangkan supaya untuk memantapkan lagi persembahan ataupun perbahasan Ahli-ahli Parlimen di dalam Dewan yang mulia ini, RO-RO ataupun pegawai-pegawai penyelidik yang telah disediakan oleh pihak Parlimen ini diberikan satu senarai tugas ataupun *job description*, deskripsi tugas mereka yang tertentu supaya Ahli-ahli Parlimen mudah untuk menggunakan mereka untuk mendapat rujukan bagi tujuan perbahasan. Kerana didapati hari ini berlaku juga tudingan jari, yang ini bukan tugas saya ini tugas mereka dan sebagainya akhirnya kualiti perbahasan Ahli Parlimen ini tidak berasaskan kepada fakta-fakta dan angka-angka yang tepat. Jadi itu sahaja saya pada kali ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya Ipoh Barat.

**3.08 ptg.**

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi saya juga ingin mengambil bahagian mengenai perkara Parlimen. Tuan Pengerusi pada permulaan lebih kurang tiga tahun dahulu, dua tahun lebih Parlimen telah diubahsuai dengan dikatakan kos sebanyak lebih dari RM100 juta dan dikatakan satu Parlimen yang sangat canggih tetapi baru-baru ini kita dapat tahu banyak kerusi-kerusi yang kita duduk di sini semua goyang-goyang.

Dan saya difahamkan *warranty period* pun sudah luput, apakah ini boleh terjadi kepada institusi Parlimen? Dan apakah pendirian kerajaan terhadap kontraktor yang membuat perkara tersebut? Dan kalau kita tengok di Dewan Rakyat dalam Dewan tidak ada satu *uniqueness* mengenai apa yang khas *culture* sistem kita yang sedia ada dalam Parlimen ini.

Walaupun ramai di antara Ahli Parlimen-Ahli Parlimen di Dewan Rakyat telah pergi ke beberapa negara menengok Dewan-Dewan mereka banyak di antaranya menggunakan dengan izin, *local product*, tetapi nampaknya kita tidak memberi penghargaan, tidak memberi penghormatan kepada itu.

Saya harap kerajaan akan mengambil tindakan sewajar supaya kita akan menghargai *uniqueness culture* kita. Selain dari itu, saya juga ingin tahu, apakah terjadi kepada cadangan-cadangan oleh beberapa pihak termasuk menteri, penghulu besar bagi Parlimen yang telah memberitahu bahawa beberapa peraturan mesyuarat akan dipinda.

Di antaranya adalah memberi kelonggaran meningkatkan masa untuk soal jawab dari satu jam ke dua jam. Walaupun perkara ini telah dibangkitkan lebih dari satu setengah tahun dahulu hingga sekarang perkara itu belum diimplementasikan. Saya sendiri telah memberi memorandum kepada Menteri berkenaan telah membangkitkan perkara itu pada tahun dahulu. Di mana saya telah mengatakan di negara Kanada setiap Ahli Parlimen bila memberi menanya soalan atau jawapan dibuat oleh Menteri hanya diberi dua minit sahaja. Lepas itu mikrofon itu ditutup dan memberi ruangan yang lebih kepada semua Ahli Parlimen untuk mengambil bahagian dalam sesi soal jawab. Dan Menteri berkenaan telah berkata bahawa ini adalah satu yang sangat bagus tetapi sudah nampak lebih dari satu tahun tetapi tidak ada apa-apa tindakan yang diambil dalam hal ini. Bilakah *Committee* tersebut akan bersidang, dan apakah terkini mengenai perkara tersebut. Itu sahaja Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Bagan.

**3.08 ptg.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tiap-tiap kali apabila menjelang pilihan raya mahupun negeri ataupun peringkat negara ramai menteri-menteri, timbalan menteri-timbalan menteri dan setiausaha-setiausaha parlimen ambil kesempatan untuk berkempen dalam pilihan raya dengan menggunakan kemudahan-kemudahan kerajaan. Mereka nampaknya tidak tahu membezakan tugas parti dengan tugas kerajaan. Baru-baru ini pilihan raya negeri Sarawak sedang dijalankan dan kami nampak di sini ada beberapa ahli dalam Dewan ini mereka menyanjung jawatan Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan sekarang mulai sekarang sehingga 20 hari bulan hari membuang undi mereka tidak akan hadir dalam Parlimen ini. Dan seperti saya kata di Sib, Timbalan Menteri Perumahan adakah dia akan hadir di dalam Dewan ini untuk menjalankan tugas mereka sebagai seorang Timbalan Menteri? Di samping itu, Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya adakah beliau akan hadir dalam Dewan ini untuk menjalankan tugas beliau sebagai seorang Setiausaha Parlimen dalam dua tiga minggu ini.

Yang Berhormat Betong, Timbalan Menteri Pengangkutan, beliau juga tidak akan hadir. Ahli Parlimen bagi Betong, beliau juga bertanding sebagai seorang calon dalam Dewan Undangan Negeri, sekarang. Adakah mereka ini minta cuti? Adakah mereka ini, gaji mereka sebagai Timbalan Menteri, terus dijalankan tanpa menjalankan kerja-kerja kerajaan tetapi menjalankan tugas-tugas sebagai seperti berkempen dalam pilihan raya. Mereka perlulah membezakan tugas mereka sebagai tugas parti dan tugas kerajaan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:**Penjelasan. Adakah Yang Berhormat bersetuju, bahawa untuk mempertingkatkan *national integrity*, bahawa semua menteri, timbalan menteri dan setiausaha Parlimen Barisan Nasional daripada Sarawak yang akan berkempen di Sarawak sepenuh masa sampai 20 hari bulan, bulan ini, hari undi patutlah memohon cuti rasmi. Mereka boleh berkempen, tetapi cuti rasmi supaya mereka tidak menggunakan kedudukan mereka. Menyalahgunakan kedudukan mereka dan satu contoh yang buruk.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Saya bersetuju dengan pandangan Ketua Pembangkang berkenaan dengan hal ini. Sekiranya perkara ini berlaku di negara jiran kita seperti di Thailand, saya pasti pilihan raya mahupun di negeri atau di peringkat negara boleh diisytiharkan sebagai tidak sah. Tuan Pengerusi, perkara yang kedua, kementerian, kerajaan selalu ada taklimat-taklimat untuk menerangkan rang undang-undang yang dibentangkan dalam Parlimen ini, mereka...

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Bagan, mohon penjelasan.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Bagi habis ini ya.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Yang mana satu?

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Taklimat.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Bukan, fasal yang tadi.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Okey, okey.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Yang Berhormat bagi Bagan, terima kasih. Saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat bagi Bagan, bolehkah Yang Berhormat bagi Bagan beritahu kita, di manakah Yang Berhormat bagi Bandar Kuching pada waktu ini? Dan apakah yang dibuat oleh Yang Berhormat itu di tempat yang berkenaan, terima kasih.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Ahli Yang Berhormat bagi Bandar Kuching iaitu seorang Ahli Dewan Parlimen di sebelah kita ini, beliau bukan seorang anggota pentadbiran. Beliau tidak menerima gaji kerajaan. Beliau menerima *allowance*. Saya tidak mempertikaikan Ahli-ahli Dewan Undangan ini. Mereka suka hadir di dalam Dewan ini atau mereka mahu pergi kempen, itu hal mereka sendiri kerana mereka tidak menerima gaji dari kerajaan. Itu ada bezanya.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan taklimat yang diberi oleh kementerian-kementerian kepada *backbencher-backbencher* berkenaan dengan rang undang-undang yang dibentang dalam Parlimen ini, Tuan Pengerusi pasti tahu bahawa mereka ini hanya untuk Ahli Parlimen *Backbencher* Barisan Nasional sahaja. Mengapa mereka tidak mempelawa Ahli-ahli dari pembangkang untuk turut bersama untuk mendengar taklimat-taklimat ini? Kita juga di sini ada banyak soalan untuk bertanya kepada mereka.

Sekiranya taklimat-taklimat ini diberi, maka kita akan memahami maksud-maksud rang undang-undang demi untuk mengurangkan persoalan-persoalan kita dan menjimatkan masa dalam perbahasan Dewan ini juga. Ini bukan kita sebagai seorang anggota Dewan ini, telah dinafikan peluang untuk menyertai taklimat-taklimat seperti ini dan adakah Yang Berhormat Tuan Pengerusi, sebagai ketua dalam Dewan ini tidak membela nasib kami semua? Sebagai dalam hal taklimat, sebagai dalam hal untuk mendapat peruntukan-peruntukan untuk membangunkan projek-projek kecil di kawasan? Ini saya merayulah kepada Yang Berhormat Tuan Pengerusi Dewan ini, untuk melihat dengan sendiri bahawa ada wujudnya ketidakadilan dalam hal-hal yang kami sebut. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri ada jawapan.

**3.14 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil kesempatan di awal ini untuk mengucapkan berbilang-bilang terima kasih dan 14 Ahli Parlimen yang telah mengambil bahagian dalam peringkat jawatankuasa bagi perbelanjaan tambahan untuk Jabatan Perdana Menteri. Mereka terdiri dari Ipoh Timor, Dungun, Larut, Johor Bahru, Sungai Petani, Tumpat, Jerai, Jasin, Tanah Merah, Kubang Kerian, Batu Gajah, Tangga Batu, Ipoh Barat, dan baru sahaja Ahli Parlimen Bagan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, ramai juga dalam perbahasan di peringkat jawatankuasa ini telah dibangkit berkenaan dengan isu Tun Dr. Mahathir yang mengkritik keputusan kerajaan, tidak meneruskan jambatan bengkok. Termasuklah menulis surat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat memberi pandangan beliau dalam hal ini yang menyebabkan ramai Ahli Yang Berhormat bertanya berkenaan dengan hal tersebut.

Saya ingin menyatakan di sini, iaitu bahawa kerajaan ini iaitu kerajaan di bawah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Ahmad Badawi, sememangnya mengamalkan sikap terbuka dalam semua hal. Walaupun ramai di kalangan rakyat merasai iaitu dalam pentadbiran dahulu, sikap terbuka ini telah tidak diamalkan. Saya ingin menyatakan iaitu Tun Dr. Mahathir berhak memberi pandangan beliau akan tetapi dalam sebuah negara yang berdaulat yang mengamalkan demokrasi, tidak siapa boleh menafikan hak kerajaan untuk respons kepada pandangan Tun. Kita dalam kerajaan semua menghormati Tun sebagai seorang yang telah banyak berjasa kepada rakyat dan negara di masa yang lepas.

Namun itu tidak bermakna bahawa beliau diberikan *blank cheque*, dengan izin, untuk mengkritik tanpa mengundang jawapan dari sesiapa yang mempertikaikan kritikan beliau. Terutama sekali bagi kami di pihak sini, hak kerajaan untuk membela diri. Atas dasar inilah, saya ingin menjawab dan berharap Tun tidak tersinggung dan orang ramai tidak menganggap saya sebagai tidak menghormati dan tidak mengenang jasa beliau.

Tuan Pengerusi, dalam hal ini izinkan saya menyatakan bahawa Tun *is wrong on all point that he raised*. Tun seorang sahaja yang memberi pandangan beliau, walhal Kabinet terdiri daripada 32 orang menteri yang telah memberi pandangan dan pertimbangan yang sewajarnya sebelum sampai kepada keputusan itu. Negara tidak membuat keputusan, tetapi Kabinet yang memutuskan segala-galanya.

Apabila Tun mengatakan negara adalah dengan izin, *half-past six with no guts*. Kenyataan ini sebenarnya, dihalakan kepada semua Ahli Kabinet. Untuk makluman Dewan, 21 daripada 32 menteri, yang ada sekarang ini terdiri daripada menteri yang dianggap senior yang telah dilantik oleh Tun sendiri waktu beliau menjadi Perdana Menteri. Saya tidak fikir, dengan izin, *Tun meant what he said* dalam soal *half-past six with no guts*. Kerana kalau tidak, banyak persoalan yang akan berbangkit berkenaan dengan peribadi beliau sendiri kerana saya juga tidak fikir bahawa Tun juga adalah *half-past six with no guts*. Kerana beliau bertanggungjawab untuk melantik kami semasa beliau menjadi Perdana Menteri.

Adalah tidak benar kenyataan Tun bahawa kita menyerahkan kedaulatan kita, apabila kita tidak meneruskan cadangan jambatan bengkok. Kita bukan membina jambatan di mana kedua-dua tebing itu berada dalam kawasan Malaysia. Tebing di sebelah selatan adalah kawasan Singapura dan kita tidak berhak menyambung ke sebelah sana kalau tidak mendapat kebenaran daripada mereka. Jadi, tidak berbangkit soal menyerah kedaulatan dalam hal ini. Apa guna kita untuk menunjuk kedaulatan kalau jambatan ini menjadi 'jambatan Abu Nawas' kerana tidak membantu kita menyambung perjalanan sebab jambatan itu tergantung. Begitulah juga dengan tuduhan Tun, *our Cabinet* hanya berminat untuk menjual pasir. Itu adalah satu tuduhan liar yang tidak bertanggungjawab oleh seorang bekas pemimpin kerajaan terhadap rakan-rakannya sendiri yang telah bertungkus-lumus dan setia kepadanya sewaktu beliau menjadi Perdana Menteri.

Kerana tidak mahu menjual pasir, kita menolak pembinaan jambatan bengkok dan soal pasir ini adalah syarat baru yang diberikan oleh Singapura dan bukan Kabinet. Datuk Fuzi, seorang diplomat profesional telah memberikan penjelasan yang selengkapnya di atas keputusan yang telah dibuat oleh pihak Kabinet. Beliau seorang profesional, beliau tidak berpolitik dan beliau juga tidak mereka cerita-cerita palsu.

Kalau Tun mengatakan beliau *rambling* ataupun dengan izin, *rambling* ataupun dalam bahasa kebangsaan, merapu. Saya kira Tun tiada hujah-hujah yang kuat untuk mempertikaikan kebenaran, alasan dan jawapan yang telah di buat oleh Datuk Fuzi, yang tidak terlibat dengan politik. Harapan saya dan rakan-rakan dalam Kabinet ialah supaya Tun mengotakan janjinya kepada kami iaitu bahawa beliau tidak akan campur tangan lagi dalam urusan mentadbir negara apabila dia bersara.

Tegurlah kami tetapi apabila berulang kali menghentam secara terbuka ini akan dianggap oleh orang ramai bahawa Tun sedang berusaha untuk *undermined, undermined* dengan izin, kerajaan sekarang yang merupakan kesinambungan kerajaan Tun sendiri.

Saya tidak langsung berniat untuk bersikap kurang sopan kepada Tun yang sangat saya hormati dan sanjungi, bukan sahaja oleh saya tetapi rakan-rakan dia dalam Kabinet. Walau bagaimanapun, kerajaan telah membuat keputusan dan tidak akan berdolak-dalik dalam hal ini. Jambatan bengkok tidak akan diteruskan. Tuan Pengerusi..

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan, penjelasan. Terima kasih tetapi sebelum ini, saya dapati apabila saya tiada di sini Yang Berhormat bagi Jasin ada berkata bahawa saya seorang hipokrit. Dulu menentang Tun, dan sekarang menyokong Tun saya rasa ini tidak berasas oleh kerana saya berdiri atas kebenaran, kebebasan akhbar untuk semua. Tidak kira sesiapa.

Orang yang hipokrit ialah semasa Tun menjadi Perdana Menteri, rela menjadi hamba. Sekarang oleh kerana dia sudah turun jawatan, rela untuk mengkritik. Itu orang hipokrit yang terbesar. Saya mahu tanya Yang Berhormat daripada Jabatan Perdana Menteri....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, tuduhan itu tidak berapa betul, tidak betul tuduhan itu...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tidak betul?

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Cakap baik-baiklah Ipoh Timor, jangan mengata orang macam-macam...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ada tuduhan dibuat bahawa saya hipokrit...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Jangan mengata hantu dan sebagainya. Jangan cakap macam itu.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Bukan berkata benar ada tuduhan saya hipokrit. Itulah saya....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Yang hipokrit Yang Berhormat bagi Ipoh Timor..

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Ya hipokrit, dulu apabila Tun menjadi Perdana Menteri, apa 100 peratus benar. Sekarang rela mengkritik, itulah hipokrit. Semua pun hipokrit tetapi saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri ialah dia kata bahawa kerajaan ada hak untuk *respond*, betul? Dan patut respons oleh kerana perkara yang melibatkan kepentingan negara, rakyat dan Parlimen ada hak untuk tahu keadaan yang sebenar dan saya mahu tanya ialah bila kata bahawa mengenai perkataan-perkataan Tun bahawa inilah *half-past six with no guts* satu *reflection* yang *averse* khasnya terhadap menteri-menteri 21 daripada 32 ialah dalam Kabinet Tun.

Soalan saya ialah kalau begitu, kenapa Kabinet boleh sebulat suara baru-baru ini membuat satu keputusan untuk membatalkan jambatan yang bengkok itu, tetapi pada dahulu, Kabinet pun boleh sebulat suara semasa Tun menjadi Perdana Menteri pun sebulat suara untuk memberi persetujuan untuk membina jambatan yang bengkok itu. Dan oleh kerana menunjukkan bahawa menteri-menteri Kabinet nampaknya pendirian bukan atas merit atau dimerit sesuatu projek tetapi atas siapa menjadi Perdana Menteri, dan kalau itu bukankah Tun mungkin daripada pengalaman beliau tahu bahawa Kabinet-kabinet ini satu *half-past six Cabinet* yang tidak ada prinsip, oleh kerana dahulu boleh sebulat suara menyokong, sekarang sebulat suara untuk menentang. Saya mahu tahu kedudukan sahaja.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Baik, baik. Cukup. Tuan pengerusi, pada tahun 1996, kalau mengikut ingatan saya, Tun telah membuat kenyataan ini waktu dia melawat *Johor Waterfront*. Dia telah mengeluarkan kenyataan ini sebelumnya perkara ini di bawa ke dalam Jemaah Menteri.

Dan saya dalam ingatan saya, saya belum menjadi Menteri pada ketika itu tetapi dalam ingatan saya, itu bahawa tidak ada memorandum sebenarnya yang dibawa ke Jemaah Menteri untuk membuat keputusan berkenaan dengan perkara ini.

Oleh yang demikian, apa juga kenyataan yang telah dibuat terlebih dahulu adalah merupakan *conditional* kepada siasatan yang lebih mendalam di dalam hal ini termasuklah soal sama ada kita mempunyai hak atau pun tidak, soal hubungan kita dengan Singapura. Kalau perkara ini mudah, saya percaya sebaik sahaja Tun membuat kenyataan pada tahun 1996, maka pada tahun 1997, 1998 kita boleh laksanakan.

Akan tetapi oleh kerana kita terpaksa terlebih dahulu mendapat pandangan daripada pihak Peguam Negara dalam soal undang-undang dan mengirakan hubungan kita dengan Singapura, berunding berulang-alik, itulah sebab maknanya bahawa apa yang dilakukan oleh Tun itu merupakan keputusan *conditional* kepada rundingan yang dilaksanakan dan juga dengan pandangan daripada AG. Setelah kita menerusi proses ini, akhirnya kita dapati bahawa kita tidak boleh laksanakan.

Jadi sebab itulah dalam hal ini, saya ingin menyatakan bahawa kenyataan beliau itu *conditional* belum ada lagi satu memorandum yang dibawa ke Jemaah Menteri untuk mengambil keputusan muktamad kerana sesuatu memorandum untuk satu keputusan yang dibuat oleh Jemaah Menteri memerlukan kepada memorandum dan kita memerlukan untuk mendapat pandangan daripada berbagai-bagai pihak sebelum satu keputusan dibuat. Maka itulah satu sebabnya hari ini boleh dikatakan setelah kita mendapat pandangan, maka kita mengambil keputusan itu bahawa ianya tidak akan diteruskan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas penjelasan itu. Beliau sendiri berkata bahawa beliau belum ada dalam Kabinet pada tahun 1996, peringkat awal projek ini tetapi orang yang kata bahawa anggota Kabinet yang boleh sebulat suara membatalkan apabila sebelum itu boleh sebulat suara mempersetujui ialah Tun sendiri. Tun sendiri, dia kata.

Dan selain daripada kita hendak cakap bahawa dia fitnah atau bohong, kita perlulah percaya seorang bekas Perdana Menteri bahawa adalah berasas. Dan di sini, apabila Yang Berhormat Menteri kata bahawa kita tiada hak undang-undang antarabangsa dalam perkara ini, mengapa begitu lewat baru kita tahu?

Bukankah benar bahawa sehingga Januari tahun ini, apabila arahan dibuat oleh Kabinet, mungkin Kabinet atau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mempercepatkan pembinaan jambatan itu, patutlah itu berasas bahawa kita ada hak Undang-undang Antarabangsa. Bila? Bila barulah kita dapat satu pendirian daripada khabar Peguam Negara bahawa kita tidak, *International Law on our side* dan sebenarnya bukannya benar bahawa selepas pembatalan jambatan itu, hari yang sama yang Kabinet buat keputusan itu, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri ada berkata sebenarnya kalau kita pergi Mahkamah Antarabangsa, kita boleh menang, *law is on our side*. Kenapa adalah kedudukan yang nampaknya *contradict*? Bolehkah kita tahu kenapa dahulu Peguam Negara kata *law is on our side* dan sekarang tukar? Apa latar belakang dalam perkara ini?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, kita telah mendapat keputusan daripada AG ini lama, tetapi seperti mana yang kita semua tahu iaitu bahawa rundingan kita tidak *give-up*, dengan izin, untuk sebenarnya mengadakan jambatan yang lurus, ya jambatan yang lurus. Kita usaha terus untuk mendapatkan jambatan yang lurus dan sebab itulah kita menjalankan perundingan dengan Singapura. Supaya akhirnya kalau boleh, sebaik-baiknya satu jambatan lurus itu boleh dilaksanakan. Jadi sebab itu perundingan berjalan terus, ya berjalan terus dan ada tanda-tanda yang menunjukkan seperti di antaranya surat yang telah ditulis oleh Perdana Menteri dahulu Goh Chok Tong yang menampak pada peringkat awalnya dia sanggup berunding.

Jadi ini memberi harapan kepada kita dan pihak Singapura pun kita percaya itu bahawa mereka juga mahu sebenarnya jambatan ini tetapi mereka memerlukan kepada sesuatu supaya mereka tidak didapati rugi. Jadi sebab itu rundingan berterus-terusan berjalan sehinggalah...

**Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Sri Gading.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sehinggalah akhirnya apabila datang kepada rundingan yang terakhir, maka Singapura telah meminta dua perkara yang diberikan kepada kita iaitu mendapatkan kemudahan ruang udara Malaysia dan juga meminta kalau boleh kita menjual pasir kita. Itu yang terakhir keputusan rundingan. Kita telah memikirkan tentang perkara ini dan sebenarnya juga soal pasir dengan soal ruang udara ini juga telah diketahui oleh pihak umum bahawa ini adalah permintaan daripada pihak Singapura kerana rundingan terus berjalan.

Akan tetapi setelah Parlimen bersidang, kita mendapati bahawa pandangan Ahli Parlimen tidak bersetuju dengan perkara ini dan juga di dalam akhbar-akhbar liputan telah begitu meluas dan kita dapat pandangan dan *feedback* daripada orang ramai bahawa mereka tidak bersetuju, maka selepas itulah baru kita membuat keputusan. Jadi itulah sebabnya mengapa ia lewat. Kerana perundingan berjalan terus.

Soal sama ada kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri mengatakan bahawa kita ada hak kita dan kemungkinan kalau dibawa ke mahkamah, ianya boleh memberi kemenangan kepada kita.

Yang Berhormat sendiri pun seorang peguam dan tahu bahawa dalam apa kes sekalipun, kedua-dua pihak itu sememangnya ada kes. Kalau kita ada pertikaian, sebagai contoh iaitu kalau pergi mahkamah apabila ada satu pertuduhan dibuat, kita tidak boleh kata orang yang dituduh itu telah pun salah kerana orang yang kena tuduh itu pun ada kes yang boleh kalau dibicarakan memberi kemenangan kepada dia. Jadi sehingga mahkamah tidak membuat keputusan, selagi itu kedua-dua pihak ada kes.

Begitu jugalah dengan soal ini, Malaysia pun ada kesnya untuk kita bawa ke mahkamah dan kemungkinan boleh menang tetapi kita mengambil kira, kalau perkara ini berterusan, kita bina dahulu, kes ini bukan boleh selesai dalam masa satu, dua tahun. Mungkin lima, enam, tujuh tahun. Dalam masa itu banyak masa yang telah rugi. Malaysia ada kes yang kuat. Singapura pun juga ada kes yang kuat. Siapa yang menentu? *World Court of Justice!*

Jadi sehingga kita hendak mendapat keputusan daripada *World Court*, ini akan memakan masa yang lama. Dalam masa itu juga sudah tentu hubungan di antara Malaysia dengan Singapura akan terjejas, maka kita hendak mengelak daripada mengheret isu ini sampai ke *World Court of Justice*, belum tentu sepuluh tahun boleh selesai, jambatan kita sudah buat. Ini seperti mana yang disebutkan oleh orang ramai, ia tidak menguntungkan kepada kita.

Sebab itu kita ambil keputusan bahawa baiklah tidak usah walaupun kita mempunyai kes yang kuat. Saya hendak mengatakan Singapura pun ada kesnya juga dan terpulang kepada *World Court of Justice* untuk buat keputusan. Yang Berhormat Sri Gading.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bagi Sri Gading.

**Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jawapan Yang Berhormat Menteri tepat. Cerita jambatan ini jelas tepat dan saya harap tidak berbangkit lagi. Saya sebagai anak Johor memang siang-siang sudah menyatakan bahawa kita tidak hendak jambatan ini. Lebih-lebih lagi kalau terpaksa menggadaikan maruah untuk menjual pasir dan ruang udara. Jadi keputusan Kabinet dan keputusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hari ini adalah keputusan yang tepat dan bijaksana yang disokong oleh semua rakyat... [*Tepuk*]

Saya hendak sentuh sedikit. Minta maaf sahabat saya, sahabat kita, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, kita bukan hipokrit. Dahulu waktu bekas Perdana Menteri menjadi Perdana Menteri, dia mendapat mandat daripada rakyat dan kita patuh dan taat kepada arahan dan perintahnya sebagai tanda, nombor satu kita dalam satu parti, kita dalam satu kerajaan dan keputusan-keputusan ini dibuat dalam perkiraan kita menguntungkan rakyat tetapi hari ini Perdana Menteri kita yang baru ini, dia juga membuat keputusan-keputusan yang ada kepentingan rakyat dan negara dan saya harap bekas Perdana Menteri jangan campur lagilah. Ini urusan Perdana Menteri yang baru yang mendapat mandat besar oleh rakyat. Cukuplah, yang lepas, lepaslah.

Kita kena patuh dan memberikan sokongan yang penuh kepada Perdana Menteri yang sedang memerintah hari ini. Perdana Menteri hari ini perlukan sokongan yang kuat. Saya rasa jangan adalah mana-mana pihak campur lagi dalam urusan Perdana Menteri yang memerintah hari ini supaya Perdana Menteri kita ini mendapat kekuatan dan dapat meneruskan segala apa yang dirancang, lebih-lebih lagi hendak menjayakan Rancangan Malaysia Kesembilan. Jadi saya harap cukuplah. *Enough is enough.*

**Tuan Pengerusi:** Baik.

**Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya bersetuju iaitu Yang Berhormat bagi Jasin tidak hipokrit kerana apa yang dilakukan oleh beliau dahulu ialah kesetiannya kepada Perdana Menteri. Itu jawatan Perdana Menteri. Kita bukan bangkit soal individu.

Kalau dahulu dia menyokong Tun Mahathir sebagai Perdana Menteri, pada hari ini dia menyokong Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri... [Tepuk] Jadi konsisten, Yang Berhormat jangan bimbang. Yang tidak konsisten, dia!.. [Disampuk] [Menunjuk ke arah Yang Berhormat bagi Ipoh Timor] Dia dahulu pembangkang, sekarang ini pun dia pembangkang. Jadi dia yang tidak konsisten. Bukan Yang Berhormat bagi Jasin. Jadi Tuan Pengerusi...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan, penjelasan. Saya minta maaf *caught* dengan *semantic* dalam perkara ini. Yang Berhormat kata bahawa Tun tidak..., *quote* dia, "He does not meant what he said." Saya percaya Yang Berhormat Menteri selama menjadi anggota Kabinet itu, tahulah dia, "meant what he said", khasnya tuduhan yang sangat serius ada dibuat bahawa sudah menggadaikan, menyerahkan kedaulatan negara kita. Satu tuduhan yang boleh dikata bersama dengan pengkhianatan.

Oleh kerana itu, adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa Kabinet perlulah mengambil berat perkara ini dan Ahli-ahli Parlimen pun memandang berat perkara ini dan bersetuju satu *Special Select Committee* Mengenai Hal Ehwal Luar Negeri diadakan antara lain yang bermula dengan siasat perkara ini di mana Tun boleh dipanggil untuk memberi keterangan-keterangan...

**Beberapa Ahli:** [Menyampuk]

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Takutkah, takutkah, takut Tun.

**Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Bukan takut, Yang Berhormat Ipoh Timor.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Tidak takut. Jangan buang masa.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Nampaknya takut jumpa *ex* Perdana Menteri.

**Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, cadangan itu... .

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Jangan jadi batu api, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor hipokrit, jangan macam itu.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ikut tatatertib, ikut tatatertib. Kita ada Peraturan Mesyuarat.

**Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Jangan ambil kesempatan untuk melaga-lagakan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Dan khasnya mengenai mahu menjual pasir. Bukankah ini satu tuduhan yang sangat serius yang dibuat sebenarnya terhadap seorang tokoh dan sungguhpun dalam *web* adalah sebut bahawa orang itu ialah Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, tetapi saya tahu bukan dia, tetapi ada disebut ialah hasrat seorang pemimpin Barisan Nasional yang ada dalam Parlimen yang mulia ini dan bukannya ini suatu yang sangat serius yang perlu satu siasatan yang sedalam-dalamnya khasnya oleh *Parliamentary Select Committee*.

**Tuan Pengerusi:** Baik, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, saya rasa kalau orang sudah kalah hujah, dia akan menjawablah tidak mahu terlibat dalam semantik. Jadi itu memberi satu jawapan yang umum kerana dia sudah tidak ada hujah-hujah. Itu yang dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timorlah berkenaan dengan kesetiaan Yang Berhormat bagi Jasin itu kerana yang hipokrit sebenarnya dialah.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Tidak payah layan lagilah, Yang Berhormat. Cakap apa pun, dia tidak dengar, Yang Berhormat. Itu kerja pembangkang.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya tidak fikir bahawa Tun Mahathir "*meant what he said*" kerana kalau dia "*meant what he said*" berkenaan dengan Jemaah Menteri, dia telah buat kesilapan 21 kalilah sebab dia yang melantik kami 21 kali, 21 menteri hari ini yang dia lantik, saya tidak fikir dia kata kita ini *half-past-six*. Kalau kita ini *half-past-six* bermakna Tun sendirilah yang banyak sekali *half-past-six*, tidak ada '*guts*'. Jadi saya tidak fikir dia berkata demikian.

Berkenaan dengan apa yang Yang Berhormat bangkit, saya tidak mahu terlibat dengan spekulasi. Kalau sekiranya ada bukti apa, Yang Berhormat boleh ceritakanlah kepada ACA. Kalau ada berlaku korupsi, biarlah ACA ambil tindakan dan tidak perlu ada Select Committee dalam kes ini. Tuan Pengerusi...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Terakhir, terakhir.

**Tuan Pengerusi:** Apa penjelasan?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Terakhir, terakhir. Yang Berhormat ada buat kenyataan bahawa apa yang Tun buat ialah sebenarnya *undermine* kerajaan. Ini satu tuduhan yang sangat serius dan saya tahu bahawa kalau saya ada buat tuduhan-tuduhan semacam Tun bahawa menyerahkan kedaulatan, mungkin saya sudah menjadi mangsa ISA. Itu hal yang lain.

Akan tetapi apabila Yang Berhormat kata bahawa Tun sudah *undermine* kerajaan, apa buktinya? Adakah ini *undermine* kerajaan atau *undermine* UMNO oleh kerana UMNO tulang belakang kerajaan? Oleh kerana UMNO tidak pecah-belah dalam perkara ini, tidak boleh meng*undermine* dan adakah bila Tun pergi berkunjung ke Johor Bahru, Menteri Besar Johor pun ada dengannya, adakah menunjukkan bahawa perkara ini dalam UMNO pun ada pecahan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, saya tidak tahulah kalau zaman di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi ini, Yang Berhormat boleh cakap apa pun tidak kena ISA, tetapi saya tidak boleh jaminlah di masa yang lepas waktu Tun jadi Perdana Menteri tetapi sekarang saya boleh bagi jaminan, Yang Berhormat cakap apa pun saya percaya tidak akan dikenakan ISA kerana kita sudah... Yang Berhormat sendiri pun tahu kita sekarang lebih liberal, lebih bertolak ansur dan Yang Berhormat sendiri pun menjadi *beneficiary* daripada pentadbiran Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi yang begitu jelas pada hari ini, orang semua tengok bahawa kita bebas untuk berkata apa sahaja... [*Tepuk*] Termasuk juga pihak *backbenchers* untuk mengkritik dasar kerajaan, tidak ada masalah.

Berkenaan dengan *undermine* .....

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Penjelasan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya sudah tentu, kalau bagi saya sebagai seorang Menteri, kalau kita membuat keputusan, kemudian Yang Amat Berhormat Tun menyatakan kritiknya dalam akhbar, saya fikir bahawa sebaik-baiknya kalau ikhlas, tegur kita di dalam waktu pada bila-bila masa. Saya percaya kalau dia ingin mendapat pandangan, kita akan terus berjumpa dengan beliau tetapi apabila dia membuat kenyataan dalam akhbar dan kita bebas dia boleh bagi kritikan, kita pun menjawab kritikan dia menerusi seorang profesional, Dato' Fauzi tetapi apabila kita menjawab kemudian balas balik dan akhir sekali yang kita dengar laporan ialah menulis surat kepada Ahli-ahli Parlimen dan juga menulis surat kepada ketua-ketua bahagian.

Apa maknanya itu kalau tidak ada usaha untuk cuba hendak *undermine* kerajaan yang ada pada hari ini. Sebab itu kita boleh membuat kesimpulan daripada apa yang nyata kita nampak. Jadi kesimpulan saya, bahawa Tun kalau diteruskan ini ialah untuk *undermine*, berdasarkan kepada bukti-bukti yang saya dapat yang diliputi dalam akhbar dan juga dalam *internet* dan lain-lain lagi. Itulah kesimpulan saya dan saya rasa ada yang hendak pertikaikan tentang kesahihan kesimpulan saya, itu terpulanglah. Ini saya punya kesimpulan dan tidak perlu hendak marah kepada saya. Tuan Pengerusi, kita pergi...

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pepatah Melayu ada mengatakan, "Gajah dengan Gajah bertempur ini, pelanduk mati di tengah-tengah".

Saya melihat isu ini Tuan Pengerusi, sehingga pada tanggal 31 Mac sewaktu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan RMK-9 masih lagi memasukkan gerbang selatan ini dan pembinaan jambatan ini di bawah RMK-9, 31 Mac. Ini yang saya hendak pertikaikan dari segi pengurusan Kabinet dan juga pengurusan pihak kerajaan. Masalahnya Tuan Pengerusi adalah kita akan bayar pampasan kepada kontraktor lebih kurang RM100 juta. Ini duit yang akan kita curahkan, tetapi kita akan bayar, saya yakin akan dibayar kepada kontraktor ini.

Jadi pada saya, dengan kenyataan Tun, saya minta penjelasan sedikit tentang apa yang dikatakan tentang "*where leave agreement*", ini yang mengizinkan kita membina jambatan di pihak kita, dan terpulang kepada Singapura untuk tidak merobohkan tambak di sebelah mereka. Sedangkan kita ada suatu kepentingan. Kalau kita izinkan tambak itu dirobuhkan di pihak kita, *benefitnya* dan kita boleh baca kenapa Singapura tidak mahu merobuhkan tambak di sebelah mereka. Sebabnya adalah mereka hendak membunuh potensi Pasir Gudang dan juga Tanjung Pelepas itu hujahnya tetapi apabila kita buka di sebelah kita, bermakna kita ada *benefit*.

Pasir Gudang boleh tumbuh dengan baik dan Tanjung Pelepas, potensinya semakin baik tetapi kenapa kita tidak melihat isu ini dan satu fakta yang Tun berikan walaupun dia sebagai bekas Perdana Menteri yang kita tidak boleh ada suatu ikatan untuk dengar cakap, tetapi "*where leave agreement*", ini mengizinkan kita boleh. Jadi saya melihat bahawa, sebab itu saya mengatakan tadi....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Benda itu sudah mansuh, tidak laku lagi...

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** ...Mansuh, masih mansuh. Ini perjanjian yang masih *valid*, mengikut ISCJ masih *valid*. Jadi Yang Berhormat Menteri di JPM supaya dapat memberikan kepada Dewan yang mulia ini bahawa apa yang kita lihat ialah pengurusan. Pengurusan negara ini bukan pengurusan kedai kopi, ini pengurusan negara. Wang rakyat yang setiap sen walaupun seringgat pun yang akan dicurahkan, ini wang rakyat. Jadi ini yang saya minta penjelasan terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat ini apabila saya menjawab, datanglah awal. Saya sudah jawab lebih awal baru masuk, berulang kali buang masa kita sahaja. Kalau ada *valid agreement* lama dah kita buat. Ada *valid agreement*, itu yang sebenarnya. Tidak ada *valid agreement*.

Saya berani mengatakan sebagai seorang menteri iaitu bahawa tidak ada *valid agreement*... [*Tepuk*] Kalau sudah ada, lama kita sudah buat. Berkenaan dengan tambak. Yang Berhormat, tambak ini guna sama dan tambak ini telah wujud lebih daripada 80 tahun. Bermakna sudah menjadi *permanent structure*. Tidak bolehlah apabila sampai masa Malaysia kata, "Saya tidak mahu pakai tambak ini". Maka kita runtuh sebelah, tidak boleh sebab Singapura masih lagi hendak guna tambak ini. Jadi kalau kita hendak meruntuhkan sesuatu yang menjadi satu unit guna sama, kedua-dua kena minta kebenaran. Itu tidak payah pergi ke ICJ, budak kecil pun boleh faham kalau belajar undang-undang kerana dia merupakan guna sama. Tidak boleh, tidak boleh. Ini bukan macam tambak itu kita punya, keseluruhannya kita punya. Kalau keseluruhannya kita punya, kita boleh bagi dia notis, enam bulan keluar, aku hendak balik tetapi ini guna sama, guna sama bermakna ianya tidak boleh diruntuhkan melainkan kalau kedua-duanya bersetuju supaya tambak itu diruntuhkan. Itu sebenarnya ya.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan tidak mahu 'pelanduk mati', maka gajah Malaysia ini berhati besar, lebih baiklah kita berhentikan. Saya harap Yang Berhormat bagi Kubang Kerian boleh bagi tahu kepada Yang Amat Berbahagia Tun sebagai "seorang gajah", berhentilah. Sebab kami pelanduk tidak mahu mati. Sebelah pihak kami tidak berhajat untuk meneruskan pertikaian ini. Jadi Yang Berhormat lebih baik menasihatkan apa yang beri kepada saya, nasihat kepada Tun Mahathir, itu lebih baik. Tuan Pengerusi, bolehkah saya pergi kepada perkara yang lain?

Berkenaan dengan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor bangkit menyarankan diwujudkan jawatankuasa pilihan mengenai hal ehwal pakai *bow tie*. Sebenarnya Yang Berhormat, bukan benda kecil, soal *bow tie* kah apa. Itu soal pakaian dalam Dewan, kerana ini Dewan kita, kita bebas buat keputusan dan kalau mereka bangkit itu hak mereka.

Soal sama ada *trivial* kah, kecil kah, itu bukan hak seorang Ahli Parlimen yang lain untuk mengatakan bahawa itu *trivial*. Kerana kita di sini semua Ahli Parlimen, kita ada hak untuk menyatakan suatu. Apatah lagi berkenaan dengan satu perkara yang ada kaitan dengan Dewan kita. Jadi saya rasa tidak adil Yang Berhormat mengatakan bahawa apa yang mereka bangkitkan itu ada *trivial*. Kalau tidak berkecamuk kita tetapi, Tuan Pengerusi telah buat keputusan, kita akur lah tetapi hendak bangkit di Dewan ini hendak bangkit apa sahaja di bawah langit ini dibenarkan.

Jadi tidak patutlah sebagai orang yang lama, hendak memperkecilkan apa yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen yang lain. Yang Berhormat mencadangkan iaitu supaya kita mempunyai *Select Committee*. Seperti mana yang telah sekarang ini kita semua tahu, kita ada tiga buah jawatankuasa pilihan khas dan Yang Berhormat kena faham iaitu bahawa semenjaknya Parlimen ini dibentuk pada tahun 1957, *Select Committee* ini merupakan satu perkara yang mungkin baru kepada kita.

Itu pun atas ihsan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang yang merasakan iaitu bahawa kita harus memberi kebebasan kepada ahli Parlimen untuk mereka menyuarakan pandangan dan membuat sesuatu untuk kepentingan Parlimen. Jadi benda ini baru, dahulu tidak ada macam ini. Dahulu Dewan Rakyat saya percaya semua orang tahu, tidak perlu saya sebut. Kadang-kadang sebelah *backbencher* hendak cakap pun tidak boleh. Jadi ini baru, apabila dia baru kita kurang infra dia kerana sebelum ini hampir 40 tahun lebih Parlimen ini wujud, tidak ada infra yang membolehkan dia menanggung kos untuk mengadakan *Select Committee* ini. Benda ini semua kita kena bincang.

Tidak ada masalah, saya selaku menteri yang merupakan perantaraan di antara eksekutif dengan *legislative* akan membawa perkara ini dan akan minta kepada Jemaah Menteri khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menimbang perkara yang telah dibangkit oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Jadi, berkenaan dengan apa yang dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Tumpat yang menyatakan itu boleh tidak dia kata kalau kita macam sekarang *Select Committee*, kita minta supaya janganlah menteri menjadi Tuan Pengerusi. Tidak pernah berlaku di dalam negara Komanwel di mana *Select Committee* itu dipengerusikan oleh seorang menteri.

Saya hendak sebut di sini, pertamanya *Select Committee* hendak mengutarakan satu perkara yang dibangkitkan oleh eksekutif. Sebab itulah apabila kita ada *Select Committee* ini yang terdiri juga daripada wakil daripada pembangkang, sebab itulah kita jadikan menteri itu Tuan Pengerusi kerana hasil daripada penyiasatan yang dibuat oleh *Select Committee* ini, insya-Allah akan menjadi satu rang undang-undang yang akan dibahaskan di sini dan rang undang-undang ini sebenarnya berasal dari eksekutif. Jadi sudah tentulah, pengerusinya itu ialah daripada seorang Jemaah Menteri dan keduanya seperti mana yang saya sebut sebentar tadi, kita tidak mempunyai infra.

Kalau seorang Ahli Parlimen biasa, dia menjadi Tuan Pengerusi, dengan budaya dan *mentality* yang wujud dalam negara kita ini yang mana kalau kuasa itu membuka ruang kita mengguna infra-infra yang ada oleh kerajaan, maka kalau sekiranya seorang Tuan Pengerusi ini terdiri daripada Ahli Parlimen biasa, agak sukar untuk dia hendak mengguna infra-infra yang disediakan, yang ada dalam kerajaan.

Sebab itu apabila menteri jadi Tuan Pengerusi, maka selaku dia menteri maka dia boleh sebagai contoh *Select Committee* integriti boleh guna IIM sebagai urus setia, kerana itu seorang menteri dia boleh guna urus setia IIM yang ada kaitan dengan integriti. Jadi tidak ada masalah, ini kerana apa, ini kerana kita tidak cukup infra di Parlimen, tidak cukup infra. Kemudian katalah menteri undang-undang Yang Berhormat bagi Kangar, apabila dia menjadi menteri maka dia boleh gunalah infra yang ada dalam kementerian dia untuk menjadi urus setia kepada kita punya *Select Committee*. Itulah sebabnya mengapa Tuan Pengerusinya itu adalah seorang menteri untuk membolehkan kita menjalankan tugas kita sebagai Ahli Parlimen memastikan supaya *Select Committee* yang dipilih itu akan dapat menjalankan tugasnya dengan baik.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Johor Bahru mahukan supaya Parlimen menguruskan segala perkara-perkara yang dikaitkan dengan Parlimen. Kita memang betul, iaitu seharusnya kita mesti *independent* kerana *separation of powers* itu, *judiciary*, *legislative executive* berbeza tetapi, untuk menjawab bagi Batu Gajah, saya rasa dengan sistem kita boleh betul-betul bebas kalau sistem mewujudkan kerajaan ini kita tukar seperti di Amerika Syarikat. Akan tetapi kita punya sistem ialah ala Westminster di mana kita bertanding dalam pilihan raya, maka parti yang terbesar mendapat kerusi itu, maka dia akan dilantik diminta oleh Gong untuk menubuhkan kerajaan. Jadi sudah tentulah yang menguasai legislatif ini akan jadi eksekutif, maka inilah ada *grey area* di antara eksekutif dengan legislatif dan tidak syak lagilah eksekutif ini sudah tentu akan menggenggam legislatif kerana eksekutif itu terdiri daripada ketua-ketua parti yang menang dalam pilihan raya. Jadi ini satu perkara yang tidak boleh kita nafikan. Di Amerika lain, Presiden pilihan raya lain, Kongres lain, *senate* lain dan kemudian presiden akan memilih kabinetnya terdiri daripada mereka yang tidak menjadi anggota legislatif.

Jadi sebab itu beliau nampak bebas, tetapi di sistem kita tidak mengizinkan ada kebebasan sebenarnya di antara legislatif dengan eksekutif. Sebab itulah saya rasa, sukar untuk kita bincangkan apa yang Yang Berhormat bagi Batu Gajah sebut, melainkan kita tukar cara penubuhan kerajaan di dalam negara kita ini. Walau bagaimanapun, di dalam keadaan yang diizinkan, kita akan bekerja ke arah untuk memastikan ada kebebasan Parlimen ini dan saya boleh berjanji di sini kepada Yang Berhormat bagi Johor Bahru, iaitu satu perkara, kalau perkara seperti penting begini, saya agak supaya boleh kalau diadakan satu keputusan di kalangan Ahli Parlimen menandatangani keputusan yang dibuat supaya apa yang saya sampaikan selaku saya posmen bukan apa sangat.

Saya posmen saya sampaikan kepada eksekutif supaya mereka akan dapat tahu terperinci apa yang dikehendaki oleh ahli-ahli Dewan Rakyat. Kalau tidak mereka akan kata saya akan membawa cerita daripada Dewan ini, mungkin tidak akan disokong kah, saya pun susah untuk membawa ke sana. Jadi saya harap supaya seperti mana saya sebut, kita sudah tentu mahu dalam keadaan yang diizinkan sudah tentu mahu melihat Parlimen ini sebagai bebas dan saya harap sangat supaya jangan orang kata, kadang-kadang dalam Jemaah Menteri pun orang fikir saya ini *pro-legislative*, *pro-backbencher*. Jadi saya kadang-kadang susah, tetapi kalau ada satu yang bertulis, yang nyata maka saya bolehlah bawa perkara ini dalam Jemaah Menteri supaya apa yang saya sebut ini bukan satu perkara yang direka oleh saya. Ya, Yang Berhormat bagi Johor Bahru.

**Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya sebenarnya berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menyatakan perkara yang kita minta itu boleh dibuat secara bertulis dan sebagainya. Ini tanda-tanda birokrasi yang menggalakkan bahawa kita ada satu sistem secara bertulis tetapi Yang Berhormat Menteri pun sedia maklum sebenarnya apabila pada sidang yang dahulu kita mengalami satu keadaan penasihat mana apabila kita minta satu minta supaya Akta Perkhidmatan Parlimen dikembalikan dan saya ingin Yang Berhormat Menteri pun nampak bahawa semua Ahli Parlimen bangun dan itu satu rekod yang menyatakan sokongan kepada Akta Perkhidmatan Parlimen. Sungguhpun demikian, saya memaafkanlah posmen kita ini yang perlu kepada surat yang secara bertulis walaupun kesemua kita melihat suasana pada ketika ini.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Terima kasih Tuan Pengerusi, sebenarnya saya pada hari itu pun memang saya hendak juga menggunakan keadaan pada hari itu sebagai mengukuh apa yang saya hendak buat di dalam Jemaah Menteri tetapi kita ada 219 Ahli Parlimen. Pada hari itu kurang daripada setengah yang hadir, waktu soalan. Kurang dari setengah. Jadi kalau kurang daripada setengah, kalau semua berdiri pun dia tidak merupakan keputusan majoriti kerana majoriti masih lagi banyak sebelah sini dan sebelah sana pun ramai yang tidak hadir. Jadi sebab itu Yang Berhormat, saya cuba tetapi..., itulah kalau kita sudah demokrasi, makna kalau yang berdiri pada hari itu tidak melebihi daripada 5%, daripada 219 orang yang hadir.

[Tuan Pengerusi (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Jadi dia belum lagi merupakan keputusan yang muktamad. Jadi saya harap bukan saya mahu membelakangkan apa telah berlaku pada hari itu, tetapi mengikut perkiraan saya masih kurang daripada 50% yang berdiri menyokong pada hari itu. Jadi dia tidak boleh menjadi keputusan sepenuhnya Dewan Rakyat ni. Kita perlu sekurang-kurangnya 51%, Yang Berhormat itulah sahaja tetapi Yang Berhormat, posmen ini akan hantar, jadi apa yang Yang Berhormat cadangkan itu baik untuk Parlimen kita. Saya percaya benda yang baik yang dibangkitkan sudah tentu ada sebab mengapa Yang Berhormat Perdana Menteri dan eksekutif akan menolak benda yang baik.

Hari ini pun Parlimen kita lihat jauh lebih baik jika dibandingkan Parlimen yang lepas. Sebab itu saya rasa memang kita boleh pertimbangkan apa yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli *Backbencher* dan juga termasuk Pembangkang yang mahukan supaya pembaharuan dilakukan dalam Dewan Rakyat ini. Kita tidak usahlah buat pembaharuan *half bake, half...*, kita buat tidak mahu *half-past-six* Yang Berhormat. Saya tidak mahulah kena dua kali. Sudah sekali kena *half-past-six* cukuplah. Jangan pula Yang Berhormat bagi Johor Bahru bangun mengatakan posmen menteri ini *half-past-six* pula. Kalaulah bangkit, fasal sekejap tadi sebutkan. Dua kali saya ingat kalau betul *half-past-six confirm* saya *half-past-six*. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Sungai Petani...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya apa Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Seorang Ahli Parlimen yang *half-past-six* yang bercakap tidak minta jalan, kalau tidak mahu jadi *half-past-six* kena bangun minta jalan. Saya akan jawab, tidak ada masalah. Jangan jadi *half-past-six* punya MP. Tuan Pengerusi, perkara-perkara yang dibangkit seperti soalan dikumpul..., semua ini kita akan cuba untuk memperbetulkan sebaik-baiknya kerana ini semua adalah untuk melicinkan perjalanan Parlimen kita. Saya rasa semua Yang Berhormat bangkit ini semua adalah perkara yang baik. Jadi kita akan bangkitkan perkara ini.

Yang Berhormat Jerai ada bangkit juga berkenaan dengan kebebasan Parlimen. Saya kira dia cuma macam burung kakak tua, ikut apa yang Ketua *Backbenchers* hendak bercakap, jadi benda itu telah pun dibangkit. Jadi, Yang Berhormat saya hendak sebut satu sahaja iaitu...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** ...Yang Berhormat ada sebut berkenaan dengan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jerai bangun.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Boleh atau tidak saya jawab dahulu.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Boleh, boleh.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Cuma jangan tidur semasa saya jawab.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya tidak tidur... [*Ketawa*]

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat sebut berkenaan dengan kata apa yang dibangkit oleh setengah itu ditulis secara hitam. Memang *ink* yang kita guna hitam, bukan merah ataupun hijau... [*Ketawa*] Jadi, jangan bimbang Yang Berhormat. Ya, boleh.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Walaupun kita berulang-ulang kali cakap tetapi benda ini tidak diambil hairan, tidak ada perubahan, macam itu, macam itu juga. Jadi, Yang Berhormat sebagai Menteri tolong tengoklah sikit. Kalau Yang Berhormat tidak tengok, siapa hendak tengok. Yang Berhormat Menteri jaga Parlimen. Takkan kita hendak cakap pada Menteri lain pula. Dan, kita akan bercakap, kita akan bercakap selagi benda ini tidak diambil tindakan oleh kerajaan.

Macam kita minta rancangan perumahan luar bandar, macam itulah, selagi tidak selesai kita bercakaplah. Jadi, kalau saya bercakap dan Yang Berhormat tidak beri cakap, tidak bolehlah Yang Berhormat. Yang Berhormat cakap saya tidak kacau pun... [Ketawa]

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Bercakap berulang ini, maknanya kalau kita sendiri bercakap tetapi kalau Yang Berhormat bagi Johor Bahru bercakap, itu tiru, bukan berulang tetapi tidak apalah Yang Berhormat, tidak apa. Saya akan memberikan perhatian yang berat... [Disorak] di atas perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat... [Tepuk] Ya, seperti mana yang telah disebut sebentar tadi, ini semua untuk melicinkan tetapi Yang Berhormat, kadang kala ia bukan melibat kepada Ahli Parlimen kita sahaja, kita punya kerajaan ini besar, banyak Kementerian.

Jadi, kadang kala apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat kita sampaikan kepada pihak yang berkenaan dan pihak yang berkenaan akan sampaikan kepada KSN, dan KSN akan beritahu, sudah memberitahu pun kepada pegawai-pegawai untuk mempercepatkan soalan-soalan yang telah dibangkitkan supaya jangan berulang kali Ahli Parlimen bangkitkan perkara ini, ini menampakkan kurang efisiennya di Bahagian Pentadbiran kita. Namun, dalam Islam Yang Berhormat, sentiasa memperingati itu adalah perkara biasa, sebab manusia diwujudkan sebagai banyak kelemahan, kadang-kadang terlupa, Yang Berhormat pun banyak juga lupa, jadi kita ingat sama ingat itu biasalah.

Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Mulai sekarang Yang Berhormat bagi Jerai boleh rehatlah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya tidak ada masalah, kalau dia terus tidur pun tidak apa... [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Sakit, Yang Berhormat... [Menunjukkan bungkusan ubat]

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya faham dia sakit, bila kita makan ubat batuk, kita mengantuk, sebab itu dia selalu tidur dalam Dewan tetapi tidak ada masalah. Bukan salah Yang Berhormat, itu salah ubat yang ada dalam itu... [Ketawa] Okay.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Jasin, 'Mat Jujat' ini saya sudah jawab tadi, Yang Berhormat bagi Jasin pun sudah keluar. Berkenaan dengan *parking*, saya bersetuju. Saya harap juga janganlah orang menyatakan bahawa, "Apa ini Parlimen, bincang tentang *parking*" tetapi inilah perkara yang menjadi isu pada hari ini dalam kita punya perbahasan iaitu pengurusan Parlimen, termasuk *parking*. Saya tidak mahu esok masuk surat khabar orang kata, "Apa Ahli Parlimen, *parking* pun bahas." tetapi, ya, itulah yang dibahaskan iaitu pengurusan Parlimen.

Jadi, *parking* ini kalau Yang Berhormat lihat iaitu kita pun sudah bongkar, *dismantle*, ada kawasan yang bela rusa dahulu, di sebelah sana. Saya bersetuju, Ahli Parlimen sepatutnya mempunyai *parking* nya sendiri. Ini kerana kadang-kadang kita jem, terlambat, kita terpaksa *rush*, masa itulah hendak cari *parking*. Saya rasa, saya memang saya akan ambil perkara ini, iaitu bagi menyediakan *parking* khas Ahli Parlimen. Kereta yang tidak ada lambang itu tidak dibenarkan *park* di situ. Dan, kita ada kawasan yang baru di situ yang boleh kita jadikan sebagai *parking* khas untuk Ahli Parlimen.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Tanah Merah merintih berkenaan dengan dia bangun banyak kali, dia Ahli Parlimen baru bagi *chance*. Saya rasa dalam Dewan ini tidak ada perbezaan Ahli Parlimen kerana Ahli Parlimen semua *equal*. Dan, saya berfikir juga iaitu bahawa bukanlah Yang di-Pertua diskriminasi atau apa kerana dalam peraturan kita ada menyatakan iaitu bahawa kalau lebih daripada satu orang bangun, maka yang mana terlintas oleh pengerusi ataupun Yang di-Pertua, yang itulah yang dia panggil. Takkan Yang di-Pertua hendak tengok dahulu yang mana *junior* lepas itu panggil, tidak, ia yang terlintas. Melainkan kalau ada satu cadangan yang lebih baik kita boleh pertimbangkan...

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Keterah]:** [Bangun]

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Cadangan Yang Berhormat...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ketereh.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat bagi Ketereh hendak 'tereh' atau apa?

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Tidak, tidak.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tidak.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Saya hendak sokong Yang Berhormat Menteri mengenai *parking* sebab saya hendak beritahu pengalaman saya. Saya pernah mendapat surat saman daripada Yang Berhormat Menteri yang jaga Parlimen kerana saya tanya soalan, tiba-tiba saya tidak ada. Pagi itu soalan saya hari Isnin, nombor dua. Yang menjawab ialah Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi. Saya datang dari Kota Bharu, bila sampai di sini lebih kurang pukul 9.50, saya terpaksa pusing cari *parking*. *Parking* tidak ada, sana penuh, sini penuh.

Akhirnya *parking* melintang sahaja di mana-mana, berlari, saya masuk, soalan nombor dua sudah lepas. Masa itu Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Dewan dan saya minta supaya soalan itu masuk balik. Jadi, kena surat saman betul-betul kerana *parking*. Saya sangat setuju sekiranya Ahli Parlimen ada *parkingnya* sendiri dan kita datang *on our own timing*, kita tahu *parking* kita tidak akan diambil oleh orang lain lagi, kita dapat menjalankan tugas kita dengan tenang dan teratur. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat bagi Ketereh telah lama saya maafkan, tidak ada masalah, jadi rekod elok lagi, tidak ada masalah, saya pun tahu, tetapi mungkin untuk rekod dalam ini, dia takut saya tidak beritahu kepada *Whip*, jadi dia rekod ini untuk menyatakan alasannya... [Ketawa] Akan tetapi tidak apa, terima kasih atas sokongan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa sebab dia lambatlah!

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Apa sebab dia lambat. Itu dia Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Dia ambil peluang inilah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Berkenaan dengan kadang kala TV mereka menyiarkan kadang-kadang perkara yang remeh-temeh, perbalahan dalam TV, memang betul, kadang kala ia menyebabkan pada pandangan mata orang ramai seolah-olah kita ini tidak *mature*, tidak matang, tetapi itu perjalanan biasa dalam Dewan Rakyat. Saya akan beritahu kepada mereka supaya banyak perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli *Backbenchers* ini yang bernas, yang baik tetapi oleh kerana perkara itu tidak menarik perhatian semua orang maka tidak disiarkan.

Kesannya cukup tidak baik kepada kita kerana ini gambaran yang tidak betul yang diberikan kepada orang ramai tentang apa yang berlaku dalam Dewan. Walhal enam jam kita bersidang memang saya yakin iaitu bahawa 95% daripada waktu itu digunakan dengan sebaiknya untuk menyuarakan masalah rakyat di kawasan Parlimen.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan. Bukankah ini sebenarnya satu sebab kita patut mengadakan siaran langsung, *live telecast* Parlimen. Yang Berhormat Menteri sendiri ada kata bahawa *web* khas akan diadakan, patut sudah pun diadakan kalau mengikut jadual dan pengumuman Yang Berhormat Menteri. Kenapa sampai sekarang belum ada *web* khas, dan adakah Yang Berhormat Menteri sudah bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri Penerangan bahawa rakyat Malaysia tidak layak, tidak setanding dengan rakyat di United Kingdom, penonton-penonton di BBC kerana mereka lebih matang tetapi kita di Malaysia *third class*, rakyat *half-past six*, negara yang *half-past six* tidak layak ada *live telecast* Parlimen atau adakah ini dalam tangan?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, sebenarnya alasan yang saya beri itulah sebabnya mengapa kita tidak mahu ada *live telecast* sebab walau pun 95% kita berbahas dengan bernas tetapi 5% Ketua Pembangkang mengamuk itu yang menampakkan imej Parlimen kita rendah...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya bersetuju.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Itu alasan sebenarnya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Batu Gajah lagi apa semua masuk.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi..., *webcast* itu insya-Allah kita akan ikhtiarkan. Kita telah memanggil beberapa buah syarikat sebenarnya untuk membantu kita kerana ada syarikat yang kita panggil yang mengenakan bayaran yang tinggi. Ada yang rendah, jadi kita kena panggil dan akan lihat tentang keupayaan mereka. Kita tidak mahu terburu-buru tetapi saya boleh beri jaminan di sini iaitu insya-Allah *webcasting* adalah suatu perkara yang sedang kita lihat dan kita akan tengok setelah kita memanggil beberapa syarikat untuk memberikan demonstrasi kepada kita.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Saya tidak mahu terlibat dalam amuk mengamuk. Kalau mengamuk semua Barisan Nasional mereka mengamuk tetapi mengenai *webcast*. Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju sepatutnya diadakan satu jawatankuasa yang terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen untuk mengendalikan masalah *webcast* atau *broadcast* sendiri. Bukankah ini patut diputuskan. Keputusan muktamad patut dibuat oleh parlimen sama ada mahu siaran langsung atau tidak mahu siaran langsung. Sudah 50 tahun dan lagi satu tahun separuh abad kemerdekaan. Kenapa kita perlu menerima bahawa keputusan ini dibuat oleh Kementerian Penerangan atau oleh eksekutif.

Bukankah ini patut dibuat oleh Parlimen dan kalau Parlimen pun tidak boleh membuat keputusan sama ada mahu membuat siaran secara langsung atau tidak langsung apabila negara-negara yang lain atau Parlimen yang lain sudah ada semenjak berpuluh-puluh tahun. Bukankah ini menunjukkan bahawa negara kita belum siap untuk menjadi *first world nation*.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Soal keputusan untuk dibuat, soal siaran langsung ini mesti dibuat oleh jawatankuasa, saya tidak ada masalah. Kan Parlimen ini bebas, buatlah mesyuarat hendak panggil. Saya cuma sebagai seorang menteri yang hendak menjaga parlimen, saya cuba hendak potong birokrasi yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Johor Bahru. Tak usah banyak birokrasi yang mana saya ada kuasa untuk memotong birokrasi, saya akan potong. Soalnya macam kata *brodcasting*, saya tidak rujuk dahululah kepada pihak Ahli-ahli Parlimen sebab saya hendak potong birokrasi, jadi saya suruhlah Ketua Pentadbir memanggil beberapa buah syarikat yang boleh memberi demonstrasi kepada kita.

Sebab itu saya tidak bertanya kepada pihak Ahli-ahli Parlimen tetapi kalau Ahli-ahli Parlimen hendak membuat keputusan sendiri, buatlah. Cuma apabila kita semua tahu iaitu bahawa Jabatan Penyiaran ini di bawah eksekutif. Sebab itu sama ada boleh atau tidak boleh, itu pihak eksekutif akan membuat keputusan kerana melainkan kalau kita parlimen ada wujud *independent* parlimen punya TV. Pada ketika itu hendak buat apa pun buatlah.

Akan tetapi oleh kerana RTM ini adalah di bawah Kementerian Penerangan di mana dia ada menteri eksekutif di situ maka sama ada hendak dibenarkan ataupun tidak, itu mesti diputuskan oleh menteri itu. Dia boleh menimbang tapi keputusan akhir ialah daripada pihak eksekutif kerana eksekutif yang menjaga Kementerian Penerangan ini.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Yang Berhormat bagi Tanah Merah ada membangkit Rancangan Malaysia Kesembilan ini hendak dipantau, saya akan memaklumkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menimbang badan pemantau ini seharusnya ini melibatkan Ahli Parlimen. Saya rasa itu suatu perkara yang boleh saya bangkitkan dan mendapat pertimbangan dan keputusan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian membangkitkan berkenaan dengan pakaian. Saya rasa ini suatu perkara yang diputuskan oleh Ahli Parlimen sendiri. Bincanglah dengan Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat atau apakah. Ini pihak eksekutif tidak boleh campur tangan dan saya juga tidak akan menggunakan pengaruh dalam soal pakaian di dalam Dewan. Apa yang difikirkan baik, terpulanglah kepada Ahli-ahli Parlimen. Berkenaan dengan...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Hendak bertanya sedikit.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Hendak rekod pasal tidak tidurlah ini.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tidak, tidak, tidak!

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, itu ubat tidak berkesan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya, sudah buat keputusan pasal apa? Pakaian.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tidak, fasal autonomi.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Autonomi sudah jawab tadi.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Sudah jawab.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sudah jawab.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tiada keputusan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dato' tidur tadi. Tidak ada keputusan fasal Parlimenlah. Bukan fasal JPM.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang saya tanya, bila dia orang boleh bagi *the rights of Parliament* dari segi pembayaran semuanya. Maknanya dahulu saya pun lama di Parlimen ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sekarang siapa yang berucap?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya bukan berucap, saya penjelasan. Dahulu, semua diuruskan di Pejabat Parlimen dari segi *claim* dan sebagainya tetapi sekarang ini dia pergi.... saya kasihan dengan rakan-rakan saya daripada Sabah dan Sarawak, Tuan Pengerusi. *Claim* dia orang makan masa sampai berbulan. Kos dia orang datang *every week, thousand of ringgit*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Menteri sekarang sedang jawab jika ada berkenaan dengan pakaian.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat masuk tuntutan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tidak, fasal saya tadi itu tunggu lama tidak masuk. Yang Berhormat ini suka tahan lama-lama, jadi saya tidak boleh, saya kena lompat beritahu. Kita hendak tahu apa salahnya kalau bagi...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat hendak jawabkah, Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Pengerusi, saya pasal pakaian.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Hah, dia hendak *cross* ikut mana. Ini pun *cross* juga. Minta Yang Berhormat, jasa baik Yang Berhormat mintalah kepada ini, bila lagi berzaman-zaman dah benda ini. Inilah birokrasi Yang Berhormat.

Inilah orang kata *delivery*, penyampaian. Benda macam ini punya kecil pun susah bukan main. Habis itu macam mana..., Allah? Tak apalah buatlah macam mana, heh.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat, bagi menjelaskan ini ialah menteri. Menteri di sini, yang sana boleh tanya sahaja.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Akan tetapi bila.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Bertanya fasal apa tadi sebut kata hendak bagi penerangan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tidak. Tidak. Saya tanya bila?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Hah, bila. Sebab itu saya kata tadi, saya ingat Yang Berhormat tidur. Saya sudah jawab sudah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tidak. Tidak jawab Yang Berhormat. Yang Berhormat tidak khabar, saya hendak tahu bila, sebab saya minta lama sudah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Bila?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ahli Parlimen minta lama dah. Kenalah beri tarikh sampai bila.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kita tidak boleh..., saya sudah sebutkan sebentar tadi iaitu segala apa yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen, apa yang mereka kehendaki, autonomi semua biarlah dia berbentuk bertulis supaya saya boleh bawa kepada Jemaah Menteri. Waktu itu Yang Berhormat tengah lena itu, atau mungkin tidak dengar.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya tidak lena Yang Berhormat. Dalam Parlimen mana boleh lena Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, tidak boleh ini peraturan mesyuarat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya minta maaf, ubat yang melenakan dia tadi. Tuan Pengerusi...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Sri Gading.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang Berhormat Menteri, tentang pakaian ini saya rasa, kita kekalkan sahajalah 41(f), selesailah. Bagi yang macam Yang Berhormat bagi Kubang Kerian kata hendak pakaian yang ringkas dan baik, pakai sahaja Baju Melayu, Baju Kebangsaan selesailah dan kalau hendak dipinda segala-galanya harus mendapat persetujuan seluruh Ahli Parlimen. Jangan ada orang yang hendak memandai-mandai. Kita kekalkan 41(f) kerana itu warisan 50 tahun dahulu. Tidak ada cacat celanya. Janganlah kita yang baru ini hendak memandai-mandai lagi, cukup 41(f) lengkap.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, apa Yang Berhormat bagi Sri Gading sebut itu, terpulanglah kepada Ahli Parlimen lah. Terpulang kepada Ahli Parlimen boleh bincang dalam Jawatankuasa dan ambil keputusan. Itu apa keputusan eksekutif tidak mengikatkan parlimen, terpulang kepada Ahli Parlimen.

Yang Berhormat bagi Batu Gajah yang pernah dengan genggam eksekutif yang dibangkit telah saya jawab. Ini Yang Berhormat bangkitkan berkenaan dengan pembangunan yang dinafikan di kawasan pembangkang. Sebenarnya Yang Berhormat dia tidak dinafikan.

Apa juga pembangunan yang perlu dibangunkan dalam kawasan Yang Berhormat kalau benda-benda yang penting boleh menulis surat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana *Development Fund* ini sebenarnya adalah di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk dibelanjakan oleh Perdana Menteri.

Dan apa yang berlaku pada hari ini oleh kerana *Development Fund* ini adalah besar maka sebab itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjadi amalan membuat keputusan membenarkan kepada Ahli Parlimen untuk membantu beliau membelanjakan wang ini. Oleh kerana biasalah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hanya percaya kepada Ahli Parlimen Barisan Nasional sebab itu yang dapat membantu dia berbelanja ialah daripada kawasan-kawasan Barisan Nasional.

Akan tetapi dalam kawasan pembangkang pun memang tidak boleh lari daripada pembangunan, sebab Ahli-ahli Parlimen menjadi Ahli Parlimen di dalam kawasan bandar. Siapa kata di Bukit Bintang itu tidak cukup jalan, tidak cukup lampu, malah jauh lebih baik lagi jika dibandingkan dengan kawasan luar bandar. Jadi tidak betullah itu. Sebab itu saya harap kalau ada benda-benda tertentu yang Yang Berhormat fikirkan dalam kawasan mungkin ada sesuatu, tulislah terus kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mendapat perbelanjaan supaya dibangunkan sesuatu perkara dalam kawasan Yang Berhormat.

Jadi, wang ini tidak boleh dibelanjakan sesuka hati kita. Ada caranya wang itu dihalakan kepada pejabat daerah dan pegawai daerah sebenarnya yang akan menguruskan perbelanjaan wang itu. Ahli Parlimen bantu dengan mencadangkan sesuatu perkara tetapi yang menguruskan perbelanjaan itu ialah *District Officer*.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan. Oleh sebab sudah menjadi satu rahsia terbuka bahawa penyelewengan adalah *abuses* dalam perbelanjaan tabung pembangunan untuk kawasan-kawasan pilihan raya oleh Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, adakah Yang Amat Perdana Menteri membuat mekanisme yang lebih ketat yang lebih *full proof* supaya tidak ada penyelewengan sebelum ada pertambahan sebanyak RM500,000 untuk satu kawasan dinaikkan kepada RM2 juta? Bukankah perlu memastikan tidak ada penyelewengan *abuse of power*, termasuk korupsi?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, wang ini dibelanja dan dimasukkan ke dalam akaun yang dibelanjakan oleh pejabat daerah. Semuanya itu mesti menerusi pejabat daerah bukan menerusi bank akaun Ahli Parlimen. Tidak. Ia dihantar ke pejabat daerah dan mereka yang akan membelanjakan wang mengikut cadangan daripada Ahli Parlimen. Kemudian bila sampai kepada projek untuk memberikan tender itu atas urusan pejabat tanah. Kalau sekiranya ada penyelewengan dan korupsi, maka boleh dihantar kepada ACA untuk menyiasat. Kita tidak menghalang ACA daripada menyiasat cara perbelanjaannya dan soal untuk menentukan kenaikan perbelanjaan itu terpulang kepada Perdana Menteri. Itu hak mutlak dia, terpulang kepada dia untuk membuat perbelanjaan atau hendak membuat keputusan tetapi perbelanjaan itu pun dibuat menerusi pejabat daerah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Sungguhpun perbelanjaan dibuat melalui pejabat daerah, ini tidak bererti tidak boleh berlaku penyelewengan dan korupsi. Kedua, bilakah angka itu dinaikkan kepada RM2 juta? Ketiga, bukannya ini sebenarnya adalah satu helah sahaja untuk mendapat *political mileage* untuk parti-parti komponen parti Barisan Nasional, semacam di Lembah Kinta, untuk tiga kawasan pilihan raya iaitu Ipoh Timor, Ipoh Barat dan Batu Gajah. Ketiga-tiga kawasan ini peruntukannya sebanyak RM6 juta semuanya diserahkan kepada Pengerusi MCA Negeri Perak untuk dibelanjakan. Bolehkah kita tahu mengapa?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya telah sebut bahawa dia bukan belanjakan. Apa yang berlaku ialah pejabat daerah yang membelanjakan dan cadangan-cadangan projek itu boleh diberikan oleh Ahli Parlimen. Itu pun belum tentu akan dipersetujui oleh pihak pejabat daerah. Kita semua tahu itu kerana banyak cadangan kita yang tidak dipersetujui. Mereka yang menentukan. Akhirnya untuk menjaga tidak berlakunya penyelewengan, mereka yang menguruskan perbelanjaan.

Saya ingat, Yang Berhormat, dia lidah bercabanglah. Tadi dia cuba hendak menyatakan bahawa kita mempertikaikan keupayaan pengundi dan soal mereka bijak mengundi. Sekarang ini dia hendak mengata pula iaitu bahawa cara soalan dia tadi seolah-olah hendak mengatakan bahawa pengundi kita boleh disogok dengan rasuah. Kita bagi pembangunan bukan hendak merasuah pengundi-pengundi. Kalau begitu bagaimana kita boleh kalah di Batu Gajah, di Tumpat. Ini semua mendapat...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *Life long attempt.*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dia memandang rendah terhadap keupayaan pengundi kita, seolah-olah pengundi ini menyokong kerana disogok. Oleh sebab itu, saya ingat Yang Berhormat jangan jadi lidah bercabang. Jangan jadi ular. Jadi seorang manusialah supaya bercakap itu biar konsisten.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Ipoh Barat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Penjelasan. Sebenarnya Pengerusi MCA Perak kerap kali berada di ketiga-tiga kawasan ini dan memberi bermacam-macam wang kepada pihak-pihak berkenaan, sekolah dan sebagainya dan mengatakan ini adalah dari kerajaan. Dalam surat khabar mengatakan bahawa ini adalah agihan wang dari ketiga-tiga kawasan ini. Macam mana seorang yang telah dikalahkan di Batu Gajah bila dia bertanding dengan Yang Berhormat bagi Batu Gajah diberi sekarang ini wang oleh kerajaan, Datuk Ong Ka Chuan, Setiausaha Agung MCA. Itu nombor satu.

Kedua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa banyak wang dari yang diagihkan ini, kontraktor-kontraktor yang menjalankan tugas ini mengambil (*cut*) 20 peratus, jika mereka tidak menjalankan kontrak-kontrak tersebut. Adakah Yang Berhormat sedar dan sedia mengaku bahawa ini adalah kebiasaan dalam semua perkara yang di mana wang-wang ini diagihkan?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengatakan bahawa saya tidak sedar perkara ini berlaku. Kalau Yang Berhormat sedar beritahu kepada ACA. Saya hendak beritahu di sini, Yang Berhormat, kita tidak sokong penyelewengan. Kalau Yang Berhormat dapat tahu bahawa perkara ini beritahu kepada ACA. Kita tidak buat perkara ini. Kalau tidak Yang Berhormat cuma spekulasi. Ha, janganlah mengganggu kepala jadi macam ular mengganggu kepada macam itu. Kita bercakap perkara yang benar...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Saya berani beritahu.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tak payah beri kepada saya.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Saya sendiri telah melaporkan...

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Jangan bagi kepada saya sebab saya tidak menguasai ACA. Bagi kepada ACA.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Saya sendiri telah melaporkan pada tahun 1998 kepada ACA.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** *[Bangun]*

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Dengar-dengar sekejap. Sabar sikit. ACA telah menyiasat. Ini perkara yang betul, di mana wang telah diagihkan dari dana ini dikatakan untuk satu dengan izin, *art and culture*, ubahsuai pejabat tersebut tetapi wang itu telah dibawa kepada pejabat MIC Negeri Perak, diubahsuai di sana.

Presiden persatuan ini telah datang berjumpa dengan saya. Saya telah membawa beliau ke ACA untuk melaporkan perkara ini dan penyiasatan telah pun dijalankan tetapi habis! Tidak ada tindakan yang diambil. Selepas itu, pegawai itu berkata, "Pihak-pihak yang terlibat adalah orang atasan, macam mana saya boleh mengambil tindakan walaupun penyelewengan telah terjadi" Jangan mengatakan bahawa saya tidak melaporkan. Saya ada melaporkan. Hanya ACA a *toothless tiger* itu saja.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, saya tidak mengajar ACA bagaimana dia hendak menjalankan tugasnya. Kalau ada masalah Yang Berhormat pergi kepada ACA. Saya tidak mahu masuk campur dalam hal ini kerana kalau saya masuk campur bermakna saya menguasai ACA.

Jadi apa-apa hal beritahu kepada mereka. Kalau ada berlaku kelewatan, kelambatan pergi berjumpa dengan Ketua Pengarah ACA, bukan berjumpa dengan saya. Saya tidak mempengaruhi mereka.

Yang Berhormat bangkit perkara itu dan perkara itu mesti ditanya kepada Ketua Pengarah ACA, bukan di Dewan ini kerana saya tidak ada kuasa untuk memberitahu kepada ACA bagaimana untuk menjalankan tugas dia. Yang Berhormat sebut juga, kalau...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Duduklah. Nanti saya bagi jalanlah. Bila saya takut dengan *you*. Duduk. Tidak pernah takut. Saya tidak pernah lari, Yang Berhormat. Terutama sekali Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Jauh sekalilah! Saya hendak beritahu, *anytime...*

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Baiklah. Saya datang ke kawasan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Jadi, soal jabatan Yang Berhormat, Yang Berhormat peguam, ada benda yang *hearsay*. *Show proof!* Kalau mengatakan ini pihak atasan. Itulah yang merupakan jawapan yang umum, yang diberikan oleh pegawai kerajaankah, pihak atasankah? *You show proof!*

Jadi bagaimana kita hendak buat satu perkara yang cuma *hearsay*. *You know yourself*, dengan izin. Kita tidak boleh bertindak kepada *hearsay*. *Check* dan siasat betul-betul. Cari. Kalau seorang pegawai itu kata ini pihak atasan, bagi tahu siapa dia dan pergi lapor. Biar dia kena panggil, dia kena siasat. Biar dia jawab. Sebab kita tidak memberi arahan untuk kita mempengaruhi ACA ini. Saya tidak akan buat. Apa masalah Yang Berhormat dengan ACA pergi berjumpa dengan ACA kerana itulah kebebasan yang selalu dituntut oleh pihak pembangkang iaitu kebebasan kepada ACA untuk menyiasat. Saya cuma untuk membuat kerja bagi memastikan iaitu bahawa kebebasan itu dapat diamalkan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Apabila seorang Menteri *challenge* kepada saya "pergi report", bila kita melaporkan kepada pihak yang berkenaan dan pihak yang berkenaan tidak mengambil tindakan, dengan siapa lagi kita melapor? Dengan Menteriilah. Kalau Menteri mengatakan bahawa ACA perlu menjalankan *investigation* dengan tugas *independent* itu biar dia buat atau tidak, ini tidak menunjukkan satu proaktif oleh pihak Yang Berhormat Menteri. Ini menunjukkan *weaknesses* dalam sistem tersebut.

Sebenarnya Yang Berhormat Menteri mesti mengambil tindakan susulan. Saya berani, kalau mahu saya boleh bagi semua fakta berkenaan. Dan lagi satu perkara yang saya bangkitkan mengenai 20% itu satu perkara yang semua orang tahu dalam negara ini. Saya hairan Yang Berhormat Menteri tidak tahu. Saya ada AGM *report* oleh satu kuil di mana ia menunjukkan, katakan di sana saya pergi ke AGM tersebut dan dia kata, "Kontraktor telah dibayar 20% dari wang yang diagihkan lebih kurang 500 ribu oleh kerajaan kepada kuil tersebut, dan 20% telah diambil balik adalah untuk kegunaan Barisan Nasional". Dan bila saya membangkitkan perkara itu kuil Presiden kata, "Jangan membawa hal-hal politik di dalam kuil" tetapi ini betul. Ini bukan perkara *open secret*.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, dia ni peguam saya pun tak fahamlah kadang-kadang. Soal sama ada laporan yang dibuat kepada ACA dan ACA siasat dan kalau ia tidak diteruskan itu bukan soal Menteri buat keputusan.

Akan tetapi itu terpulang kepada *Attorney General* untuk dia buat keputusan sama ada hendak diteruskan ataupun tidak. Itu bukan hak saya sebagai Menteri. Yang Berhormat cakap kepada saya berapa kali pun saya tidak akan membawa apa-apa laporan Yang Berhormat yang dibawa kepada saya untuk diberikan kepada ACA, saya tidak akan buat. Yang Berhormat ada *access*, dengan izin, kepada ACA pergi hantar terus kepada dia. Kerana kalau hantar kepada saya belum tentu..., mungkin tak sampai atau saya lupa. Jangan hantar kepada saya tetapi hantar kepada Ketua Pengarah kerana kita bukan sahaja mesti memastikan supaya *independent must not be done but must be seen...*, kalau bagi pada saya kemudian saya bagi kepada ACA ini bermakna saya mempengaruhi ACA, saya tidak mahu buat. Yang Berhormat hantar terus.

Dan saya hendak beritahu Yang Berhormat, saya tidak tahu yang 20% ini kerana di kawasan Parlimen saya tidak berlaku benda ini, tanyalah kepada Ahli Yang Berhormat yang lain. Saya mengatakan saya tidak tahu...

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Malu.

**Dato' Seri Mohamad Nazri bin Abdul Aziz:** Apa malu kalau saya kata saya tidak tahu. Yang Berhormat kata ini rahsia terbuka, itu Yang Berhormat tahu tetapi saya tidak tahu. Saya tidak tahu.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Boleh saya tolong Yang Berhormat Menteri? Saya ingat mungkin Yang Berhormat Menteri sengaja tidak mahu tahu tetapi saya hairan...

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Jangan cuba untuk mengatakan saya membohong dalam Dewan ini.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Saya bukan buat tuduhan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya tidak bohong. Ini Dewan yang mulia. Saya tidak bohong. Saya bercakap benar saya tidak tahu dan tidak terlibat. Yang Berhormat boleh pergi ke Padang Rengas, boleh tengok kawasan saya ada ataupun tidak yang berlaku di kawasan saya.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Tuan Pengerusi, Peraturan Mesyuarat 36(6), sangkaan jahat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Jangan tipu.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Betul dan saya berani tunjuk dokumen berkenaan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya kata saya tidak tahu memang saya tidak tahu.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Mungkin...

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat ini pembohong besar.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Saya ingat Menteri yang bohong, Menteri yang bohong, tidak cakap benar.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Awak pembohong besar, pembohong besar.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup, cukup!

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Kalau berani mahu cakap..., ini benar.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Jangan tipu dalam Dewan. Mana boleh tak tahu, saya tahu, saya tidak tahu. Macam mana Yang Berhormat boleh fikir otak saya yang saya tahu, saya tidak tahu. Duduk, duduk. Saya tidak bagi jalan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup, cukup.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sebab saya tidak akan benarkan penipu bercakap dalam Dewan ini.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ini penipu, tak berani tak berani. Tak berani hendak debat dengan sayalah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Apa? Bila-bila masa lah. Bila-bila masa. Saya tak ada bimbanglah. Kalau setakat Ipoh Barat you punya Ketua pun saya bahas tau. Apalah setakat Larut *you* boleh pergi. Saya Ketua Pembangkang, Ipoh Timor pun saya bahas.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Ya, betul.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Apa, saya takut dengan awak kah? Bagi tahu, bagi masa. Saya mengatakan bahawa saya tidak tahu tentang perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Jangan fitnah dalam Dewan ini. Penipu besar, penipu besar. Hei penipu!... *[Disampuk]* Duduk!

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Tuan Pengerusi, ini Peraturan Mesyuarat 36(6), minta Ipoh Barat tarik balik sangkaan jahat kepada Menteri.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *[Bangun]* *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Cakap fitnah, penipu, duduk! Saya tidak bagi jalan Yang Berhormat. Saya tidak mahu bagi jalan kepada seorang penipu. Ini "ular, ular bercabang dua lidah". Saya tidak bagi jalan, duduk!

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Boleh bagi dokumen. Boleh terima dokumen tak?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tak faham kah? Duduk, duduk. Hei budak duduk!

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tak berani.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Apa tak berani? Takut dengan *you* kah? Tak ada takutlah. Setakat awak tidak ada takut.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** *[Menyampuk]* *[Menjerit]*

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Kalau berani, cakap! Kalau berani, cakap!

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** *You* punya Ketua pun saya bahas.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** *[Menyampuk]* *[Menjerit]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Hei budak perempuan, duduklah. Tak usah cakap, tak faham kah *you*. Duduk, saya tidak beri jalan, duduk! Batu Gajah duduk! Duduk Ipoh Barat. Saya tidak beri jalan, duduk!

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tengok, Menteri takut...

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Setakat awak ha, bila-bila masa lah, duduklah. Duduk!

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Takut, cakap fasal ACA. Tidak bebas!

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya punya lawan Ketua Pembangkang, itu saya bahas. Yang ini *anytime*.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Tuan Pengerusi, saya minta Peraturan Mesyuarat....

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tak payah Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, berkenaan dengan *Islamic Family Law Act* saya mengatakan...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Yang Berhormat Menteri, saya minta ....

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Kasihan Perdana Menteri.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Tarik baliklah, sangkaan jahat itu. Yang Berhormat Wakil Rakyat buat tuduhan tak betul.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Penipu. Penipu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa nak tarik. Cukuplah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tak payah, memang dia penipu. Apa nak takut. Kalau hendak kata bawa saya ke mahkamah kalau saya kata saya tidak tahu memang saya tidak tahu.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Apalah, sudahlah duduklah Batu Gajah. Jangan cakap banyaklah, awak duduk.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ini Dewan yang mulia....

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Duduklah tak usah cakap banyaklah, awak duduk, penipu besar.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Itu Batu Gajah, mulut ada dua, banyak. Duduklah!

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *Over logic, over logic!*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Apa *over logic*? Saya telah tunjuk bukti *you* saja, Ketua Pembangkang pun saya bahaslah.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tengok *standard* dia.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Setakat awak bila-bila masa lah. Duduk, duduk. Saya tidak bagi jalan Yang Berhormat. Tak faham kah?

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat takutlah. Takutlah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Apa takut, setakat Ipoh Barat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa tidak adalah Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Setakat Batu Gajah bila-bila masa lah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Habis jawapan?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Nanti, kita bukan takut dengan jawab dia.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Teruskan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya teruskan. Kalau berani bagi saya teruskan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *[Menyampuk]*

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Duduk, duduk. Hei budak, duduk!

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Duduklah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya punya *floor* tau tak?

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Jangan takut, jangan takut.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup, cukup. Semua duduk.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dimaklumkan kepada saya iaitu bahawa pihak Peguam Negara...

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** *[Menyampuk] [Menjerit]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Malulah perempuan perangai macam tu.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat Tangga Batu...

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** *[Menyampuk] [Menjerit]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Hei duduklah. Tak faham undang-undang kah. Boleh keluar.

**Seorang Ahli:** Duduklah!

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Hormat kepada...

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Apa hormat? *You* tak reti hendak hormat Dewan hendak sebut fasal hormat. Kalau mahu hormat...

**Seorang Ahli:** Hei! Ipoh Barat, duduklah Ipoh Barat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat, *you* tidak berani debatlah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** ...Kalau awak hormat Dewan, tetapi penipu besar.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat takut, takut.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah. Yang Berhormat, cukuplah. Ini bukan pasar.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya punya *floor* Yang Berhormat.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tanjong boleh balik Tanjonglah. Saya hendak teruskan. Tangga Batu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, boleh bersabarlah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya okay Yang Berhormat. Tidak ada masalah. Dia yang bisung. Saya tidak masalah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya normal, saya normal.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya membesarkan suara saya sebab dia tidak berhak untuk bercakap.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Menteri, Menteri, jaga kesihatan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya tidak ada masalah. Dia kena jaga kesihatan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Perjuangan Yang Berhormat masih diperlukan memberikan jawapan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Mesti, mesti. Dia orang tak payah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** "Gajah" kena masuk zoolah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tangga Batu .....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Pergi masuk zoolah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Gajah duduklah gajah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Masuk pi zoolah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tangga Batu telah membangkitkan berkenaan dewan sukan. Ini orang yang hormat Dewan saya pun hormat baiklah.

Yang tidak hormat tak payahlah. Buang masa saja. Berkenaan dengan Tangga Batu, dewan sukan yang diwujudkan....

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Penjelasan. Penjelasan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Gajah, gajah pi duduk, masuk zoo.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Pindaan, pindaan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya dah jawab dia dah.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Dia kata dia tak ada masalah tadi, kenapa saya minta penjelasan, dia jerit-jerit?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Apa? Saya dah jawab, *you* tak dengar, *you* punya pasal.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Saya ada satu lagi berkenaan Akta.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya dah jawab, saya sudah jawab Akta Islam.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Akta Undang-undang Keluarga Islam...

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat, saya dah jawab.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Ada masalahlah dia.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Eh, amoi!

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Dia tidur tadi. Yang Berhormat Menteri, dia tidur.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Menteri ada masalah kah? Tadi kata tak ada masalah, tapi dia tertinggal.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa soalan Yang Berhormat?

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tadi saya ada tanya Tuan Pengerusi.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Batu Gajah tekanan jiwa.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Berkenaan Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Akta itu juga tidak berkenaan dengan perkara yang kita bangkit.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Dikatakan akan bentangkan untuk dipinda.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tengok!

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Dia dah jawab.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tadi saya ada bangkitkan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya dah jawab, *you* bising, *you* tak dengar, *you* punya pasal, saya dah jawab. Itu bukan masalah saya.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Saya, kita semua ...

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Itu bukan masalah saya. Saya dah jawab.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Dia tidurlah, dia tidurlah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya tak perlu ulang, saya dah jawab.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Gajah pun boleh tidur.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Inilah Napoleon nak tunjuk kuasa dalam Dewan, *big Napoleon...*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat Tangga Batu, dalam perbincangan Yang Berhormat sebentar tadi mengenai dengan dewan sukan yang ada di sini. Saya ingin menyatakan bahawa apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu kita akan pertimbangkanlah. Dan Yang Berhormat Larut telah mencelah sebentar tadi berkenaan dengan memberikan nama dewan itu sebagai peringatan kepada Yang Berhormat bekas Timbalan Menteri itu akan saya bangkit di dalam kepada Kabinet nanti. *Hall of fame* ya, saya ingat kita sebenarnya ada cadangan untuk menamakan di dinding-dinding yang sekeliling Dewan ini. Kita akan memahatkan di atas kayu nama-nama Ahli-ahli Parlimen daripada dulu sampailah sekarang kita akan berikan.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*].

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, eh, saya dah jawab. Berkenaan dengan, hah, ini Ipoh Barat boleh bertanya kalau nak bertanya, *uniqueness* budaya Malaysia. *Uniqueness*, budaya Malaysia, saya memang bersetuju. Sepatutnya kita harus menampakkan juga di dalam Dewan kita ini tentang *uniqueness* budaya seperti mana yang kita tengok di Dewan-Dewan di negara lain, mereka ada tetapi saya fikir kita sebagai Ahli Parlimen juga boleh mencadangkan apa yang kita fikirkan elok yang kita lakukan bagi menunjukkan *uniqueness* budaya kita ini. Masa soal jawab, saya telah difahamkan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Penjelasan. Sedikit. Terima kasih Yang Berhormat Menteri mengenai *uniqueness*. Satu di antaranya ialah macam warna dia macam *silver* ini. Saya hairanlah kenapa kita ada benda-benda dalam negara kita ini, kenapa kita tidak menggunakan *the original* dengan izin. Macam di sebelah sini semua bijih-bijih timah, itu adalah satu perkara yang sangat cantik Yang Berhormat Menteri. Bolehkah itu saya syorkan agar bukan sahaja itu, banyak di antara benda-benda di negara ini yang sangat cantik, unik kebudayaan di negara ini yang patut digunakan di Dewan Rakyat. Saya harap perkara ini diambil dengan serius dan diimplementasikan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Okey, saya setuju iaitu memang kita menggunakan bijih, *pewter* di tempat-tempat ini yang menampakkan budaya kita. Dan di masa akan datang saya akan maklumkan kepada pihak Parlimen iaitu supaya mengutamakan barangan dan budaya Malaysia waktu kita nak memperbaharui semula Dewan kita. Berkenaan dengan masa soal jawab, saya telah difahamkan bahawa perkara ini telah pun dibangkit dalam mesyuarat dan insya-Allah kita akan membawa Usul di mana kita akan memanjangkan soal sesi jawab daripada satu jam kepada satu setengah jam.

Yang terakhir sekali Yang Berhormat bagi Bagan, di mana Yang Berhormat sebut iaitu bahawa apabila sampai waktu pilihan raya maka ramailah Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen akan pergi ke tempat di mana pilihan raya itu akan diadakan. Saya ingin maklumkan di sini iaitu bahawa kalau mereka pergi, mereka telah dimaklumkan iaitu bahawa sebagai ahli parti kalau mereka nak menjalankan kerja-kerja parti mereka, ianya mestilah dilakukan selepas waktu kerja, sebelah malam. Dan pada hari Sabtu dan Ahad, merupakan hari cuti, dia bebas untuk menjalankan tugas-tugas kerana Menteri, Timbalan Menteri dan juga Setiausaha Parlimen adalah juga ahli parti. Dan mereka sudah tentu mari pilihan raya, dia juga bertanggungjawab untuk pergi berkempen kerana sudah tentulah pilihan raya kita mesti berkempen, tak akan pembangkang nak menang *free* kot kan?

Jadi memang betul, iaitu bahawa mereka tidak boleh pada waktu kerja mengambil kesempatan itu tidak bekerja dan menjalankan kerja-kerja parti. Saya sendiri juga akan pergi tapi saya ada tugas saya di sana selaku Menteri, akan menjalankan tugas saya pada waktu siang hari tetapi selepas waktu kerja, itu adalah hak saya kalau saya nak berkempen untuk parti saya.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan. Terima kasih atas penjelasan. Semua anggota pentadbiran sama ada Menteri, Timbalan Menteri, atau Setiausaha Parlimen khasnya daripada Sarawak, sekarang di Sarawak. Waktu kerja tak boleh kempen, untuk 20 hari apa kerja mereka ada di Sarawak? Apa kerja ada di Sarawak selain daripada kempen?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Apa hak Ipoh Timor mahu tanya? Dia kerjalah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Kalau begitu, mereka patut di sini, malam baru pergi. Itu *nonsensical isn't it?* Bukankah itu *nonsensical* bahawa mereka di sana masa waktu tak kerja tidur dalam hotel sahaja, tunggu kerja dalam hotel untuk tidur sampai petang baru pergi kempen, *it is nonsensical*.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Itu tuduhan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Patut mereka meminta, memohon *officially leave* pergi kempen. Bukan kita takut mereka, boleh kempen, kalau rakyat tak mahu, kempen pun tak guna tetapi mengikut ...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Macam DAP lah, rakyat tak mahulah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Cara yang betul.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, baru tadi sebut bahawa kita mesti cuba mengurangkan kos. Jadi kalau siang datang Ahli Parlimen, Menteri mereka berada di sini, malam balik, pagi esok datang, yang habis ialah duit kerajaan untuk membayar dia punya apa ni. Kerana dia ada kerja di sana. Dan saya tak marah kepada Yang Berhormat Ipoh Timor sebab sepanjang dia menjadi Ahli Parlimen, dia tak pernah duduk dalam kerajaan, sebab itu dia tak tahu bahawa kita menjadi Timbalan Menteri, Menteri untuk Malaysia. Sudah tentulah mesti ada kerja-kerja Kementerian kita yang berlaku di Sarawak. Dan kita merancang lebih awal, kalau kita tahu ada pilihan raya pada hari ini, kerja kita biarlah kita bagi nak mengurangkan kos, kita pastikan ia *concurrent* dengan kempen, itu biasalah. Itu kreativiti kita, jangan salah...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Kerja sudah atur secara kebetulan sahaja.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Jangan salah kepada kita, kalau kita cerdik ya. Kalau kita cerdik, dah tentu maka orang kata "sambil menyelam, sambil minum air". Tak apalah, kreativiti kitalah hanya jangan pada waktu bekerja kita buat kerja parti, itu tidak boleh. Memang diberitahu kepada semua supaya jangan melakukan perkara seperti ini.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Penjelasan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dalam kesungguhan kita berkempen, ini bukan soal ahli politik Barisan Nasional juga. Yang Berhormat daripada Bandar Kuching pun sama, dia pun tidak ada di sini, kita faham dia di calon, kita jantan tak mahu menang betina, sebab itu kita kata tak apa. Walhal kalau diikuti, dia mesti ada di sini, tapi tidak mengapa. Jangan awak buat betul, kita buat salah. Jadi sebab itu saya rasa kita semua faham, *we all politicians*, kita ada kerja kita sebab itu buatlah. Dan sudah tentu mari pilihan raya, siapa yang tak mahu menang, semua mahu menang.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Penjelasan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Cuma jangan kita menyalahgunakan...

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Kemudahan kerajaan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ha?

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Jangan salah gunakan kemudahan kerajaan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Betul, memang betul tak salah guna, kita tak salah guna.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Penjelasan. Sedarkah Yang Berhormat apabila menjelang pilihan raya baik negeri atau peringkat pusat, exco-exco negeri mahu pun ketua-ketua menteri atau Menteri-menteri besar, mereka pergi dengan tambang kerajaan, dengan kereta rasmi kerajaan. Dan lagi pun pada waktu lepas kerja, *driver* kerajaan mereka juga dibayar *overtime*, tidur di sana menginap di hotel, makan di sana. Siapa bayar? Semua kerajaan yang bayar. Mengaku sajalah ada penyelewengan, ada salah guna kemudahan kerajaan untuk kempen parti-parti. Itu satu kebenaran. Kalau Yang Berhormat tak mahu mengaku pun, orang ramai juga boleh faham Yang Berhormat cakap benar atau tidak...

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Dan Tuhan boleh tengok.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Memang Tuhan boleh tengok.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Hey, gajah lagi bising kah? Hai, ini gajah!

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Memanglah Tuhan boleh tengok.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ingat Tuhan bodoh kah, Tuhan buta kah? Apa ini, gajah!

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Jerai, duduklah. Memang Tuhan boleh tengok sebab itu tiap-tiap kali pilihan raya, Tuhan tengok, Tuhan bagi menang kepada Barisan Nasional... [*Dewan riuh*]

Memang Tuhan tengok, tak akan nak kata Tuhan salah. Tuhan Maha Mengetahui, jadi kita serah kepada Tuhanlah. Dan Tuhan yang akan buat keputusan, Dia yang akan menggerakkan hati manusia untuk memilih siapa yang dia mahu. Walaupun kata macam-macam pihak pembangkang pun, kita menang juga pilihan raya jadi serah kepada Tuhan, jangan cakap banyak dalam hal ini...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ipoh Barat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ipoh Barat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, yang akhir sekali berkenaan dengan taklimat. Duduklah, dia tidak bangkit benda ini. Tak apalah, saya jantan saya bagilah.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat Menteri, perkara yang dibangkitkan oleh Kubang Kerian, mengenai institusi Ketua Pembangkang...

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Okey, okey. Sebab itu lain kali jangan dok kacau, bila dok kacau kita sudah lupa saya memang ada tulis dalam sini.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Kata itu ada asas.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Berkenaan dengan Ketua Pembangkang. Ya, Ketua Pembangkang dia merupakan satu jawatan yang diiktiraf, yang diiktirafkan di dalam kita punya peraturan semua. Sebab itu dia ada gaji, dia ada staf dia, ada bilik dia. Sememangnya dia merupakan, kalau kita merupakan *His Majesty's Prime Minister*, dia juga adalah *His Majesty's Leader of the Opposition*, itu memang kita iktiraf dan soal untuk kata memberi gelaran.

Yang Berhormat bagi Larut telah pun menyatakan tetapi kita kena ingat iaitu bahawa memberi gelaran kita boleh mencadang tetapi akhirnya keputusan untuk memberi gelaran itu ialah keputusan daripada Yang di-Pertuan Agong. Bukan sahaja Ketua Pembangkang tidak dapat gelaran, kita menteri pun tak dapat. Kalau hendak kira saya syok juga jadi Tan Sri tetapi tidak dapat, bukan semua menteri dapat jadi Tan Sri. Jadi tidak boleh hendak katakan itu bahawa kita bolot semua. KSU lagi yang kerja bawah saya dia Tan Sri tetapi saya dan menteri-menteri, rakan-rakan yang lain tidak.

Jadi tidak boleh mengatakan kita pilih kasih. Walau bagaimanapun jangan mempertikaikan sejarah yang mengatakan itu bahawa ada Ketua Pembangkang menjadi Tan Sri. Mending Tan Chee Koon, Tan Sri akhirnya diiktiraf. Jadi sebab itu kadangkala kita mendapat gelaran selepas kita berhenti. Itu selalunya yang dilaksana dan keputusan ini keputusan Agong dan anugerah di negeri itu terpulang kepada Sultan.

Ada seperti mana kita jawab bekas Ahli Yang Berhormat Pendang dan juga Dato' Seri Hadi, Dato' Nik Aziz, mereka mendapat gelaran daripada Sultan mereka. Jadi itu tidak ada kena-mengena dengan kita tetapi dari segi kuasa kita yang mengiktiraf kita beri pengiktirafan kepada Ketua Pembangkang. Itu tidak boleh dinafikan...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yang akhir sekali ini berkenaan dengan...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu apakah alasan dan sebab jawatan Ketua Pembangkang bukan setanding dengan menteri? Kenapa *ministerial status* tidak diberi kepada Ketua Pembangkang ini dia satu perkara yang bila, bila...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** *[Menyampuk]*

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Bila, bila dakwaan...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Hidung tak mancung pipi sorong-sorong.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Itu saya faham tetapi di seluruh negara di mana kita ada *practice Parliamentary Democracy Westminster*, ini adalah setanding dengan itu seperti di India, di Kanada, Australia, New Zealand, UK, Sri Lanka, perkara macam ini, bolehkah apakah sebab adakah ini ada sesuatu diskriminasi oleh kerajaan dan tidak ingin mengiktiraf dan memberi *perks* yang berkaitan dengan perkara itu.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, ministerial status kepada menteri lah. Jadi kalau *Leader of Oppositional Status*, *Leader Opposition* lah. Jadi sebab itu kalau menteri maka sudah tentulah statusnya itu menteri. Jadi bagi Ketua Pembangkang, dia ada statusnya tersendiri sebagai Ketua Pembangkang. Jadi ada perbezaan jawatan itu, ada perbezaan jawatan itu. Jadi sebab itu kita tidak boleh mengatakan bahawa mesti beri *ministerial status* kerana *ministerial status* kepada *ministers* sebab itu dia panggil *ministerial status*, jadi Ketua Pembangkang dia ada statusnya sendiri Ketua Pembangkang.

Apa yang boleh diperolehi oleh beliau, jadi kalau kata hendak menaikkan kata dia punya elaunkah apa itu boleh bincang di kalangan Ahli-ahli Parlimen. Kalau mereka setuju kata bagi dia gaji seperti gaji menteri terpulanglah bukan kepada kita untuk menentukan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Penjelasan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ini bincang kepada Ahli Parlimen.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Selalunya ketua parti itu dilantik sebagai Ketua Pembangkang tetapi bila ketua parti itu letak jawatan, ketua parti yang baru patut pegang Ketua Pembangkang tetapi ada di setengah Parlimen, ketua parti itu dah berhenti hanya jadi penasihat jadi Ketua Pembangkang. Jadi bolehkah cara-cara macam ini, maknanya *pride* nya di mana? *Pride* kena ada.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sebenarnya Yang Berhormat Jerai perkara ini tak sepatut dipertikai oleh kita tetapi kena pertikai oleh Ipoh Barat, Batu Gajah, tetapi dia takut. Dia takut sebab itu kalau hendak dikirakan logik.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ipoh Barat apa tidak mahu puji.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sepatutnya mereka pertikailah tetapi dia takut, dia takut hendak buat macam mana sudah takut.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *[Bangun]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** *Point of order, point of order* Kepong tidur Tuan Yang di-Pertua. Dia tidak berani.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Akhir sekali berkenaan dengan...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Penjelasan, penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Ipoh Barat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Taklimat Yang Berhormat saya hendak bagi taklimat penting kepada Bagan, saya menjawab soalan Bagan. Saya sudah bagi dua kali cukuplah. Takut, ya takut-takutlah jangan marah saya. Ini berkenaan dengan taklimat kepada *backbencher, backbencher*. Sebenarnya saya memikir tentang perkara ini, memikirkan perkara ini sebab waktu saya menjadi menteri menjaga Parlimen saya fikir tentang perkara ini tetapi setelah saya fikir masak-masak sememangnya saya rasa tak perlu panggil pembangkang. Pertama, selalunya taklimat ini dipanggil oleh *backbencher*, jadi sudah tentu taklimat diberi kepada *backbencher*.

Kedua Yang Berhormat, kalau bagi taklimat kepada pembangkang, apa yang pembangkang hendak bangkit dalam Dewan nanti? Tidak ada kerjalah pembangkang sudah dapat taklimat, sudah tahu. Kalau diberi taklimat, tanya lagi dalam Dewan maknanya bodohlah. Jadi sebab itu saya rasa tidak usah, lebih baik jangan panggil supaya Yang Berhormat boleh memainkan peranan yang penting sebagai pembangkang dalam Dewan, itu sebenarnya. Kalau kita sudah bagi taklimat Yang Berhormat tahu semua dah hendak tanya apa lagi dalam Dewan ini. Kita bentang lulus sahajalah. Sebab itu ada perbahasan kerana perbahasan inilah yang memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari pembangkang untuk mempersoalkan kerajaan.

Jadi sebab itu taklimat ini saya rasa, memang saya sudah fikir memang dulu pun saya pun merasakan eh, taklimat bagilah kepada pembangkang sekali mereka juga Ahli Parlimen. Jadi saya sudah fikir adalah lebih baik tidak memberi taklimat supaya segala bantahan dan juga pertanyaan soalan yang dimajukan oleh pembangkang boleh diutarakan di dalam Dewan supaya perbahasan yang sebenarnya boleh berlaku dalam Dewan ini. Sebab itu adalah baik supaya taklimat tidak diberi. Ya Tanjong.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Penjelasan. Terima kasih.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Batu Gajah sebut apa ini?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Batu Gajah apa sebut?

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Batu Gajah, apa sebut?

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Mengikut logik jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, para *backbenchers* hadir taklimat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Hantu Gajah.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Akan tetapi selepas itu pun bangkit berbagai-bagai masalah selepas menerima taklimat. Jadi maksud Yang Berhormat Menteri mereka semua bodoh, ikut logik tadi.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Tanjong janganlah pandai-pandai cakap orang bodoh, nanti kalau cakap awak bodoh awak marah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Mengikut logik saya ialah iaitu kita hendak bagikan pembangkang memainkan peranan dia dan kita hendak bagikan *backbenchers* main peranan mereka untuk menyokong kerajaan. Sebab itu kita bagi taklimat kepada dia supaya dia akan dapat menyokong kita dalam perbahasan tentang perkara yang dibangkitkan oleh pihak pembangkang.

Jadi itu peranan *backbenchers*, *backbenchers* tentulah sudah sokong kerajaan. Jadi setiap rang undang-undang yang hendak dibentang kita kena bagi taklimat kepada *backbenchers* supaya mereka faham dan tahu supaya mereka boleh bangkit berbahas untuk menyokong rang undang-undang kerajaan itu sebabnya. Jadi tidak usahlah Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Minta penjelasan sedikit Yang Berhormat, Yang Berhormat minta penjelasan sedikit, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Jadi Tuan-tuan, waktu pun sudah pukul 5, saya ucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan saya harap iaitu bahawa kalau sekiranya ada perkara yang tidak saya bangkit itu ialah kerana saya sendiri yang menjawab, saya tidak membaca jawapan yang lain cuma saya menjawab sendiri sebagai menteri yang bertanggungjawab dalam soal Parlimen ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM8,284,000 untuk Maksud B.1; RM4,474,000 untuk Maksud B.3; RM66,252,800 untuk Maksud B.7 dan RM318,800 untuk Maksud B.40 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM8,284,000 untuk Maksud B.1, RM4,474,000 untuk Maksud B.3; RM66,252,800 untuk Maksud B.7 dan RM318,800 untuk Maksud B.40 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM20 untuk Maksud P.6 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2005 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM20 untuk Maksud P.6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2005.

#### **Maksud B.12 [Jadual] -**

#### **Maksud P.10 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2005] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.12 dan Kepala Bekalan P.10 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas.

#### **5.01 ptg.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. P.10, Butiran Projek 04700 syarikat Prasarana Negara Berhad. Satu jumlah RM1 bilion telah diperuntukkan untuk menyusun semula pengangkutan awam di Lembah Klang iaitu untuk PUTRA dan STAR. Telah berkali-kali di dalam Dewan yang mulia ini peruntukan tambahan diminta untuk mencarum kepada kedua-dua Badan ini dan saya ingin bertanya, sehingga sekarang berapa jumlah?

Dari mula sehingga sekarang, berapa jumlah caruman telah diberi kepada PUTRA dan STAR untuk membantu kedua-dua Badan ini dalam pengurusan kerja-kerja mereka ini. Setakat ini STAR dan PUTRA ekuiti kerajaan tolong memberi angka-angkanya dan saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memperingatkan kerajaan di mana Pulau Pinang dalam RMK-9 juga ada satu projek monorel, dan saya ingin memperingatkan kerajaan supaya memberi *license* sahaja kepada siapa-siapa yang ingin menguruskan perniagaan ini atau infrastruktur ini.

Akan tetapi dari segi *financial*, dari segi kewangan, kerajaan tidak patut lagi men *subsidise*, memberi lagi peruntukan untuk membantu mereka. Maksud saya, kalau sesebuah projek telah diswastakan, maka tanggungjawab penswastaan itu, atau konsesi penswastaan itu perlu menanggung segala-gala perbelanjaannya. Ini satu *business*. Kalau dia rugi, dia punya fasal, kalau dia untung, dia punya fasal. Mengapa kerajaan hendak mengambil beban ini? Untuk menanggung bebanan ini sepanjang umur seperti yang dilakukan di Kuala Lumpur? Sekian sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kepong, dan Menteri jawab.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bangun] [Menyemak dokumen di atas meja]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak adakah Kepong?

5.04 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Butiran Syarikat Prasarana Negara untuk tambahan RM1 juta untuk membiayai penyusunan semula pengangkutan awam di Lembah Klang, PUTRA dan STAR.

Tuan Pengerusi, ini hanya sebahagian sahaja dari peruntukan tambahan untuk PUTRA dan STAR. Di sini memang sejak Yang Amat Berhormat mengambil teraju kerajaan, beliau ada menyebutkan bahawa hasratnya untuk menyeragamkan dan menyekat keberkesanan bagi pengangkutan awam. Di sini memang pelbagai dan juga diselaras dan disusun semula untuk bukan sahaja untuk Light Rail Transit, bahkan juga monorel dan pengangkutan awam. Semalam saya sebutkan mengenai itu masalah *Commercial Vehicle Licensing Board* (CVLB).

Bagi kita, peranan dan fungsinya sangat kabur dan samar-samar dan perlulah dikaji bagaimana Lembaga itu dapat memainkan peranan yang lebih positif, lebih berkesan, efektif untuk mengendalikan pengangkutan awam yang lebih bertaraf dunia. Sebab sekarang ini, walaupun ada penyusunan semula ini, kita nampak keberkesanan itu kurang lagi. Saya hendak bertanya peruntukan tambahan yang sebenarnya yang diperlukan untuk menyusun semula pengangkutan awam kita ini?

Tuan Pengerusi, kerana kita hendak menaikkan taraf supaya ia mencapai satu tahap antarabangsa. Saya pun setuju tetapi kita setuju lebih sepuluh tahun dah di sini. Nampaknya tidak berjaya. Saya berharaplah, Bachok jangan membachokkan saya lagi.... *[Ketawa]* Kerana bila kita sebutkan ada masalah, dia kata kita tidak serius. Ini tak betul macam itu. Kalau baik, kita katalah baik juga, ya? Dia nak susun semula itu baik, tapi kalau tidak begitu efektif, tidak begitu berkesan, kita pun menegur juga.

Tuan Pengerusi, saya berharap Yang Berhormat dapat menyusun dan memberitahu peruntukan tambahan yang diperlukan untuk tujuan ini dan selepas itu mengenai masalah kena-mengena Cyberview ini. Cyberview ini, dia *flagship* kita ini termasuklah itu MDC, *head quarters*, *Century Square office block*, *smart school*, *transport terminal*, *City Command Centre's (CCC)*, *Cyberview Lodge Resort dan Spa*, *Cyberview Park*, *Central Incubator*, *Street Mall*. Ini memang dia dianggapkan kejayaanlah Tuan Pengerusi.

Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada kita semua, peruntukan tambahan RM683 juta ini, mengapa dia perlukan yang begitu banyak wang? Dan apakah jumlah yang diperlukan untuk menjayakan Cyberview ini? Saya sebutkan hal ini kerana saya berharap tidak akan berlakunya hal seperti e-Village kita. E-Village memang satu perkara yang serius kerana sebab dengan filem animasi syarikat Astrio yang sudah pun mendakwa Multimedia Development Corporation mengenai e-Village projek ini.

Saya pun tidak tahulah setakat mana projek Astrio ini yang memfailkan satu suit yang hendak menuntut RM8.7 juta daripada MDC kita ini. Ini satu kegagalan yang besar. Jangan Yang Berhormat Bachok nak katakan ini sudah satu kejayaan.

Ini bukan satu kejayaan. Sebabnya Tuan Pengerusi, kita ada berusaha tetapi pada akhir Januari 2006 ini, cuba tengok pada penembusan isi rumah bagi komputer di Malaysia adalah sebanyak 29%.

Ada penembusan internet bagi isi rumah adalah sebanyak 14%. Manakala, kadar penembusan jalur lebar bagi isi rumah adalah sebanyak 8.7% sahaja. Ini Yang Berhormat Bachok, sangat rendahlah pencapaiannya. Sangat-sangat rendah.

Kita mempunyai 14 tahun sahaja sebelum kita mencapai matlamat sebagai negara yang maju, tetapi dalam 14 tahun ini macam mana kita menyelesaikan masalah komputer di rumah, masalah internet, masalah di rumahlah, masalah Jalur Lebar. Kalau di Korea Selatan sekarang hampir 70% Jalur Lebar. Kita pun tidak sampai 10% kalau berbanding dengan Korea Selatan. Inilah masalah kita. Kita hari ini hendak minta peruntukan tambahan bagi Cyberview itu. Janganlah kita membiarkan Cyberview menjadi *e-village*, didakwa di mahkamah.

Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat berhati-hati. Kita sama-sama memperjuangkan rancangan....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Cukup?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ada banyak masalah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Simpan untuk masa depan.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ha, masa depan, baiklah. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Timbalan Menteri jawab.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tuan Pengerusi....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat tidak bangun. Saya sudah buat keputusan.

#### 5.11 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Dua-dua rakan saya bangun, saya beri laluan. Tuan Pengerusi, peruntukan mengenai RM1 bilion untuk PUTRA dan STAR dikehendaki membiayai penyusunan semula pengangkutan awam di Lembah Klang yang khas untuk PUTRA dan STAR dan bukan yang umum. Inilah sebenarnya *the latest chapter*, satu saga atau satu cerita yang membawa malapetaka.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bagan. Yang Berhormat hendak tambah lagi?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Itu mengenai Penang. Itu lebih spesifik. Saya tahu apa yang dia bangkit. Ini satu malapetaka, *disaster* penswastaan. Antara satu penswastaan negara kita yang terbesar sekali, kegagalan yang terbesar sekali. Kita mahu tahu inilah *the latest installment* untuk menghidupkan atau menyelamatkan PUTRA dan STAR, dan pada mulanya ialah proses penswastaan dan lepas itu oleh kerana kerugian yang begitu besar, perlulah *dirationalize* apa yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada sebut dalam masa penggulungan ialah bahawa penswastaan, keuntungan diswastakan tetapi kerugian di *socialize* kan atau di *nationalize* kan.

Akhirnya berapa banyak wang, kita mahu tahu. Sampai sekarang berapa banyak wang kita mahu tahu. Sampai sekarang berapa banyak wang sudah dicurahkan kepada ketiga-tiga sistem LRT, bukan sahaja PUTRA, STAR dan juga KL Monorel, berapa? Dalam tahun 2001, RM5.5 bilion dibelanjakan untuk menyelamatkan dan mengambil alih PUTRA dan STAR. Dalam aspek penswastaan LRT1, 2 dan 3 ini, siapa rugi? Kontraktor-kontraktor dan *construction company*, mereka untung besar dan dapat *rent* itu.

Akhirnya orang yang rugi ialah rakyat. Kenapa? Syarikat-syarikat yang membina LRT1 ialah Woodrow and Adtraz, LRT2 ialah Renong. Renong, satu syarikat UMNO dan ketiga, KL Monorel. *Construction cost* diswastakan dibayar sepenuhnya 100%. *Operating cost* oleh kerana tidak boleh mengutip balik *capital investment* *dirationalize*.

Akhirnya rakyat perlu memikul tanggungjawab itu, bukan beratus atau berjuta ringgit tetapi berbilion-bilion ringgit sekarang. Sampai sekarang *what is the total cost* untuk setiap LRT. Kita mahu tahu.

Adakah sudah RM8 bilion akan sampai RM10 bilion? Kalau begitu, inilah *one of the biggest privatization disasters in the country* dan kita mahu tahu, kenapa sampai sekarang, selepas 2001 dalam lima tahun ini berapa, saya tidak ada dalam Parlimen, saya tidak tahu apa permohonan ada dibuat untuk tambah lagi provisi-provisi ini. Sekarang RM1 bilion. Sampai sekarang berapa? Kenapa sekarang *endless*? Nampaknya tidak berhenti untuk curah wang sahaja untuk menyelamatkan PUTRA dan STAR dan saya rasa inilah apa..

Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu kenapa dalam pembinaan LRT1 dan LRT2 oleh STAR dan PUTRA *per kilometer cost* begitu mahal dan lebih mahal *per kilometer cost* apabila berbanding dengan Singapore MRT dan LRT. Apabila dibanding dengan Singapura, MRT dan LRT kita lebih mahal sungguhpun topografi mereka ialah *elevation* dan *tunnel* lebih rumit. Nampaknya dalam Malaysia bukan sahaja *cost of business* sangat tinggi, boleh dapat *profit* juga nampaknya lebih tinggi, khasnya dari segi penswastaan. Dan siapa untung? UMNO untung! Renong, UEM ialah *concessionaire* untuk LRT2. Mereka untung! Ahli-ahli Parlimen di sini untung oleh kerana dapat *donation* daripada UEM melalui penswastaan.

Akhirnya inilah subsidi. Subsidi rakyat diberi kepada UMNO, kepada Barisan Nasional. Bukankah ini satu perkara yang tidak patut diteruskan bahawa satu sistem penswastaan yang efisien dan menjadi satu iktibar ialah ada perkara-perkara, ada subjek-subjek yang tidak boleh diswastakan. *Public utility* tidak boleh diswastakan oleh kerana ini perlu menjadi satu tanggungjawab kerajaan, oleh kerana dalam perkara ini cuba menswastakan, akhirnya harga lebih tinggi kepada rakyat dan untung ialah kepada *all the UMNO Putra*, dan syarikat UMNO sahaja.

Saya harap kalau kita mahu satu *new page* di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, bahawa tidak ada lagi penswastaan semacam ini. Kita ada dapat tahu bahawa ada jenis baru mengenai penswastaan, kita harap bahawa salah guna, *all the abuses will stop* dan kalau kita mahu memastikan semua *abuses* ini tidak berlaku, kita perlu *full clear story* mengenai PUTRA, STAR, KL Monorel, *all the abuses* dan kenapa kita perlu *bail them out* dan rakyat perlu bayar. Kita mahu tahu sekarang *what is the total cost? What is the total billing...*, RM8 bilion, RM9 bilion? Dan berapa lagi kita perlu bayar untuk STAR dan PUTRA dan KL Monorel? Sampai mana..., sampai bila? RM10 bilion, RM20 bilion?

Saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi jawapan yang tepat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri sila.

**5.18 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bagan, Yang Berhormat bagi Kepong dan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor yang menimbulkan isu-isu mengenai peruntukan yang diberikan oleh kerajaan untuk Syarikat Prasarana Negara dan juga untuk Syarikat Cyberview Sdn. Bhd.

Saya ingin memaklumkan bahawa peruntukan RM1 bilion yang dibuat berhubung dengan perkara ini untuk Syarikat Prasarana Negara pada kali ini sebenarnya ialah untuk tujuan membeli kenderaan-kenderaan bas dan juga untuk menaik taraf sistem bas dan rel negara.

Saya ingin baca umpamanya pembelian bas sebanyak 82 unit CKD sebanyak RM10 juta, pembelian 120 unit CBU bas RM40 juta, pembelian 120 unit CKD RM50 juta pada tarikh-tarikh yang berlainan, tidak sekali gus dan 146 unit CKD sebanyak RM144 juta, 280 unit CBU RM112 juta, 400 unit CKD bas RM180 juta, pembaikan sistem tiket RM20 juta, membaiki *infra* lain, bas dan rel RM60 juta, projek *fiber optic network* LRT sebanyak RM4 juta.

Jadi daripada RM1 bilion ini sebenarnya, RM520 juta diperuntukkan untuk yang saya sebut tadi, bas-bas. Baki sebanyak RM480 juta masih peringkat kajian. sebenarnya tentang projek-projek untuk meningkatkan infrastruktur dan penambahan laluan baru, bermakna tidak ada keputusan muktamad bagi yang akan dibuat. Jadi bermakna RM1 bilion ini sebenarnya ditumpukan kepada projek-projek yang saya sebutkan tadi walaupun peruntukan ini diberi untuk tahun 2005, tetapi perbelanjaannya agak *staggered*. Jadi saya harap jelas fasal RM1 bilion, tidak perlu bimbang yang lain-lain.

Mengenai Cyberview ini, peruntukan yang diberikan adalah sebanyak RM683 juta. Di antara perbelanjaan-perbelanjaan besar, ini merupakan *injection* modal ke Cyberview supaya Cyberview dapat menggunakan wang ini untuk berbelanja, menaik taraf infrastruktur dan pembangunan-pembangunan di Cyberjaya. Memang saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kepong, kita tidak mengatakan bahawa kita sudah elok, bukan kita mengatakan kita sudah berjaya sepenuhnya di Cyberjaya. Sebab itu kita perlu kepada peningkatan, perbelanjaan untuk membuat infrastruktur-infrastruktur tambahan supaya usaha kita untuk memajukan Cyberjaya ini dapat diteruskan supaya satu hari nanti kita akan betul-betul berpuas hati dengan kejayaan kita di sana. Saya ingin....

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** [Bangun]

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Tunggulah dahulu, saya tidak habis jawab lagi. Saya baru bagi mukadimah. Yang itu pun Yang Berhormat bagi Kepong hendak jawab? Mukadimah saya pun hendak jawab? Jadi belanja yang diperuntukkan di antara *item-item* besar dengan izin, ialah pembayaran pampasan tanah sebab Cyberview pun dia kena bayar tanah sebanyak RM105.57 juta. Pelaksanaan kemudahan awam dan pembangunan yang terpilih sebanyak RM141 juta, pembinaan kelab komuniti dan rekreasi supaya ada daya tarikan untuk orang duduk di Cyberview ini Yang Berhormat bagi Kepong, bukan di Kepong sahaja kita kena ada, di sana pun ada juga, RM18 juta, tidak banyak. Pembayaran balik pinjaman bank pembangunan dan industri yang dipinjamnya dahulu untuk pembiayaan di peringkat awalan dahulu sebanyak RM302 juta, pembinaan pusat pengajian dan latihan sebanyak RM82 juta jadi jumlahnya ialah RM650 juta, kontijensinya ialah RM33 juta jadi belanjanya ialah sebanyak RM683 juta. Jadi tentang.....

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, bagi Kepong.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Ya, okey Yang Berhormat bagi Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Kita perlu prasarana, kita perlu memastikan Cyberjaya ini memang jaya. Cyberview ini dia memang hartanah sahaja nampaknya. Hartanah sahaja, bilakah kita hendak berkecimpung benar-benar ke dalam ITnya. ITC kita, bilakah? Kalau peruntukan untuk memajukan ICT, saya pun..., oh, ini memang satu usaha yang serius! Akan tetapi setakat prasarana sahaja, entahlah berapa tahun, lebih satu dekad. Bilakah kita hendak berkecimpung di dalam IT itu? Ini memang satu soalan yang serius. Jangan merajuk, jangan melatah. Melatah mulut tidak baik.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Saya tidak pernah merajuk Yang Berhormat bagi Kepong. Yang, Yang Berhormat bagi Kepong ini suka memasukkan perkataan dalam mulut orang ini apa fasal? Setakat doktor kulit cukuplah periksa kulit, jangan periksa mulut, kalau dah hendak jadi *dentist*... [Ketawa] Yang Berhormat bagi Kepong, saya harap Yang Berhormat mempunyai peluang sebab saya secara ikhlas antara Yang Berhormat bagi Kepong dan Yang Berhormat bagi Bachok dan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, memanglah saya Timbalan Menteri Kewangan, peruntukan-peruntukan ini datang daripada Kementerian Kewangan dan percayalah peruntukan ini tidak diberi oleh Kementerian Kewangan kerana, Kementerian Kewangan sengaja memberinya. Ianya merupakan permohonan daripada kementerian-kementerian yang menjalankan tugas dan tanggungjawab berhubung dengan perkara-perkara ini, pembangunan, ICT, infrastrukturnya.

Jadi saya rasa seeloknya soalan-soalan yang lebih berbentuk pembangunan di sana mungkin boleh tanya kementerian nanti apabila dia ada jawatankuasa ini. Yang Berhormat bagi Kepong silakan. Saya akan bagi dari segi peruntukan, tetapi dari segi pembangunannya lebih afdal dengan izin.

Kementerian-kementerian berhubung dengan pembangunan industri ICT dan sebagainya akan turut menjawab. Jadi saya tidak hendak berlakon sebagai saya ini yang paling mengetahui dalam hal ini. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Saya bersetuju dan menerima pendekatan itu sebab itu saya mahu tanya, saya mahu *detail* pengangkutan dan lain-lain tetapi soalan saya, apa angka sekarang, total jumlah bayaran atau perbelanjaan yang dibuat oleh kerajaan, STAR, Putra sistem LRT dan berapa lagi yang perlu ditanggungkan.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Sebenarnya saya lepas hendak berhujah dengan Yang Berhormat bagi Kepong hendak talakan menjawab soalan Yang Berhormat tadi, jadi ingatkan Yang Berhormat ada soalan tambahan mengenai Cyberjaya.

Mengenai perbelanjaan Star dan Putra ini, saya minta maaf, mungkin jawapan yang saya hendak bagi ini mungkin tidak termasuk setiap sennyanya. Ini mungkin oleh kerana soalan yang baru ditimbulkan, dan kalau perlu saya balik *check* nanti, kalau perlu maklumat tambahan saya akan hantar kepada Yang Berhormat tetapi setakat ini yang saya tahu kos pengambilalihan Putra LRT adalah sebanyak RM5.248 juta dan kos Star LRT adalah sebanyak RM3 bilion jadi RM8 bilion. Ini mungkin tambah sini sana saya tidak tahu, ini yang besarnya. Soal monorel, sebenarnya kita bagi pinjaman *soft loan* sebanyak RM600 juta.. Jadi ini yang besarnya saya rasa ini yang mencakupi kebanyakannya, yang kecil-kecil saya tidak boleh hendak bagi tahulah. Saya harap Yang Berhormat faham. Oleh kerana bertanya keadaan spontan, saya jawab dengan spontan yang saya tahu.

Jadi soalnya ialah berapa banyakkah lagi yang kita perlu bagi dalam jangka masa hadapan, saya sendiri pun tidak boleh hendak bagi tahu. Kita harapkan dengan pemberian-pemberian ini dengan peningkatan ini, maka perbelanjaan kerajaan di masa akan datang, tidak besarlah. Kalau ada penambahan-penambahan pun diharapkan, yang besar-besar itu sudah pun diambil kira.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Terima kasih, dengan RM1 bilion hari yang dimohon, dekat RM10 bilion, sudah tentu ada satu kajian mengenai *where do we go from here, co-buddies*, atau adakah kita ini satu *bottomless speak*, apa itu keadaan?

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Saya yakin bahawa kita kerajaan memandang berat dengan sejumlah yang begitu besar dan akan membuat kajian-kajian. sebab itulah kita lihat bahawa perbelanjaan tambahan ini tidak semestinya di buat dengan sewenang-wenangnya. Yang RM1 bilion tambahan tadi pun yang peruntukan yang sudah kenal pasti tadi saya baca dalam lebih kurang RM500 lebih. RM400 ini belum lagi dikenal pasti dan kita akan memastikan setiap perbelanjaan ini nanti adalah betul-betul yang diperlukan.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Penjelasan. Berkenaan dengan pertanyaan ekuiti iaitu pegangan syarikat Star dan LRT adakah Yang Berhormat tadi ada kata sudah diambil alih bermakna bahawa kerajaan memegang 100% ekuiti dalam kedua-dua badan ini. Tadi saya ada meminta ada membuat rayuan supaya kerajaan mengambil pengalaman ini supaya tidak berulang lagi bebanan kerajaan dalam melaksanakan monorel di Pulau Pinang. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya?

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Ya Yang Berhormat sebenarnya setuju ataupun betullah seperti jangkaan Yang Berhormat bahawa sekarang ini kerajaan memiliki 100% syarikat-syarikat ini dan juga dibentuk sebuah syarikat RapidKL untuk mengendalikan *to operate* sistem ini. ini juga merupakan syarikat pengendalian yang dimiliki 100% oleh kerajaan. Saya rasa kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi begitu peka dan prihatin.

Kita lihat bagaimana sejak beliau lagi mengambil alih jawatan Perdana Menteri ini, sudah beberapa kali menyebut bahawa pembangunan di negara kita ini mungkin tidak tertumpu pada projek-projek besar seperti mana yang kita lihat hari ini menimbulkan banyak masalah yang seharusnya dikendalikan oleh syarikat swasta akhirnya tidak mampu oleh pelbagai sebab mungkin satunya saya rasa ialah dari segi jangkaan penunggangnya, *riders* nya dengan izin, tidak mencukupi. Jadi ini bermakna kalau hendak meningkatkan *revenue* hasilnya ataupun tambangnya mestilah ditingkatkan dengan begitu banyak yang pula mungkin tidak dapat diterima atas kepentingan awam.

Jadi saya rasa pengalaman ini sudah tentu akan diguna dan dipastikan supaya pengalaman di Penang nanti tidak mengikut model ini kerana kalau tidak saya rasa malang sekalilah kalau apa yang akan dilakukan di Penang ini juga akan melalui nasib yang sama. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah habiskah? Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM8,560,512,593 untuk Maksud B.12 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM8,560,512,593 untuk Maksud B.12 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM2,263,728,500 untuk Maksud P.10 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2005 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM2,263,728,500 untuk Maksud P.10 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2005.

#### **Maksud B.13 [Jadual] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kepala Bekalan B.13 di bawah Kementerian Luar Negeri terbuka untuk dibahas. Tumpat.

#### **5.33 ptg.**

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Maksud B.13 Kementerian Luar Negeri yang disebutkan di sini antara kenapa perlu permohonan pembiayaan tambahan daripada kita di Parlimen ini ialah salah satu puncanya membiayai kenaikan kadar pertukaran asing. Tak apalah kita terimalah bermakna ini pengakuan awal pertama kali secara bertulis di Parlimen ini bahawa sebenarnya nilai ringgit kita sekurang-kurangnya pada tahun 2005 dahulu adalah menurun dan oleh sebab itu kita terpaksa menambah perbelanjaan untuk menanggung kekurangan, penurunan kadar ringgit kita di masa yang lalu.

Sekarang ini berbanding dengan dolar Amerika dan beberapa mata wang lain ringgit nampaknya naik sepertilah Dolar Singapura naik, dan Won Korean naik dan sebagainya dan Yen Jepun naik. Jadi saya harap bahawa kita ingin melihat Kementerian Luar Negeri melaporkan kekurangan belanja kerana kekuatan Ringgit Malaysia dan penjimatan akan kita laporkan ke Parlimen ini dan ini akan menguntungkan kita sebagai negara.

Keduanya Tuan Pengerusi ialah bahawa dengan perbelanjaan yang meningkat untuk perwakilan-perwakilan kita di luar negara ini kita mengharapkan agar kedutaan-kedutaan kita memainkan peranan yang lebih penting dan lebih berkesan dalam menjalankan tugas-tugas mereka untuk mengetengahkan kepentingan negara dan juga mengetengahkan nilai-nilai negara kita tentang keadilan, tentang keamanan, tentang perpaduan, tentang kerjasama ekonomi, tentang *prosper thy neighbour* dan sebagainya yang merupakan teras dasar luar negara kita.

[Tuan Pengerusi *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Akan tetapi malangnya hakikatnya ialah bahawa kita semakin hari semakin lemah peranan kita dalam medan antarabangsa. Contoh yang sudah tentu terdekat ialah dalam hubungan kita dengan Singapura. Kita mempunyai rekod terakhir ini yang sangat-sangat memalukan kegagalan kita berunding dengan cara yang baik dengan Singapura ini amat memalukan dalam waktu kita kononnya mempunyai hubungan yang begitu akrab dengan Singapura dengan keadaan di mana pemimpin-pemimpin kita mengadakan pertandingan-pertandingan golf secara bersahabat dengan Singapura tetapi akhirnya hubungan kita dengan Singapura nampaknya tidak seindah sebagaimana digambarkan dengan permainan golf yang diadakan beberapa kali antara Perdana Menteri kita dengan mereka, Menteri Luar kita dengan mereka, pegawai-pegawai kita dengan mereka, di padang-padang golf di Malaysia dan juga nampaknya di Singapura.

Jadi kita amat sedih bahawa perbelanjaan yang lebih ini tidak memberikan kepada kita pulangan dari segi kepentingan negara kita setimpal dengan peningkatan perbelanjaan yang kita terpaksa luluskan di sidang Parlimen ini. Begitu juga Tuan Pengerusi dalam isu-isu antarabangsa yang lain, isu Palestin misalnya dengan kerajaan Hamas ini di mana kerajaan Malaysia tidak langsung memainkan peranan kita sebagai sebuah negara yang bebas, peranan kita sebagai Pengerusi OIC, peranan kita sebagai Pengerusi NAM untuk memimpin suatu kempen di peringkat antarabangsa supaya keadilan dan pengiktirafan diberikan kepada kerajaan Palestin yang dimenangi oleh parti Hamas dalam pilihan raya yang diakui oleh seluruh dunia oleh pemantau-pemantau Amerika, pemantau-pemantau Eropah bahawa pilihan raya itu diadakan dengan aman dengan adil tidak ada penipuan.

Itulah kesimpulannya Hamas menang dengan cara yang demokratik tetapi kita cukup lemah dan tidak memainkan peranan kita sebagai Pengerusi OIC sebagai Pengerusi Hamas untuk memastikan bahawa kerajaan Palestin yang ada hari ini tidak diperlakukan sedemikian rupa baik oleh Israel, baik oleh Amerika, baik oleh Eropah. Malah kita membenarkan Israel misalnya menyekat wang cukai yang seharusnya hak kepada Palestin bernilai sekitar USD100 juta tiap-tiap bulan ditahan oleh Amerika Syarikat. Seolah-olah kita mengiakn kelakuan Israel itu yang meniru keadaan yang dilakukan oleh Barisan Nasional apabila ianya menyekat wang royalti Petronas kepada Terengganu apabila Terengganu dimenangi oleh parti yang bukan Barisan Nasional.

Ini saya fikir suatu kelemahan kita, suatu kerendahan moral kita di dalam negara di luar negara dalam isu-isu antarabangsa. Begitu juga dalam perkembangan mutakhir ini Tuan Pengerusi, kejadian di Darfur di Sudan di mana pembunuhan yang berlaku peperangan yang berlaku yang kalau kita tonton BBC atau CNN dan sebagainya yang memainkan peranannya Amerika Syarikat yang menghantar Timbalan Setiausaha Negaranya yang memainkan peranannya ialah Britain yang menghantar menteri-menterinya untuk cuba menyelesaikan masalah yang berlaku di sebuah negara Islam yang mempunyai penduduk Islam yang hari ini pemimpin-pemimpin dunia bersidang di Abuja di Nigeria kita tidak ada apa-apa peranan. Kita di Kingstanlah, di Kingstonlah dan sebagainya dan tidak ada apa pun peranan kita dalam isu di Sudan di Darfur hari ini. Jadi ini Tuan Pengerusi adalah amat memalukan amat membimbangkan dan saya fikir wang yang akan kita luluskan ini tidak merupakan suatu yang memberikan keuntungan kepada negara kita malah adalah wang yang kita belanjakan agak sia-sia sahaja. Tuan Pengerusi terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Tuanan

**5.40 ptg.**

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan bagi Maksud B.13 – Kementerian Luar Negeri, Butiran 020000 – Hubungan Dua Hala dan Perancangan Dasar.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini diumumkan bahawa Kerajaan Filipina akhirnya berminat untuk menubuhkan konsulat di negeri Sabah. Bagi rakyat Malaysia di Sabah, itu satu berita yang amat baik dan memberikan satu pengharapan yang baru.

Sebagaimana yang kita tahu bahawa masalah kebanjiran pendatang tanpa izin Filipina di negeri Sabah dan juga masalah-masalah penculikan, masalah-masalah *piracy* di persekitaran Pantai Timur Sabah sudah sekian lama berlaku.

Oleh sebab itu, kita amat mengharapkan pihak kerajaan dapat memperhebatkan lagi perundingan dan perbincangan di antara Malaysia dengan Filipina sehingga kita dapat mewujudkan konsulat di negeri Sabah.

Kita memang sedar bahawa masalah yang dihadapi ialah Kerajaan Filipina ini masih lagi menuntut, mula menggugurkan tuntutan ke arah negeri Sabah dan ini adalah merupakan satu penghalang kepada persetujuan Kerajaan Filipina untuk mendirikan konsulat di negeri Sabah. Walau bagaimanapun, apabila kita lihat peranan Malaysia dalam soal perwujudan suasana perdamaian di Mindanao, sebagai contoh, kita lihat bahawa sebenarnya Kerajaan Malaysia memainkan peranan di situ. Kita mewujudkan sebagai orang tengah di antara pihak-pihak yang bertelingkah di antara pergerakan MILF, sebagai contoh di Filipina dan Kerajaan Filipina tetapi dalam proses itu seolah-olah perkara pokok yang kita hendakkan dalam soal kedaulatan Malaysia ini kadang-kadang kita lihat terlupa pula oleh pihak Kerajaan Malaysia itu sendiri.

Sudah sekian lama kita memainkan peranan untuk mewujudkan kedamaian di Selatan Filipina tetapi dalam soal kedaulatan ini, sesebuah negara seperti Filipina di mana mempunyai rakyat yang begitu ramai di negeri Sabah. Agak aneh bagi mereka untuk tidak mendirikan konsulat. Bagi Republik Indonesia sudah sekian lama mewujudkan konsulat di Kota Kinabalu dan dengan itu kita dapat mengurus banyak persoalan tentang rakyat Indonesia di negeri Sabah, termasuklah apabila tibanya Pilihan Raya Indonesia, rakyat Indonesia di negeri Sabah juga boleh mengundi dan sebagainya tetapi apabila kita menghadapi masalah di negeri Sabah, kita mempunyai masalah pelarian yang dikatakan lebih 61,000 di negeri Sabah. Itu satu.

Dan, kalau kita lihat dalam akhbar-akhbar di negeri Sabah, hampir setiap hari Mahkamah Tinggi, Mahkamah Majistret dan sebagainya di Kota Kinabalu mengeluarkan laporan-laporan tentang rakyat Filipina yang telah dijatuhkan hukuman dengan pelbagai kesalahan tentang sabunya, tentang pelbagai kes-kes jenayah dan sebagainya. Dan, kadang-kadang kita merasakan bahawa apakah orang-orang Filipina ini dengan sewenang-wenangnya duduk di Sabah tanpa dokumen dan sebagainya. Banyak persoalan-persoalan timbul dalam pemikiran kita.

Yang paling parah sekarang ini...

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** [Bangun]

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Silakan.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Tuaran, adakah dengan tertubuhnya pejabat konsulat di Sabah bagi menguruskan warganegara Filipina, ianya dapat menyelesaikan masalah pendatang haram dari Filipina. Kalau tidak, kenapa ia ditubuhkan. Kalau ya, bagaimana ia dapat?

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Tentu sekali ia dapat membantu. Sekarang ini, oleh kerana tidak ada konsulat apabila nanti orang-orang Filipina ini memerlukan dokumen, dia akan datang ke Kuala Lumpur dan sebagainya untuk cap dokumennya untuk membuat pasport dan sebagainya. Pada hari ini, lebih kurang 100, hampir 200 anak pelarian ini, anak Filipina ini yang tinggal di Pusat Tahanan di Menggatal, dia sendiri pun tidak mengaku ini rakyatnya, dan Kerajaan Malaysia tidak menyatakan ini rakyat kami.

Oleh sebab tidak ada konsulat, kita hendak tanya kepada siapa. Dan, kalau di panggil pegawai, kita tidak boleh menyatakan bahawa ini pegawai-pegawai daripada Kedutaan Filipina datang ke Sabah, tengok. Kita tidak boleh buat begitu. Sebab itu amat penting, amat kritikal.

Dan pada suatu ketika dahulu ada ura-ura menyatakan dia bersetuju untuk membuat konsulat di Labuan sebab Labuan ini dikatakan tidak sebahagian daripada tanah yang dituntutnya tetapi apabila kita menerangkan boleh atau tidak baru-baru ini kita keluar di akhbar-akhbar tempatan negeri Sabah memberikan kita harapan.

Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, apakah sebenarnya selama ini, apakah langkah-langkah dan tindakan-tindakan yang telah diambil untuk menuju ke arah itu sama ada dari segi diplomasi.

Kita menyatakan bahawa kita ini sama-sama dalam Asian. Kenapa hal-hal seperti ini kita tidak dapat selesaikan? Sebenarnya apabila kes Ligitan dan Sipadan di bawa ke ICJ tempoh hari dan bila Malaysia memenangi kes ini, di mana Kerajaan Filipina juga datang, menuntut dan apabila dia kalah sebenarnya ia sudah tidak ada kes. Tuntutan Filipina ke atas negeri Sabah sebenarnya sudah habis, sudah hancur sebab mahkamah sudah membuat keputusan.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** *[Bangun]*

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Ya, silakan Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih, sahabat saya, Yang Berhormat bagi Tuaran. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Tuaran, soal tuntutan ini amat kritikal sekali, Tuan Pengerusi. Yang setahu saya, anak-anak keturunan Sultan Kiram, Sultan Sulu ini, sebahagian daripada golongan keluarga itu masih lagi menuntut negeri Sabah, dan orang yang saya sebutkan di sini duduk di kawasan saya dan saya pernah bercerita dengan golongan-golongan ini, maka tuntutan itu masih lagi wujud dan dipercayai Kerajaan Malaysia masih lagi membayar sejumlah wang kepada keluarga-keluarga ini. Jadi, bagaimana pula pendapat Yang Berhormat bagi Tuaran yang Kerajaan Filipina ini sudah tidak lagi berminat dengan negeri Sabah ini. Minta penjelasan sedikit.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila tamatkan.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat bagi Putatan. Inilah perkara-perkara yang menghairankan sebab orang yang menuntut ini dia keluar masuk di Lapangan Terbang Kota Kinabalu dan dia tinggal di kawasan Yang Berhormat bagi Putatan. Dia *tourist* dan dia boleh menyatakan, "*Kami menuntut Sabah ini sebahagian daripada wilayah kepada Filipina.*" Dan, kadang-kadang kita menyatakan apakah tindakan terhadap orang-orang yang membuat tuntutan ini, itu ya menghairankan.

Dan, apabila baru-baru ini apabila berita itu keluar, maka kita menaruhkan harapan, pada masa yang sama kita memikirkan apa pula tindakan Kerajaan Malaysia terhadap orang yang menuntut ini sebab dahulu pun dia bekerja di Yayasan Sabah. Orang duduk di negeri Sabah dan dia boleh menuntut dan sebagainya. Jadi, Tuan Pengerusi saya mohon penjelasan daripada pihak kerajaan apakah langkah-langkah yang sedang diambil. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Gerik.

**5.48 ptg.**

**Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tidak ada masalah untuk menyokong permohonan tambahan bekalan RM77,500,000 tetapi inginkan penjelasan saya daripada pihak kerajaan mengenai kedudukan ataupun status seorang Ahli Parlimen apabila mereka berada di luar negara. Ini rasanya tidak timbul kalau mereka ini mengikuti rombongan Menteri, Timbalan Menteri, Yang di-Pertua Dewan Rakyat atau Timbalannya, tetapi kalau mereka bersendirian kedudukannya agak berbeza. Saya ingin mengambil dua contoh yang pernah menimpa, peristiwa pahit manis yang dialami oleh Ahli Parlimen kita dan diharapkan perkara begini tidak lagi berulang pada Ahli-ahli Parlimen yang lain.

Peristiwa yang pertamanya ialah seorang Ahli Parlimen yang mendapat berita yang manis, iaitu mewakili seorang Menteri ke suatu acara rasmi kerana di saat-saat akhirnya Menteri ini tidak dapat ke sana.

Dan, segala urusan perbelanjaan dan sebagainya sudah pun diuruskan, dihantar ke kedutaan, di Canberra, saya sebutkan melalui Wisma Putra. Namun begitu, apabila Ahli Parlimen ini tiba di sana dengan seorang pembantu ataupun pegawai kementerian, beliau menunggu dan menunggu dan akhirnya mengambil teksi sendiri ke hotel.

Begitu jugalah apabila dihubungi pejabat kedutaan katanya kereta tidak ada untuk Ahli Parlimen itu dan pemandunya bercuti dan carilah kereta sendiri. Ahli Parlimen ini bertanya sama ada hendak menyewa dan memang menyewa sama dengan pemandu dan barangkali dia hendak menjimatkan wang kerajaan, kalau sewa dengan pemandu 70 *Australian Dollar* satu jam dan kalau bersendirian bawa maka 70 *Australian Dollar* sehari.

Dipilihlah barangkali hendak menjadi suatu *adventure* Ahli Parlimen ini menyewa sendiri, pemandu sendiri dan dengan seorang pembantu. Masalahnya dia sini dan juga ditanya bolehkah mereka berdua ini pergi untuk berkunjung hormat kepada kedutaan ini. Dutanya tidak ada, tetapi timbalannya ada. Namun begitu permintaannya juga tidak dilayan. Masalahnya di sini seorang Ahli Parlimen mewakili menterinya berada di luar negara, memandu sendiri, tidak berbeza kalau kita kembali ke bahagian-bahagian kita, kawasan kita tentulah kita rasa enak dan senang hati memandu sendiri tetapi di luar negara agaknya berbeza.

Kemudian peristiwa kedua ialah dalam suatu mesyuarat iaitu Persidangan Ahli-ahli Parlimen OIC, negara-negara OIC di Istanbul, di mana dua orang Ahli Parlimen dan seorang Senator kita dihantar ke sana dan di sana tidak ada masalah kenderaan kerana urus setianya agak cekap menerima mereka sebagai VIP. Namun begitu dalam mesyuarat majlis ataupun persidangan negara-negara OIC ini dan negara-negara sebanyak 30 buah negara, mempunyai bersama-sama mereka ialah duta-duta mereka ataupun setidak-tidaknya pegawai-pegawai kanan mereka.

Akan tetapi apa yang berlaku kepada Ahli Parlimen kita dari Malaysia ini tidak ada siapa pun yang bersama mereka sama ada duta mereka iaitu duta daripada Malaysia yang berada di Ankara kerana persidangan berlangsung di Istanbul, katanya agak jauh tetapi kita bertanya bagaimana Indonesia sepenuh masa Pak Dutanya bersama-sama dengan Ahli Parlimen mereka itu ataupun perwakilan mereka. Begitu juga tidak ada langsung pegawai yang menjaga mereka. Kalau makan pergi sendirilah. Kenderaan untuk ke mana-mana sendirilah kecuali daripada *airport* ke hotel dan sebagainya.

Pertanyaan saya di sini, di mana kedudukan Ahli Parlimen ini di luar negara, status mereka apabila bersendirian tidak bersama dengan menteri tentunya berbeza dia punya layanan atau bersama dengan Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat kalau mereka bersendirian walau pun mewakili menteri tetapi mereka dianggap sebagai..., maaflah barangkali *second class citizen*, maksud saya.

**Tuan Pengerusi:** Ayer hitam.

#### 5.54 ptg

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Secara ringkas, saya ingin terus ke butiran 03000 mengenai perhubungan pelbagai hala. Di sini ada dua perkara yang ingin saya bangkitkan di sini.

Yang pertama, kita sedar bahawa Pejabat Perwakilan Tetap PBB yang terletaknya di New York ini memainkan satu peranan yang agak penting untuk kita menjalin hubungan dengan berbagai-bagai negara tetapi dalam konteks ini ingin saya membangkitkan kepada pihak Wisma Putra bahawa bangunan itu sampai sekarang tidak ada CF. Bangunan itu tidak selamat digunakan apatah lagi dikunjungi oleh diplomat daripada negara lain.

Itu suatu perkara yang agak serius tidak mendapat CFO dan malahan ia boleh apabila hujan turun dengan lebatnya nampaknya bahagian *basement* nya akan ditenggelami oleh air. Saya rasa ini bukan satu imej sebagai negara yang akan mengorak langkah ke Wawasan 2020 dan saya rasa kita tidak boleh tunggu sampai bila kita hendak tunggu, kalau bangunan tidak ada CF, kita kena memberi spesifikasi dan keselamatan yang telah ditentukan oleh negara itu. Kalau tidak sampai tua pun kita akan menduduki satu bangunan yang tidak selamat digunakan.

Saya merayu sanglah kepada Wisma Putra mintalah dengan *Treasury*, dengan Perbendaharaan supaya perkara ini disegerakan kerana tempat itulah untuk kita menjalin hubungan pelbagai hala dengan negara lain dan pelbagai perbincangan itu turut diadakan di situ termasuklah perjumpaan.

Sekiranya tempat itu tidak boleh digunakan misalan untuk *banquet* dan jamuan atau sebagainya, kita terpaksa menyewa hotel yang begitu mahal sekali. Saya rasa demi menjimatkan kewangan negara kita, kita perlu melakukan sesuatu.

Yang keduanya, masih lagi mengenai peranan yang dimainkan oleh perwakilan tetap di PBB. Saya rasa kita perlu meminta bantuan daripada AG ataupun Jabatan Peguam Negara untuk menghantar lebih ramai wakil yang merupakan peguam yang arif dalam kontrak dan apa juga perjanjian yang sedang dibincangkan di peringkat PBB.

Saya amat khuatir apabila kita nampak jawatankuasa yang mengadakan perbincangan sama ada mengenai *maritime* ataupun apa undang-undang secara spesifik, saya dapati kita tidak menghantar wakil.

Kita ada seorang yang dikatakan duduk di situ tiga bulan dan seorang itu secara giliran, *rotate* selama dua minggu di sana, saya rasa kalaulah wakil-wakil daripada AG mereka pergi ke sana dua minggu, mereka tidak dapat memainkan peranan apa-apa. Mereka kenalah duduk dalam perbincangan Kumpulan G77 dan mereka melihat dengan sendiri apakah inti sari yang dibincangkan. Kalau tidak, kita pergi ke sana tidak dapat membantu Malaysia mencapai *advantage* yang kita minta.

Saya raya perkara ini harus dititikberatkan dan kita mintalah jasa baik dan pertolongan daripada *AG Chambers*. Kalau tidak, saya rasa ia akan merugikan negara apatah lagi dalam dunia kita membincangkan FTA. Saya rasa pelbagai perkara telah dibincangkan dan saya minta kerjasama daripada pihak Wisma Putra supaya perkara ini dapat diberi perhatian. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ipoh Barat.

**5.56 ptg**

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil mengenai keahlian Malaysia anggota *International Court Judge* atau Mahkamah Jenayah Antarabangsa. Beberapa kali saya telah bangkitkan perkara ini dan tahun dahulu apabila saya bangkitkan pada bulan 14 November, Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa *Rome Statute* masih dalam penelitian dan diberitahu bahawa 75% dari kandungan *Rome Statute* itu telah dibaca dan kemungkinan besar bahawa pertengahan tahun ini jawatankuasa yang spesifik yang telah ditubuhkan untuk meneliti *Rome Statute* itu akan membuat suatu keputusan muktamad dan kerajaan akan menjadi suatu anggota Mahkamah Jenayah Antarabangsa.

Tahun dahulu juga Presiden Mahkamah Jenayah Antarabangsa, Hakim Philip Christ telah datang dan memberi penerangan ke Wisma Putra dan peguam-peguam yang berkaitan. Saya hendak tahu apakah perkembangan terkini mengenai perkara tersebut dan pendirian kita dan bilakah negara kita akan menjadi ahli Mahkamah Jenayah Antarabangsa ini.

Selain dari Tuan Pengerusi, saya juga ingin tahu apakah penglibatan Malaysia dalam peperangan persaudaraan yang sedang berlaku di Sri Lanka. Dalam hal ini saya ingin membangkitkan seorang Ahli Parlimen juga dari Sri Lanka bernama Joseph Parera Singam yang telah datang pada bulan November tahun dahulu untuk berjumpa saya dan berada di sini tetapi tiga bulan dahulu dia telah ditembak mati di dalam perang persaudaraan ini.

Saya ingin petik satu apa yang dikatakan di Sri Lanka, Tuan Pengerusi. Saya petikkan dengan izin "*What happens in Trincomalee now is only a continuation of the state terrorism that began 50 years ago. Now it does become customary and for the law enforcement arms of Sri Lanka's government to openly assist and joint the Sinhala nationalist tasks in violent against Tamil*".

Ini adalah suatu perkara yang saya berasa kerajaan Malaysia boleh terlibat untuk mengatasi masalah yang terjadi di Sri Lanka. Sri Lanka bukan satu negara yang unik seperti Malaysia tetapi beza sedikit Tuan Pengerusi. Beza di antaranya ialah sebelum penjajahan Inggeris, dia ada dua *territory*, satu yang dikuasai oleh masyarakat Tamil di sana dan satu lagi oleh Singhala.

Oleh kerana kerajaan Inggeris ingin membawa satu *administration* dan yang senang, mereka telah menggabungkan kedua-dua pihak itu dalam satu kerajaan dan satu negeri tetapi ini tidak dapat diterima oleh masyarakat di sana. Masyarakat Tamil lebih kurang 20% di negara tersebut dan baru-baru ini berlaku peperangan saudara lebih kurang 300 orang lebih telah dibunuh. Saya difahamkan hari ini lima orang telah terbunuh di Jafna dan ini berlarutan. Saya harap kerajaan dapat memberi timbang rasa dan terlibat dalam membawa penjelasan dalam hal ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Kepong.

**6.00 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak mengetahui pembiayaan RM60 juta ini untuk kenaikan kadar pertukaran asing dan nilai Ringgit Malaysia itu sudah meningkat sedikit. Kalau Ringgit Malaysia meningkat bermakna pertukaran asing pun tidak merugikan Malaysia sangat dan seterusnya peningkatan kadar sewa pejabat dan kediaman di perwakilan, kos perkhidmatan dan kenaikan taraf utiliti di luar negara. Bolehkah disebutkan bilangan perwakilan di kedutaan kita yang terlibat dengan kenaikan sewaan pejabat dan kediaman dan juga perkhidmatan dan kenaikan tarif utiliti dan sekurang-kurangnya secara ringkas kita tahu di manakah kita hendak menambah peruntukan kita untuk maksud tersebut.

Kemudian dengan keadaan yang lebih selesa kepada kedutaan kita, maka kita hendak mengetahui di dalam dasar luar kita untuk mewujudkan hubungan yang baik, harmoni dengan jiran kita, dengan negara-negara yang lain, apakah selepas kita menamatkan projek 'jambatan yang kurang indah' itu, apakah usaha untuk memulihkan keadaan hubungan di antara Malaysia dengan Singapura. Ini memang penting kerana bukan sahaja kita di sini kluatir dengan bayaran lebih RM100 juta untuk kontraktor yang menunggu satu tahun setengah dan kita terpaksa membayar RM100 juta ini kita rugi, dan kemudian apakah pendapat pihak Singapura mengenai dengan keputusan yang kita belum tahu lagi? Maklumlah kita tidak mahulah kita memalukan maruah kita, kedaulatan kita (*sovereignty*) dan sebagainya yang kita mesti mempertahankan di samping Singapura mempertahankan kepentingan mereka. Walau bagaimanapun, saya berharap Yang Berhormat dapat memberi jawapan apakah pandangan Singapura selepas kita mengambil keputusan tersebut.

Seterusnya mengenai peranan kita di dalam perundingan enam negara untuk isu nuklear Korea Selatan. Ini memang menjejaskan rantau kita juga, rantau Asia mengenai masalah nuklear di Korea Selatan. Walaupun mereka ada perundingan enam hala itu sudah tiga kali, apakah lanjutan kepada perundingan itu? Apakah peranan pihak Malaysia mengenai isu ini dan pada masa yang sama mengenai Iran kerana Presiden Iran melawat negara kita dan beliau pun berunding dengan kita mengenai isu nuklearnya. Sekarang isu ini dibawa ke Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu. Apakah peranan Malaysia mengenai isu nuklear ini? Sebagai Pengerusi OIC kita perlu menunjukkan kepada dunia apakah sikap kita, apakah pendirian kita dan apakah tindakan susulan kita untuk menangani masalah nuklear Iran ini?

Seterusnya Tuan Pengerusi, pihak kedutaan kita ini memang mempunyai peranan yang istimewa. Apakah peranan istimewa ini untuk memupuk perdagangan antara Malaysia dengan negara-negara lain? Setakat inilah dengan Misi Nasional kita, apakah peranan yang dimainkan oleh pihak kedutaan kita untuk meningkatkan perdagangan di antara Malaysia dengan negara-negara yang berkenaan. Ini memang satu perkara yang penting.

Seterusnya mengenai masalah Palestin juga. Kadima sekarang ini ada menubuhkan satu kerajaan dan Kadima tidak mengiktiraf Hamas yang menang di dalam pilihan rayanya.

Apakah pendirian Malaysia di dalam hal ini sebab kita tidak nampak Yang Berhormat Menteri Luar kita ada menyebut mengenai sikap dan pendirian Malaysia mengenai Hamas dan mengenai Kadima untuk bersama-sama kita menangani masalah Palestin yang begitu rumit itu.

**Tuan Pengerusi:** Ada lagi?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ada, memang banyak lagi. Masalah hubungan antarabangsa kita ini.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Cukuplah. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Kubang Kerian.

**6.06 ptg.**

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh tentang Kepala B.13 di bawah 030100 - Hubungan Serantau, Kerjasama ASEAN dan juga Perhubungan Antarabangsa.

Tuan Pengerusi, saya merasakan hubungan Malaysia-Singapura tidak berakhir dengan tindakan kita memberhentikan projek jambatan indah itu. Di masa yang akan datang, saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Luar, apakah tindakan proaktif kita terhadap kemungkinan berhadapan dengan isu-isu yang melibatkan kepentingan bersama, isu-isu tertunggak yang sampai ke tahap hari ini kelihatan dengan jelas imej kita di peringkat antarabangsa bahawa kita sentiasa berada di pihak yang kalah. Maka dengan itu saya ingin mendapat satu kepastian daripada Kementerian Luar, adakah kementerian telah mengadakan satu *team* ataupun satu *task force* untuk mengkaji dengan secara mendalam dan serius tentang apa jua implikasi perhubungan Malaysia dan Singapura di masa yang akan datang.

Isu perjanjian air akan tamat lebih kurang 20 tahun yang akan datang. Isu KTM, isu CIQ dan seumpamanya adalah isu yang tidak kunjung selesai, yang menjadi beban terhadap negara kita. Ada pun jawapan Menteri Luar semasa menggulung perbahasan baru-baru ini dengan mengatakan bahawa itu semua adalah merupakan beban sejarah ataupun dengan izin, *history baggage*, adakah itu sahaja alasan yang boleh dikemukakan kepada kita sebagai Ahli-ahli Parlimen tanpa kita mengkaji secara keseluruhan ataupun kita hanya menunggu tindakan-tindakan yang lebih agresif daripada pihak Singapura.

Yang kedua, tentang hubungan kita dengan Thailand yang berkaitan dengan isu umat Islam di Takbai, yang pada hari Jumaat yang lalu kita menyambut ulang tahun yang kedua sebagaimana menyaksikan pembunuhan beramai-ramai di Takbai dan Masjid Kerisik. Saya ingin tahu apakah tindakan Menteri Luar dan Wisma Putra terhadap isu ini dan apakah tindakan-tindakan yang perlu kita ambil apabila Thaksin yang dikatakan akan melepaskan jawatan kepada rejim yang baru? Apakah nasib 312 orang tahanan yang sedang berada dalam jagaan kita? Apakah masa depan mereka dan apakah kedudukan mereka sama ada mereka akan dihantar ke Negara Ketiga ataupun diberikan suaka politik dalam negara kita ataupun kita berikan satu *recommendation* kepada mereka untuk mendapatkan suaka politik di Negara Ketiga.

Ketiganya tentang melanjutkan perbincangan kita tentang kuasa nuklear yang dibangunkan oleh pihak Iran. Maka dengan jelas bahawa kenyataan Presiden Ahmadinejad bahawa Iran perlu membangunkan kuasa nuklearnya semata-mata untuk mempertahankan negara dan kedaulatan negaranya. Maka dengan tindakan Amerika Syarikat yang begitu selamba memegang tangan Perdana Menteri India untuk membangunkan bersama loji nuklear adalah merupakan satu perkara yang tidak dapat diterima dalam mana-mana amalan dan disiplin dalam hubungan diplomatik. Amerika Syarikat adakah akan menggunakan tema yang sama apabila menyerang Iraq atas alasan dengan izin, memiliki *weapons of mass destruction*. Adakah ini alasan yang akan digunakan terhadap Iran, di mana Tuan Pengerusi saya membaca satu artikel yang ditulis oleh Samuel Harith seorang yang sangat tersohor yang menerima anugerah nobel di atas pendedahan akan kajian beliau terhadap *ending field* yang berlaku di Vietnam tahun 1969.

Beliau jugalah yang mendedahkan bagaimana perilaku askar Amerika Syarikat dalam kem tahanan Guantanamo dan beliau juga mendedahkan segala maklumat yang ada pada beliau, bahawa memang Amerika Syarikat berhasrat akan menyerang Iran pada bila-bila masa. Maka beliau yang saya anggap seorang wartawan yang tersohor ini, yang telah membekalkan kepada kita dan telah memberitahu kepada Setiausaha Agung PBB, bahawa kesediaan dengan segala bukti yang beliau miliki, bahawa bila-bila masa Iran akan diserang secara *brutal* oleh Amerika Syarikat.

Apakah peranan yang dimainkan oleh Pengerusi OIC seperti Malaysia? Adakah kita perlu mengadakan sidang tergepar? Adakah sikap kita yang nyata terhadap pembangunan nuklear oleh Kerajaan Iran ataupun kita hanya mendiamkan diri dan akan melihat Iraq yang akan runtuh dan sedang runtuh, demikian juga Iran akan menerima nasib yang sama tanpa usaha dan suara lantang kita dalam mana-mana persidangan antarabangsa sebagai mewakili negara OIC. Sekian Tuan Pengerusi.

#### 6.11 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang pertama saya berharap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen akan menjawab apa yang saya cakap semalam khasnya mengenai skandal 1.2 juta dolar *US lobbying scandal* yang melibatkan Duta Malaysia ketika itu Tan Sri Ghazali, dan khasnya soalan-soalan yang dikemukakan sama ada beliau sudah diberhentikan sebagai Duta Malaysia di *United States*, dan adakah benar bahawa dia sedang ada rancangan untuk melantik beliau jawatan yang tertinggi dalam Wisma Putra dan di base di Utara Amerika.

Kedua ialah mengenai Burma atau Myanmar, pada bulan Julai mesyuarat Menteri Luar Negeri (*Ministerial Meeting*) akan diadakan di Kuala Lumpur dan saya harap Kerajaan Malaysia atau Menteri Luar Negeri akan mengambil tindakan yang tegas dalam isu pendemokrasian Burma. Oleh kerana mesyuarat atau *retreat* Menteri-menteri Luar Negeri di Bali baru-baru ini satu kegagalan untuk memujuk pemerintahan Myanmar lebih terbuka, lebih peka terhadap pandangan-pandangan orang awam di dunia bahawa adalah pendemokrasian dan untuk mengotakan semua janji yang dibuat oleh *Junta Military Myanmar* kepada negara-negara ASEAN, dan saya berharap bahawa kalau pada mesyuarat Julai, *Ministrial ASEAN MM* iaitu *ASEAN Ministerial Meeting* tidak ada apa-apa perkembangan, bahawa kerajaan khasnya Malaysia dan negara-negara yang lain boleh menyokong pendirian *ASEAN Inter-Parliamentary Myanmar Caucus* untuk melancarkan satu kempen bahawa Myanmar patut *disuspend*, oleh kerana tidak ada apa-apa kemajuan dalam *National Reconciliation*. Selepas 13 tahun daripada 1993 hingga sekarang langkah pertama dalam *Seven Steps Road Map to Democracy* pun belum dihabiskan. Mengikut Menteri Luar Negeri mungkin perlu lagi dua tahun. Kalau *first step* perlu 15 tahun, maka *seven steps* adakah kita akan beri seratus tahun barulah ada satu pendemokrasian diadakan.

Kedua ialah Darfur. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Tumpat. Soalan ada ditanya oleh rakyat Malaysia, apakah pendirian Kerajaan Malaysia dalam Darfur? Nampaknya kita tidak ada apa-apa pendirian sungguhpun kita Pengerusi NAM juga kita Pengerusi OIC. Kita ada tanggungjawab antarabangsa, kenapa kita membenarkan United States dan Barat untuk memainkan peranan dalam krisis *genocide* di Darfur. Konflik Darfur adalah disifatkan sebagai satu konflik di antara Arab dan African yang berkulit hitam. Sebenarnya di Darfur adalah semuanya berkulit hitam dan semua orang Muslim. Dan *division* ialah antara etnik khasnya antara *hunters* dan *farmers*, dengan izin.

Dan 300,000 orang telah mati. Dua juta orang sudah *dislocated*, *displace* dan 3.5 juta orang menghadapi kebuluran, *salvation* dan penyakit-penyakit. Dan *population* di Darfur ialah lapan juta orang sahaja. Ini satu *humanitarian disaster*. Baru-baru ini UN sudah mengurangkan UNHCR, sudah mengurangkan '*refugee assistants budget*' 44%. Bukan kita *demand* tetapi oleh kerana keadaan keselamatan tidak membenarkan semua bantuan disalurkan dan beberapa hari dahulu bahawa UN sudah mengurangkan *daily ration* untuk makanan sehingga separuh daripada *minimum required*.

Dan saya harap Malaysia akan memainkan satu peranan *UN under Secretary General* mengenai hal ehwal *humanitarian*, Jan Egeland sudah buat amaran dengan izin, "*If security situation continue to deteriorate and humanitarian eight life support system collapses the causality rate will rise to as high as 100 thousand per month*".

Akhirnya tadi Yang Berhormat bagi Ipoh Barat ada bangkit hal mengenai *room statute International Criminal Court*. Saya mahu tanya apa keuntungan sekarang mengenai usaha-usaha Malaysia untuk meratifikasikan *United Nations Human Rights Instruments*, mengenai *International Covenant on Civil and Political Rights* mengenai *International Covenant of Social Economic and Culture Rights*, negeri China sudah buat ratifikasi. *Even China has ratified the International of Human Rights Instruments*.

Apa kedudukan Malaysia? Adakah kita di antarabangsa *even behind* China mengenai *Human Rights*. Kalau begitu ini bukanlah satu kelebihan kepada Malaysia dan harap kita boleh ada satu *timetable, time line* bila kita akan ratifikasi bukan sahaja *route statute*, tetapi *International Covenant of Civil and Political Rights and International Covenant of Socioeconomic and Culture Rights*. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Tanjong.

**6.18 ptg.**

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 030000 - Perhubungan Pelbagai Hala dan ingin menumpukan kepada peranan kedutaan Malaysia. Berhubung dengan menjaga imej negara sebagai sebuah negara yang aman dan tenteram khususnya dari segi menarik pelancong-pelancong. Imej negara Malaysia telah dijejaskan beberapa tahun dahulu apabila Malaysia didakwa *launching pad* kepada jalinan pengganas antarabangsa.

Sehubungan dengan itu kita masih dilanda oleh berita-berita ataupun dakwaan-dakwaan bahawa masih wujud kegiatan pengganas di Malaysia dan rantau ini, khususnya beberapa hari dahulu ada lagi satu dakwaan di surat khabar di negeri Thailand, bahawa wujudnya satu kem latihan di negeri Kelantan untuk melatih 50 wanita warga Thailand dalam satu kursus untuk menjalani latihan mengenai *offensive strategy*, memungut maklumat dan juga untuk buat bom. Dan berita-berita seperti ini akan menggugat dan menjejaskan imej negara ini.

Sehubungan dengan itu ada berita mengenai Nordin Mohd. Top dan aktiviti-aktiviti Jemaah Islamiah dan sebagainya. Jadi dari segi ini negara Malaysia telah menyuarakan hasrat untuk menjadikan sektor pelancongan sebagai satu sektor yang amat penting.

Antara sebab-sebab mengapa pelancong asing waswas untuk datang ke Malaysia adalah berhubung dengan soalan keselamatan dalam negara Malaysia. Dan berita-berita seumpama ini akan menjejaskan keyakinan para pelancong khususnya di negeri China, negeri India dan juga negara Arab yang menjadi sasaran Kementerian Pelancongan. Jadi saya ingin tahu dalam kedudukan dan suasana begitu apakah peranan kedutaan boleh dimainkan khususnya di negara-negara yang menjadi negara sasaran, kita mahu menarik pelancong dari negara-negara itu berhubung dengan *image building* dan menghakis segala berita yang negatif tentang negara Malaysia ini sebagai satu negara yang mempunyai banyak aktiviti yang menyokong pengganas antarabangsa dan serantau. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, pihak Menteri Luar Negeri sila memberi jawapan.

**6.21 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Tuan Ahmad Shabery Cheek]:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya terlebih dahulu ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil prihatin di atas isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Luar Negeri khususnya dalam membahaskan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua bagi tahun 2005 ini.

Saya percaya bahawa sebahagian daripada perkara-perkara yang ditimbulkan ada yang berbentuk pertanyaan tetapi ada juga yang berbentuk menyatakan posisi kenyataan, *statement of position*, dengan izin, iaitu kenyataan kedudukan ataupun pandangan masing-masing terhadap isu-isu yang berkaitan dengan isu-isu antarabangsa yang saya kira mungkin agak tersasar dalam konteks perbincangan kita pada waktu ini iaitu dalam soal membahaskan Anggaran Perbelanjaan Tambahan bagi 2005.

Pertamanya, saya mengucapkan terima kasih di atas sokongan semua pihak di atas permohonan ataupun permintaan daripada Kementerian Luar untuk mendapat perbelanjaan tambahan sebanyak RM77,500,000 bagi awal tahun ini yang kita rasakan amat penting.

Ini kerana ia akan dapat membantu lagi bagi mengukuhkan peranan Wisma Putra ataupun Kementerian Luar Negeri dalam menaikkan imej negara dan memperkukuhkan peranan diplomasi negara ke arah menguatkan lagi kedaulatan negara dan menguatkan lagi peranan negara di dalam hubungan antarabangsa. Terlebih dahulu ingin saya jelaskan bahawa peruntukan tambahan bagi tahun ini adalah wajar kerana kalau dibandingkan dengan tahun yang sebelum ini, bahawa peruntukan yang telah diperuntukkan adalah berkurangan kalau dibandingkan dengan tahun-tahun yang sebelum ini.

Tuan Pengerusi, sebelum ini kita telah diperuntukkan sebanyak RM431 juta bagi Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2005 iaitu peruntukan yang berkurangan berbanding dengan peruntukan asal yang diberikan tahun 2004 iaitu sebanyak RM500 juta. Dan berkurangan juga kalau dibandingkan dengan tahun 2003. Jadi permintaan sebanyak kira-kira RM77.5 juta adalah satu permintaan ataupun yang kita kira wajar untuk ditambahkan apatah lagi terdapat beberapa isu sebagaimana yang dinyatakan dalam pernyataan yang dibentangkan tentang perlunya tambahan wang sebanyak yang disebutkan itu. Saya cuba menjawab beberapa persoalan yang ditimbulkan oleh rakan-rakan Yang Berhormat.

Pertamanya daripada Yang Berhormat Tumpat yang telah menyatakan bahawa keprihatinan beliau tentang soal naik turun harga Ringgit sudah tentu membantu atau menjelaskan tentang kenapa perlunya tuntutan tambahan terutama sekali dalam konteks Ringgit berbanding dengan Euro yang menjejaskan dari segi perbelanjaan kita di negara-negara termasuk negara terutama sekali negara-negara yang mempunyai *mission* kita iaitu di negara-negara Eropah dan ianya melibatkan tentang soal kenaikan gaji dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, terdapat pandangan daripada Yang Berhormat Tumpat yang boleh saya rangkumkan dengan beberapa persoalan yang lain yang ditanya oleh Yang Berhormat lain termasuk daripada Kubang Kerian yang mempersoalkan dengan peruntukan yang dikatakan begini besar. Sebenarnya tidaklah begitu besar, kenapakah peranan kita dalam konteks hubungan kita dengan negara-negara lain bertambah lemah? Saya tidak percaya bahawa kedudukan kita dalam hubungan antarabangsa bertambah lemah. Nama Malaysia terus menjulang tinggi. Peranan kita sebagai pemimpin negara OIC, sebagai mempengerusikan negara OIC, NAM, ASEAN dan sebagainya dalam konteks sekarang ini adalah merupakan bukti keyakinan dunia antarabangsa terhadap negara kita.

Kemudiannya soalan yang lain lagi bertanya, kenapa dalam konteks sekarang ini hubungan kita dengan negara jiran dianggap semakin lemah? Ingin saya jelaskan di sini bahawa hubungan kita dengan negara jiran khususnya Singapura tidak boleh dianggap lemah semata-mata atas isu jambatan. Untuk tidak membuat jambatan atau membina jambatan, itu adalah pilihan kita Tuan Pengerusi. Itu adalah permintaan kita, bukannya permintaan mereka yang kita tolak, tetapi permintaan kita, cadangan kita yang kita menganggap bahawa akhirnya kita putus kita tidak jadi buat.

Maka ini adalah pilihan kita dan tidak mengatakan bahawa ini adalah bukti bahawa hubungan kita dengan negara jiran tersebut adalah lemah. Sebenarnya kenyataan yang telah disuarakan oleh pemimpin republik tersebut walaupun dinyatakan terkejut kerana ia diumumkan dalam suasana yang sebegitu tetapi kenyataannya mengatakan tiada siapa menang dan tiada siapa salah, siapa kalah dalam isu ini adalah merupakan satu kenyataan yang positif bahawa ianya tidak akan menjejaskan hubungan antara Malaysia dan Singapura atas isu ini.

Tuan Pengerusi, saya berkongsi pandangan tentang keprihatinan yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Tumpat tentang beberapa isu yang berkaitan dengan nasib umat Islam seperti Palestin. Dulu pernah saya jelaskan bahawa dalam konteks Hamas misalnya yang telah memenangi pilihan raya di Palestin. Dalam pilihan raya *Palestinian Authority* yang berlaku yang diadakan baru-baru ini. Kita telah menyatakan sokongan kita kepada siapa sahaja yang telah menjadi pilihan rakyat negara itu termasuklah parti yang bernama Hamas ini. Dan kita menganggap bahawa itu adalah keputusan yang diputuskan oleh rakyat negara tersebut yang kita hormati tetapi apakah kita diminta oleh Yang Berhormat Tumpat untuk kita berjumpa ataupun Yang Berhormat daripada Kepong untuk kita berjumpa dengan Perdana Menteri Israel misalnya memberitahu bahawa kena hormati keputusan negara berkenaan, itu adalah di luar kemampuan Malaysia untuk pergi berjumpa pemimpin Israel dan sebagainya kerana kita pun tidak mempunyai hubungan diplomatik di sini.

Cumanya kita terus menyatakan dan memberitahu kepada negara-negara Islam lain atas kapasiti kita sebagai pemimpin negara OIC mengatakan bahawa seluruh negara Islam seharusnya menghormati keputusan Palestin, rakyat Palestin dan kita mempertahankan dan terus menyokong. Apa juga sokongan dan bantuan kita beri kepada mereka diteruskan dan insya-Allah kalau ada peruntukan-peruntukan lain, diluluskan oleh Dewan yang mulia ini yang kita rasakan sebahagian daripada sebab kenapa banyaknya berlaku peruntukan di atas program-program yang tidak berjadual, kita akan terus tambah. Peruntukan-peruntukan yang boleh kita berikan tetapi perlu dijelaskan di sini bahawa Malaysia bukanlah sebuah kuasa besar, ini kita mesti mengakui.

Kita bukan Amerika, kita bukan Rusia, kita bukan Perancis, kita adalah sebuah negara kecil yang berhati besar, itu sahaja. Di atas hati besar kita itulah, kita terus lantang menyuarakan isu-isu ini di mana sahaja yang kita boleh tetapi kalau nak dibandingkan dengan katakanlah bantuan yang sebelum ini dicurahkan oleh Amerika Syarikat kepada *Palestine Authority* sebanyak kalau tidak silap saya 200 juta dolar setahun, iaitu kira-kira RM800 juta. Walaupun ini besar bagi kita tapi kecil kalau dibandingkan dengan bantuan yang diberikan kepada Israel yang berjumlah lebih daripada satu trilion misalnya.

Apakah kita hendak katakan bahawa Dewan yang mulia ini oleh kerana Amerika telah menyekat maka kita mesti membuat satu peruntukan baru untuk lebih daripada apa yang diberikan oleh Amerika Syarikat? Saya rasa tak mampu kita kerana kita tanya kita tidak ada kemampuan kewangan yang begitu banyak. Dalam soal konteks supaya Petronas mencari wang mencari sumber minyak di luar, jangan gunakan keuntungan yang mereka dapat untuk semata-mata menampung harga minyak yang naik sekarang pun PAS keluar dan berdemonstrasi di depan pejabat Petronas, mengatakan supaya wang keuntungan yang ada hanya untuk menampung kenaikan harga minyak itu pun PAS tidak sanggup untuk mengajak rakyat semua berkorban menyelamatkan wang negara supaya kita dapat membenarkan Petronas pergi ke luar negara termasuk di tempat-tempat yang berperang sekarang ini untuk memastikan rizab minyak negara di luar negeri akan terus memberi keuntungan kepada kita pada masa yang akan datang.

Ini antara perkara yang kita rasakan boleh kita bercakap, berilah bantuan kepada Palestin sebanyak mana Amerika beri USD200 juta, kita boleh beri lebih pada itu tetapi kita mesti menyedari hakikat bahawa Malaysia negara kecil. Kita bukanlah sebuah negara setanding dengan kuasa-kuasa besar tetapi kita negara kecil yang berhati besar. Di atas negara kecil yang berhati besar inilah kita lihat kenapa peruntukan ini bertambah.

Ada berapa isu seperti Tsunami misalnya. Terdapat beberapa perkara yang terlibat di akhir-akhir ini yang memerlukan kita memberi bantuan kepada pelbagai gerakan-gerakan NGO's untuk membantu mereka yang membantu negara-negara lain seperti berlaku gempa di Pakistan dan sebagainya adalah bukti bahawa kita kecil tetapi berhati besar dan antara negara yang sudah mula melangkah kepada bukan negara penerima tetapi negara penyumbang. Mungkin tidak besar tetapi di bawah kerajaan Barisan Nasional yang ada sekarang kita telah mengubah kita bukan negara penerima tetapi merupakan negara penyumbang...

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** *[Bangun]*

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Terdapat isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat daripada Tuanan sebentar tadi.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, boleh?

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih sahabat saya Setiausaha Parlimen Kementerian Luar. Yang kita maksudkan adalah bukan kita hendak memberikan suatu peruntukan sebanyak yang Amerika mahukan ataupun yang Amerika telah berikan kepada Palestin. Maksud apa yang kita bincangkan dalam bajet ini adalah, apakah usaha yang telah dibuat oleh Kementerian Luar khususnya dan Malaysia sebagai Pengerusi OIC supaya, kita memang tidak mampu untuk bantu Palestin dengan jumlah yang sebanyak itu.

Tetapi kita adalah Pengerusi OIC yang boleh bermaknanya mengambil satu inisiatif supaya semua negara-negara Arab sebagai contoh yang menganggotai OIC, mereka ada kekayaan minyak Arab Saudi, Kuwait dan seumpamanya menyumbang kepada Palestin, ini yang kami maksudkan. Memang kita tidak termampu *Malaysia* bersendirian. Cuma saya harapkan adakah kita telah berusaha ataupun telah ada satu persidangan mungkin saya tidak maklum, Malaysia telah *initiate* suatu persidangan ataupun suatu usaha supaya semua negara-negara OIC yang berkemampuan ada satu dana yang boleh kita bantu Palestin. Minta penjelasan.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Terima kasih saudara Yang Berhormat Kubang Kerian. Malaysia turut memainkan peranan tidak perlu dalam berapa hal setiap kali dikatakan peranan yang kita mainkan sekiranya ada satu persidangan yang formal tetapi Malaysia terus dalam setiap perjumpaan hubungan dua hala antara negara-negara yang berkenaan kita mengutarakan pendirian kita dan minta berkongsi pendirian dan sekiranya kita boleh memujuk negara-negara yang berkenaan untuk menguatkan sokongan mereka kepada isu-isu yang disebutkan tadi termasuk Palestin kita akan mainkan peranan tersebut dan kita terus memainkan peranan tersebut.

Tetapi dalam konteks realiti dalam dunia diplomasi hari ini Yang Berhormat Tuan Pengerusi ialah bukan soal bercakap, bukan soal kita bercakap kita menganjurkan satu-satu perjumpaan dan sebagainya maka selesai, tidak. Ada banyak yang berlaku yang disebutkan sebagai dengan izin, *under current* tentang perhitungan-perhitungan lain. Misalnya kenapa Amerika kuat kerana terdapat banyak perhitungan-perhitungan lain yang melibatkan kepentingan-kepentingan negara yang berkenaan yang merasakan negara-negara yang berkenaan terpaksa memilih antara hidup mati dari segi ekonomi mereka ataupun kepentingan-kepentingan lain berbanding dengan sebuah negara seperti Malaysia misalnya. Mereka terpaksa membuat pilihan apakah mereka boleh selantang Malaysia ataupun selantang kita semua, selantang Yang Berhormat ataupun mereka boleh kendur sedikit tetapi memainkan peranan dalam konteks yang berbeza.

Inilah dalam konteks dunia diplomasi kita terpaksa bekerja kuat dan menggalakkan lagi perundingan dan perbelanjaan. Apabila kita berunding, kita berbelanja, kita berjalan misalnya dan peranan yang dimainkan oleh kedutaan kita, ia memerlukan perbelanjaan dan inilah sebahagian daripada perkara-perkara yang kita katakan kita memerlukan peruntukan-peruntukan tambahan seperti yang kita buat pada hari ini. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya ingin menyambung apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat daripada Tuaran sebentar tadi dia tidak ada di sini. Kita percaya bahawa isu di Selatan Thailand ialah berkaitan dengan soal apa yang dikaitkan dengan soal kesejahteraan negara jiran kita itu juga.

Sekiranya negara jiran kita tidak sejahtera, *neighbour* yang tidak *prosper*, jiran yang tidak sejahtera ia memberi kesan kepada kita. Konsep *prosper thy neighbour* yang pernah disebutkan dahulu adalah merupakan salah-satu daripada cabang diplomasi yang kita yakin dan kita percaya. Jadi soal apakah dengan ada sahaja konsul di *Philippine* maka selesai semua masalah. Mungkin ia dapat membantu tetapi tidak akan dapat menyelesaikan seluruh masalah sekiranya Selatan Filipina terus bergolak sekiranya masalah kemiskinan tidak dapat diselesaikan. Sekiranya perbalahan antara pelbagai puak di sana berterusan dan kita sukar untuk menghalang, untuk mengatasi masalah banjir pendatang yang berlaku seperti hari ini.

Dan ini bukan berlaku kepada negara kita. Kelemahan ataupun kedudukan ekonomi yang tidak kukuh di negara-negara yang berjiran dengan Amerika Syarikat pun menyebabkan negara Amerika Syarikat terpaksa berhadapan dengan kebanjiran pendatang. Ia berlaku di banyak negara-negara lain yang berjiran dengan sebuah negara lain yang dianggap tidak sejahtera. Sebab itulah soal adanya konsul dan sebagainya, ianya hanyalah dapat membantu mengubat *symptom* ataupun tanda-tanda penyakit tetapi bukannya penyakit yang sebenar yang dapat diubat...

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** *[Bangun]*

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Silakan.

**Tuan Pengerusi:** Ya Tuaran.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya ingat dua persoalan di sini satu menyelesaikan masalah kebanjiran pendatang tanpa izin tetapi yang satu lagi soal kedaulatan, kedaulatan negara kita. Soal kalau kerajaan Filipina tidak bersetuju untuk mendirikan konsulat, itu bererti bahawa dia tidak belum lagi menerima kedaulatan kita, itu satu. Kalau apa jua keadaan perkara ini kita selesaikan. Jadi persoalan saya tadi apakah langkah-langkah selama ini yang telah kita ambil untuk memastikan supaya akhirnya dia mendirikan konsulat memandangkan kita sebagai negara kita ini banyak yang kita telah buat di Selatan Filipina untuk mencari perdamaian dan sebagainya.

Dan yang keduanya soal kebanjiran pendatang tanpa izin, ada dua perkara satu dari segi "*pull*" faktor dia satu lagi dari segi "*push*". "*Push*" itu yang kemiskinan di negara Filipina, satu lagi dari segi "*pull*" yang kita ini lebih baik dengan dia orang dengan mereka. Jadi dalam soal itu sekali lagi, sekali lagi apabila Malaysia untuk membuat pelaburan di Selatan Filipina sebagai contoh hal ini sekali lagi gagal apabila masalah-masalahnya, masalah tadi itu tidak dapat diselesaikan iaitu soal kedaulatan tadi. Kalau dia asyik menuntut, kalau orang yang menuntut Sabah itu juga tinggal di negeri Sabah. Macam mana kita hendak selesaikan macam mana kita hendak membuat pelaburan negara Filipina untuk membantu dia menyelesaikan masalah ekonomi dia.

**Tuan Pengerusi:** Baik Yang Berhormat.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Saya mohon penjelasan.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Terima kasih Yang Berhormat Tuaran. Ada sedikit perbezaan tuntutan Filipina ke atas Sabah dengan beberapa tuntutan bertindih yang lain. Bagi Malaysia, bagi kita itu tidak jadi isu kerana kita menghormati bahawa keputusan rakyat Sabah untuk bersama-sama dengan rakyat Semenanjung menubuhkan satu gagasan yang besar yang bernama Malaysia adalah keputusan yang telah dibuat. Saya tidak kata Sabah masuk Malaysia kita sama-sama membentuk Malaysia. Adalah satu keputusan yang telah dibuat dan diiktirafkan oleh Bangsa-bangsa Bersatu.

Jadi dalam konteks ini tuntutan Filipina adalah tuntutan *unilateral* bukannya tuntutan bertindih sebagaimana yang berlaku Sipadan dan sebagainya yang perlu kita pergi ke ICJ ataupun *International Court or Justice* untuk mendapat keputusan mahkamah dunia. Ini adalah satu perkara yang berbeza. Kita tak perlu pergi ke sana. Dunia sudah mengiktirafkan bahawa Sabah adalah sebahagian daripada Malaysia dalam soal ini.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Penjelasan Setiausaha Parlimen. Kita terima hakikat itu Yang Berhormat tetapi hakikat yang kita harus terima ialah sehingga pada hari ini, kerajaan negeri Sabah masih lagi membayar RM5000 setahun kepada apa yang dikatakan Sultan Sulu, sehingga pada hari ini. Kononnya menurut perjanjian itu, selagi matahari terbit di Timur dan terbenam di Barat, selagi itulah RM5000 itu akan dibayar. Itu merupakan satu *consideration* mengatakan bahawa itulah *claim* mereka. Perkara itu harus diselesaikan untuk mendirikan konsulat tadi dan untuk memantapkan lagi kedaulatan kita. Itu yang saya persoalkan tadi, apa langkah-langkah untuk menyelesaikan perkara itu...

**Tuan Pengerusi:** Ya, betul Yang Berhormat.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Tuan Pengerusi, tentang bayaran itu, tidak bermakna kita mengiktiraf tuntutan Filipina dan negara Filipina sendiri, kerajaan Filipina sendiri sudah tidak mengiktiraf kesultanan tersebut. Keluarganya, sefaham saya iaitu Sultan Kiram hanya berdaulat kira-kira saya tidak tahu, di awal abad ini, dianggap sebagai raja yang berdaulat tetapi setelah datangnya Sepanyol, setelah datangnya Amerika, menjajah Filipina, mereka telah hilang segala-galanya. Cumanya apa-apa tuntutan yang dibuat oleh kerajaan kesultanan ini semuanya diserahkan kepada apa yang disebutkan kerajaan pusat mereka.

Jadi kalau ada individu yang mendakwa mereka ini adalah keturunan ini dan sebagainya, untuk menuntut bagi pihak Kerajaan Filipina adalah merupakan satu perkara yang di luar batas-batas diplomasi dan tidak ada suatu *standing* ataupun suatu kedudukan yang *legal* di atas nama keluarga tersebut. Ini yang berlaku. Banyak orang mungkin terpedaya pergi terima datuklah, 'Datuk' Mindanao dan sebagainya. Sebenarnya itu entiti yang sudah tidak wujud lagi. Tidak diiktiraf pun oleh Kerajaan Filipina itu sendiri.

Akan tetapi mungkin atas sebab-musabab politik, yang kita percaya bahawa Kerajaan Filipina tidak menggugurkan apa-apa *claim* ataupun perkara-perkara yang dituntut. Mungkin ada banyak lagi, keluarga itu, keluarga ini dan sebagainya, untuk menjadi satu keputusan-keputusan politik mereka. Mereka tidak gugurkan perkara tersebut dan mereka membiarkan perkara itu berlaku, tetapi ini kita tidak menganggap sebagai satu sebab untuk kita bermasam muka dengan Filipina sebagai negara yang berjiran, kehidupan mesti diteruskan. Kita percaya dengan langkah-langkah diplomasi kita, misalnya peranan yang dimainkan, usaha yang kita mainkan di sini dalam menyelesaikan pelbagai masalah. Misalnya antara MNLF, pimpinan Nur Misuari dahulu dengan kerajaan Filipina, kita ada peranannya.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, kalau dapat ringkaskan jawapan.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Ya. Kemudian tentang yang terbaru, tentang MILF dan sebagainya, kita ada peranan dan tunjukkan adalah usaha kita dalam peringkat diplomasi untuk memberikan kesejahteraan di sana. Lama-kelamaan kita jangkakan dapat membantu ke arah menyelesaikan beberapa perkara yang berkaitan dengan soal kesejahteraan dalam negara jiran. Saya cuba ringkas.

**Tuan Pengerusi:** Sepuluh minit lagi.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Tuan Pengerusi. Yang Berhormat bagi Gerik ada bertanya tentang status Ahli Parlimen. Saya rasa bahawa status Ahli Parlimen terus disanjung di atas kedudukannya. Saya percaya sekiranya terdapat beberapa perkara yang dikaitkan dengan soal layanan yang tidak setimpal sekiranya Ahli-ahli Parlimen pergi di sana atas tujuan-tujuan rasmi, wakil-wakil rasmi, saya dengan rendah diri di sini ingin menyatakan rasa sedih dan kesal saya dan insya-Allah kami akan memastikan di masa yang akan datang perkara ini tidak akan berlaku. Cumanya, sekiranya pihak Wisma Putra tidak dimaklumkan, sekiranya ada Ahli Parlimen dijemput, diundang untuk mewakili ataupun menghadiri pelbagai kursus ataupun persidangan dan sebagainya, ini adalah perkara yang biasa berlaku tetapi sekiranya Wisma Putra tidak diumumkan, tidak dimaklumkan, sekiranya mereka tidak datang menjemput atau melayani dan sebagainya mungkin itu adalah di luar kemampuan Wisma Putra. Saya harap perkara ini dapat dimaklumkan supaya kes-kes yang sama tidak berulang lagi di masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, ada beberapa isu lain yang saya boleh sebutkan di sini, Ayer Hitam misalnya. Menyebut tentang masalah bangunan kedutaan Malaysia di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang tidak mempunyai CF, perlukan peruntukan untuk menyelesaikan masalah dan sebagainya. Ingin saya jelaskan di sini bahawa sememangnya tiada CF di kedutaan Malaysia di New York tetapi kita ingat undang-undang kerajaan tempatan di sana, CF dikecualikan dari mematuhi. Soal CF dikecualikan dari dipatuhi dalam semua peraturan tempatan bagi bangunan-bangunan kerajaan. Dia tidak seperti di sini. Masalah banjir di *basement* telah kita selesaikan, pembaikan telah kita buat selepas kejadian itu berlaku.

Insya-Allah kalau selepas musim sejuk yang lepas, semuanya telah berjalan dengan baik. Terima kasih di atas keprihatinan yang telah ditunjukkan oleh Yang Berhormat daripada Ayer Hitam.

Daripada Ipoh Barat, tentang apakah kita telah *meratify* kan IC. Saya rasa ini tidak termasuk dalam perbelanjaan mengurus tambahan. Itu adalah *statement*, kenyataan-kenyataan yang berkaitan dengan dasar yang sepatutnya ditanya di dalam soalan bertulis ataupun soalan lisan ataupun ditimbulkan dalam perbahasan yang berkaitan dengan dasar. Begitu juga mengenai Sri Lanka, tidak ada kaitan dengan soal tambahan. Peruntukan tambahan dan sebagainya. Saya rasa ada lagi sedikit sahaja lagi Tuan Pengerusi kalau disebut tentang, begitu juga tentang nuklear di Iran dan selatan Korea Selatan. Saya kira tak perlu saya huraikan panjang di sini kerana ia juga tidak berkaitan dengan soal perbelanjaan tambahan yang kita persoalkan di sini...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tuan Pengerusi, untuk balik sekurang-kurangnya mengenai *Darfur genocide*.

**Tuan Pengerusi:** *Darfur genocide*.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Ya, saya rasa, itu juga tidak sepatutnya ditimbulkan dalam perbahasan. Kalau Yang Berhormat Ipoh Timor begitu *concern* tentang isu-isu yang berkaitan, kenapa tak timbulkan masa ucapan?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Sekarang timbul kenapa tidak jawab? Kenapa mahu soalkan kenapa kita tidak timbul? Ini mengenai bagi *detail-detail* dan sebab kita tidak boleh dikhususkan. Itu tanggung jawab, apabila kita bangkit, patut jawab. Oleh sebab dalam *supplementary*, kita kata untuk apa-apa sahaja yang am. Sebab itu jangan lari daripada tanggungjawab. Burma, mengenai *Darfur*, mengenai *UN Instruments*.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Saya kira saya rasa itu soalan-soalan di luar daripada perbahasan kita mengenai belanja tambahan ini.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Sama ada dipersoal Tuan Pengerusi, kalau begitu, bolehkah satu *ruling* dibuat, di masa hadapan apa-apa permintaan perlu khususkan. Apa hal, perkara luar dari negeri yang boleh disentuh, apa tak boleh? Sekarang itu, *Foreign Affairs*. Apa pun sangkut-paut. Ini lari daripada *responsibility*, tidak bertanggungjawab.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Tuan Pengerusi, saya rasa Parlimen kita mempunyai Peraturan yang tertentu. Ada waktu kita membahaskan fasal dasar, ada waktu kita membahaskan perkara-perkara yang *detail*. Yang berkaitan dengan...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ini kes *urgency*. Tak ada pendirian. Adakah pendirian?

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Okey. Tuan Pengerusi, atas desakan, saya rasakan walaupun tidak perlu saya menjawab tentang soal ini, sebab saya tidak mahu supaya saya rasakan tidak perlu dalam masa yang akan datang setiap waktu yang diperuntukkan untuk perbahasan mengenai di dalam jawatankuasa kita akan bercakap kembali dalam semua perkara di dalam dunia. Saya rasa itu tidak wajar tetapi oleh sebab ini yang dikehendaki, saya harus menyatakan di sini bahawa dalam krisis kemanusiaan di Darfur, Malaysia menyokong usaha yang sedang dilakukan oleh beberapa negara seperti di Abuja, di Nigeria untuk menyelesaikan krisis kemanusiaan di Darfur, Sudan yang diadakan di kawasan naungan pihak *African Unions* sekarang ini. Malaysia menyokong usaha yang dijalankan oleh pihak Persatuan Africa, *African Unions*, untuk mencari penyelesaian kepada masalah ini.

Untuk pengetahuan Tuan Pengerusi, pihak *African Unions* mahu masalah krisis kemanusiaan Darfur ini diselesaikan oleh pihak *African Unions* sendiri memandangkan ianya ialah masalah Afrika yang ingin mereka tangani dan Malaysia akan terus menyokong pendirian yang dibuat oleh *African Unions*.

Terima kasih, saya rasa itulah sahaja Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM77,500,000 untuk Maksud B.13 di bawah Kementerian Luar Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM77,500,000 untuk Maksud B.13 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

#### **Maksud P.20 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2005] –**

**Tuan Pengerusi:** Kepala Pembangunan P.20 di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi terbuka untuk di bahas. Sila Yang Berhormat bagi Jasin.

#### **6.31 ptg.**

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusoh [Jasin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya hendak terus kepada Butiran 00506 iaitu wang ini untuk pembiayaan tanaman semula kelapa sawit bagi pihak pekebun kecil. Tuan Pengerusi..

**Tuan Pengerusi:** Pinjaman?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusoh [Jasin]:** Pinjaman.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusoh [Jasin]:** Saya kira sudah sampai masanya untuk kementerian ini supaya menyediakan satu Tabung Ses khusus untuk tanam semula kelapa sawit, kerana pinjaman yang ada sekarang ini saya tidak tahu dan tidak faham cara mana kementerian menyalurkan kepada pekebun kecil. Adakah melalui RISDA atau pun badan-badan yang lain?

Dan pada hari ini peranan pekebun kecil dalam perusahaan kelapa sawit ini bukan kecil. Hari ini sudah hampir sama banyak antara pekebun kecil dengan ladang dan sama banyak hampir 50:50. Dan kita kena buat persediaan kerana di kawasan-kawasan saya, ada ladang-ladang kelapa sawit yang dimiliki oleh pekebun kecil melalui rancangan FELCRA dan juga FELDA.

Mereka terpaksa meminjam balik kerana untuk menanam semula dan hari ini saya kira sudah sampai masanya supaya kerajaan melalui kementerian ini menubuhkan Tabung Ses khas untuk tanam semula bagi memudahkan pekebun kecil. Berkenaan dengan ladang mereka tidak ada masalah. Mereka ladang besar, tetapi pekebun kecil yang mempunyai dua ekar, tiga ekar, empat ekar yang mana kos pembangunan untuk tanam semula pada hari ini makan belanja lebih daripada RM2000 satu ekar.

Bagi pekebun kecil, ini satu benda yang amat besar dan usaha ini harus dibuat sekarang. Hari ini kita lihat, selain daripada tanam semula ini kita lihat pun kita ada satu badan khusus untuk menangani tanaman semula, bagaimana yang diadakan pada pekebun-pekebun kecil getah.

Kita ada RISDA, tetapi kelapa sawitnya belum ada lagi. Itulah sebabnya kalau kita lihat perusahaan hiliran untuk pekebun kecil, hiliran untuk pekebun kecil dalam industri kelapa sawit ini boleh kata nol, boleh kata tiada apa. Kelapa sawit hari ini membawa keuntungan kepada negara dan kelapa sawit ini banyak kegunaan dia. Boleh buat sabun, boleh buat minyak masak tetapi sehingga hari ini saya belum pernah terdengar, orang kampung pekebun kecil bukan kata hendak buat yang projek besar, untuk masukkan dalam botol minyak makan ataupun minyak masak daripada kelapa sawit pun belum ada lagi.

**Seorang Ahli:** Betul, betul, betul betul...!

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusoh [Jasin]:** Oleh demikian kita kena pandang serius tentang soal ini dan kita tahu bahawa perusahaan kelapa sawit ini dalam jangka masa panjang akan lebih cerah dan peluang untuk pekebun-pekebun kecil, ladang-ladang kecil ini untuk memperbaiki masa depan mereka melalui perusahaan ladang kelapa sawit ini, tanaman kelapa sawit ini amat cerah dan sedari hari ini, kerajaan belum dapat menubuhkan walaupun satu bahagian di dalam MPOB berhubung dengan pekebun-pekebun kecil. Setakat nasihat, setakat lawatan biasa, itu sahaja tetapi khusus untuk pembangunan pekebun kecil dalam industri kelapa sawit ini belum ada lagi.

Jadi oleh yang demikian Tuan Pengerusi, melalui ini saya menyeru kepada kerajaan lebih-lebih lagi kementerian supaya pandang ke depan untuk masa depan pekebun kecil dalam perusahaan kelapa sawit. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Menteri ada? Kubang Kerian, ya sila.

**6.35 ptg.**

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Menyentuh tentang maksud P20 di bawah kepala 00505, saya hanya ingin mengatakan sebagai mewakili kawasan saya Kubang Kerian dan juga kawasan kelahiran saya tentang masalah yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil kelapa sawit. Saya teringat satu ketika dahulu, awal 70an dan 80an, satu konsep yang telah dikemukakan oleh RISDA, satu contoh yang boleh diambil oleh kementerian yang ada pada hari ini ialah konsep 'Mini Estet'.

Di mana konsep ini adalah konsep untuk orang-orang kampung yang mungkin mereka ada tanah lima ekar, sepuluh ekar, digabungkan dan dibangunkan dengan khidmat-khidmat nasihat yang diberikan oleh RISDA pada waktu itu. Adakah kementerian Yang Berhormat melihat tentang masa depan pekebun-pekebun kecil ini di mana saya bersetuju dengan pandangan rakan-rakan tadi bahawa setelah hampir 50 tahun negara kita merdeka, nasib pekebun-pekebun kecil ini masih lagi tidak terbelah, tidak terbelah.

Di mana mereka ada tanah lima ekar, sepuluh ekar tetapi mereka hanya bergantung jualan kelapa sawit itu sahaja dan kadang-kadang yang menjadi masalahnya adalah kelapa sawit itu juga dibeli hasilnya oleh orang tengah. Jadi masalahnya merupakan masalah yang telah terlalu panjang isunya yang berlaku pada orang-orang kampung dan apakah peranan yang dimainkan oleh kementerian Yang Berhormat, tindakan-tindakan proaktif supaya pemilik-pemilik pekebun kecil ini dapat menanam kelapa sawit dan dapat menikmati daripada hasil kerja mereka dan mereka mendapat suatu pulangan yang berpadanan dengan hasil mereka dan usaha mereka.

Setakat yang ada pada hari, kampung-kampung pedalaman sebagai contohnya pekebun-pekebun kecil, pendapatan mereka masih di paras di mana yang berlaku sepuluh tahun atau pun 20 tahun yang sebelumnya. Jadi saya mengharapkan di atas perkara ini, kementerian Yang Berhormat dapat membangunkan suatu konsep yang jelas, konsep bagaimana kita boleh membantu pekebun-pekebun kecil ini, tanah-tanah mereka di kampung ini yang akan memberi pulangan yang lebih besar terhadap pendapatan mereka pada masa yang akan datang. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Pihak Menteri sila jawab.

**6.36 ptg.**

**Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Anifah bin Haji Aman]:** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sebegitu banyak, sebanyak dua yang telah pun mengemukakan perkara-perkara tentang peruntukkan tambahan sebanyak RM13 juta ini. Ianya itu perlu untuk membiayai permohonan-permohonan yang telah pun diluluskan pada tahun sebelumnya.

Ingin saya memberi penjelasan sedikit kepada Yang Berhormat daripada Jasin bahawa pada masa ini tidak ada cadangan untuk menubuhkan Tabung Ses untuk memohon menanam semula. Walau bagaimanapun Skim Pinjaman Mudah, pinjaman kelapa sawit ini telah pun dilancarkan untuk makluman Yang Berhormat daripada Jasin pada 14 September 2000 dan dilaksanakan melalui Bank Pertanian dan kita salurkan melalui Bank Pertanian dan ianya diuruskan oleh Bank Pertanian supaya pemohon-pemohon terutama sekali pekebun-pekebun kecil ini dapat memajukan permohonan-permohonan mereka kepada Bank Pertanian.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Jasin bahawa pihak Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi telah diperuntukkan syiling dalam Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak RM17.5 juta untuk pekebun kecil dan dalam Rancangan Malaysia Kelapan sebanyak RM60.89 juta.

Dan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi ini telah pun menerima peruntukkan daripada Kementerian Kewangan sebanyak RM17.5 juta. Silakan..

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusoh [Jasin]:** Penjelasan..

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusoh [Jasin]:** Pinjaman bank melalui Bank Pertanian tidak akan menyelesaikan masalah pekebun kecil kerana saya yang memandangkan Yang Berhormat Timbalan Menteri, pekebun kecil dahulu mereka ada kebun getah. Ubah syarat pekebun getah untuk tanam kelapa sawit dan melalui RISDA dia dapat pinjaman kerana daripada ses getah itu dia ambil walaupun sudah diubah getah kepada kelapa sawit tetapi dia dapat bantuan RM1,800 satu ekar. Sekarang dia sudah buat tanaman kelapa sawit, bila kelapa sawit dia sudah tua, hendak tanam semula dia kena pergi bank. Maklumlah sahaja hendak pergi bank, orang kampung bukan senang. Lepas itu bank kena *collateral*. Dapat pinjaman bukan banyak. Dia hendak kena kos peguam sahaja pun sudah berapa. Inilah satu cara yang kita dapat membantu pekebun kecil, Yang Berhormat, dengan adanya ses tanam semula, kerajaan simpankan duit dia. Lepas itu kita bagi tanpa caj apa-apa kepada pekebun kecil. Ini yang dibantu.

Dan hari ini oleh kerana kelapa sawit yang begitu mahal harganya, kalau dipotongkan ses, pekebun kecil tidak akan rasa apa-apa. Jadi janganlah menolak cadangan ini dan kita minta supaya kementerian ambil berat. Janganlah dituduh saya pernah bercakap dahulu kementerian Yang Berhormat ini dia ambil tahu ladang besar-besar sahaja, pekebun-pekebun kecil ini langsung tidak diambil kisah. Jadi kita kena pandang ke belakang sedikit hendak tolong orang kampung ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Anifah bin Haji Aman:** Terima kasih Yang Berhormat kerana begitu prihatin tentang pekebun-pekebun kecil kita. Yang Berhormat, sebenarnya kita lebih baik apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi bahawa kita tidak memungut ses daripada pekebun-pekebun kecil. Apa yang kita peruntukkan ialah wang kerajaan disalurkan melalui Bank Pertanian sahaja. Ianya bukan wang bank. Ini adalah wang kerajaan yang dipohon oleh kementerian dan disalurkan melalui Bank Pertanian untuk pengurusan sahaja.

Cuma satu syarat kita kenakan bahawa peminjam-peminjam itu hendaklah mencagarkan tanah mereka. Jadi sebelum Yang Berhormat bangun lagi, biar saya jelaskan dahulu. Sebab-sebabnya, Yang Berhormat, saya terlibat secara langsung untuk memperjuangkan nasib pekebun-pekebun kecil ini di mana dengan izin, *the spirit behind* dana-dana yang kita cadangkan dan kita peruntukkan ialah bahawa matlamat utama kita supaya pekebun-pekebun kecil kita yang mempunyai pokok-pokok yang berusia lebih 25 tahun, ditebang dan ditanam dengan klon-klon yang akan meningkatkan produktiviti mereka melalui klon-klon yang baru ini dan seterusnya secara langsung pendapatan mereka akan meningkat.

Jadi untuk kita membantu pekebun-pekebun kecil ini untuk menanam semula, maka kita cadangkan dana itu dan syarat yang dikenakan bahawa ia hendaklah mencagarkan tanah-tanah mereka ini. Kenapa kita hendak cagarkan, Yang Berhormat? Kita khuatir ada di antara pekebun-pekebun kecil tidak begitu serius apabila ia memandangkan bahawa ini adalah pinjaman yang tidak perlu dibayar. Maka bukan sahaja ia merugikan kerajaan tetapi yang penting sekali ia merugikan pekebun-pekebun kecil itu sendiri oleh kerana mereka tidak menghasilkan atau mengusahakan kebun-kebun mereka dengan begitu serius.

Akan tetapi sebaliknya pula oleh kerana wang pinjaman ini bukan wang bank tetapi daripada kementerian yang disalurkan kepada bank, maka kita telah pun secara senyap bahawa kita katakan sekiranya buah tandan segar jatuh kepada satu paras harga yang rendah, maka kita akan gantung pembayaran semula supaya tidak ada pekebun-pekebun kecil itu yang akan kehilangan tanah mereka tetapi kalau sekiranya harga, macam kata Yang Berhormat, pada masa kini begitu lumayan.

Dan kita mampu untuk memotong ses yang dikehendaki oleh Yang Berhormat bagi Jasin tadi, maka kita katakan bahawa mereka mampu untuk membayar pinjaman-pinjaman itu. Sekiranya, oleh kerana mereka tidak berusaha dengan gigih, oleh kerana mereka tidak mengusahakan dengan serius, maka mereka haruslah menerima penalti-penalti yang telah kita kenakan, yang kita telah syaratkan tetapi bukanlah hasrat kerajaan ataupun kementerian untuk mengambil alih tanah-tanah pekebun-pekebun kecil ini.

Untuk makluman Yang Berhormat bahawa saya sendiri telah pun pergi merata-rata tempat di negeri-negeri di negara kita ini, menerangkan kepada pegawai-pegawai daripada Bank Pertanian itu sendiri, menerangkan cara-cara untuk mereka memohon dan kita juga telah sarankan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat pada kawasan-kawasan yang tertentu bahawa proses ataupun borang-borang permohonan yang kita kemukakan begitu senang sekali untuk mereka memahaminya.

Kita juga telah pun bersetuju dengan Bank Pertanian Malaysia bahawa sekiranya mereka memerlukan bantuan untuk mengisi borang-borang tersebut, maka sekiranya kita ada mempunyai pejabat-pejabat di kawasan tertentu, pegawai-pegawai dari MPOB akan membantu mereka dan sekiranya kita tidak mempunyai pejabat-pejabat di kawasan-kawasan yang tertentu itu, maka pegawai Bank Pertanian akan membantu mereka.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya berpengalaman bekerja dengan pekebun kecil. Melalui bantuan tanam semula memang RM2200 itu hak mereka tetapi kita sekat-sekat bayar tahun, tahun dan kita kena pastikan tiap-tiap bantuan yang pertama selepas tebang pokok getah, bantuan kedua selepas tanam, bantuan ketiga ini kalau dia bersihkan dalam masa setahun, bila dia bersihkan kebun dia dan melalui bantuan yang ada ini pun barulah kita salurkan baja-baja untuk digunakan di ladang.

[Tuan Pengerusi (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Baja yang diberi bantuan ini walhal hak mereka. Itu pun dijual. Kalau tidak ada buat sekatan macam ini, kebun timbul lalang. Ini mentaliti pekebun kecil. Itulah sebabnya yang kita kemukakan pada hari ini kalau hendak mengharapkan pekebun-pekebun kecil pergi ke Bank Pertanian dengan apa yang diceritakan oleh Yang Berhormat, saya penuh yakin dan percaya Skim Tanam Semula Pekebun Kecil ini, kelapa sawit tidak tumbuh, lalang akan tumbuh dan perkara ini akan gagal. Duit pun lesap.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Petani akhirnya akan susah balik, Tuan Pengerusi. Jadi kita minta, merayu sekali lagi bagi pihak pekebun kecil dan orang kampung supaya kementerian fikirkan supaya Skim Tanam Semula Kelapa Sawit ini mencontohi RISDA yang mana pada hari sudah berjaya untuk membangunkan pekebun-pekebun kecil getah. Terima kasih.

**Datuk Anifah bin Haji Aman:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, ingin saya beri statistik sedikit di sini bahawa sehingga 31 Mac 2006, Bank Pertanian Malaysia telah pun menerima sebanyak 2,821 permohonan dengan nilai pinjaman sebanyak RM136.40 juta bagi keluasan 25,119.21 hektar. Daripada jumlah tersebut, Yang Berhormat, sebanyak 2,215 permohonan telah pun diluluskan oleh Bank Pertanian Malaysia dengan nilai sebanyak RM77.74 juta bagi membiayai tanaman semula seluas 16,000 lebih hektar. Saya faham dengan maksud Yang Berhormat tadi tetapi Yang Berhormat, apa yang Yang Berhormat cadangkan sebagai yang dilakukan oleh RISDA dan daripada tanaman semula, saya ingat Yang Berhormat agak bercampur-aduk di antara penanaman semula daripada getah ke getah dan skim yang kita wujudkan dan juga getah ke kelapa sawit.

Untuk makluman Yang Berhormat juga bahawa setiap hektar untuk penanaman semula, kita bagi RM6000 sehektar kepada pekebun kecil dengan faedah 4% dan kita bagi *grace period* selama empat tahun dan pembayaran selama sepuluh tahun dan pembayaran permulaan, Yang Berhormat, daripada RM6000 sehektar itu ialah selepas enam bulan dan ianya 37% daripada RM6,000. Daripada RM6000 itu kita bahagikan kepada empat pembayaran.

Yang pertama saya katakan tadi, 37%, yang kedua 35% dan yang ketiga 15% dan akhir sekali 13%, dan semua pembayaran ini kita laksanakan dalam jangka masa setahun. Mengikut jadual-jadual atau pun peringkat penanaman yang dilakukan oleh pekebun-pekebun kecil. Dan daripada pengalaman kita Tuan Pengerusi, pekebun-pekebun kecil yang mengemukakan permohonan mereka, dan apabila kita tinjau dan kita nilai dan kita luluskan, rata-rata sekali bahawa mereka-mereka ini tidak mempunyai masalah untuk melaksanakan kebun-kebun mereka yang telah pun mereka tebang dan ditanam dengan klon-klon yang baru.

Yang tumbuh lalang itu Tuan Pengerusi, memang apa pun kita bagi dia akan ambil duit itu, kalau kita bagi percuma dia akan ambil duit tapi kebun masih, tanah masih juga tinggal lalang. Ini juga Yang Berhormat, saya ingat kalau kita tinjau, macam yang kita lakukan di kementerian kita sendiri turun ke bawah, kita memantau, kita melihat keadaan yang sebenarnya. Barangkali Yang Berhormat melihat daripada kawasan Jasin, satu, dua contoh Yang Berhormat lihat tetapi kita melalui MPOB ini, melalui kementerian ini, kita pergi merata-rata tempat untuk mengkaji cara mana yang terbaik.

Pada masa kini Yang Berhormat, kita dapati ini adalah cara yang terbaik, orang-orang yang telah pun menerima bantuan-bantuan itu telah pun mereka laksanakan dengan begitu baik sekali. Dan setakat ini, kita tidak ada perancangan untuk menukar cara kita, selain itu bahawa skim ini tidak menunjukkan kesan yang baik kepada pekebun-pekebun kecil.

Satu lagi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tentang penglibatan pekebun-pekebun kecil dalam industri hiliran, melalui Pusat Tunas Yang Berhormat, kementerian dan MPB mendidik dan memberi latihan mengenai teknologi-teknologi terkini kepada pekebun-pekebun kecil agar mereka dapat menambah pendapatan mereka, dan terpulanglah kepada pekebun-pekebun kecil sama ada mereka ingin mengikut tunjuk ajar apa yang telah diadakan oleh Tunas dan kita juga mengharapkan bahawa mereka ini bukan sahaja berpuas hati dengan menanam tanaman mereka, tetapi juga berkecimpung dalam industri hiliran ini.

Perkara yang telah dibangkitkan oleh kementerian ini, konsep mini *estate*, yang telah pun dilakukan oleh RISDA, dan ini kita selalu menggalakkan bahawa kelapa sawit juga melalui seperti konsep yang telah dipraktikkan oleh FELCRA, di mana kita menggabungkan tanah-tanah yang terbiar, tuan-tuan punya tanah yang tidak mengusahakan tanah-tanah mereka, supayanya diusahakan, dan di antara agensi-agensi kerajaan yang telah pun mengusahakan tanah-tanah seumpama itu ialah FELCRA dan ini yang kita selalu galakkan kepada pekebun-pekebun kecil supaya mereka...., apa yang kita panggil pengurusan yang berkelompok atau pun *land consolidation*.

Jadi oleh itu Yang Berhormat, bahawa banyak lagi bantuan-bantuan yang telah pun kita beri kepada pekebun-pekebun kecil dan apa yang tuduhan Yang Berhormat bahawa kementerian ini menitik beratkan kepada pengusaha-pengusaha besar adalah tidak tepat dan banyak lagi bantuan-bantuan yang kita beri juga termasuk bantuan baja, skim bantuan selia dan banyak lagi termasuk juga tunjuk ajar daripada pihak MPOB supaya pekebun-pekebun kecil kita ini dapat meningkatkan pendapatan mereka daripada semasa ke semasa. Dan saya ingat itu sahaja Tuan Pengerusi yang telah pun dikemukakan oleh kedua-dua Yang Berhormat dan sekiranya ada lagi yang tertinggal insya-Allah akan dikemukakan secara bertulis kepada Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM13,000,000 untuk Maksud P.20 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2005 di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM13,000,000 untuk Maksud P.20 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2005.

**Maksud B.22 [Jadual] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Maksud bekalan B.22 di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah terbuka untuk di bahas. Yang Berhormat bagaimana Tuaran.

**7.15 mlm.**

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam jawatankuasa maksud B.22 Kementerian Luar Bandar dan Wilayah butiran 02/100 sumber manusia dan pentadbiran iaitu untuk makluman perkhidmatan dan bekalan berjumlah RM26,284,000, saya tidak ada masalah untuk menyokong perbelanjaan ini, peruntukkan ini, malah kita alu-alukan dan kita menyokong kerja-kerja yang selama ini dibuat oleh kakitangan kementerian.

Tuan Pengerusi, apa yang saya ingin nyatakan di sini ialah kita sudah sekian lama bercerita tentang ini, sehingga sampai mana, sampai bila? Kita harus mengatasi, memberi kemudahan asas di kawasan luar bandar. Kemudahan asas seperti bekalan elektrik, bekalan air dan juga jalan.

Dan kita juga telah bercerita tentang perlunya *database* atau satu pangkalan data di kementerian, supaya dengan ini kita dapat berjuang untuk mendapatkan keutamaan, dalam peringkat dasar perbincangan saya menyatakan bahawa, bagaimanakah sebenarnya kerajaan memberi keutamaan dari segi pengagihan peruntukkan. Kita lihat bahawa peruntukkan besar untuk tempat-tempat lain, nasib baik juga jambatan ke Singapura ini di tarik balik, tidak jadi, dapat juga kita gunakan peruntukkan ini untuk orang luar bandar tetapi persoalan saya kenapa...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ini imbuhan tetap rumah bagi anggota yang dilantik.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Saya tahu, saya tahu Tuan Pengerusi. Tetapi persoalannya di sini, persoalan saya apakah kesemua keperluan-keperluan luar bandar ini sudah diserahkan oleh pegawai-pegawai berkenaan ke Kementerian Kewangan? Ini persoalannya sekarang... [*Tepuk*] Ini persoalan..., apakah sudah dihantar? Dan sebagai contoh bagi negeri Sabah, kerajaan negeri Sabah menghantar peruntukkan sebanyak RM146,000,000 untuk bekalan elektrik luar bandar ke Kerajaan Persekutuan dan akhirnya yang diluluskan untuk tahun ini hanya RM47 juta untuk tahun ini.

Dan bagi kawasan saya Tuan Pengerusi, kami Cuma memerlukan hanya RM12 juta untuk menyelesaikan satu-satu masalah. Dan tahun ini yang diluluskan hanya empat kampung daripada hampir 40 buah kampung, dan kalau beginilah gayanya, saya fikir sebelum pilihan raya pun tidak selesai. Kita tidak akan selesai, dan kalau tidak selesai sampai pilihan raya, susah kita berhadapan dengan rakyat. Jadi persoalan di sini ialah, saya amat yakin dengan kakitangan ini yang sudah menghantar ke pihak Kementerian Kewangan, tapi saya ingin tahu, saya ingin penjelasan, apakah sebenarnya alasan yang diberi oleh pihak Kementerian Kewangan atau pihak yang bertanggung jawab untuk mengagihkan ini, untuk tidak memberi peruntukkan. Apa lagi, ini untuk tahun depan dan sebagainya, untuk bekalan elektrik dan sebagainya.

Sebab Tuan Pengerusi, kerajaan dalam segi bekalan elektrik ini, Kementerian Pelajaran sebagai contoh dia beri *genset* di kawasan 85 buah sekolah rendah. Dan yang menggunakan *genset* begitu banyak. Dan sehingga hari ini tidak boleh digunakan sebab masalah diesel, dan sampai dua tahun tidak boleh digunakan lagi. Dan ini merugikan kerajaan. Kalau kita tidak dapat bekalan elektrik macam mana? Inilah persoalan kita sekarang. Apa sebenarnya alasan, alasan daripada pihak..., kita banyak duit..., dulu...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat saya memang bersimpati dengan masalah yang dihadapi tetapi terkeluar jauh sangat daripada tajuk

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Okay, saya cuma minta Tuan Pengerusi penjelasan, apa alasan apabila pegawai daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini menghantar senarai-senarai ini?

Apa alasan daripada pihak EPU, apa alasan daripada pihak Perbendaharaan yang ini tidak diberi? Itu saya minta penjelasan dan kalau itu alasan-alasannya saya ingin tahu apakah lagi langkah-langkah yang harus kita ambil untuk memastikan supaya kita ini diberi keutamaan dan kita ini bukan hendak tukar. Bukan selepas membuat keputusan, dan bila kita bising-bising di Parlimen baru tahu ini terlupa pula. Saya ingin tahu. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, lepas itu Menteri jawab.

**7.19 mlm.**

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada B.22 butiran 020100.

Saya percaya tambahan peruntukan untuk menampung bayaran gaji termasuklah anggota Kemas dan sebagainya. Saya ucapkan tahniah kerana pihak kementerian telah pun menaikkan gaji anggota Kemas. Walau bagaimanapun sehingga hari ini saya dapati bahawa masih banyak kekurangan guru-guru Kemas terutamanya di kawasan perkampungan Orang Asli. Saya lihat banyak kawasan Orang Asli yang masih tidak mempunyai pendidikan prasekolah kerana kekurangan guru, alasannya tiada guru. Dari segi syarat mereka memenuhi syarat, kerana syarat untuk menubuhkan sebuah kelas tadika Kemas ialah mesti tidak kurang daripada 20 orang kanak-kanak dan mereka mempunyai kanak-kanak yang kadang-kadang lebih daripada 20 orang.

Akan tetapi alasan yang diberi oleh pihak kementerian ialah tidak mempunyai guru dan saya harap pihak kementerian memberikan fokus kepada perkara ini, kerana kalau tidak anak-anak daripada perkampungan Asli dan pedalaman ini akan terus ketinggalan. Pada tahun 2000 36% daripada anak-anak di seluruh negara bukan sahaja Orang Asli tidak pernah memasuki prasekolah. Saya percaya daripada 36% tersebut sebahagian besarnya adalah masyarakat Orang Asli. Jadi saya amat berharap supaya di dalam kita bercakap soal modal insan dan sebagainya, nasib anak-anak Orang Asli yang tidak pernah bersekolah di tadika dan sebagainya diberikan perhatian. Okey, itu sahajalah yang saya hendak sebut...

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Penjelasan sedikit.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik. Dah habis?

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih sahabat dari Bera terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin minta sedikit pandangan atau penjelasan daripada sahabat saya dari Bera. Soal kakitangan Kemas ini yang kita bincang ini, soal imbuhan perumahan dan bagi anggota yang dilantik secara kontrak. Saya ingin bertanya Yang Berhormat soal kakitangan-kakitangan Jabatan Kemas. Adakah Yang Berhormat setuju dengan saya kalau jabatan ini mengambil peserta-peserta daripada NGO untuk membantu pusat-pusat Kemas di tempat-tempat luar bandar ini dan beri mereka dengan elaun dan sebagainya. Minta penjelasan sedikit.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih. Saya bersetuju dengan pandangan rakan saya, sebab saya sendiri pun beberapa kali menulis surat kepada pihak kementerian memaklumkan bahawa kita kekurangan guru Kemas di kawasan perkampungan Orang Asli, dan alasan daripada pihak kementerian ialah mereka masih belum mendapat guru. Mungkin hendak menunggu jawapan daripada pihak JPA dan sebagainya. Kalau inilah yang boleh dipertimbangkan oleh pihak kementerian, saya yakin apa yang disuarakan oleh rakan saya akan dapat membantu kita menyelesaikan masalah kekurangan guru. Saya juga berharap di kawasan-kawasan pedalaman yang jauh, saya percaya rasa bukan sahaja di Semenanjung mungkin di Sabah di Sarawak. Saya percaya di kawasan masyarakat Penan, masyarakat Orang Hulu dan sebagainya, kadang-kadang mungkin mereka tidak mempunyai 20 pelajar.

Saya kira kalau kurang pelajar sekalipun, kalau boleh diambil guru sebagai NGO dan sebagainya dan diberi elaun untuk mengajar kanak-kanak yang tinggal di kawasan pedalaman saya yakin masalah kanak-kanak yang belum ke sekolah, yang prasekolah ini yang tidak bersekolah dapat kita selesaikan.

**Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Padang Terap.

**Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]:** Terima kasih Tuan Pengerusi terima kasih sahabat saya daripada Bera. Setuju tidak Yang Berhormat Bera sekarang ini Kemas banyak menumpukan sekolah-sekolah tadika di kawasan perumahan. Sudah pasti di kawasan perumahan terdapat tadika swasta, di mana penghuninya mampu membayar yuran bulanan kerana mereka orang berada. Kenapa tidak pihak Kemas mengalih pandangan supaya membuka kelas-kelas tadika di kawasan pedalaman, memberi pendidikan yang lebih sempurna supaya anak-anak ini di kawasan luar bandar. Saya rasa ada empat lima tadika yang wujud di taman-taman perumahan. Jadi adakah Yang Berhormat setuju supaya Kemas membawa tadika di kawasan luar bandar memberi peluang anak-anak luar bandar untuk prasekolah ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih. Ya saya bersetuju sebab di kawasan bandar bukan sahaja ada tadika swasta, tetapi juga ada tadika perpaduan di bawah Kementerian Perpaduan dan di kampung-kampung, di kawasan perkampungan yang sudah ada sekolah kebangsaan. Di situ ada tadika prasekolah di sekolah kebangsaan. Jadi saya setuju bahawa Kemas sepatutnya menumpukan perhatian di luar, di kawasan-kawasan yang tidak ada sekolah, yang jauh daripada kawasan-kawasan tadika swasta, tadika perpaduan dan sebagainya. Akhir sekali....

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik cukuplah Yang Berhormat. Kuala Selangor.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Akhir sekali selain daripada sekolah tadika, membantu masyarakat untuk guru-guru yang mengajar kelas menjahit dan kelas-kelas memasak dan sebagainya perlu diperbanyakkan kerana kadang-kadang kita sebagai wakil rakyat diminta untuk memberikan mesin jahit, memberikan alat memasak dan sebagainya, bila kita cek balik.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Bila cek balik mereka tidak dapat menjalankan aktiviti ini alasan diberikan kerana Kemas tidak menyediakan guru-guru, tidak menyediakan tenaga pengajar untuk membantu mereka mengajar menjahit dan sebagainya. Jadi perkara ini juga perlu diberi tumpuan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** *Last*, akhir.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Bera kita sedar bahawa betapa penting dan besarnya peranan pegawai-pegawai Kemas untuk membangunkan masyarakat khususnya dalam memastikan pembangunan insan, menyahut seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi memastikan Rancangan Malaysia Kesembilan berkesan. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa peranan Penyelia Kanan Kemas di peringkat Parlimen sepatutnya bekerja lebih rapat dengan Ahli-ahli Parlimen untuk merencanakan program yang saya sebutkan tadi. Dan adakah juga Yang Berhormat bersetuju bahawa Penyelia Kemas di setiap DUN patut diwujudkan semula bagi.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** Memperkukuhkan Kemas itu sendiri. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tentu dia bersetujulah.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih dan saya bersetuju Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ini Bera sudah jadi menterilah.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Saya bersetuju dengan pandangan rakan saya daripada Kuala Selangor dan minta kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberikan penerangan. Terima kasih saya menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**7.27 mlm.**

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Zainal Abidin bin Osman]:** Tuan Pengerusi bagi pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, saya ingin merakamkan berbilang-bilang ucapan terima kasih kepada dua orang Ahli Yang Berhormat bagi Tuaran dan Yang Berhormat bagi Bera yang sudi turut serta untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan Kedua Tahun 2005 di peringkat Jawatankuasa pada awal malam ini. Termasuk juga tiga orang Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Putatan, Padang Terap dan Kuala Selangor yang telah mengemukakan, mencelah pada soalan dan dijawab oleh rakan saya yang memang layak menjawab bagi macam menterilah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Dia jawab bagi pihak Yang Berhormat tadi. Jadi tak payah jawab lagi Yang Berhormat.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, jumlah RM26.284 juta ini adalah untuk tambahan Perbelanjaan Mengurus Kedua 2005 bagi kementerian ini khusus untuk menampung gaji, elaun khidmat awam dan imbuhan tetap perumahan bagi kakitangan yang dilantik secara kontrak untuk menampung bayaran imbuhan tahunan 2005. Kesemua jumlah ini Tuan Pengerusi adalah tambahan untuk Jabatan Kemajuan Masyarakat ataupun Kemas.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga kini sejumlah 13,821 kakitangan Kemas telah dilantik secara kontrak, manakala masih terdapat 1,322 jawatan yang masih kosong dan akan dilantik secara berperingkat-peringkat...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sedar tak pihak kerajaan dan dalam konteks yang kita perbahaskan ini pihak Kementerian Luar Bandar, banyak kakitangan kontrak yang apabila tamat bekerja kerana umur dia tertakluk kepada JPA, tiba-tiba dia jadi miskin yang tegar, dia tak ada pencen dan waktu itu umurnya 55 hingga 56 tahun, badan masih segar, selera masih ada, badan masih tegap tetapi tiba-tiba hilang mata pencarian. Tiba-tiba gaji yang seribu lebih seumpama penyelia kemas berhenti hari ini besok jadi miskin tegar kerana tidak ada lagi pendapatan.

Apakah kerajaan tidak hendak memikirkan beberapa jawatan dalam kementerian-kementerian yang tertentu, yang berjawatan seperti jawatan yang dikontrakkan macam penyelia Kemas dan guru Kemas, penerangan, banyak kalau hendak saya perkatakan. Mereka berhenti sahaja, walaupun sebenarnya mereka berkhidmat berpuluh tahun, tiba-tiba...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, tadi saya sudah tutup perbahasan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ini pasal dia sedang menjawab.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi, minta penjelasanlah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya minta penjelasan. Tuan Pengerusi, saya tadi hendak bangun dalam Kementerian Kewangan hendak menceritakan tentang rasa pedih mereka yang berjasa kepada negara berpuluh tahun, dia bekerja di baris hadapan tetapi apabila mereka bersara tiba-tiba mereka hilang mata pencarian, hendak kerja di tempat lain sudah tidak boleh lagi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Apakah cadangan Yang Berhormat?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Itu saya hendak tanya kerajaan. Kalau saya yang menjawab, saya jadi kerajaan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** No, apakah cadangan Yang Berhormat kepada...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Cadangan daripada saya harus agaknya kerja kontrak ini pun boleh diserapkan kalau apabila telah bekerja sekian-sekian tahun menjadi pekerja tetap....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, cukup.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** ...Dan diberikan pencen supaya dia tidak hilang mata pencarian dan tiba-tiba dia Tuan Pengerusi, kawan saya penyelia KEMAS, hutang kereta belum habis, hutang rumah belum habis, umur 56 tahun, mata pencarian terputus, tidak ada pendapatan, dia menjadi miskin tegar...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Jumpa Yang Berhormat selaku wakil rakyat. Cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Biasalah itu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Menteri boleh jawab.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Cukup!

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, cukup.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, baik. Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Kerajaan sememangnya sedar dan sangat maklum tentang apa yang Yang Berhormat bangkitkan tadi dan saya yakin dan percaya dalam kakitangan Kemas yang dilantik secara kontrak di seluruh negara yang berjumlah 13,821 hari ini, kalau dia lihat apa yang Yang Berhormat cakapkan tadi adalah satu pembelaan yang cukup hebat bagi mereka dan saya yakin dan percaya mereka akan menyanjung Yang Berhormat sampai bila-bila.

Walau bagaimanapun, di pihak kementerian kita mempunyai beberapa kekangan dan saya pasti masa ke semasa perkara kebajikan tentang kakitangan Kemas ini akan diputuskan dengan cara yang terbaik oleh kerajaan dan sama-samalah kita berharap supaya negara kita akan lebih aman makmur, lebih teguh ekonominya supaya lebih banyak aliran wang yang masuk ke dalam negara ini, supaya kita dapat melihat kakitangan-kakitangan yang di peringkat kontrak itu dapat diserapkan dalam jawatan tetap. Itu yang lebih baik untuk semua pihak.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Pengerusi, dahulu jawatan Kemas ini ia jawatan politik, ada kaitan dengan politik, okeylah tetapi sekarang dia masuk dengan kelulusan JPA, maknanya dia sudah masuk dalam perkhidmatan awam, jadi perkataan kontrak itu agaknya harus dibatalkan.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat, saya ambil maklum pandangan Yang Berhormat dan saya akan bawa balik untuk pertimbangan kementerian selanjutnya.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Tuan ada bertanyakan tentang sampai bila kemudahan asas akan disediakan dan sampai bila perkara ini akan dapat diselesaikan. Memang kita terpaksa melakukan perkara ini peringkat demi peringkat dan saya lihat peratusnya meningkat dari masa ke semasa.

Peraturan dalam Rancangan Malaysia Keenam ditingkatkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Peraturan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh lebih baik daripada Rancangan Malaysia Keenam dan seterusnya. Rancangan Malaysia Kesembilan ini sudah tentunya lebih baik daripada Rancangan Malaysia Kelapan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat sehingga kini untuk bekalan elektrik luar bandar di Semenanjung Malaysia kita telah mencapai 98.6%, di Sabah 72.8% dan di Sarawak 84% peningkatan daripada tahun-tahun sebelumnya. Begitu juga untuk air luar bandar, di Semenanjung 96%, Sabah 62% dan Sarawak 62%. Tuan Pengerusi, untuk jalan kampung ini sahaja...

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Tuaran bangun.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Sekejap saya habiskan dahulu. Untuk jalan kampung ini sahaja Yang Berhormat, kita telah membina 20,343 kilometer. Kalau kita bayangkan Lebuhraya Utara-Selatan dari Bukit Kayu Hitam sampai ke Johor, panjangnya cuma 734 kilometer tetapi jalan luar bandar ini berkali-kali ganda luasnya, berjumlah 20,343 kilometer dari Perlis sampailah ke Sabah.

Dan, Yang Berhormat bagi Tuaran tadi bertanya adakah kita telah menyerahkan kepada Kementerian Kewangan apa yang diminta oleh negeri-negeri. Untuk Rancangan Malaysia Kesembilan ini, jumlah untuk satu kementerian kita sahaja, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, kita menerima permintaan dari negeri-negeri berjumlah RM32 bilion. RM32 bilion kita terima dari semua negeri.

Setelah ditimbang, diteliti dan dianalisis mengikut keperluan-keperluan mendesak kita telah menghantar kepada Kementerian Kewangan sejumlah RM17 bilion, hampir separuh daripada yang diminta oleh negeri-negeri, kita ketengahankan berjumlah RM17 bilion, tetapi jumlah yang diluluskan cumalah RM10.96 juta dan kalaulah dapat alasan diberi saya tidak ada peluang untuk duduk dengan pegawai-pegawai Kementerian Kewangan di waktu itu kerana saya belum berkhidmat di kementerian ini.

Akan tetapi saya yakin dan percaya alasan ini tidak lain dan tidak bukan adalah berdasarkan aliran tunai negara yang perlu dibahagi-bahagikan kepada semua kementerian, 26 kementerian lain juga perlu mendapat apa yang diminta oleh kementerian masing-masing. Saya sangat maklum, sangat bersimpati kepada Yang Berhormat bagi Tuaran yang tidak henti-henti dari dahulu menyuarakan masalah-masalah yang timbul di kawasan beliau dan saya yakin rakyat di sana cukup berbangga dengan Yang Berhormat, tetapi di kementerian ini kita terpaksa mengagih-agihkan kepada semua kawasan-kawasan yang memerlukan, Yang Berhormat...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** *[Bangun]*

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Jerai

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya, sedikit sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Badan tidak sihat, boleh balik awal.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Sedikit sahaja.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Sekejap, Yang Berhormat bagi Tuaran dahulu.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Orang tidak sihat, beri dahululah... *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau tidak sihat boleh balikkah Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tanggungjawab, Tuan Pengerusi.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mendengar penjelasan Yang Berhormat tadi, kita terima penjelasan ini dan sasaran peratusan, pencapaian dan sebagainya, itu semuanya baik, 90%, 90% tetapi persoalan saya adakah pihak kementerian mempunyai nama sebenarnya kampung-kampung agaknya. Katakan kawasan seluruh Sabah untuk kampung yang belum lagi mendapat bekalan elektrik. Adakah kita mempunyai senarai-senarai ini sebab jika sekiranya kita mempunyai senarai ini, tentu sekali kita akan memberi keutamaan kepada kampung-kampung yang bermasalah ini terlebih dahulu. Kita akan beri keutamaan bagi seluruh negara dan kita boleh katakan, bagi negara kita Malaysia, bilangan kampung atau rumah panjang yang belum lagi mempunyai bekalan elektrik adalah sekian-sekian dan kita akan dapat selesaikan pada sekian tarikh ataupun sekian tahun dan sebagainya.

Dan, alasan aliran tunai dan sebagainya itu cuma keputusan. Ya, okay, aliran tunai kita begini tetapi dari segi keutamaan kita kena buat begini sebab ini lebih menguntungkan negara. Jangan *double*, seperti mana yang saya katakan tadi dalam sebuah sekolah, sekarang kita beri *genset*, *genset* dua tahun rosak. Lepas itu kita beri lagi, dua tahun rosak tetapi kalau kita beri bekalan elektrik, daripada grid ia boleh bertahan lama. Jadi, persoalan di sini ialah apakah pihak kementerian mempunyai senarai nama-nama kampung yang belum lagi mendapat kemudahan asas ini, khususnya dalam soal bekalan elektrik dan luar bandar. Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat, pandangan dan ulasan Yang Berhormat akan menjadi sebahagian daripada pandangan kita dari semasa ke semasa. Saya ingin menjawab sedikit pandangan daripada Yang Berhormat bagi Sri Gading, Tuan Pengerusi, tentang pekerja kontrak Kemas ini. Sekarang ini kita dalam proses untuk menyerapkan guru-guru Tabika Kemas dalam jawatan tetap setaraf dengan skim jawatan DG29, iaitu guru prasekolah, selaras dengan guru prasekolah lain di Kementerian Pelajaran Malaysia. Jadi, seperti yang Yang Berhormat bagi Sri Gading minta tadi itu dari semasa ke semasa kita bermula dengan menyerapkan dahulu guru-guru Tabika Kemas dalam jawatan tetap...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Sedikit Tuan Pengerusi orang Islam, kasihan dekat orang miskin ini.

Saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah ini buat kerja sungguh. Cuma satu Tuan Pengerusi, saya hendak tanya sedikit dari segi membasmi kemiskinan ini, PPRT ini...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, terkeluar daripada tajuk.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tidak. Tidak. Tidak terkeluar dia kementerian itu juga, Kemas ini periksa...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sekarang kita bincang gaji pegawai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Pegawai Kemas ini pergi *check* rumah orang susah di kampung-kampung ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Dia sudah sakit, balik-baliklah Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tidak apa, kita tengok lain kali. Sebenarnya saya hendak tanya Rancangan Malaysia Kesembilan kita hendak perhabis. Sebelum *midterm review* itu boleh tidak kita selesaikan masalah rumah PPRT ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, cukuplah Yang Berhormat. Boleh ambil catatan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Kerana pegawai-pegawai Kemas dok *check* itu apa semua itu jadi kita dapat *feedback* daripada Penyelia-penyelia Kemas, guru-guru Kemas tentang kesusahan orang-orang kampung ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Pandangan Yang Berhormat itu telah dicatatkan dan kita akan melihat apa yang terbaik dapat kita berikan kepada orang kampung kerana kita sama daripada kampung.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Bera telah membawakan persoalan tentang Orang Asli. Tentang Orang Asli ini secara keseluruhannya kita ada 149,000 Orang Asli di seluruh negara tetapi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini peruntukan yang kita belanjakan keseluruhan masuk pelajaran untuk Orang Asli adalah sebanyak RM351 juta. Orangnyanya seramai 149,000 tetapi peruntukan RM351 juta. Begitu besar sekali, pendidikan Orang Asli tidak akan diabaikan malah kementerian telah pun memberi anugerah dari masa ke semasa kepada mereka apabila mereka berjaya dalam peperiksaan SPM atau pun STPM.

Tuan Pengerusi, kita dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, bolehlah Yang Berhormat, cukuplah.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Sedikit lagi. Akan membina 201 buah Tadika di semua negeri untuk Orang Asli dan 20 Tadika baru akan kita bina untuk Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Saya rasa itulah jawapan yang dapat saya berikan kepada Yang Berhormat bagi Tuaran dan Yang Berhormat bagi Bera.

Saya harap jawapan ini memuaskan dan saya bagi pihak kementerian mengucapkan berbilang-banyak terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM26,284,000 untuk Maksud B.22 di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM26,284,000 untuk Maksud B.22 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual.

#### **Maksud P.23 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2005] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kepala Pembangunan P.23 di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Tanjong.

#### **7.45 mlm.**

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh tentang Butiran 15400 - Rancangan Pengurusan Sungai, dan juga Butiran 16700 - Perparitan dan Tebatan Banjir.

Untuk rancangan pengurusan sungai, saya ingin membangkitkan Sungai Juru yang disifatkan sebagai sungai yang paling kotor sekali bukan sahaja di negara Malaysia tetapi di seluruh Asia Tenggara. Saya ingin tahu Kempen Cintai Sungai yang dilancarkan 13 tahun yang lalu. Apakah Kempen Cintai Sungai ini masih dijalankan sebab dalam menguruskan sungai, bukan sahaja bayaran kerja-kerja pembersihan dan pemulihan sungai amat tinggi dan jika kempen seperti Kempen Cintai Sungai ini tidak berjaya, ini bermakna bahawa lebih banyak peruntukan diperlukan untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan dan pemulihan sungai.

Dalam kes Sungai Juru, apakah kementerian akan melakukan untuk menyelamatkan Sungai Juru ini sebab ia pernah menjadi satu kawasan untuk nelayan dan juga untuk penternak sumber air dan ini telah menjejaskan pendapatan para nelayan di sekitar Sungai Juru ini.

Sehubung dengan perparitan dan tebatan banjir, saya ingin kementerian menjelaskan sama ada projek yang diberikan nama S12 di Bandaraya Georgetown sama projek ini sudah sempurna dilaksanakan. Sebab dalam sesi tahun lepas apabila saya bangkitkan perkara ini, Timbalan Menteri menjawab bahawa projek S12 Georgetown sudah siap disempurnakan tetapi sampai sekarang sebab projek ini terletak di kawasan Tanjong, saya masih nampak kerja-kerja dijalankan dan apakah sebenarnya projek ini sudah tamat seperti apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Berhubung dengan satu lagi batang sungai di Pulau Pinang, saya rasa Tuan Pengerusi pun ingat dalam sesi lepas, Yang Berhormat bagi Bagan dan saya sendiri pun ada membangkitkan berkenaan dengan Sungai Pinang. Mengapa projek ini masih ditunda-tundakan. Pada mulanya dikatakan akan tamat pada tahun 2005 tetapi apabila tahun 2005 sampai, projek ini ditunda kepada tahun 2007. Pada asalnya projek ini diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh tetapi nampaknya perlu tunggu sampai Rancangan Malaysia Kesembilan sebelum ia boleh disiapkan.

Jadi saya rasa, sistem penyampaian JPS dalam khususnya kes Sungai Pinang ini amat tidak memuaskan. Akhirnya saya juga ingin membangkitkan satu masalah yang pernah saya bangkitkan tetapi masih belum ada penyelesaian iaitu berhubung dengan masalah pengairan yang menghakis tanah persendirian di projek membina jalan lencongan barat Sungai Petani melalui Pekan Semeling di daerah Kuala Muda, Kedah.

Saya ingin tahu apakah piawaian yang digunakan oleh JPS untuk mereka bentuk longkang-longkang ataupun perparitan. Dalam kes ini, JPS didapati membina *road culvert* yang mengalirkan air masuk ke dalam tanah persendirian tanpa membina parit yang boleh mengalirkan air ke sungai dari *culvert* tersebut.

Ini satu perkara yang tidak memadai langsung sebab tanah-tanah persendirian bukan menjadi *natural waterway* ataupun alur yang semula jadi dan menjadi tanggungjawab JPS sebenarnya untuk memastikan parit-parit yang sesuai dibina dan kalau diperlukan, tanah-tanah persendirian ini di ambil alih menurut akta pengambilan tanah untuk membina perparitan yang sesuai dan bukan membiarkan satu projek jalan yang melibatkan pengairan ini dibiarkan mengalir masuk untuk mencerobohi tanah-tanah persendirian.

Saya ingin tahu apakah piawaian yang digunakan. Apakah ini lazim digunakan membiarkan air mengalir masuk ke tanah-tanah persendirian tanpa mengurusnya dengan membina parit yang sesuai. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Bagan, lepas itu Kepong dan pihak kerajaan jawab.

**7.49 mlm.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 15300 - Mengorek Kuala-kuala Sungai. Di sini ada RM10 juta diperuntukkan untuk membayar kemajuan bagi kerja-kerja pembaikan muara, pembinaan *drains* dan mengorek muara-muara sungai.

Saya ingin mendapat tahu dari mana selut-selut dan lumpur-lumpur yang dikorek dari kuala sungai di mana-mana tempat baik pun, di manakah selut-selut dan lumpur-lumpur ini dibuang? Kerana di kawasan Butterworth terdapat juga Kuala Sungai Juru, Kuala Sungai Abdul dan juga pengorekan-pengorekan dari pelabuhan-pelabuhan SPPP tetapi pengorekan dari pelabuhan-pelabuhan dermaga ini bukan kerja JPS, saya memang faham. Mereka membuang selut-selut dan lumpur-lumpur ini tidak jauh dari pantai.

Sebenarnya mengikut peraturan mereka perlu membuang selut-selut dan lumpur-lumpur ini di kawasan laut dalam supaya ia tidak dibawa balik oleh ombak-ombak ke tepi pantai tetapi apa yang berlaku sekarang ialah sebaliknya. Mereka membuang barang-barang ini di pantai dan apabila ombak besar, mereka bawa balik ke pantai jadi pantai pasir sudah menjadi pantai lumpur dan pantai selut.

Butiran 15400. Seperti apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong berkenaan dengan Kuala Juru. Kuala Juru sebenarnya terletak di sebelah kiri jambatan Pulau Pinang apabila kita hendak pergi ke Pulau Pinang. Di situlah ramai penternak-penternak kerang menternak kerang-kerang di selut-selut di sana. Apabila kita melalui Jambatan Pulau Pinang memang kita berbau busuk di sekitaran tempat itu. Pada masa sekarang apabila kita pergi makan *curry mee*, saya selalu pesan supaya jangan taruh kerang. Saya pun takut sebab di situ memang kotor tetapi peliknya kerang boleh hidup. Tidak tahulah apa sebabnya dia boleh hidup. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat sama ada kerang-kerang yang dibiak atau diternak di Kuala Juru itu selamat dimakan. Mungkin Yang Berhormat akan menjawab bahawa itu bukan tanggungjawab Yang Berhormat tetapi puncanya dari kekotoran sungai dan kerang-kerang yang diternak di sana adalah 'ciptaan' sungai ini.

Pada pendapat saya pembersihan dan pemuliharaan sungai perlu mendapat kerjasama dari kerajaan tempatan. Mengapa saya kata begitu? Begini, di kawasan saya iaitu di Bagan Lalang ada dua baris rumah yang disusun semula oleh pejabat tanah untuk penempatan semula di kawasan tersebut tetapi tiada tong sampah dibekalkan oleh kerajaan tempatan di sana. Sekiranya tiada tong sampah besar diletakkan di sana dan tiada tempat longgokan sampah, saya tidak nampak di mana-mana, kemanakah sampah-sampah ini pergi? Saya pernah lihat dengan mata saya sendiri, penduduk-penduduk di sana sambil mengayuh basikal dia ambil satu beg sampah terus pergi ke sungai dan 'terbangkan' sampah itu ke dalam sungai.

Jadi, usaha-usaha untuk membersihkan dan membuat tahanan di pelampung-pelampung untuk menahan sampah sarap di sungai-sungai itu tidak boleh menyelesaikan kerja kerana penduduk-penduduk di tepi sungai, mereka membuang sampah ke dalam sungai. Saya berharap Yang Berhormat boleh mengarahkan pegawai-pegawai supaya menyeru kerajaan tempatan supaya bekerjasama untuk membekalkan tong sampah atau menghantar pegawai-pegawai untuk mendidik penduduk-penduduk di tepi sungai supaya mereka tidak ada tabiat yang buruk ini. Sekian.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kepong.

**7.54 mlm.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, B.23 ini saya hendak membincangkan mengenai sungai dan tebatan banjir. Yang pertamanya, dengan peruntukan untuk tebatan banjir, saya hendak mengetahui mengenai peruntukan yang sebanyak RM20,000 bagi membiayai bayaran kemajuan bagi kerja membina dan membaik pulih struktur seperti pintu kawasan air banjir dan benteng, sungai, jalan-jalan di atas dan lain-lain yang rosak akibat banjir, perlulah pihak kementerian untuk memberitahu di manakah berlakunya pembaikan tersebut kerana di sini secara amnya ditulis di situ dan kemudiannya ada satu lagi, perparitan dan tebatan banjir lebih RM68 juta untuk bayaran kemajuan kerja, perkhidmatan perunding dan pengambilan balik tanah bagi kerja tebatan banjir.

Saya sebutkan hal ini kerana kadangkala kita nampak pihak kerajaan ada menyebut sesuatu peruntukan, misalnya di *SMART Tunnel* di Kuala Lumpur ada disebutkan bahawa kos yang diperlukan bagi kontraktor-kontraktor seperti *Road Builder* dan MMC ialah RM2.1 bilion, walhal kita tahu perbelanjaan oleh pihak kerajaan itu lebih daripada itu termasuklah wang untuk mengambil alih tanah di sekitar yang terbabit dengan projek *SMART Tunnel* itu. Saya berharaplah pihak Yang Berhormat dapat menjawab soalan-soalan yang saya timbulkan.

Seterusnya mengenai sungai, kita tahu bahawa sungai-sungai yang 'mati' yang diberi oleh pihak kementerian itu jumlah bilangannya ialah sembilan. Ini termasuk sungai Juru, Sungai Pinang dan Sungai Jejawi di Pulau Pinang ini nombor dualah itu, Sungai Buluh dan Sungai Klang di Selangor dan yang banyak sekali itu ialah di Johor. Johor itu teruk sekali.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa itu sungai mati?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Sungai mati ialah sungai yang tercemar sekali.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukan nama sungai?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Bukan. Sungai yang mati itu istilah alam sekitar, walaupun Yang Berhormat Menteri tidak berminat tetapi yang tercemar sekali, yang tidak patut berlaku. Ini termasuk Sungai Seget, Sungai Kempas, Sungai Danga dan Sungai Tukang Batu di Johor. Johor memanglah satu negeri yang istimewa dengan pencemaran kerana orang yang hendak buang sampah dia pergi ke Johor.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Termasuk orang Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tidak tahulah. Kita mempunyai hati yang baik tetapi di Johor, kita sering kali nampak ada pembuangan sisa toksik dengan begitu sahaja, di negeri lain kurang. Ini penarikan untuk negeri Johor. Saya di sini hendak bantu Yang Berhormat juga.

Di sini saya hendak mencadangkan supaya pihak kementerian mengkaji langkah-langkah termasuklah peranan yang perlu dimainkan oleh syarikat-syarikat termasuklah *CocaCola*, *Pepsi Cola*, yang mengeluarkan botol plastik, dan juga syarikat-syarikat yang lain untuk *snack* dan sebagainya, dan syarikat yang menjual air di dalam botol pun kita nampak banyaklah botol plastik ini, dan susah hendak kita menanganinya..., mungkin kita bagi syarat kepada syarikat-syarikat ini cara-cara untuk memelihara. Kita beli satu botol *CocoCola* dan buang ke dalam sungai dengan begitu sahaja.

Apakah peranan yang dimainkan oleh syarikat-syarikat seumpama ini? Sebab setakat ini kita tidak nampaklah langkah-langkah yang berkesan untuk mencegah pembuangan sampah ataupun plastik dengan begitu sahaja, ikut kehendak. Mungkin satu langkah lagi kita boleh kaji, misalnya jiran kita Singapura, orang tidak berani hendak buang, Yang Berhormat pun tahu. Sebab apa dia tak buang di Singapura, dia masuk ke Johor dia buang. Sebab apa? Mungkin kita kaji, Yang Berhormat Menteri Alam Sekitar mengkaji mungkin langkah-langkah yang digunakan di Singapura boleh diubahsuai untuk digunakan di sini. Misalnya kita tangkap seseorang yang membuang sampah boleh dimasukkan ke mahkamah, di penjara ataupun didenda untuk kerja *public service* dan sebagainya. Mungkin kita kajilah. Kita tidak boleh meniru Singapura kerana *nation-state* sahaja, tetapi mungkin pihak kementerian kaji cara-caranya, banyak lagi kita boleh sebutkan dan termasuklah kalau tidak silap saya faktor-faktor yang menyebabkan pencemaran ini, keladak lumpur dari kerja tanah dan juga sisa pepejal yang saya sebutkan tadi dan juga air larut meresap *leachate* dari tapak pelupusan terbuka.

Di sini saya hendak menekankan sekali lagi mengapa pihak kementerian membenarkan masyarakat seperti alam sekitar membuang kumbahan larut resap ke parit ataupun ke tasik dan sebagainya dengan begitu sahaja. Adakah itu dasar sekarang ataupun langkah diambil oleh pihak kementerian untuk mencegah kumbahan dibuang dengan begitu kehendak sahaja termasuk alam sekitar. Keladak dari perlombongan pasir sungai dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, di sinilah saya hendak mencadangkan supaya pihak kementerian mengadakan satu strategi ataupun pelan jangka pendek dan panjang untuk menghidupkan semula sembilan batang sungai tersebut, dan bermula dengan Sungai Klang walaupun ada beberapa langkah telah diambil tetapi patut di dalam 14 tahun lagi kita hendak jadi negara yang termaju di rantau ini ataupun negara yang bertaraf dunia mungkin satu strategi kita menjadikan Sungai Klang sebagai sungai yang hidup di dalam tempoh sepuluh tahun...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Banyak lagikah Yang Berhormat?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Banyak lagi?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Memang banyak lagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya takut nanti kita tinggal dua orang sahaja.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tidak, tidak, tidak. Saya ingat banyak lagi yang berminat di sini. Itulah sahaja. Banyak lagi tetapi saya pun kesian kepada orang yang hendak kembali ke rumah, saya pun hendak balik juga tetapi walau bagaimanapun, ini...

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat hendak minta penjelasan?... *[Bertanya kepada Yang Berhormat bagi Lipis dan Yang Berhormat bagi Putatan]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Siapa, siapa?

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Gulung.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, lepas gulung Menteri jawab. Saya sudah buat keputusan selepas Kepong Menteri jawab.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Pengerusi di sini bukan di situ... *[Sambil menunjuk kepada Yang Berhormat bagi Lipis dan Yang Berhormat bagi Putatan]* Cakap sahaja macam itu, kita ikut peraturan. Ya, saya banyak lagi dan kesian kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak kembali ke rumah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tanggungjawab.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tanggungjawab. Ipoh Timor tanggungjawab jadi saya boleh teruskanlah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat hendak ikut arahan sini atau arahan Ipoh Timor? Sekarang kena ikut arahan sini. Cukuplah Yang Berhormat. Masa cukup Yang Berhormat, sila duduk. Cukup, cukup.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Akhir sekalilah. Kita mesti ada langkah yang panjang, strategi yang cukup berkesan untuk menghidupkan semula sembilan batang sungai dan bermula dengan Sungai Klang dalam tempoh sepuluh atau 14 tahun ini kita hendak jadikan Sungai Klang, kita hendak jadikan ia seperti sedia ada seperti 50 tahun yang lepas. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah. Di sini ikut arahan Speaker. Setiausaha Parlimen jawab.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Kita mahu bahas ni Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya sudah buat keputusan selepas Kepong Menteri jawab.

**8.05 mlm.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Berhormat bagi Tanjong, Bagan dan juga Kepong yang telah berbahas berkenaan dengan Maksud P.23 - Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Saya ingin menyentuh berkenaan dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong, yang pertama sekali berkenaan dengan Kempen Cintai Sungai Kita yang masih lagi berjalan dan sebenarnya kempen ini telah...

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat baru *start* dah minta.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Dia sentuh, *Cintakan Alam dan Sungai...*

**Tuan Sazmi bin Miah:** Saya habiskan satu para lepas tu saya kasi Putatan. Jadi ia telah menunjukkan kejayaan sebenarnya Yang Berhormat, iaitu pada tahun 2000 kita semasa itu kita mempunyai 12 lembangan sungai yang tercemar.

Dan seperti Yang Berhormat Kepong cakap tadi, pada tahun 2005 kita sudah turun kesembilan lembangan sungai. Maksudnya tiga lembangan sungai telah balik kepada sungai hidup dan ini menunjukkan kejayaan tetapi walau bagaimanapun, pihak kita di Kementerian kita tahu kerajaan sahaja tidak akan dapat menjaga kebersihan dan pencemaran sungai tersebut. Kita berpendapat orang ramai, badan-badan bukan kerajaan dan juga termasuk pihak pembangkang harus memainkan peranan utama di dalam kita menjaga pencemaran alam sekitar kita dan menjaga lembangan sungai tersebut. Jadi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Putatan, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih sahabat Setiausaha Parlimen. Terima kasih Tuan Pengerusi. Ini soal cintakan sungai dan alam sekitar saya dengan dukacitanya peranan Kementerian Yang Berhormat, yang membantu kawasan Putatan yang telah berbalik-balik ditegur oleh pengundi dari kawasan Putatan, soal sungai-sungai yang mati akibat dengan penjurusan sungai yang baru itu. Sungai-sungai yang saya sentuh ini dari Kampung Sailan sampai Kampung Tebongan, Kampung Ulu Putatan. Sungai-sungai itu diduduki oleh penduduk-penduduk kampung ini di atas sungai tersebut dan penuh sampah sarap sehingga bot dan bila air pasang tidak mengalir ke laut. Baunya busuk, warna air sungai tidak ketentuan, tandas pun di situ juga.

Jadi mana kecintaan alam Yang Berhormat sentuhkan tadi. Sungai di Putatan teruk sekali Yang Berhormat. Jadi soal yang selalu dipermainkan oleh TV3 ini daripada Putatan juga. Bila hujan satu dua jam dia banjir kilat. Sungai yang saya sentuh di sini ialah Sungai Sindir yang berbalik-balik, saya terpaksa ke tempat itu pada pukul 3 pagi dipanggil oleh pengundi di situ. Jadi Yang Berhormat tolonglah. Kalau kita bilang cinta sungai ini betul-betul kotakanlah cinta sungai bersihkan sungai di situ. Sekian.

**Tuan Sazmi bin Miah:** Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Memang kita Kementerian, kita cintai sungai-sungai kita tetapi kadang-kadang penduduk dan juga orang-orang yang mencemarkan sungai tersebut tidak cintakan sungai. Kerajaan boleh mencuci sungai, buang sampah dan sebagainya tetapi apakah peranan dan tanggungjawab penduduk-penduduk dan juga Pihak Berkuasa Tempatan yang sepatutnya bersama-sama dengan kita.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Bera.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Penjelasan. Soal rakyat yang mencintai alam ini memang cinta. JPS (Jabatan Parit dan Saliran) ini hanya memberi RM2 semeter untuk membersihkan pada tiap-tiap enam bulan. Jadi adakah sungai yang selebar 10 hingga 15 kaki itu dibayar hanya RM2 satu meter. Tolonglah naikkan. Daripada 90 juta ini bagi kepada kawasan Putatan bagi RM10 satu meter barulah bersih.

**Tuan Sazmi bin Miah:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita akan cuba, saya ambil maklum ke atas Sungai Putatan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Bera.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, pihak Kementerian menjalankan kempen *Cintai Sungai*, dan sebagainya dan saya percaya banyak duit, wang dilaburkan untuk kempen mencintai sungai. Daripada hari ini kita tidak nampak kesan kerana yang pun mengatakan bahawa masalah pencemaran sungai ini adalah ditimbulkan rakyat atau masyarakat yang tinggal di tepi-tepi sungai.

Jadi, soalnya adakah kempen tersebut gagal dan kalau gagal adakah pihak Kementerian ingin membuat kempen yang baru kepada kempen *Cintai Sungai* ini.

**Tuan Sazmi bin Miah:** Untuk makluman Bera, kempen tersebut tidaklah gagal, tapi amat perlahan sekali dari segi apa yang kita dapati daripada hasil tersebut. Dan saya ingin saya nyatakan di sini bukan sahaja JPS tapi, Jabatan Alan Sekitar yang juga di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar terlibat di dalam kempen-kempen seperti satu sungai satu negeri dan sebagainya di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Lipis.

**Tuan Sazmi bin Miah:** Sungai, boleh.

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Jadi, dalam konteks Jabatan Alam Sekitar juga tentang sungai ini jadi saya nak mohon penjelasanlah sejauh mana sungai-sungai di kawasan saya terutama di kawasan hulu sungai iaitu Sungai Jelai, Sungai Lipis dan sebagainya yang pergi ke sungai Pahang diberi perhatian.

Kerana apa yang saya dimaklumkan baru-baru ini dalam mesyuarat tindakan daerah bahawa Jabatan Bekalan Air telah beberapa kali terpaksa menutup operasi mereka kerana air di Sungai Jelai teruk, Sungai Pahang terlalu berkeladak kesan daripada aktiviti alam sekitar yang terdapat di hulu sungai dan kami juga dalam mesyuarat itu juga dimaklumkan oleh pegawai Kesihatan Daerah bahawa racun-racun daripada Cameron Highlands ini dia akan turun melalui sungai dan terus masuk ke Sungai Pahang.

Dan dia kata, kalau kita selalu minum air yang tercemar ini kemungkinan kita akan menjadi cepat lupa. Jadi, saya pun risau juga nanti umur 60, saya tak kenal isteri saya sendiri, lupakan. Jadi, bukan sahaja saya itu kawan saya, sahabat saya daripada Bera pun minum air yang sama. Jadi, macam mana penjelasan, bagaimana hari ini diberi perhatian serius oleh pihak kementerian. Terima kasih.

**Tuan Sazmi bin Miah:** Terima kasih Yang Berhormat Lipis, saya takut saya lupa ni, Sungai Jelai dengan Sungai Lipis, ya. Saya akan siasat sebab saya baru dapat maklumat ni, tapi dari segi keladak itu memanglah bila ada pembalakan, bila ada bahan-bahan racun yang diguna untuk pertanian dan sebagainya akan menyebabkan kualiti sungai tersebut menjadi lebih buruk dan penilaian kualiti air sungai ini dibuat di beberapa peringkat terutama di kawasan hulu, pertengahan sungai dan juga di muara sungai.

Jadi, kualiti inilah yang kita gabungkan mengambil purata dan kita klasifikasikan sungai-sungai tersebut tahap tercemar atau tidak. Jadi, saya akan ambil maklum berkenaan sungai Jelai dan sungai Lipis akan memaklumkan kepada Yang Berhormat pada masa yang akan datang. Yang Berhormat bagi Tanjung, juga membangkitkan isu rancangan pengurusan sungai Juru yang kotor sekali dan sememangnya ingin saya maklumkan di sini sungai Juru telah pun disenaraikan di dalam program pemuliharaan sungai dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini dan insya-Allah kita akan lakukan pemuliharaan sungai Juru ini dengan kadar segera.

Bagi projek S12 Georgetown telah pun siap tetapi ada sedikit masalah yang tergendala iaitu di sambungan dengan permasalahan setinggan. Yang Berhormat tengok itu di kawasan setinggan, yang kita belum selesai lagi masalah berkenaan dengan setinggan untuk meneruskan kerja-kerja tersebut, ya masih tertunggak. Sungai Pinang juga kerja-kerja telah bermula dan akan disiapkan mengikut jadual yang baru dipinda sebab kontraktor meminta *extension of time*, dengan izin, untuk ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat sekarang kita bincang sungai ini di Tanjung.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** lalah sungai di Tanjung, sungai di Sri Gading, sungai di Kulai, sungai di Skudai soalnya sungai Tuan Pengerusi. Tidak pernah berlaku, tidak pernah berlaku dalam sejarah Malaysia pembentangan Rancangan Malaysia hingga kesembilan ini Tuan Pengerusi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyentuh secara khusus berkaitan dengan pencemaran-pencemaran yang berlaku di sungai-sungai kita. Tidak pernah Tuan Pengerusi, ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya lihat Kementerian Sumber Asli ini dah menjadi satu kementerian, kalau kita ambil natijah daripada ucapan Yang Amat Berhormat ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri kita sudah bincang dengan panjang lebar. Yang Berhormat belum masuk.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Pengerusi, tak dengar sampai ke hujung ucapan saya Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Gambarlah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Pengerusi, tidak berlaku adil kepada saya Tuan Pengerusi. Beri saya peluang untuk saya berhujah Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat peluang untuk berbahasan selesai ditutupkan. Jadi, hanya boleh minta penjelasan bukan masa untuk memberikan hujah...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** lalah ini...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Faham tak Yang Berhormat..

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ya Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Faham kah?.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya faham Tuan Pengerusi,..

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Faham,faham, faham.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Azi [Sri Gading]:** Saya rasa saya lebih faham tetapi, tu sebab saya nak masuk membantu sahabat saya. Nak membantu sahabat saya ..

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat..

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Nanti Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi..

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Timbalan keluarkan soalan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Maksud saya begini Tuan Pengerusi, agak sudah tiba masanya kementerian satu revolusi Tuan Pengerusi, satu revolusi Tuan Pengerusi... *[Ketawa]* Saya serius ni Tuan Pengerusi, satu revolusi menjaga sungai ni. Dengan sebab itu saya berharap kementerian kalau dalam semakan separuh penggal nanti, peruntukan yang lebih harus diberi kepada kementerian ini khusus dalam menjaga sungai. Soal kakitangannya harus ditambah.

Soal jenteranya Tuan Pengerusi, ini jentera yang rosak dekat Sri Gading, dia saya difahamkan kena hantar ke Ipoh untuk membetulkan. Rosak hari ini kadang enam bulan Tuan Pengerusi, baru siap. Jadi, kalau kemudian mesin-mesin yang mengorek sungai ini Tuan Pengerusi, dah semua sekali zaman Jepun punya masa beli itu Tuan Pengerusi, ya, ya buruk, uzur...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tak ini saya nak memberikan sokongan kepada kementerian sebagai Ahli Parlimen Tuan Pengerusi, sebagai kekuatan kepada kementerian minta peruntukan lebih supaya kita menjaga sungai dengan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat itu sebab kita minta peruntukan tambahan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tambahan ini betullah, saya nak beritahu kepada kementerian supaya separuh penggal nanti tambah peruntukan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Sesuai dengan kehendak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat itu semua baiknya boleh hantar secara bertulis kepada kementerian.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tak payah Tuan Pengerusi, saya boleh bercakap secara langsung...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Kenapa pula saya sikit nak bertulis... [Ketawa].

**Tuan Pengerusi [Datuk im Si Cheng]:** Cukuplah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Cukup Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup-cukup.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Dia faham Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Dia faham.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Pengerusi, faham.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya lebih faham.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya pun faham tetapi, terima kasih.

**Tuan Sazmi bin Miah:** Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading, saya suka perkataan revolusi, pengkhususan sungai dan saya rasa ianya bermula apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meletakkan kesemua jabatan-jabatan ini di bawah satu kementerian termasuk JPS, Alam Sekitar, Perhutanan dan sebagainya. Dan adalah satu Q kepada untuk merevolusikan penjagaan sungai kita dan saya amat tertarik sekali dengan itu. Yang Berhormat bagi Tanjung juga membangkitkan isu jalan lencongan Barat Sungai Petani bertanyakan berkenaan dengan piawai parit yang diguna. Saya, saya tidak ada butiran penuh berkenaan dengan ini. Saya akan mengarahkan pihak JPS untuk menyiasat.

Lazimnya saya rasa ia tidak berpatutan dan tidak adil sekiranya longkang tersebut dibina dihalakan ke arah tanah perseorangan, ya. Yang Berhormat bagi Bagan, menyebut berkenaan dengan selut-selut dan lumpur yang dilepaskan di kawasan yang cetek berdekatan dengan kawasan laut di Butterworth dan sebenarnya di dalam kontrak kita ada menetapkan supaya lumpur-lumpur dan pasir-pasir dibuang di satu tempat yang agak jauh di laut dalam, supaya benda itu tidak dihakis ombak balik ke pantai.

Akan tetapi mungkin ada unsur-unsur di mana pihak kontraktor telah membuat satu yang tidak betul dan membuang di kawasan tersebut dan saya akan arahkan pihak JPS mengadakan penguatkuasaan dan pergi melihat sendiri apa yang berlaku di situ. Dan saya bersetuju dengan Bagan supaya kerajaan tempatan juga memainkan peranan yang lebih aktif di dalam menjaga kebersihan sungai kita. Jadi saya minta kerjasama pihak kerajaan tempatan dan juga penduduk-penduduk di persekitaran sungai supaya menjadikan sungai tersebut di hadapan rumah mereka, bukan di belakang rumah. Dan saya bersetuju bahawa tong-tong sampah patut disediakan di tepi-tepi sungai oleh kerajaan tempatan. Dan saya, insya-Allah akan membawa perkara ini kepada pihak kerajaan tempatan juga.

Yang Berhormat bagi Kepong, bahagian pertama yang dia sebut fasal butiran itu saya tak berapa faham tetapi saya lebih kurang berkenaan dengan butiran-butiran yang perlu dimasukkan untuk kegunaan apalah. Jadi saya ambil maklum.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Penjelasan.

**Tuan Sazmi bin Miah:** Ya.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Yang Berhormat, saya ada tanya berkenaan dengan kerang. Yang Berhormat akan juga mengarahkan pegawai untuk membuat satu kajian sama ada kerang-kerang ini selamat di makan?

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** [Menyampuk].

**Tuan Sazmi bin Miah:** Okey, saya lupa, saya dah tulis ni fasal kerang-kerang ni hendak makan selamat ke tidak. Saya tak tahulah dia di bawah Kementerian saya kah tidak tapi saya akan tolong Yang Berhormat untuk bagi ke *ministry*, Kementerian Kesihatan kah, kerajaan tempatan kah, kita akan arah JPS pergi tengok lumpur Sungai Juru tu, ambil sekali kerang-kerang tersebut untuk dihantar ke Jabatan Kimia.

Yang Berhormat bagi Kepong, banyak mencadangkan seperti syarikat-syarikat dan juga badan-badan berkanun lain ikut serta di dalam menyertai kempen-kempen. Saya amat bersetuju sekali masalahnya Yang Berhormat, sambutan yang diberikan oleh syarikat-syarikat tersebut tidak begitu menggalakkan seolah-olah sungai itu bukan kepunyaan mereka. Jadi saya, insya-Allah akan berbincang dengan pihak menteri dan timbalan menteri untuk cuba mengolah satu cara di mana kita boleh dapatkan syarikat-syarikat dan juga badan-badan NGO untuk bersama-sama dengan kita menjaga alam sekitar kita sekurang-kurangnya sungai.

Dan berkenaan dengan projek Sungai Klang, saya amat tertarik dengan saranan tersebut untuk menjadikan Sungai Klang sebagai projek untuk jangka masa panjang sebagai projek contoh yang terletak di tengah-tengah ibu kota. Ini bukan keputusan saya tapi saya akan sampaikan kepada pihak kementerian dan kami akan berbincang bersama dengan JPS dan juga Jabatan Alam Sekitar, saya berpendapat cadangan yang baik. Dan berkenaan dengan pelepasan dan mengkaji cara-cara penguatkuasaan terhadap pelepasan air *leachate* dan juga hasil kumbahan ke sungai. Ada kebanyakan kawasan pembuangan sampah dan sebagainya dibuat sebelum penguatkuasaan EIA ataupun Enakmen, Akta Alam Sekitar kita dibuat lagi.

Jadi ini kadang-kadang menjadi masalah kita. Apa yang berlaku ialah pada baru-baru ini selepas mesyuarat Jawatankuasa Kabinet, kita telah pun menetapkan penutupan 16 kawasan pelupusan sampah yang terbuka dan 33 lagi yang akan ditutup. Dan insya-Allah ianya akan dibuat secara berperingkat-peringkat. Dan bagi pelupusan sampah yang baru dan yang datang ini akan menepati kehendak persekitaran dan kehendak alam sekitar. Itu sahaja saya rasa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat. Saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas cadangan dan saranan semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin menjaga alam sekitar kita. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM96,000,000 untuk Maksud P.23 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2005 di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM96,000,000 untuk Maksud P.23 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2005.

#### **Maksud P.28 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2005]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kepala Pembangunan P.28 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas. Okey Tanjong, menteri jawab...  
[Ketawa]

**8.25 mlm.**

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Memandangkan masa terhad saya minta timbalan menteri menjelaskan kepada kita apakah tujuan jumlah sebanyak RM12 juta diperlukan untuk pembangunan dan pembinaan pelabuhan di Sabah? Berapakah pelabuhan berada di Sabah? Dan dari segi memberi tender atau kontrak projek-projek pembangunan Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah, sebenarnya apakah peranan yang dimainkan oleh kementerian dan juga Lembaga Pelabuhan Sabah? Sebab pada masa lampau pernah berlaku satu kes di mana projek melebarkan kawasan pelabuhan Kota Kinabalu yang bernilai RM38 juta disabitkan dalam satu kes mahkamah, di mana kontraktor memberi wang sogokan kepada ahli-ahli politik yang terkenal di negeri Sabah dan juga kepada Pengerusi Lembaga untuk mendapat projek.

Saya berharap perkara-perkara seperti ini tidak akan berlaku dan apa kepastian segala penawaran projek ini akan tulus dan bebas dari kepincangan-kepincangan? Yang Berhormat ada beberapa minit untuk menjawab. Sekian.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri, jawab.

**8.27 mlm.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat daripada Tanjong. Tuan Pengerusi, peruntukan tambahan di bawah pinjaman sebanyak RM12 juta adalah untuk membiayai projek pembangunan Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah. Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, syiling sebanyak RM193 juta telah diperuntukkan kepada projek ini. Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah adalah di bawah kawal selia Kementerian Pembangunan Infrastruktur Sabah tetapi peruntukan bagi projek ini telah diperuntukkan di bawah Kementerian Pengangkutan. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Tanjong, projek ini adalah merupakan projek pembangunan iaitu Lembaga Pelabuhan Sabah. Dan projek ini diletak di bawah Kementerian Pengangkutan.

Syiling RMK-8 itu ialah berjumlah RM193 juta yang mana yang telah saya sebut daripada awal tadi. Ini adalah untuk pembinaan pelabuhan kontena Teluk Sepanggar yang mana berjumlah RM150 juta dan pembelian peralatan jentera pengendalian kontena berjumlah RM43 juta. Pinjaman ini diluluskan pada tahun 2004 lagi Yang Berhormat, iaitu di mana kerajaan telah memberi kelulusan iaitu RM100 juta pada tahun 2004, dan pada tahun 2005, adalah RM93 juta. Dan pada tahun 2004, RM100 jutanya tidak digunakan dengan sepenuhnya, hanya RM88 juta sahaja yang digunakan. Jadi RM12 juta itu telah kita bawa ke Melaka untuk menyediakan persediaan dari segi Lapangan Terbang Negeri Melaka.

Selepas itu pada tahun 2005, kita telah memberi pinjaman RM93 juta kepada sebahagian daripada pembinaan pelabuhan kontena ini. Semuanya adalah RM193 juta di mana telah dibuat pinjaman oleh Kerajaan Negeri Sabah. Keseluruhannya, projek ini memakan belanja RM400 juta lebih. Hanya sebahagian daripadanya dipinjam oleh Kerajaan Negeri Sabah iaitu daripada Kementerian Kewangan. Dan kita sebagai Kementerian Pengangkutan hanya menyalurkan peruntukan ini kepada Kerajaan Negeri Sabah untuk membina pelabuhan ini. Dan RM12 juta ini yang telah kita ambil untuk menyediakan projek Lapangan Terbang Melaka, perlu kita gantikan duit ini, RM12 juta ini.

Dan untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, pelabuhan-pelabuhan di Sabah ini di mana kita ada tujuh pelabuhan adalah di bawah kawal selia Kerajaan Negeri Sabah. Kita di peringkat Kementerian ini hanyalah menyalurkan peruntukan itu, apa yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Okey, faham, faham.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Itu sahaja yang dapat saya jawab untuk pengetahuan Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM12,000,000 untuk Maksud P.28 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 2005 di bawah Kementerian Pengangkutan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM12,000,000 untuk Maksud P.28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.2) 2005.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa cukup.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sekarang hingga pukul 10 pagi esok.

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 8.31 malam]**

